

DIPERCAYAI | INOVATIF | KELESTARIAN | TANGGUNGJAWAB

LAPORAN TAHUNAN 2017



ISKANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2017

01 | MENGENAI KWAP

- 4 Peranan Kami
- 8 Carta Organisasi
- 10 Tahun 2017 Sepintas Lalu
- 12 Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun
- 13 Kalender Korporat

02 | SEDEKAD KECEMERLANGAN

- 24 Prestasi Pencapaian 10 Tahun
- 26 Detik-detik Penting Tahun 2007–2017
- 28 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

03 | KEPIMPINAN KAMI

- 36 Ahli Lembaga
- 50 Panel Pelaburan
- 56 Pengurusan Kanan

04 | TADBIR URUS KORPORAT

- 63 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 73 Penyata Kawalan Dalaman
- 76 Dasar, Garis Panduan dan Pensijilan Baharu
- 78 Inisiatif Tadbir Urus Baharu

05 | ULASAN EKONOMI & STRATEGI

- 83 Ulasan Ekonomi
- 85 Ulasan dan Tinjauan Pasaran
- 90 Hala Tuju Tahun 2020 Kami
- 92 Petunjuk Prestasi Utama

06 | PRESTASI TAHUN 2017

PELABURAN

- 96 Ulasan Pelaburan oleh Ketua Pegawai Pelaburan
- 99 Strategi Pelaburan
- 100 Prestasi mengikut Kelas Aset
- 132 Subsidiari Kami
- 138 Pendedahan Pelaburan Global

OPERASI

- 140 Ulasan Operasi oleh Ketua Pegawai Operasi
- 141 Para Pesara Keutamaan Kami
- 145 Perkhidmatan Pelanggan
- 147 Caruman
- 151 Pematuhan dan Penguatkuasaan
- 152 Menambahbaikan Produktiviti menerusi Teknologi Maklumat
- 153 Perkhidmatan Sokongan Pelaburan

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

- 154 Penglibatan dengan Kerajaan & Institusi
- 156 Penglibatan dengan Majikan
- 157 Penglibatan dengan Pengurus Dana Luaran (EFM)
- 158 Penglibatan dengan Para Pesara
- 159 Memupuk Modal Insan Kami
- 166 Memenuhi Tanggungjawab kepada Komuniti



RASIONAL

Sebagai kustodian dana persaraan negara yang dipercayai, kami menyediakan platform yang kukuh bagi pertumbuhan. Walaupun berdepan persekitaran yang mencabar, KWAP terus menawarkan pulangan yang konsisten menerusi peningkatan bakat, memperluaskan rangkaian kami ke pesisiran antarabangsa, dan mengembangkan pelaburan seraya menyokong agenda Kerajaan.

07 | PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH

- 173 Tinjauan Pengurusan Risiko
- 176 Pengurusan Risiko Bersepada
- 177 Pengurusan Risiko Pasaran
- 182 Risiko Kredit
- 185 Pematuhan

08 | PENYATA KEWANGAN KAMI

- 190 Sijil Ketua Audit Negara
- 194 Penyata Pengerusi
- 195 Perakuan Berkanun
- 196 Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif
- 197 Penyata-penyata Kedudukan Kewangan
- 199 Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- 201 Penyata-penyata Aliran Tunai
- 203 Nota-nota kepada Penyata Kewangan

09 | LAMPIRAN

- 294 Istilah
- 298 Maklumat Perhubungan



• • • • •

Laporan tahunan ini boleh didapati secara online di
www.kwap.gov.my



• • • • •

Untuk menghubungi kami,
sila rujuk halaman 298 untuk
Maklumat Perhubungan



• • • • •

Penyata kewangan boleh didapati
di bahagian Penyata Kewangan
dalam Laporan Tahunan 2017

DANA YANG BERKAT

“

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat,
renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan,
Menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan
agar usia tua akan waras terpelihara:
damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah -
Mac – kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah;
dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat
peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu,
peranum labur Jimat tercermat yang mengembang gebu.

Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah
sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja
ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara,
alir pencen sumber harta yang luhur sepanjang hayat
tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari,
yakin dipasti taman labur terindah harum ini.

11

5 – 15, Februari, 2007
A. SAMAD SAID



MENGENAI KWAP

4 Peranan Kami

8 Carta Organisasi

10 Tahun 2017 Sepintas Lalu

12 Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun

13 Kalendar Korporat

SEKSYEN
01

PERANAN KAMI

11

KWAP telah ditubuhkan pada 1 Mac 2007 dengan tujuan menguruskan penceن para penjawat awam di Malaysia. Kami menerima caruman daripada Kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan serta agensi-agensi lain; dan melaburkan caruman tersebut ke dalam instrumen-instrumen pelaburan yang diluluskan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). Semenjak pengambilalihan fungsi Bahagian Pasca Perkhidmatan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2015, kami juga menguruskan pembayaran penceن, ganjaran dan sebarang manfaat lain yang diluluskan di bawah dana tersebut.

11



Kerajaan Persekutuan mencarumkan 5% daripada jumlah emolumen tahunan yang diperuntukkan bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi lain dikehendaki mencarum sejumlah 17.5% daripada gaji pokok kakitangan yang layak berpenceن secara bulanan.

Pelaburan-pelaburan kami berpandukan dasar-dasar yang ditetapkan oleh sekumpulan Panel Pelaburan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga kami. Dasar-dasar ini merangkumi Aloki Aset Strategik yang dikaji secara berkala bagi memastikan pulangan optimum diperoleh daripada pelaburan berisiko rendah. Pelaburan-pelaburan kami diuruskan oleh sekumpulan pelabur-pelabur profesional yang berkeupayaan dan berpengalaman.



Pelaburan-pelaburan yang strategik serta berwaspada telah memangkinkan jumlah pertumbuhan dana kami melebihi tiga kali ganda iaitu daripada RM41.9 bilion pada tahun 2007 kepada RM140.8 bilion pada akhir tahun 2017, mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 11.8%. Seiring dengan pertumbuhan dana, kami telah meluaskan skop pelaburan kami bermula pada tahun 2010, merangkumi sektor-sektor ekuiti antarabangsa, pendapatan tetap dan hartanah. Pada masa ini, kami mempunyai kepentingan pelaburan di dalam 31 buah negara merangkumi Asia, Australia, New Zealand, Eropah, Timur Tengah dan benua Amerika. Kebanyakan daripada pelaburan-pelaburan antarabangsa kami dan beberapa pelaburan-pelaburan domestik diuruskan oleh pengurus-pengurus dana luaran. Kami juga telah menujuhkan Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti) pada tahun 2012. Prima Ekuiti adalah sebuah subsidiari milik penuh KWAP yang berpusat di UK, bertujuan menguruskan pelaburan-pelaburan kami di UK dan Eropah.

Laporan analisis prestasi dana dibentangkan kepada Panel Pelaburan dan Ahli Lembaga secara bulanan. Kandungan analisis ini termasuk prestasi dana berbanding dengan indeks penanda aras serta pulangan sasaran mutlak bagi kesemua kelas-kelas aset yang berlainan. Matlamat utama kami adalah untuk menghasilkan pulangan yang mencukupi bagi mengurangkan liabiliti kewangan Kerajaan dalam memastikan para penjawat awam dapat menikmati jaminan kewangan menjelang tahun-tahun keemasan mereka.

Dalam usaha meningkatkan lagi taraf hidup para pesara, kami melangkaui peranan yang dimandatkan dengan mendalamkan lagi pengetahuan para pesara mengenai isu-isu pengurusan kewangan. Seiring dengan usaha-usaha ini, kami juga melaksanakan pelbagai aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi menaikkan taraf hidup golongan yang terpinggir dan kekurangan dari segi kewangan.

PERANAN KAMI



Menjadi dana persaraan yang dipercayai serta menyokong pembangunan negara dengan memberikan manfaat yang berkekalan secara inovatif.



Mengoptimumkan pulangan pelaburan dan memberikan perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama.



KEPIMPINAN

Keupayaan untuk memimpin diri sendiri dan memimpin orang lain bagi terus bertambah baik.



BERORIENTASIKAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Fokus pada semua pihak berkepentingan.



INTEGRITI

Prinsip dan moral yang kukuh, suatu sifat dalaman yang diperlukan.



KECEMERLANGAN & PENCAPAIAN

Pencapaian melalui kecemerlangan.



SEMANGAT KERJASAMA

Bekerjasama untuk memberikan hasil secara cekap dan berkesan untuk setiap pihak berkepentingan.



PEMBELAJARAN BERTERUSAN & INOVASI

Untuk menjadi inovatif dan sentiasa belajar daripada cabaran dan pencapaian kita.



AKAUNTABILITI

Bertanggungjawab ke atas semua tindakan yang dibuat.

MENJAMIN PERSARAAN ANDA

KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA

| | Pembentukan Dasar | Sistem Caruman Ahli | Dasar Pelaburan & Garis Panduan | Pengurusan Pelaburan | Pentadbiran Ahli | Faedah Bayaran |
|--|---|--|--|--|---|--|
| | Tetapkan dasar untuk pencen/dana persaraan | Mengurus kutipan caruman ahli individu | Menetapkan dasar pelaburan dan garis panduan | Melaksana pengurusan pelaburan | Mengurus akaun ahli | Mengurus pentadbiran kewangan dan bayaran |
| Kakitangan Sektor Awam Berpencen | Perbendaharaan <ul style="list-style-type: none"> Pengiraan impak kewangan Meluluskan dasar EPU Membentuk dan mengkaji semula dasar | | | | | |
| | JPA Membentuk dan mengkaji semula dasar | | | | | |
| Angkatan Tentera | MINDEF Membentuk dan mengkaji semula dasar | LTAT <ul style="list-style-type: none"> Memungut caruman dari kakitangan angkatan tentera & kerajaan Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP |  |  | Hal Ehwal Veteran (MINDEF) <ul style="list-style-type: none"> Berkomunikasi bersama pesara Mengira faedah Berkomunikasi dengan ahli aktif Mentadbir akaun ahli | <ul style="list-style-type: none"> Mengagihkan pengeluaran Memindahkan bayaran balik kepada KWAP |
| Kakitangan Sektor Swasta dan Awam Tidak Berpencen | KWSP Memberi input untuk pembentukan dasar | | | | | |

Petunjuk:

Perbendaharaan : Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
JPA : Jabatan Perkhidmatan Awam

MINDEF : Kementerian Pertahanan
LTAT : Lembaga Tabung Angkatan Tentera
KWSP : Kumpulan Wang Simpanan Pekerja



CARTA ORGANISASI



100% Pegangan

Harta Integra Berkat Sdn Bhd

Syarikat pelaburan induk bagi pelaburan harta tanah di Malaysia

100% Pegangan

Capsquare Tower Sdn Bhd*

Syarikat pelaburan induk bagi pelaburan harta tanah di Malaysia

100% Pegangan

KWEST Sdn Bhd

Syarikat pelaburan induk bagi pembangunan harta tanah

100% Pegangan

KWAP MIT

Syarikat pelaburan induk bagi pelaburan harta tanah di Australia

100% Pegangan

KWAP MIT 2

Syarikat pelaburan induk bagi pelaburan harta tanah di Australia

100% Pegangan

KWAP MIT 3

Syarikat pelaburan induk bagi pelaburan harta tanah di Australia

100% Pegangan

KWAP MIT 4

Syarikat pelaburan induk bagi pelaburan harta tanah di Australia

100% Pegangan

Prima Harta (Jersey) Unit Trust

Pelaburan dalam pasaran ekuiti UK dan Eropah

100% Pegangan

Prima Ekuiti (UK) Limited

Pelaburan dalam pasaran ekuiti UK dan Eropah

100% Pegangan

Prima Harta 3 (Lux) Sàrl


Syarikat pelaburan induk bagi pelaburan harta tanah di Jerman

33.34% Pegangan

Valuecap Sdn Bhd


Syarikat Pengurusan Aset

* Pada 31 Disember 2017




TAHUN 2017 SEPINTAS LALU


KADAR PULANGAN PERAKAUNAN



KADAR PULANGAN BERWAJARAN MASA (TWRR)



PULANGAN ATAS PELABURAN




→
PENDAPATAN
PELABURAN KASAR
RM9.03
BILION




→
JUMLAH DANA
RM140.80
BILION

SUMBER DANA


PENDAPATAN
PELABURAN KASAR
RM9.03
BILION



CARUMAN
MAJIKAN
RM3.01
BILION



CARUMAN
KERAJAAN
PERSEKUTUAN
RM0.50
BILION



* KWAP secara rasmi telah menerima-pakai MFRS bermula 1 Januari 2016



PENDAPATAN PELABURAN KASAR



PERTUMBUHAN SAIZ DANA 2013-2017



KOMPOSISI PORTFOLIO PELABURAN PADA NILAI KOS (%)



RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN 5 TAHUN

| | 2017 (1 Jan-31 Dis) | 2016 (1 Jan-31 Dis) | 2015 (1 Jan-31 Dis) | 2014 (1 Jan-31 Dis) | 2013 (1 Jan-31 Dis) |
|---|------------------------|------------------------|------------------------|------------------------|------------------------|
| Saiz Dana Pada Nilai Kos (RM Bilion) | 140.80 | 125.00 | 118.37 | 109.43 | 99.92 |
| Peningkatan Tahunan (%) | 12.6 | 7.1 | 8.2 | 9.5 | 12.6 |
| Pendapatan dan Perbelanjaan (RM) | | | | | |
| Pendapatan Kasar Pelaburan (Bilion) | 9.03 | 6.36 | 6.24 | 6.47 | 6.66 |
| Perbelanjaan Mengurus (Juta) | 368.82 | 271.63 | 193.62 | 120.91 | 94.98 |
| Pendapatan Bersih Pelaburan (Bilion) | 8.79 | 4.83 | 3.71 | 4.84 | 6.57 |
| Pendapatan dan Perbelanjaan (%) | | | | | |
| Pulangan Atas Pelaburan Kasar (ROI Kasar) | 5.77 | 5.35 | 5.41 | 6.15 | 7.05 |
| Kadar Pulangan Perakaunan (ROI Bersih) | 8.74 | 3.97 | 3.26 | 4.58 | 6.97 |
| Nisbah Perbelanjaan Operasi Berbanding Pendapatan Kasar | 3.49 | 4.27 | 3.10 | 1.87 | 1.42 |
| Nisbah Perbelanjaan Operasi Berbanding Purata Dana | 0.20 | 0.22 | 0.17 | 0.12 | 0.10 |
| Pulangan dan Risiko (%) | | | | | |
| Kadar Pulangan Berwajaran Masa | 9.10 | 4.60 | 5.39 | 4.03 | 10.03 |
| Volatiliti | 2.41 | 2.16 | 3.14 | 2.38 | 3.15 |
| Caruman (RM Bilion) | | | | | |
| Caruman Bersih Majikan | 3.01 | 2.95 | 2.78 | 2.87 | 2.70 |
| Caruman Kerajaan Persekutuan | 0.50 | 0.40 | 0.50 | 1.50 | 1.50 |
| Komposisi Portfolio Pelaburan Pada Nilai Kos (RM Bilion) | | | | | |
| Domestik | | | | | |
| Ekuiti | 53.86 | 45.73 | 39.06 | 35.85 | 29.00 |
| Pinjaman dan Sekuriti Hutang Persendirian | 30.39 | 29.11 | 31.40 | 28.78 | 28.63 |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia + Bon Quasi | 32.11 | 32.86 | 29.43 | 29.49 | 25.55 |
| Deposit Pasaran Wang | 7.06 | 6.70 | 5.91 | 5.01 | 7.16 |
| Ekuiti Persendirian | 0.56 | 0.11 | 0.12 | 0.52 | 0.44 |
| Hartanah | 1.77 | 1.81 | 1.21 | 0.00 | 0.00 |
| Antarabangsa | | | | | |
| Ekuiti | 8.29 | 6.87 | 5.40 | 4.16 | 2.96 |
| Pendapatan Tetap | 2.22 | 2.56 | 2.51 | 2.47 | 1.66 |
| Ekuiti Persendirian | 2.15 | 1.64 | 1.14 | 0.67 | 0.37 |
| Hartanah | 2.88 | 2.56 | 3.92 | 3.71 | 4.07 |
| Pengurusan Dana (%) | | | | | |
| Pengurusan Dana Dalaman | 87.55 | 87.73 | 87.50 | 89.56 | 89.85 |
| Pengurusan Dana Luaran | 12.45 | 12.27 | 12.50 | 10.44 | 10.15 |
| Bilangan Majikan Mencarum | 502 | 513 | 498 | 503 | 505 |
| Bilangan Ahli | 193,684 | 186,511 | 177,757 | 171,528 | 160,560 |
| Bilangan Kakitangan KWAP | 577 | 592 | 529 | 255 | 207 |
| Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta) | 15.65 | 10.74 | 11.80 | 25.37 | 32.29 |

KALENDAR KORPORAT

13 & 25

Januari

HADIAH BUAT SEMUA

Senyuman gembira terukir di wajah lebih daripada 400 kakitangan di Pejabat Utama kami di Menara Integra dan Jabatan Perkhidmatan Persaraan di Cyberjaya apabila menerima hadiah daripada rakan sekerja mereka. Majlis ‘Pertukaran Hadiah’ merupakan suatu acara tahunan di mana setiap kakitangan diminta memberi hadiah kepada satu kakitangan lain yang dipilih. Acara ini bukan sahaja menyeronokkan malah ianya juga mengeratkan semangat keakraban dan perpaduan di kalangan rakan-rakan sekerja.



24

Januari

'In the Footsteps'

KWAP telah menganjurkan sesi kedua '*In the Footsteps*' bersama Ketua Pegawai Pelaburan kami, Nik Amlizan Mohamed, di mana beliau telah berkongsi pengalaman hidup dan kerjayanya dengan kakitangan yang lain. Siri ini bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka untuk mengenali tunggak pengurusan KWAP secara lebih peribadi dan, yang lebih penting, untuk menimba ilmu daripada perjalanan hidup mereka.

KALENDAR KORPORAT

10
Februari

Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina

Kakitangan KWAP dan penyewa ruang pejabat di Menara Integra telah dipersembahkan dengan tarian singa akrobatik yang mengujakan. Acara ini telah diadakan di lobi Menara Integra dan merupakan acara pembuka tirai bagi sambutan perayaan Tahun Baru Cina kami. Tarian singa diiringi oleh kehadiran “Dewa Kemakmuran” yang mengedarkan oren mandarin dan “*fortune cookies*” kepada semua yang hadir. Sambutan kemudiannya diteruskan di ruang rehat pejabat di Aras 36 yang dihiasi bersesuaian dengan suasana perayaan, diikuti oleh sajian bertemakan oriental yang cukup enak.



21
Mac

Pelancaran Program KPEx

Program Kecemerlangan Produktiviti KWAP (KPEx) merupakan sebuah program usahasama strategik bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang bertujuan untuk memacu kemajuan produktiviti dalam KWAP. Program ini dilancarkan secara bersama oleh Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, dan Dato' Razali Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif MPC. Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan lagi KWAP bagi menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi.



3
April

Temubual Bersama Major Dr Faiz Khaleed

Angkasawan negara, Major Dr Faiz Khaleed merupakan salah satu daripada hanya dua calon yang dipilih daripada 11,000 pemohon lain bagi menjalani latihan di Pusat Latihan Kosmonaut Gagarin di Moscow pada tahun 2006. Beliau telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kisah hidupnya bersama kakitangan KWAP. Dr Faiz yang juga merupakan seorang doktor perubatan telah membincangkan proses permohonan dan latihan Program Angkasawan serta penggunaan teknologi angkasa dalam kehidupan seharian. Beliau percaya bahawa kegagalan memberikan pengajaran terbaik dan kemenangan paling manis adalah kemenangan yang paling sukar dicapai.



27
April

Program Perancangan Kewangan bagi kakitangan awam menerusi usahasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) – Perak

Satu kajian demografi para pesara pada tahun 2016 mendapati bahawa hampir 50% para pesara berada di kategori pendapatan tengah ke rendah. Berikutan kajian ini, KWAP berhasrat untuk menerajui usaha memberikan pemahaman asas perancangan kewangan agar penjawat awam lebih bersedia menghadapi alam persaraan. Sebanyak tujuh sesi ceramah telah diadakan sepanjang tahun ini di mana lebih daripada 2,000 peserta terdiri daripada pesara dan bakal pesara dari negeri-negeri Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor telah menghadiri sesi ini.



KALENDAR KORPORAT

28

April

Malam Sambutan Ulang Tahun

KWAP telah meraikan Ulang Tahunnya yang ke-10 dengan mengadakan majlis makan malam yang istimewa, bertema Hollywood Glam di Majestic Hotel. Selain daripada memupuk semangat perpaduan dan keakraban di kalangan tenaga kerja, sambutan ini juga telah dijadikan peluang untuk mengiktiraf kesemua sumbangan mereka. Majlis sambutan ini juga khas bagi meraikan kesemua tenaga kerja yang telah berkhidmat selama 10 tahun.



5
Jun

Pembukaan Rasmi Pejabat Baharu

KWAP telah merasmikan pejabat utama baharunya di Menara Integra. Majlis ini telah diraikan bersama dengan sambutan ulang tahun ke-10 KWAP yang telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia. Beliau juga telah merasmikan pelancaran aplikasi terbaharu kami iaitu, MyPesara.

11-13
Julai

Persidangan Tahunan ICGN 2017

KWAP bersama Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG), telah menganjurkan Persidangan Tahunan Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN) 2017 di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur. Persidangan ini telah dihadiri hampir 400 wakil dari seluruh dunia bagi membincangkan amalan-amalan terbaik berkaitan obligasi, dasar dan proses perlindungan para pelabur bagi meningkatkan kestabilan pasaran kewangan dan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.



KALENDAR KORPORAT

21

Julai

Oh Meriahnya Aidilfitri

Semangat Muhibbah telah mengukir banyak kenangan indah pada sambutan Oh Meriahnya Aidilfitri yang telah diadakan di Double Tree Hotel, Kuala Lumpur. Para kakitangan telah memperagakan pakaian Raya terbaik mereka dan juga menghasilkan video ucapan Selamat Hari Raya kepada semua.



1

Ogos

Sentiasa Terhubung

KWP telah menganjurkan majlis jamuan tengah hari merangkap sesi perangkaian bagi pemimpin-pemimpin korporat dan rakan niaga daripada pelbagai industri. Majlis ini yang telah dihadiri oleh hampir 200 wakil telah dianjurkan sebagai tanda penghargaan kami terhadap sumbangan mereka sepanjang 10 tahun perjalanan KWP.



21

September

Ceramah oleh Prof Jomo

Sebagai sebahagian daripada siri ceramah dalaman Jabatan Strategi Portfolio (PSD) berkaitan Teknologi, Ekonomi dan Pembangunan, kami telah menjemput Profesor Jomo Kwame Sundaram, Pemegang Kerusi Tun Hussein Onn dalam Pengajian Antarabangsa di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, untuk memberikan satu ceramah bertajuk “*Malaysia at 60 – What Have We Learnt And Where Do We Go From Here*”. Penganjuran ceramah ini amat sesuai sekali kerana ianya bersempena dengan ulang tahun ke-20 Krisis Kewangan Asia 1997 yang telah membawakan kesan yang meluas



terhadap ekonomi. Ceramah tersebut mendapat sambutan baik terutamanya pengertian mendalam yang diberikan oleh Profesor Jomo mengenai pedoman yang diperolehi daripada krisis kewangan dari segi tahap hutang, aliran dana portfolio asing, pelaburan langsung asing, liberalisasi kewangan dan bidang-bidang lain yang mempengaruhi para pelabur.



15
Disember

Majlis Menandatangani dengan EFG Hermes Holding


Perjanjian pemerolehan sebanyak 45% kepentingan dalam Vortex Solar Investments Sàrl (Vortex) menandakan kemasukan KWAP ke dalam sektor tenaga boleh diperbarui. Ianya diunjurkan bahawa teknologi photovoltaic solar (PV) Vortex akan mengurangkan sejumlah 126,560 tan pelepasan CO₂ setahun. Pemerolehan ini seterusnya memantapkan lagi komitmen KWAP terhadap kelestarian alam sekitar.



KALENDAR KORPORAT

SUKU 1

| | | |
|---|------------------|---|
| 1. Mandat CEO Kepada Kakitangan | 11 Januari 2017 |  |
| 2. Pertukaran Hadiah (Pejabat Utama) | 13 Januari 2017 |  |
| 3. Mandat CEO Kepada Pengurus Dana Luaran | 20 Januari 2017 |  |
| 4. 'In the Footsteps of CIO' – Nik Amlizan Mohamed | 24 Januari 2017 |  |
| 5. Pertukaran Hadiah (PeSD) | 25 Januari 2017 |  |
| 6. Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina | 10 Februari 2017 |  |
| 7. Lawatan Korporat Eco World | 14 Februari 2017 |  |
| 8. Ceramah ESG oleh Sime Darby | 23 Februari 2017 |  |
| 9. Sesi Teh Tarik Bersama Pengerusi | 27 Februari 2017 |  |
| 10. Ceramah Pakar Industri oleh Dato' Dr Mohamed Amin Mohamed Kassim, bekas Pengarah Urusan Century Logistic Holdings | 28 Februari 2017 |  |
| 11. Ulang Tahun Ke-10 KWAP – Inisiatif Penglibatan Dalaman | 1 Mac 2017 |  |
| 12. Ceramah oleh Ustaz Dato' Dr Mohd Izhar Arif of UKM – 'Syukur' | 1 Mac 2017 |  |
| 13. Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat Bersempena dengan Perpindahan KWAP ke Pejabat Baharu | 2 Mac 2017 |  |
| 14. Program Pendidikan bersama INCEIF | 15 Mac 2017 |  |
| 15. Pelancaran Kecemerlangan Produktiviti KWAP (KPEX) di PeSD | 21 Mac 2017 |  |
| 16. Forum Transformasi Global 2017 | 22 & 23 Mac 2017 |  |
| 17. Penyampaian Cek Kepada NGO Alam Sekitar Malaysia | 29 Mac 2017 |  |
| 18. Hari Terbuka Kementerian Kewangan 2017 | 30 Mac 2017 |  |
| 19. Majlis Menandatangani di Antara KWAP dan E&O Berhad bagi Seri Tanjung Pinang Fasa 2A | 30 Mac 2017 |  |

**SUKU 2**

| | | |
|--|---------------|---|
| 20. Siri Aspirasi 2017 – Major Dr Faiz Khaleed | 3 April 2017 |  |
| 21. Lawatan Sime Darby & Brunsfield | 14 April 2017 |  |
| 22. Ceramah Pertukaran Asing oleh Bank Negara Malaysia | 17 April 2017 |  |
| 23. Majlis Menandatangani di antara KWAP dan Edotco & Axiata | 18 April 2017 |  |
| 24. Lawatan Korporat Majlis Bandaraya Johor Baharu & Astaka Padu | 20 April 2017 |  |
| 25. Bengkel Persiapan Alam Persaraan dianjurkan oleh Yayasan Pekerja Malaysia (YAPEM) | 20 April 2017 |  |
| 26. Lawatan Rasmi oleh Ketua Audit Negara Malaysia | 25 April 2017 |  |
| 27. Lawatan CELCOM | 26 April 2017 |  |
| 28. Jerayawara MyPesara #1 Ipoh, Perak | 27 April 2017 |  |
| 29. Majlis Makan Malam Tahunan KWAP 2017 | 28 April 2017 |  |
| 30. Ceramah Perancangan Kewangan di Batu Pahat | 1 Mei 2017 |  |
| 31. Ceramah Pakar Industri #2 oleh Dato' Freida Pilus daripada Sekolah Sri Cempaka | 11 Mei 2017 |  |
| 32. Siri Aspirasi 2017 – Datuk Aznil Hj Nawawi | 16 Mei 2017 |  |
| 33. Lawatan PERKESO | 18 Mei 2017 |  |
| 34. Majlis Menandatangani MoU antara KWAP & UPM Bagi Kerjasama Di Bidang Persaraan & Penuaan | 26 Mei 2017 |  |
| 35. Majlis Sambutan Ulangtahun KWAP Yang Ke-10 oleh Perdana Menteri Malaysia | 5 Jun 2017 |  |
| 36. Majlis Rakaman Takbir Hari Raya bersama AlHijrah | 13 Jun 2017 |  |
| 37. Majlis Bersalam-salaman Aidilfitri 2017 – Pejabat Utama | 19 Jun 2017 |  |
| 38. Majlis Bersalam-salaman Aidilfitri 2017 – PeSD | 22 Jun 2017 |  |

KALENDAR KORPORAT

| | | | | | |
|---|---------------------|---|---------------|---|------------------|
|  | Penglibatan Dalaman |  | Acara Dalaman |  | Acara Korporat |
|  | Penglibatan Luaran |  | Acara Luaran |  | Lawatan Korporat |

SUKU 3

| | | |
|--|-----------------------------|---|
| 39. Persidangan Tahunan Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN) 2017 | 10 – 13 Julai 2017 |  |
| 40. Ceramah MSCI: Kepimpinan & Kemajuan Wanita | 13 Julai 2017 |  |
| 41. Oh Meriahnya Raya 2017: Sambutan Hari Raya KWAP | 21 Julai 2017 |  |
| 42. <i>KWAP Connects 2017</i> : Jamuan Tengah Hari Korporat | 1 Ogos 2017 |  |
| 43. Pembentangan Penilaian Aktuari kepada JPA & Kakitangan Kerajaan | 7 Ogos 2017 |  |
| 44. Larian Obor 2017 – SEA Games | 11 Ogos 2017 |  |
| 45. Hari Perhimpunan 1Pesara Malaysia di MAEPS, Serdang | 15 & 16 Ogos 2017 |  |
| 46. Pembentangan Pengurusan Risiko & Kawalan kepada Kementerian-Kementerian Kerajaan | 22 Ogos 2017 |  |
| 47. Program SUPERB oleh Teraju | 26 Ogos 2017 |  |
| 48. Sambutan Merdeka | 16 Ogos - 16 September 2017 |  |
| 49. Lawatan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) | 13 September 2017 |  |
| 50. Lawatan Bank Pusat Indonesia | 20 September 2017 |  |
| 51. Lawatan ASABRI dan CIMB Principal Islamic Asset Management | 20 September 2017 |  |
| 52. Ceramah oleh Profesor Jomo Kwame Sundaram | 21 September 2017 |  |

SUKU 4

| | | |
|--|------------------|---|
| 53. Jamuan Penghargaan KWAP | 30 Oktober 2017 |  |
| 54. Siri Kepimpinan KWAP – Ann Osman | 1 November 2017 |  |
| 55. Ceramah Wanita dalam Kewangan oleh Franklin Templeton, Hong Leong Berhad & JP Morgan | 29 November 2017 |  |
| 56. Sesi Perkongsian Ilmu BNM dengan KWAP | 11 Disember 2017 |  |
| 57. Majlis Menandatangani dengan EFG Hermes Holding | 15 Disember 2017 |  |
| 58. Hari Graduasi KYT | 15 Disember 2017 |  |
| 59. ‘In the Footsteps of COO’ – Nik Ahmad Fauzan Nik Mohamed | 18 Disember 2017 |  |
| 60. Siri Aspirasi – Ras Adiba Radzi | 20 Disember 2017 |  |



SEDEKAD KECEMERLANGAN

- 24 Prestasi Pencapaian 10 Tahun
- 26 Detik-detik Penting Tahun 2007-2017
- 28 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif


SEKSYEN
02

PRESTASI PENCAPAIAN 10 TAHUN


Sepanjang dekad ini, KWAP telah berkembang dari segi saiz dananya, bilangan majikan yang mencarum, bilangan pesara yang dikendalikan dan tebaran pelaburan yang lebih luas. Dari segi organisasi juga, KWAP kini disokong oleh sepasukan tenaga kerja yang lebih besar dengan pelbagai kemahiran serta dipandu oleh prinsip-prinsip kebertanggungjawaban pelaburan.

TUNGGAK ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)

JUMLAH PERTUMBUHAN SAIZ DANA



JUMLAH PULANGAN TEMPOH PEMEGANGAN



9.10%
2017 TWRR

4.60%
2016 TWRR

7.32%
PURATA 9 TAHUN

ALAM SEKITAR

Mengurangkan Jejak Karbon

MODAL INSAN

Memastikan kesejahteraan tenaga kerjanya

TADBIR URUS

Mencapai piawaian tadbir urus korporat yang tinggi

PENTADBIRAN AHLI

Memastikan perkhidmatan utama disampaikan menepati masa dan secara kos efektif

PENGURUSAN PELABURAN

Mengintegrasikan ESG merentasi kesemua kelas aset

AMALAN BERETIKA

Kejujuran, integriti, kebertanggungjawaban dalam operasi perniagaan

SOSIAL

Menjadi sebuah organisasi yang bertanggungjawab terhadap komuniti menerusi inisiatif CSR

PROGRAM PERANCANGAN KEWANGAN

>3,000 kakitangan sektor awam telah dilatih di bawah Program Latihan Kewangan KWAP setakat 2017


PRESTASI PELABURAN 2017

PENDAPATAN
KASAR
RM9.03 BILION

PENINGKATAN
TAHUN KE TAHUN
41.98%

TERTINGGI SEJAK
PENUBUHAN KWAP
PADA TAHUN
2007

ROI KASAR 10-TAHUN



5.77%
ROI KASAR
KESELURUHAN
2017

0.42%
PENINGKATAN
TAHUN 2017

6.14%
PURATA
10 TAHUN

PENDEDAHAN PELABURAN PELABURAN GLOBAL MERENTASI

5 perantauan
di
31 negara



TENAGA KERJA KWAP YANG PELBAGAI DAN PROGRESIF

577
kakitangan dalam
tahun 2017

93
kakitangan dalam
tahun 2007



Lelaki

46%



Perempuan

54%



Gen Z

6%



Gen Y

63%



Gen X

27%



Baby Boomers

4%

DETIK-DETIK PENTING TAHUN 2007-2017

2007

- KWAP ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454). Ekoran penubuhan ini, kesemua kuasa, fungsi, aktiviti, aset dan liabiliti Kumpulan Wang Amanah Pencen diambil alih sepenuhnya oleh KWAP.
- Segala operasi KWAP dipindahkan dari Putrajaya ke Menara Yayasan Tun Razak di Kuala Lumpur.
- KWAP membangunkan Piagam Lembaga, prosedur kewangan serta Dasar dan Garis Panduan Pelaburan.
- Laman web korporat dilancarkan.

2008

- Visi dan Misi digubal manakala nilai-nilai teras diperhalusi.
- Alokasi Aset Strategik KWAP yang pertama dibentuk.
- Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan ditubuhkan.
- Sistem Maklumat Sumber Manusia pertama dilancarkan.
- Aktiviti CSR pertama dilancarkan menyasar pelajar-pelajar sekolah luar bandar.

2009

- Unit dagangan yang baharu telah dirasmikan, ditanda aras dengan firma-firma pengurusan aset lain.
- Jabatan Strategi Portfolio diwujudkan.
- Jabatan Prestasi Perniagaan ditubuhkan.
- Seminar Perancangan Kewangan Persaraan yang pertama diadakan untuk kakitangan kerajaan.

2010

- Kabinet meluluskan cadangan KWAP membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan.
- Keputusan kewangan kali pertama diumumkan.
- KWAP memasuki gelanggang pelaburan antarabangsa, dan melantik pengurus dana luaran untuk menguruskan ekuiti dan pendapatan tetap antarabangsa.
- Membeli harta tanah luar negara yang pertama di Melbourne, Australia.
- Penyumberan luar perkhidmatan kustodian global.

2011

- Membeli harta tanah luar negara yang kedua di Sydney, Australia.
- KWAP melanggan bon mata wang asing Islamik dan melindunginya menerusi pertukaran mata wang bersilang.
- KWAP menerima penarafan ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti untuk Pengurusan Pelaburan bagi ekuiti domestik.
- Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*) diwujudkan.

2012

- KWAP melabur sejumlah RM1.50 bilion di dalam sukuk berkekalan pertama dunia.
- Prima Ekuiti (UK) Limited ditubuhkan untuk menguruskan pelaburan ekuiti di dalam UK.
- KWAP membeli harta tanah pertamanya di London, UK.
- Pendapatan tetap domestik dan harta tanah antarabangsa KWAP menerima penarafan ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti.

2013

- KWAP memperoleh tiga hartaan antarabangsa, satu di UK dan dua di Australia.
- Skop ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti diluaskan bagi merangkumi fungsi pengurusan caruman.
- Program *KWAP Young Talent* (KYT) dilancarkan.

2014

- KWAP melabur dalam sektor hartaan baharu seperti hartaan niaga dan logistik.
- Dasar dan prosedur diwujudkan untuk melaksanakan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) 139 dan FRS 7.

2015

- Pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan diluluskan dan diwartakan.
- KWAP mengambil alih fungsi Bahagian Pasca Perkhidmatan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- Pelaksanaan FRS dimulakan.
- KWAP menjadi ahli Institut Integriti Malaysia (IIM), Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN) dan Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA).
- Pembelian hartaan tempatan yang pertama di Integra Tower, Kuala Lumpur.

2016

- Visi, Misi dan Nilai-nilai Teras KWAP disemak semula untuk mencerminkan peranannya yang diperluaskan selepas mengambil alih fungsi-fungsi operasi pencegah JPA.
- KWAP mula melaksanakan piawaian perakaunan MFRS secara sepenuhnya.
- KWAP mencapai 93.8% daripada keperluan perjanjian tahap perkhidmatan (SLA), melebihi sasaran 90% yang ditetapkan.

- Kemasukan ke dalam sektor teknologi menerusi pelaburan di dalam Uber Technologies Inc. (Uber).
- Pembelian hartaan tempatan yang kedua di CapSquare, Kuala Lumpur.
- Penjualan hartaan antarabangsa pertama di London's Wood St.
- Berpindah ke premis baharu di Menara Integra, Kuala Lumpur.

2017

- KWAP meraikan Ulang Tahun Ke-10.
- Memasuki bidang pembangunan hartaan buat pertama kalinya menerusi Seri Tanjung Pinang, Fasa 2, di Pulau Pinang.
- Aplikasi telefon pintar, MyPesara dilancarkan.
- Mandat bagi melabur di dalam ekuiti AS diluluskan.
- Pelaburan julung kali di dalam Sukuk Hijau pertama (pelaburan bertanggungjawab sosial - SRI), yang dikeluarkan oleh PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd.
- Kemasukan ke dalam sektor tenaga boleh diperbaharui menerusi pemerolehan 45% kepentingan dalam Vortex Solar Investments Sàrl (Vortex).
- Diiktiraf sebagai Pelabur Institusi Terbaik di Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN.
- Pelaburan pertama dalam pasaran swasta China menerusi dana pemodal teroka Trustbridge Partners VI LP (TBP VI).

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



DATO' WAN KAMARUZAMAN WAN AHMAD
Ketua Pegawai Eksekutif

“ Dari segala aspek, perjalanan 10 tahun ini sememangnya mengagumkan, di mana penghargaan seharusnya diberikan kepada tenaga kerja kami. Tanpa komitmen mereka terhadap matlamat KWAP untuk memelihara kesejahteraan para pesara awam Malaysia, kami tidak mungkin mencapai kesemua kejayaan yang diperolehi. ”

Saya dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan KWAP bagi tahun 2017, yang juga merupakan ulang tahun ke-10 kami. Dalam mana-mana organisasi, pencapaian sepuluh tahun sememangnya satu detik yang penting. Prestasi tahunan kami sepanjang 10 tahun ini amatlah menggalakkan, namun kami di KWAP amat berbangga dapat meraikan ulang tahun ini dengan prestasi pencapaian kami yang terbaik sejak penubuhan KWAP pada tahun 2007.

SEDEKAD YANG MENGAGUMKAN

Sepanjang dekad yang lalu, kami bukan sahaja telah berkembang dari segi saiz dana malah dari segi kecekapan organisasi serta sumbangan positif terhadap struktur kewangan, tadbir urus dan sosial negara.

Sebagai salah satu pelabur institusi terbesar negara, KWAP percaya kami dapat memainkan peranan penting dalam membentuk landskap korporat domestik yang akan seterusnya mengukuhkan ekonomi negara dalam jangka masa panjang. Kepercayaan ini telah mendorong kami menerajui amalan pelaburan bertanggungjawab dengan objektif menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat untuk beroperasi berpandukan kad skor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang kukuh. Perjalanan kami ke dalam pelaburan ESG bermula pada tahun 2015 apabila KWAP menjadi penandatangan kepada Kod Malaysia bagi Institusi Pelabur. Walaupun KWAP merupakan pendatang baru di dalam lingkungan ESG, namun penekanan yang lebih diletakkan kepada penerapan ekosistem ESG yang semakin meluas ke dalam organisasi kami.

Salah satu peristiwa penting di dalam penstrukturkan organisasi kami adalah kemasukan perkhidmatan pencen di bawah portfolio fungsi kami pada tahun 2015. Fungsi ini bukan sahaja mempertanggungjawabkan KWAP untuk menguruskan saiz dana yang semakin meningkat, tetapi juga merangkum pengurusan pembayaran pencen bagi bilangan pesara yang semakin bertambah. Berikutan pindahan Jabatan Perkhidmatan Persaraan di bawah pengurusan kami, ia menjadi semakin penting bagi kami mengalihkan sistem dan proses kami ke

platform digital bagi meningkatkan kecekapan operasi. Kami telah memulakan pendigitalisasi aktiviti pelaburan kami seawal tahun 2010 dengan pelaksanaan dua sistem teras: Sistem Pemindahan Elektronik Dana dan Sekuriti (RENTAS) dan Sistem Pengurusan Pelaburan Kewangan Bersepadu (IFIMS). Sejajar dengan perkembangan teknologi, kedua-dua sistem ini dikemas kini secara berterusan.

Aset di bawah pengurusan (AUM) kami telah meningkat tiga kali ganda daripada RM48.08 bilion pada tahun 2007 kepada RM140.8 bilion pada 2017. Walaupun peningkatan ini memberangsangkan, namun apa yang lebih membanggakan ialah peningkatan ini didorong terutamanya oleh prestasi pelaburan kami. Berdasarkan strategi pelaburan yang kukuh, kami telah berjaya mengatasi pergolakan kewangan global dan domestik bagi mencapai pulangan sembilan tahun semenjak pemegangan berjumlah 7.32% manakala purata pulangan pelaburan 10-tahun berada pada tahap 6.14%.

Dasar prestasi ini adalah keupayaan pasukan pelaburan kami mencapai keseimbangan di antara pulangan pelaburan yang menarik dan mengekalkan sifat kehematan sambil mematuhi selera risiko kami. Kepelbagaiannya jenis aset serta tebaran geografi merupakan aspek penting dalam strategi kami. Ini telah membolehkan KWAP berkembang daripada pelabur konvensional dengan pelaburan di dalam ekuiti, bon, instrumen pasaran wang dan lain-lain jenis pelaburan pendapatan tetap kepada ekuiti harta tanah dan swasta dan juga sektor-sektor pertumbuhan tinggi seperti teknologi.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dari segala aspek, perjalanan 10 tahun ini sememangnya mengagumkan, di mana penghargaan seharusnya diberikan kepada tenaga kerja kami. Tanpa komitmen mereka terhadap matlamat KWAP untuk memelihara kesejahteraan para pesara awam Malaysia, kami tidak mungkin mencapai kesemua kejayaan yang diperoleh. Tenaga kerja kami telah meningkat lebih daripada enam kali ganda iaitu daripada 93 kakitangan pada tahun 2007 kepada 577 setakat ini. Sumbangan mereka tidak ternilai. Semangat, dedikasi dan prinsip kerja mereka tidak terkira dan sememangnya kritikal terhadap pencapaian KWAP setakat ini. Bagi pihak pengurusan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap individu yang telah berkhidmat dengan kami – dahulu dan kini – yang telah mengindahkan perjalanan 10 tahun ini.

TAHUN 2017 DALAM TINJAUAN

Berikutan keputusan yang kurang memberangsangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan walaupun terdapat ketegangan geopolitik yang semakin meningkat, ekonomi dunia kembali pulih pada tahun 2017 dengan pertumbuhan yang ketara di negara-negara maju dan negara-negara membangun. Seiring dengan pemulihan ini, indeks utama dunia meningkat untuk mencapai keputusan terbaik sejak tahun 2013.

Malaysia berjaya mengatasi beberapa prestasi ekonomi negara lain di perantauan ini dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dengan mencapai pertumbuhan 5.9% berbanding 4.2% pada tahun 2016. Tahun 2017 memberangsangkan bagi ekuiti, di mana FBMKLCI mengatasi prestasi negatif selama tiga tahun berturut-turut dengan mencatatkan keuntungan sebanyak 9.4%. Prestasi pasaran bon tempatan juga mantap walaupun terdapat keimbangan

terhadap kadar pengetatan monetari dan risiko aliran keluar portfolio.

ROI Tahun 2017
Hartanah antarabangsa
16.30%

Ekuiti antarabangsa
9.97%
Ekuiti domestik
6.80%



PRESTASI PELABURAN KAMI

Suasana ekonomi pada tahun 2017 menyediakan persekitaran yang kondusif bagi KWAP menghasilkan prestasi terbaiknya setakat kini, membolehkan KWAP mengatasi penanda aras kami sambil mengamalkan pelaburan berhemat dan bertanggungjawab. Kami mengatasi sasaran saiz dana kami dengan mencapai pertumbuhan sebanyak 12.64% iaitu RM125 bilion pada 2016 kepada RM140.80 bilion pada 31 Disember 2017. Pertumbuhan ini telah meningkatkan purata pulangan lima tahun sebanyak 10.01% setahun, di mana pendapatan pelaburan secara berterusan memberikan sumbangan terbesar terhadap pengembangan aset kami.

Secara keseluruhannya, kami mencapai pulangan atas pelaburan kasar (ROI) sebanyak 5.77%, mencatatkan peningkatan sebanyak 5.35% berbanding tahun 2016. Prestasi pelaburan hartanah antarabangsa mencatatkan ROI tertinggi sebanyak

16.30%, diikuti oleh ekuiti antarabangsa dengan ROI sebanyak 9.97%, dan seterusnya ekuiti domestik pada 6.80%. Kelas aset lain mencatatkan ROI di antara 2.72% dan 5.83%.

Aktiviti-aktiviti pelaburan kami yang penting untuk tahun ini termasuk mengukuhkan portfolio teknologi kami, memasuki sektor pembangunan harta tanah serta pasaran ekuiti AS.

ROI kasar meningkat secara keseluruhan sebanyak

5.77%

mencatatkan peningkatan

0.42%

berbanding ROI tahun sebelumnya pada 5.35%



Pelaburan Dalam Teknologi

Pada tahun 2016, KWAP telah mengorak langkah ke dalam bidang teknologi menerusi pelaburan di dalam Uber Technologies Inc. (Uber) dan dana modal teroka DAG Ventures VI LP (DAG VI) yang tertumpu pada syarikat-syarikat teknologi AS kuartil utama. Pada tahun 2017, kami telah melabur ke dalam dua lagi syarikat modal teroka bertaraf tinggi bertumpukan teknologi yang berpusat di rantau ini.

Pada bulan Ogos 2017, kami telah melabur di dalam Vickers Venture Fund V LP (Vickers V) yang berpusat di Asia Tenggara. Vickers V mempunyai portfolio global yang merangkumi syarikat-syarikat telekomunikasi, media dan teknologi. Seterusnya pada bulan Disember, kami telah menceburi pasaran ekuiti swasta China menerusi pelaburan di dalam dana VC tertumpu China, iaitu Trustbridge Partners VI LP (TBP VI).

Pembangunan Hartanah

Pada bulan Mac 2017, KWAP telah buat kali pertama memeterai perjanjian kerjasama dengan pemaju harta tanah menerusi pemerolehan 20% ekuiti di Persada Mentari Sdn Bhd. Syarikat ini sedang membangunkan Fasa 2A Seri Tanjung Pinang 2 (STP2A) di Pulau Pinang yang mempunyai anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM19.1 bilion. Tanah tersebut kini dalam proses penambakan, dan seterusnya sebanyak 33.2 ekar akan didaftarkan di bawah KWAP. Perjanjian ini merupakan salah satu peristiwa yang penting di dalam sektor harta tanah di Malaysia pada tahun 2017, seperti yang dinyatakan oleh perunding harta tanah CBRE WTW dan Savills Malaysia.¹

Satu lagi perkembangan yang menarik ialah pemerbadanan KWEST Sdn Bhd (KWEST) pada bulan Ogos 2017. KWEST akan berfungsi sebagai cabang pembangunan harta tanah kami dan akan menguruskan Bahagian Pembangunan Hartanah, yang sebelum ini berada di bawah Jabatan Pelaburan Alternatif kami.

¹ Seperti yang dinyatakan di dalam artikel yang diterbitkan oleh The Edge Malaysia bertarikh 25 Disember 2017.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pelaburan Dalam Ekuiti

Sebagai sebahagian daripada inisiatif peruntukan aset antarabangsa strategik kami, satu mandat Ekuiti AS telah diluluskan dan dimulakan pada Julai 2017. Objektif mandat ini adalah untuk mempelbagaikan portfolio ekuiti antarabangsa kami selaras dengan penanda aras Indeks MSCI All Country World Index, dan memanfaatkan pemulihan yang berterusan di pasaran-pasaran maju. Kemasukan AS ke dalam portfolio ekuiti antarabangsa kami yang kini merangkumi Asia Pasifik, UK dan Eropah membolehkan kami menggunakan strategi peruntukan mengikut negara yang lebih dinamik berdasarkan penilaian setiap perantauan benua.

Di dalam ekuiti domestik, para pengurus kami telah menyusun semula portfolio bagi menyokong rancangan pertumbuhan dan peruntukan sumber masa depan. Penstrukturkan baharu ini memudahkan para pengurus portfolio kami melabur secara lebih cekap dengan mengenal pasti stok yang disasarkan serta mengklasifikasikannya mengikut mandat portfolio tersendiri dan menyamakan strategi untuk setiap portfolio. Pengalihan ke struktur baharu dilaksanakan dengan pantas dan telah membantu meningkatkan pulangan portfolio ekuiti domestik kami dengan ketara.

Prestasi Pendapatan Tetap

Pendapatan tetap merupakan bahagian yang signifikan dalam portfolio kami dengan sentiasa memberikan pulangan yang mantap dan terjamin. Seiring dengan peningkatan kepelbagaian pelaburan kami ke dalam instrumen pasaran wang sepanjang 10 tahun yang lalu, jumlah aset kami dalam pendapatan tetap telah meningkat melebihi dua kali ganda, iaitu dari RM35.4 bilion ke RM72.52 bilion, dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 9.44%.

Pada tahun 2017, kami telah mendalamkan lagi komitmen kami terhadap pelaburan bertanggungjawab dengan menubuhkan Dasar dan Garis Panduan ESG bagi para pengurus dana pendapatan tetap kami.

Pengurus Dana Luaran

Setakat 31 Disember 2017, jumlah nilai pasaran yang diuruskan oleh pengurus dana luaran kami (EFM) berjumlah RM17.50 bilion, iaitu membentuk 12.45% daripada jumlah aset kami. Ini mencatatkan peningkatan sebanyak 19.9% berbanding dengan jumlah dana yang diuruskan oleh EFM pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, RM7.9 bilion mewakili ekuiti domestik, RM4.18 bilion mewakili ekuiti antarabangsa dan RM5.39 bilion mewakili pendapatan tetap – merangkumi domestik dan antarabangsa.

Seiring dengan peningkatan jumlah dana yang diuruskan oleh EFM kami, KWAP telah meningkatkan pemantauan portfolio EFM, dan seterusnya pada tahun 2017, kami telah menggabungkan sebuah Matriks Pemantauan Prestasi ke dalam penilaian prestasi KWAP. Matriks baharu ini menekankan aspek kuantitatif dan kualitatif pengurusan dana. EFM yang gagal memenuhi piawaian prestasi minima akan tertakluk kepada pemantauan prestasi bulanan.



PENCAPAIAN OPERASI KAMI

Sebagai sebahagian daripada inisiatif bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi, Jabatan Ekuiti kami telah menujuhkan Unit Peniaga Pusat (CDU) pada tahun 2017. Di samping membahagikan tugas para pengurus portfolio dan peniaga, CDU akan meningkatkan pelaksanaan dan ketelusan perdagangan menerusi pemantauan rapi ke atas pasaran harian dan pergerakan saham. Pada masa yang sama, Jabatan Penyelidikan kami telah memperkenalkan metodologi penyaringan terbaru saham bagi mengenal pasti saham terbaik untuk dimasukkan ke dalam lingkungan saham prospektif kami. Sebagai pelengkap metodologi ini, satu model penarafan kredit telah diperkenalkan bagi menilai bon semasa dan prospektif serta pelaburan sukuk.

Selangkah Ke Depan dalam ESG

Pada tahun 2017, KWAP secara berlanjut mengukuhkan komitmen kami terhadap pelaburan ESG dengan mewujudkan Dasar dan Garis Panduan ESG bagi Pendapatan Tetap. Di bawah sistem baharu ini, kami menerapkan faktor-faktor ESG ke dalam proses penilaian dan pelaburan kredit

kami. Dasar dan garis panduan ini juga merangkumi hubungan kami dengan para penerbit dan peminjam bon untuk memastikan mereka mempertingkatkan amalan ESG mereka.

Usaha kami untuk menggalakkan stok bertanggungjawab sosial disokong oleh metodologi penyaringan ESG yang dibentuk oleh Jabatan Penyelidikan kami. Menerusi Jabatan ini, kami dapat menentukan penarafan ESG bagi stok dan penerbit stok di bawah naungan kami. Penarafan ini juga akan digunakan oleh Jabatan Strategi dan Prestasi Korporat kami dalam pengurusan mereka dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan.

Dari segi pelaburan, kami telah menujuhkan mandat Ekuiti ESG Global pada bulan Mac 2017 yang akan diuruskan oleh para pengurus dana antarabangsa. Kami juga telah membuat pelaburan bertanggungjawab sosial (SRI) pertama kami di dalam Sukuk Hijau terbitan PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd. Di samping itu, kami buat pertama kalinya telah menceburi sektor tenaga boleh diperbaharui dengan memperoleh 45% kepentingan dalam Vortex Solar Investments Sàrl (Vortex). Ianya diunjurkan bahawa teknologi photovoltaic solar (PV) Vortex akan mengurangkan sejumlah 126,560 tan pelepasan CO₂ setahun, yakni mengukuhkan komitmen KWAP terhadap kelestarian alam sekitar.

Kami mengharapkan bahawa para EFM akan mencerminkan komitmen kami terhadap SRI. Bagi menegaskan komitmen ini, kami telah menerapkan klausa berkaitan ESG ke dalam Perjanjian Pengurusan Pelaburan (IMA), yang telah dikaji semula pada tahun 2017. Ini disokong oleh Garis Panduan ESG Tahap Korporat bagi EFM.

Pada 31 Disember 2017, jumlah nilai pasaran yang diuruskan oleh para Pengurus Dana Luaran (EFM) domestik berjumlah

**RM7.9
bilion**

dengan kenaikan

+26%



MODAL INSAN KAMI

Aspirasi kami adalah untuk menjadi majikan pilihan supaya kami dapat menarik bakat terbaik. Bagi mencapai matlamat ini, kami sedang dalam proses mengubah keseluruhan rantaian nilai pendekatan sumber manusia (HR) kami, bermula dari perekrutan tenaga kerja kepada pembangunan bakat dan perancangan penggantian.

Program *KWAP Young Talent (KYT)* telah dilancarkan pada tahun 2013. Menerusi program ini, kami merekrut para graduan baharu dengan resume yang hebat bagi menjalani program pengurusan graduan yang komprehensif, bertujuan untuk memberikan mereka peluang membentuk pucuk pimpinan masa depan KWAP. Program ini telah mencapai kejayaan dan diiktiraf sebagai salah satu yang terbaik di Malaysia.

Kami juga dalam proses memperhebatkan program latihan dan pembangunan bagi kesemua kakitangan mengikut gred dan tahap yang berbeza menurut tahap kemajuan kerjaya mereka. Pada tahun 2017, kami telah memperkenalkan tiga program baharu: Program Pembangunan Bukan Eksekutif (NED), Program Kepimpinan Profesional Junior (JPBL), dan putaran kerja. Matlamat program-program ini adalah untuk memperkasakan tenaga kerja kami dengan kemahiran yang diperlukan bagi merealisasikan potensi mereka di samping membantu KWAP mencapai matlamat korporatnya.

Sebagai sebahagian daripada proposisi nilai tenaga kerja, kami juga telah mengkaji skim ganjaran dan imbuhan pekerja bagi memastikan ianya berdaya saing. Menerusi skim baharu ini, kami memastikan bahawa pakej gaji dan faedah kakitangan kami sepadan dengan kepentingan tugas dan kemahiran mereka.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



MELANGKAH KE HADAPAN

Prospek Malaysia bagi tahun 2018 kekal kukuh dan dijangka akan menguntungkan pasaran domestik. Walaupun masih ketinggalan sekiranya dibandingkan dengan keuntungan yang diperolehi oleh pasaran serantau pada tahun lepas, namun ianya dijangkakan bahawa pasaran ekuiti mungkin menerima manfaat daripada sentimen positif dan persekitaran makro yang semakin baik. Kenaikan kadar Ringgit yang disokong oleh prestasi ekonomi domestik yang kukuh diharapkan akan menyokong pasaran bon. Apa yang penting, adalah wujudnya minat berterusan di dalam pasaran baharu muncul yang dijangka akan memanfaatkan Malaysia.

KWAP pastinya akan memanfaatkan persekitaran positif ekonomi untuk mengembangkan lagi saiz dan pulangan dana kami. Pengurusan dana yang semakin berkembang membawakan cabaran-cabarannya tersendiri, namun saya yakin usaha-usaha KWAP dalam meningkatkan

sistem dan proses serta perapian yang ditumpukan terhadap pembinaan bakat dan keupayaan akan membolehkan kami mengekalkan momentum pertumbuhan ini. KWAP kini mempunyai kemahiran mengenal pasti peluang pelaburan yang baharu serta menarik dan akan terus memanfaatkan peluang ini sambil mematuhi selera risiko kami. Kejayaan sebegini memerlukan ketangkasian dan kecerdasan tertentu yang sememangnya terbukti wujud di KWAP. Kebolehan ini akan mendorong kemajuan kami serta memastikan kami berada di haluan yang tepat.

Hala tuju jangka masa panjang KWAP dipacu oleh sepasukan profesional yang komited. Pendekatan berdisiplin mereka telah meningkatkan prestasi KWAP sepanjang dekad yang lalu, sekaligus mengukuhkan kedudukan kami bagi kejayaan masa depan. Oleh kerana, pelaburan bertanggungjawab kini membentuk dasar utama misi pengurusan KWAP, kami akan mengutamakan isu-isu

Bilangan pekerja pada akhir tahun 2017

577

ESG yang akan mengasasi pertumbuhan mampan kami.

Secara peribadi, saya amat bangga dapat berkhidmat dengan sekumpulan individu yang berdedikasi kepada kecemerlangan. Saya berasa berbesar hati mempunyai sebuah pasukan yang hebat di KWAP; diwakili individu-individu yang sentiasa menunjukkan ketersediaan untuk lebih berusaha demi kebaikan organisasi, dan para pesara awam. Hasrat saya adalah supaya kita meneruskan usaha-usaha baik ini agar memastikan KWAP mengekalkan nilai-nilai beretika bagi mencapai Visi dan Misi kita. Dengan berbuat demikian, kita boleh secara lanjut mencipta nilai bagi kerajaan, pesara awam dan kesemua pihak berkepentingan yang lain bagi dekad yang akan datang.



KEPIMPINAN KAMI

-
- 36 Ahli Lembaga
 - 50 Panel Pelaburan
 - 56 Pengurusan Kanan
-

SEKSYEN
03

AHLI LEMBAGA



Dari kiri ke kanan:

Encik Saat Esa
Wakil Kerajaan Persekutuan

Datuk Siti Zainab Omar
Wakil Kerajaan Persekutuan

Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian
Kewangan (MOF) – Pengerusi Lembaga

Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif
Ex-Officio

Dato' Dr Gan Wee Beng
Wakil Sektor Swasta

Dato' Siow Kim Lun
Wakil Sektor Swasta



Datuk Azih Muda
Wakil Pencarum

Dato' Azmi Abdullah
Wakil Sektor Swasta

Encik Teo Khian How
Wakil Kerajaan Persekutuan

Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Wakil Bank Negara Malaysia

Datuk Siti Zauyah Md Desa
Wakil Kementerian Kewangan

Tiada dalam gambar:
Dato' Che Pee Samsudin
Wakil Kerajaan Persekutuan
Bersara pada 15 Oktober 2017

PROFIL LEMBAGA



Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah telah dilantik semula sebagai Pengurus Lembaga pada 1 Mac 2016.

Beliau kini memegang jawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah beberapa agensi dan badan kerajaan seperti Bank Negara Malaysia, Malaysian Airlines System Berhad (MAS), Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji (TH), Wakala Global Sukuk Berhad dan Universiti Malaysia Kelantan. Beliau juga merupakan Pengurus Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Cyberview Sdn Bhd, Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MAGIC) dan memegang jawatan ex-officio dalam Lembaga Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

TAN SRI DR MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF)

Pengerusi Lembaga

| Warganegara | Malaysia |
|-----------------------------------|----------------|
| Umur | 60 |
| Tarikh Pelantikan | 1 Januari 2012 |
| Tempoh Perkhidmatan | 5 tahun |
| Tarikh Pelantikan Semula Terakhir | 1 Mac 2016 |

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dari Universiti Malaya, Sarjana Sains daripada University of Pennsylvania, AS, dan PhD dalam Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

ENCIK ADNAN ZAYLANI MOHAMAD ZAHID

Wakil BNM

| | |
|----------------------------|------------------------|
| Warganegara | Malaysia |
| Umur | 46 |
| Tarikh Pelantikan | 7 Jun 2016 |
| Tempoh Perkhidmatan | 1 tahun 6 bulan |
| Tarikh Pelantikan Terakhir | Tidak Berkenaan |



Encik Adnan Zaylani telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 7 Jun 2016.

Beliau kini adalah Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia. Beliau adalah ahli Lembaga beberapa organisasi termasuk jawatan Pengurus Lembaga Pengarah BNM Sukuk Berhad dan Pengarah Maybank Ventures Capital.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi Pasaran Global dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari London School of Economics and Political Science.

PROFIL LEMBAGA

DATUK SITI ZAUYAH MD DESA

Wakil Kementerian Kewangan

| | |
|----------------------------|------------------------|
| Warganegara | Malaysia |
| Umur | 58 |
| Tarikh Pelantikan | 1 Mac 2016 |
| Tempoh Perkhidmatan | 1 tahun 9 bulan |
| Tarikh Pelantikan Terakhir | Tidak Berkenaan |



Datuk Siti Zauyah telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016.

Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Kewangan, Malaysia. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah pelbagai organisasi yang berkaitan dengan badan kerajaan dan bukan kerajaan seperti Johor Corporation, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Govco Holdings Berhad, Kumpulan Wang Amanah Negara, Pengurusan Aset Air Berhad, Felda Global Ventures Holdings Berhad, Felda Holdings Berhad, Bintulu Port Holdings Berhad, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia, International Islamic Trade Asean Infrastructure Fund Limited dan Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa.

Dato' Siti Zauyah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) UKur Bahan dari University of Reading, UK, dan memegang Diploma Pentadbiran dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Antarabangsa) dari University of Manchester, UK.



Datuk Siti Zainab telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016. Beliau adalah Ketua Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara.

Pada tahun 1986, Datuk Siti Zainab telah diterima masuk ke Badan Peguam England & Wales (Grays's Inn) setelah memperolehi Ijazah LLB (Kepujian) dari University of Essex, UK. Pada tahun 1998, beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara.

Datuk Siti Zainab memulakan kerjaya cemerlang beliau di Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundungan Malaysia sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, pada tahun 1987. Bermula dari situ, beliau telah berkhidmat di beberapa agensi kerajaan yang lain merangkumi pelbagai jawatan termasuk sebagai Peguamcara Perbendaharaan di Kementerian Kewangan. Pada tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Negeri Melaka. Beliau berpengalaman luas dari segi undang-undang dan boleh menangani projek-projek penswastaan dan pelbagai bidang undang-undang termasuk undang-undang perlembagaan, kewangan dan kewangan Islamik, undang-undang pembinaan dan kontrak.

DATUK SITI ZAINAB OMAR

Wakil Kerajaan Persekutuan

| Warganegara | Malaysia |
|----------------------------|------------------------|
| Umur | 54 |
| Tarikh Pelantikan | 1 Mac 2016 |
| Tempoh Perkhidmatan | 1 tahun 9 bulan |
| Tarikh Pelantikan Terakhir | Tidak Berkenaan |

Sepanjang kerjayanya, Datuk Siti Zainab juga berkhidmat sebagai ahli Pengarah beberapa Lembaga iaitu Syarikat Air Melaka Berhad, Kumpulan Melaka Berhad (KMB), Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), Syarikat Perumahan Negara Berhad, Usahasama SPNB-LTAT Sdn Bhd, Litar Antarabangsa Sepang Sdn Bhd, Indah Water Consortium, dan ahli beberapa badan berkanun lain. Beliau juga telah berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa kerajaan dan bukan kerajaan termasuk Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang dalam Kewangan Islam yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Pemandu Penubuhan Badan Usaha Milik Kerajaan serta Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan di bawah Khazanah Nasional Berhad.

PROFIL LEMBAGA



Encik Saat Esa dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP berkuatkuasa mulai 16 Oktober 2017. Beliau juga adalah Akauntan Negara Malaysia.

Datuk Saat memegang jawatan pengarah dalam Kustodian Aset Air Negara. Beliau memulakan kerjayanya sebagai akauntan di sektor kerajaan sejak tahun 1983. Pengalaman beliau yang luas diperolehi daripada perkhidmatan beliau di dalam pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, termasuk Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Perbadanan Negeri Selangor.

ENCIK SAAT ESA

Wakil Kerajaan Persekutuan

(Pelantikan berkuatkuasa 16 Oktober 2017)

| Warganegara | Malaysia |
|----------------------------|------------------------|
| Umur | 58 |
| Tarikh Pelantikan | 16 Oktober 2017 |
| Tempoh Perkhidmatan | 2.5 bulan |
| Tarikh Pelantikan Terakhir | Tidak Berkenaan |

Datuk Saat Esa memegang Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Perakaunan. Beliau adalah pemegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia dan Aix-Marseille University, Perancis. Beliau juga adalah Akauntan Bertauliah (CA) dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

ENCIK TEO KHIAN HOW

Wakil Kerajaan Persekutuan

(Pelantikan berkuatkuasa 28 Februari 2017)

| | |
|----------------------------|-------------------------|
| Warganegara | Malaysia |
| Umur | 57 |
| Tarikh Pelantikan | 28 Februari 2017 |
| Tempoh Perkhidmatan | 10 bulan |
| Tarikh Pelantikan Terakhir | Tidak Berkenaan |



Encik Teo Khian How dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 28 Februari 2017.

Beliau adalah Pengarah, Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Beliau berkelulusan Sarjana (Sains Polisi) dari Saitama University, Jepun dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



PROFIL LEMBAGA

DATO' SIEW KIM LUN

Wakil Sektor Swasta

| | |
|-----------------------------------|-------------------------|
| Warganegara | Malaysia |
| Umur | 67 |
| Tarikh Pelantikan | 1 Mac 2007 |
| Tempoh Perkhidmatan | 10 tahun 9 bulan |
| Tarikh Pelantikan Semula Terakhir | 1 Mac 2016 |



Dato' Siew Kim Lun dilantik semula sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016. Beliau adalah ahli Pengarah dalam Lembaga Pengarah Citibank Berhad, UMW Holdings Berhad, Sunway Construction Group Berhad, Eita Resources Berhad, Hong Leong Assurance Berhad, dan Eco World International Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Catholic University of Leuven, Belgium dan menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, AS.



DATO' AZMI ABDULLAH

Wakil Sektor Swasta

| Warganegara | Malaysia |
|-----------------------------------|-------------------|
| Umur | 66 |
| Tarikh Pelantikan | 20 September 2012 |
| Tempoh Perkhidmatan | 5 tahun 2 bulan |
| Tarikh Pelantikan Semula Terakhir | 1 Mac 2016 |

Dato' Azmi bin Abdullah telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016. Beliau adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bank Muamalat Malaysia Berhad di mana beliau merupakan Pengurus Lembaga Imbuhan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko serta ahli Pencalonan Lembaga Audit dan Veto. Beliau juga merupakan seorang Pengarah di Amanah Raya Berhad, Ireka Corporation Berhad, Transnational Insurance Brokers Sdn Bhd, ECS Solution Sdn Bhd dan Bayo Pay Sdn Bhd.

Dato' Azmi juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Pelaburan Amanah Raya Berhad. Sebelum berkhidmat di Bank Muamalat, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank selama lebih kurang empat tahun dan seterusnya, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Bumiputera-Commerce Bank Berhad, di mana beliau telah bertugas selama 26 tahun di dalam pelbagai jabatan.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Ekonomi dan Doktor Kehormat dalam Pengurusan Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

PROFIL LEMBAGA



Dato' Dr Gan Wee Beng telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016.

Beliau adalah ahli Lembaga PIDM. Beliau pernah berkhidmat sebagai Penasihat Kumpulan CIMB, jawatan yang disandang oleh beliau sejak tahun 2012 sehingga persaraannya pada tahun 2015. Sebelum itu, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, bertanggungjawab bagi pengurusan risiko, dan juga merupakan Pengarah Eksekutif CIMB Bank. Beliau juga pernah menjadi perunding bagi pelbagai agensi tempatan dan antarabangsa, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Bank Pembangunan Asia dan Pertubuhan Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perdagangan dan Pembangunan.

DATO' DR GAN WEE BENG

Wakil Sektor Swasta

| Warganegara | Malaysia |
|-----------------------------------|------------------------|
| Umur | 70 |
| Tarikh Pelantikan | 1 Mac 2013 |
| Tempoh Perkhidmatan | 4 tahun 9 bulan |
| Tarikh Pelantikan Semula Terakhir | 1 Mac 2016 |

Beliau juga pernah bertugas sebagai ahli kerja Kumpulan Rangka Kerja Risiko Pasaran BNM dan juga ahli Jawatankuasa Penasihat Ekonomi Negara berkaitan Kawalan Harga dan Subsidi.

Sebelum menyertai CIMB Bank, Dato' Gan merupakan Penasihat Kanan (Ekonomi) Monetary Authority of Singapore di samping memegang jawatan Profesor Madya University Malaya. Beliau juga adalah penerima anugerah Tun Abdul Razak Foundation untuk Best Published Article dalam jurnal akademik. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam Ekonomi dari Universiti Malaya dan memperolehi PhD dari University of Pennsylvania, AS.

DATUK AZIH MUDA

Wakil Pencarum

| | |
|-----------------------------------|-------------------------|
| Warganegara | Malaysia |
| Umur | 60 |
| Tarikh Pelantikan | 20 Disember 2013 |
| Tempoh Perkhidmatan | 4 tahun |
| Tarikh Pelantikan Semula Terakhir | 1 Mac 2016 |



Datuk Azih Muda telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016. Pada masa ini, beliau adalah Presiden CUEPACS atau Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam Malaysia yang merupakan pusat kesatuan sekerja kebangsaan di Malaysia dengan keahlian seramai 1,200,000 orang.

Beliau juga adalah Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (ANULAE), ahli Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan ahli Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara.

PROFIL LEMBAGA

DATO' CHE PEE SAMSUDIN

Wakil Kerajaan Persekutuan

(Bersara pada 15 Oktober 2017)

| Warganegara | Malaysia |
|-----------------------------------|-------------------------|
| Umur | 60 |
| Tarikh Pelantikan | 15 Februari 2015 |
| Tempoh Perkhidmatan | 2 tahun 8 bulan |
| Tarikh Pelantikan Semula Terakhir | 1 Mac 2016 |

Dato' Che Pee telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016. Beliau bersara dari ahli Lembaga KWAP pada 15 Oktober 2017 berikutan persaraannya dari perkhidmatan awam.





Dato' Wan Kamaruzaman telah dilantik semula sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada 2 Mei 2017. Beliau adalah Ahli Lembaga Pengarah Valuecap Sdn Bhd dan Malakoff Corporation Berhad serta Prima Ekuiti (UK) Limited, sebuah syarikat subsidiari KWAP di London, UK.

Sebelum menyertai KWAP, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus Besar, Jabatan Perbendaharaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), semenjak Oktober 2007. Beliau telah memulakan kerjaya profesionalnya dengan Malayan Banking Berhad pada tahun 1981, sebahagian besarnya di Jabatan Perbendaharaan dengan dua jawatan luar negara iaitu di Hamburg, Jerman sebagai Ketua Peniaga, dan di London sebagai Pengurus Perbendaharaan. Selepas tamat perkhidmatannya di Maybank pada tahun 1994, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah di beberapa syarikat di dalam Kumpulan Affin sehingga 2005. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif Kewangan di Kemuncak Facilities Management Sdn Bhd dan Izoma (M) Sdn Bhd sehingga tahun 2007.

DATO' WAN KAMARUZAMAN WAN AHMAD

Ketua Pegawai Eksekutif
Ex-Officio

| Warganegara | Malaysia |
|-----------------------------------|------------------------|
| Umur | 58 |
| Tarikh Pelantikan | 2 Mei 2013 |
| Tempoh Perkhidmatan | 4 tahun 7 bulan |
| Tarikh Pelantikan Semula Terakhir | 2 Mei 2017 |

Dato' Wan Kamaruzaman kini merupakan Pengerusi Majlis Institusi Pelabur Malaysia (IIC) dan ahli lembaga Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti (MSWG), dan baru-baru ini dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah bagi Bond and Sukuk Information Platform Sdn Bhd. Beliau juga adalah ahli Bursa Saham Kewangan - Jawatankuasa Penasihat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di London dan juga Institut Integriti Malaysia. Di samping itu, beliau adalah salah seorang ahli korporat Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN) dan Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA).

Dato' Wan Kamaruzaman memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dalam bidang Ekonomi Analitik (Kepujian) dari Universiti Malaya.

PANEL PELABURAN



Dari kiri ke kanan:

Datuk Abdul Farid Alias
Wakil Sektor Swasta

Dato' Dr Yusof Ismail
Wakil Kementerian Kewangan

Dato' Mohammed Azlan Hashim
Pengerusi



Tan Sri Dr Ong Hong Peng
Wakil Sektor Swasta

Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad
(Setiausaha)
Ketua Pegawai Eksekutif

Encik Mohamed Nazri Omar
Wakil Sektor Swasta

Encik Johari Abdul Muid
Wakil Sektor Swasta

PROFIL PANEL PELABURAN



DATO' MOHAMMED AZLAN HASHIM

Pengerusi

Dato' Mohammed Azlan Hashim telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2015.

Beliau pernah menjadi ahli Panel Pelaburan KWAP sejak 2010 sebagai wakil sektor swasta. Dato' Mohammed adalah Pengerusi beberapa syarikat tersenarai awam termasuk D&O Green Technologies Berhad, SILK Holdings Berhad, Scomi Group Berhad dan adalah Timbalan Pengerusi IHH Healthcare Berhad. Beliau menganggotai beberapa Lembaga di dalam pelbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk Khazanah Nasional Berhad dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Monash University, Australia dan berkelayakan sebagai Akauntan Bertauliah (Australia). Beliau adalah seorang Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants, Australia, ahli Malaysian Institute of Accountants, ahli Fellow Institut Pengarah Malaysia, ahli Fellow Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators dan Ahli Kehormat Institut Juruaudit Dalaman Malaysia.



DATO' DR YUSOF ISMAIL

Wakil Kementerian Kewangan

Dato' Dr Yusof Ismail telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan berkuatkuasa mulai 15 Mei 2016.

Beliau adalah Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan Kerajaan termasuk Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Seksyen Tenaga, Unit Pembangunan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Pengarah Seksyen Sains dan Teknologi Industri Pembuatan. Pada Jun 2013, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Perancangan dan Pembangunan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Beliau kemudiannya kembali ke Kementerian Kewangan pada 2015 sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan. Beliau adalah ahli pengarah di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), GOVCO Holdings Berhad, AgroBank, Turus Pesawat Sdn Bhd, Sentuhan Budiman Sdn Bhd, Twin Eagles Ventures Sdn Bhd, Danalnfa Nasional Bhd, MRL Sdn Bhd, SSER Sdn Bhd dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Beliau memegang Ijazah Kedoktoran (PhD) Pembangunan Komuniti dari Universiti Putra Malaysia.

**TAN SRI DR ONG HONG PENG**

Wakil Sektor Swasta

Tan Sri Dr Ong Hong Peng telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan berkuatkuasa mulai 15 Mac 2017.

Tan Sri Dr Ong Hong Peng merupakan Pengerusi Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan seorang Ahli Lembaga Pengarah Litar Antarabangsa Sepang (SIC). Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam dari tahun 1981 hingga 1991. Beliau telah berkhidmat di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selama empat tahun dan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri selama lapan tahun. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia selama lapan tahun.

Tan Sri Dr Ong memegang Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi dari Universiti Hiroshima, Jepun dan PhD Ekonomi dari Michigan State University, AS.

**DATUK ABDUL FARID ALIAS**

Wakil Sektor Swasta

Datuk Abdul Farid Alias telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan pada 1 Oktober 2013.

Beliau adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif Kumpulan Maybank.

Beliau adalah Pesuruhjaya President PT Bank Maybank Indonesia Tbk, dan juga ahli Lembaga Pengarah Etqa International Holdings Sdn Bhd, Cagamas Holdings Berhad (Perbadanan Gadai Janji Malaysia), Payments Network Malaysia Sdn Bhd, STF Resources Sdn Bhd dan Asian Banking School Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Pengerusi bagi The Association of Banks di Malaysia (ABM) serta Naib Pengerusi dan Ahli Kehormat, Chartered Bankers of Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan Chartered Banker Institute (CBI) di UK.

Di samping itu, beliau juga merupakan ahli di Asian Bankers Association (ABA) Jawatankuasa Advokasi Dasar, dan Emerging Markets Advisory Council (EMAC), Institute of International Finance yang beroperasi di Washington DC. Beliau dilantik sebagai ahli ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) Malaysia pada tahun 2016 dan baru-baru ini, sebagai Ahli Kehormat Lee Kuan Yew Exchange di bawah Program Lee Kuan Yew Exchange of Singapore.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Denver, AS dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Pennsylvania State University, AS. Beliau juga telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, AS.

PROFIL PANEL PELABURAN



ENCIK JOHARI ABDUL MUID

Wakil Sektor Swasta

Encik Johari bin Abdul Muid telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 20 Oktober 2015.

Beliau adalah Ahli Lembaga Bursa Malaysia Berhad, Malaysia DEBT Ventures, Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd dan Nomura Islamic Asset Management Malaysia Sdn Bhd. Beliau telah memulakan kerjayanya di Bahagian Perbendaharaan, CIMB Investment Bank Berhad, dan kemudian telah menyertai CIMB Securities Sdn Bhd sebagai Naib Presiden Kanan bagi Institusi Jualan. Selepas berkhidmat selama 20 tahun di Kumpulan CIMB, beliau kemudiannya menyertai Valuecap Sdn Bhd sebagai Ketua Pegawai Pelaburan. Beliau telah dinaikkan pangkat ke Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Bahagian Pelaburan dan seterusnya Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Dasar Persaraan dan Perancangan Korporat. Selepas 8 tahun berkhidmat di KWSP, beliau menyertai RHB Bank Berhad sebagai Pengarah Urusan dan telah bersara pada tahun 2013.

Beliau adalah Ahli Kehormat Chartered Institute of Management Accountant, UK.



ENCIK MOHAMED NAZRI OMAR

Wakil Sektor Swasta

Encik Mohamed Nazri Omar telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Mei 2016.

Beliau merupakan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad, berkuatkuasa mulai 1 Mei 2014. Kerjaya korporat beliau termasuk dalam industri kewangan, terutamanya dalam perbankan korporat dan pasaran modal. Beliau memulakan kerjayanya di Citibank Berhad dan seterusnya berkhidmat di Macquarie Bank Limited dan RHB, Sakura Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai RHB Investment Bank Berhad). Sebelum menyertai Danajamin, beliau pernah menyandang beberapa jawatan di Kuwait Finance House (M) Bhd, termasuk sebagai Pengarah Perbankan Pelaburan dan Ketua Pasaran Modal dan Penasihat.

Encik Nazri memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam jurusan Ekonomi (Kepujian) dan Kerajaan, dari Cornell University, AS.



DATO' WAN KAMARUZAMAN WAN AHMAD

Setiausaha

Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad telah dilantik sebagai Setiausaha Panel Pelaburan pada 2 Mei 2013.

PENGURUSAN KANAN



Dari kiri ke kanan:

Hamkhushairi Jahari
Pengarah, Jabatan Audit Dalam

Nazaiful Affendi Zainal Abidin
Pengarah, Jabatan Strategi Portfolio

Nik Ahmad Fauzan Nik Mohamed
Ketua Pegawai Operasi

Siti Ilmiah Ramli
Pengarah, Jabatan Sumber Manusia

Zalman Ismail
Pengarah, Jabatan Pelaburan Alternatif

Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Ali Haidar Syed Shahabuddin
Pengarah, Jabatan Undang-undang dan
Kesetiausahaan

Md Saffi Nadzir
Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan
Persaraan



Nik Amlizan Mohamed
Ketua Pegawai Pelaburan

Taufiq Iskandar Jamingan
Pengarah, Jabatan Ekuiti

Azmeen Adnan
Pengarah, Jabatan Pendapatan Tetap

Tursina Yaacob
Pengarah, Jabatan Penyelidikan

Ismail Zakaria
Pengarah, Jabatan Strategi dan Prestasi
Korporat

Khairul Azwa Kamalul Bahrain
Pengarah, Jabatan Pengurusan Risiko dan
Pematuhan

Najihah Mohd Norwi
Pengarah, Jabatan Akaun dan Pengurusan
Perkhidmatan

Ambalagam R. Marappan
Pengarah, Jabatan Caruman

PROFIL PENGURUSAN KANAN



1



2



3

1 DATO' WAN KAMARUZAMAN WAN AHMAD

Ketua Pegawai Eksekutif

Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP], jawatan yang disandang bermula 2 Mei 2013.

2 NIK AMLIZAN MOHAMED

Ketua Pegawai Pelaburan

Nik Amlizan telah memulakan jawatannya sebagai Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pada September 2014. Sebelum pelantikan itu, beliau merupakan Pengarah Kanan/Ketua Jabatan Ekuiti. Tanggungjawab beliau kini termasuk membentuk strategi, membangun dan mengawasi fungsi pelaburan untuk KWAP merentasi kesemua kelas aset termasuk Ekuiti, Sekuriti Pendapatan Tetap dan Pelaburan Alternatif yang merangkumi Ekuiti Persendirian, Hartanah dan Infrastruktur. Pasukan pelaburannya juga bertanggungjawab, di antara lain bagi pembangunan Alokasi Aset Strategik, Dasar Pelaburan dan Garis Panduan, Matriks Prestasi dan pemilihan rakan niaga berkait pelaburan.

Beliau menganggotai Lembaga Pengarah Prestariang Berhad, Prima Ekuiti (UK) Limited (syarikat subsidiari milik penuh KWAP), i-VCap Management Sdn Bhd dan juga Harta Integra Berkat Sdn Bhd. Beliau merupakan Ahli Institut Integriti Malaysia semenjak tahun 2015.

3 NIK AHMAD FAUZAN NIK MOHAMED

Ketua Pegawai Operasi

Nik Ahmad Fauzan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi KWAP pada September 2015.

Beliau mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman dalam industri konglomerat dan kewangan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Perkhidmatan Korporat Kumpulan Pos Malaysia Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti George Washington, AS dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Kewangan dan Pelaburan dari institusi yang sama.



4 ZALMAN ISMAIL

Pengarah, Jabatan Pelaburan Alternatif

Zalman Ismail mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman dalam penarafan kredit, penyelidikan ekuiti, kewangan korporat, dan pembangunan perniagaan telekomunikasi, harta tanah, kesihatan, dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Strategi dan Pembangunan Perniagaan di Sime Darby Property Berhad. Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah Jambatan Kedua Sdn Bhd, Munchy Food Industries Sdn Bhd dan Pengarah Gantian Malakoff Corporation Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Kewangan (Kepujian Magna Cum Laude) dari Eastern Michigan University, AS.

5 AZMEEN ADNAN

Pengarah, Jabatan Pendapatan Tetap

Azmeen Adnan mempunyai 20 tahun pengalaman dalam industri perbankan dan pengurusan aset merangkumi bidang pelaburan, perbendaharaan, jualan dan pembangunan produk. Sebelum menyertai KWAP beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd.

Beliau adalah Ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia, serta berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan dari University of Denver di Colorado, AS.

6 TAUFIQ ISKANDAR JAMINGAN

Pengarah, Jabatan Ekuiti

Taufik mempunyai 10 tahun pengalaman dalam pengurusan dana. Sebelum pelantikannya sebagai Pengarah, Jabatan Ekuiti, Taufiq merupakan Pegawai Utama di Prima Ekuiti (UK) Limited - syarikat subsidiari milik penuh KWAP di London.

Bermula dengan kerjayanya dalam pengurusan dana di Permodalan Nasional Berhad, Taufiq membina pengalamannya dalam pelaburan, terutamanya dalam ekuiti antarabangsa.

Beliau memperoleh kedua-dua LLB (Undang-Undang) dan Diploma Graduate dalam Pengurusan Perniagaan dari London School of Economics & Political Science (LSE), UK. Beliau juga adalah ahli Lincoln's Inn.

7 NAZAIFUL AFFENDI ZAINAL ABIDIN

Pengarah, Jabatan Strategi Portfolio

Nazaiful Affendi mempunyai 19 tahun pengalaman dalam pasaran modal termasuk jawatan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pengalaman dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pakar ekonomi di Suruhanjaya Sekuriti.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan/Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Kewangan dari institusi yang sama. Selain itu, beliau telah menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan ASEAN Ke-4 yang diadakan pada bulan Jun dan Julai 2011.

PROFIL PENGURUSAN KANAN



8



9



10



11

8 TURSINA YAACOB

Pengarah, Jabatan Penyelidikan

Tursina mempunyai 18 tahun pengalaman sebagai seorang penganalisis pelaburan meliputi pelbagai sektor di pelantar domestik dan global. Pengkhususan sektor beliau termasuk minyak dan gas, utiliti, telekomunikasi, produk pengguna, automotif, komoditi, dan industri kewangan Islam.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi Kewangan dari Coventry University, UK dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Strategik) dari Universiti Teknologi Malaysia.

9 KHAIRUL AZWA KAMALUL Bahrin

Pengarah, Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Khairul mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam pengurusan risiko dan perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat di OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah LLB (Kepujian), University of Liverpool, UK dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Pengurusan dari University of Wales, Cardiff, UK. Beliau juga adalah Pengurus Risiko Kewangan Bertauliah (FRM), Global Association of Risk Professionals.

10 ISMAIL ZAKARIA

Pengarah, Jabatan Strategi dan Prestasi Korporat

Ismail mempunyai 18 tahun pengalaman dalam industri kewangan dan strategi korporat khususnya dalam transformasi perniagaan. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat di Strategi Kumpulan, Sime Darby Berhad. Beliau merupakan Pengurus Kumpulan Kerja Tadbir Urus & Dasar, Majlis Institusi Pelabur Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan & Kewangan) dari Universiti New South Wales, Australia.

11 SYED ALI HAIDAR SYED SHAHABUDDIN

Pengarah, Jabatan Undang-undang dan Kesetiausahaan

Syed Ali mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang undang-undang. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Bahagian Perundangan di KAF Investment Bank Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah LLB (Hons) dari University of Glamorgan, Wales, UK dan Sijil Amalan Guaman (CLP), Malaysia dari Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang, Malaysia.



12 SITI ILMIAH RAMLI

Pengarah, Jabatan Sumber Manusia

Siti Ilmiah mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman sebagai pengamal undang-undang di organisasi bukan keuntungan dan di jabatan sumber manusia dalam pelbagai organisasi tempatan dan asing di Malaysia. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat di Maybank Berhad.

Beliau memperolehi Ijazah LLB (Kepujian) dari University of London, UK dan Sijil Amalan Guaman (CLP) Malaysia dari Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang, Malaysia.

13 HAMKHUSHAIRI JAHARI

Pengarah, Jabatan Audit Dalaman

Hamkhushairi merupakan Pengarah Jabatan Audit Dalaman sejak Oktober 2017, dan mempunyai 17 tahun pengalaman bekerja dalam industri perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Pengurus Kanan Audit Negara di Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Pengurus Risiko Kanan di Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia sebagai Penyelia Kanan untuk beberapa tahun.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memperolehi Sijil Audit Dalaman dan Risiko Perniagaan daripada Institut Juruaudit Dalaman Berkanun, UK. Beliau adalah Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Juruaudit Dalaman Berkanun, UK.

14 MD SAFFI NADZIR

Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Persaraan

Md Saffi mempunyai 27 tahun pengalaman sebagai akauntan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat dalam beberapa jabatan kerajaan dan badan berkanun.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Teknologi MARA dan memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.

15 AMBALAGAM R. MARAPPAN

Pengarah, Jabatan Caruman

Ambalagam mempunyai 34 tahun pengalaman sebagai akauntan. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat dalam beberapa bahagian dan cawangan di Jabatan Akauntan Negara.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan dan Pengajian Antarabangsa) daripada institusi yang sama. Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia dan ahli Harvard Business School Alumni Club of Malaysia (HBSACM).

16 NAJIHAH MOHD NORWI

Pengarah, Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan

Najihah mempunyai 18 tahun pengalaman sebagai seorang akauntan korporat dalam pelbagai sektor, antaranya, insurans, IT, utiliti dan infrastruktur. Sebelum menyertai KWAP, beliau bertugas sebagai akauntan korporat di MMC Berhad.

Beliau merupakan seorang Akauntan Bertauliah, dengan lulusan CPA Australia dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan dan Kewangan) dari Monash University, Australia.



TADBIR URUS KORPORAT

- 63 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 73 Penyata Kawalan Dalaman
- 76 Dasar, Garis Panduan dan Pensijilan Baharu
- 78 Inisiatif Tadbir Urus Baharu

**SEKSYEN
04**

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

**Tahun 2017
menandakan sedekad
perjalanan KWAP sejak
penubuhannya pada
tahun 2007.**

Sepanjang perjalanan sedekad ini, Lembaga KWAP secara berterusan berusaha menerima-pakai amalan-amalan terbaik tadbir urus korporat di dalam kesemua proses dan operasi KWAP. Ini terbukti dalam inisiatif KWAP dalam menggalakkan tadbir urus korporat yang baik, menerusi:

- 1 penubuhan Tadbir Urus Korporat KWAP: Prinsip dan Garis Panduan Pengundian (Edisi Kedua) pada tahun 2014
- 2 menjadi salah satu penandatangan Kod Malaysia bagi Institusi Pelabur pada tahun 2015
- 3 telah memperkenalkan Garis Panduan ESG Peringkat Korporat, Garis Panduan ESG bagi Pelaburan dan Kaedah Penyelidikan Berdasarkan ESG pada tahun 2016

Dalam memastikan KWAP kekal sebagai sebuah dana persaraan yang berdaya tahan dan relevan serta progresif dan terlibat sepenuhnya dengan pihak-pihak berkepentingan, beberapa ahli lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan terpilih KWAP telah melawat dana-dana persaraan global yang lain dan badan-badan yang seumpama untuk berkongsi pengetahuan dan bertukar pandangan berkaitan dengan pengurusan skim persaraan, termasuk:

- California Public Retirement Systems (CALPERS) dan California State Teacher's Retirement System (CalSTRS) pada tahun 2010 dan 2017;
- PT Jamsostek (Persero), Indonesia pada tahun 2011; dan
- Australian Prudential Regulation Authority, Victoria State Government dan Retirement Home Operators di Australia pada tahun 2015.

Lembaga Pengarah juga turut mengambil bahagian dalam beberapa program tempatan dan antarabangsa sebagai sebahagian daripada pelan transformasi dan pemodenan KWAP. Ini termasuk Forum Transformasi Global, Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa 2017, anjuran KWAP, dan Sidang Kemuncak Persaraan Dunia di Hague, Belanda bagi membantu menjadikan KWAP sebuah dana persaraan yang lebih progresif, proaktif dan mampam.

Di antara perubahan-perubahan yang diluluskan oleh Lembaga pada tahun 2017 termasuk Penyemakan Semula Piagam Lembaga bagi menyelaraskannya dengan perubahan kepada Akta serta menggambarkan proses dan amalan terkini dalam KWAP, dan untuk mengamalkan prinsip tadbir urus serta Dasar dan Garis Panduan Pelaburan yang baik.

KOMPOSISI LEMBAGA

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berkelayakan, berpengalaman, dan berkemahiran daripada pelbagai latar belakang, termasuk Kerajaan, Sektor Swasta, Bank Negara Malaysia, dan wakil Pencarum. Komposisi pelbagai ini adalah penting bagi pencapaian strategik keseluruhan KWAP.

Menurut Seksyen 6 Akta 662, komposisi Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut dan dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) seorang Pengerusi yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli ex-officio;
- (v) tiga (3) orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) tiga (3) orang wakil dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- (vii) seorang wakil pencarum yang menyumbang kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

Profil ringkas setiap ahli Lembaga dibentangkan di muka surat 38 hingga 49 dalam Laporan Tahunan ini.

Pada 28 Februari 2017, satu (1) ahli Lembaga baharu telah dilantik. Encik Teo Khian How, Pengarah, Bahagian Pasca Perkhidmatan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah dilantik sebagai wakil Kerajaan Malaysia untuk mengisi kekosongan di bawah Seksyen 6 Akta (4)(3). Beliau menggantikan Dato' Yeow Chin Kiong yang telah bersara pada 5 November 2016.

Satu lagi kekosongan kerusi Lembaga di bawah Seksyen 6 Akta (4)(e) telah diisi oleh Encik Saat Esa, Akauntan Negara Malaysia berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2017. Beliau telah dilantik berikutan persaraan Dato' Che Pee Samsudin pada 15 Oktober 2017.

Sementara itu, satu lagi ahli Lembaga iaitu Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid kini sedang bercuti belajar/sabatikal sejak 1 September 2017. Perwakilan sementara dari Bank Negara Malaysia telah dilantik bagi mengisi kekosongan tersebut.

PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif adalah berbeza dan terasing, agar selaras dengan keperluan Akta yang juga merupakan sebahagian daripada tadbir urus dan amalan-amalan terbaik KWAP.

Pengerusi KWAP bertanggungjawab terutamanya dalam memastikan keberkesanan dan tatacara mesyuarat Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab bagi operasi, pentadbiran dan pengurusan harian KWAP yang termasuk, pengurusan operasi perniagaan secara keseluruhan dan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan selaras dengan Akta. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh pihak Pengurusan dalam menjalankan pentadbiran harian KWAP dan juga tenaga kerjanya. Ketua Pegawai Eksekutif juga merupakan ahli ex-officio Lembaga.

TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI LEMBAGA

Di bawah Seksyen 6 Akta 662, Lembaga diamanahkan dengan tanggungjawab pentadbiran dan pengurusan KWAP. Penubuhan Lembaga adalah untuk mentadbir, menetapkan hala tuju strategik, dan menyelia pengurusan KWAP dengan memberi tumpuan kepada perlindungan dan peningkatkan kepentingan para pencarum dan pihak kepentingan.

Selaras dengan tanggungjawab berkanun dan sebagai sebahagian daripada fungsi-fungsinya, Lembaga merumus dan menentukan dasar dan prosedur pentadbiran dan pengurusan bagi memastikan KWAP mencapai matlamatnya dengan jaya dan cemerlang.

Lembaga mempunyai beberapa tugas khusus seperti mengawal selia pengendalian urusan, mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sewajarnya untuk menguruskan risiko-risiko berkenaan serta mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang diperuntukan dalam Akta dan Piagam Lembaga.

KOMPONEN LEMBAGA YANG BERKESAN

| | |
|---|---|
| <i>Penstruktur Lembaga berprestasi tinggi</i> | <ul style="list-style-type: none"> Menstruktur Lembaga yang memenuhi keperluan organisasi. Mentakrifkan peranan jawatankuasa, struktur dan komposisi bagi melengkapkan keperluan Lembaga. Pemilihan dan pencalonan Ahli Lembaga dengan menggunakan proses teratur. Menilai Lembaga secara keseluruhan dan setiap Ahli Lembaga secara berkala. |
| <i>Memastikan operasi dan interaksi Lembaga yang berkesan</i> | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan setiap mesyuarat Lembaga adalah produktif. Memastikan kualiti dan ketepatan masa semua maklumat Lembaga. Membina kepercayaan melalui interaksi dinamik Lembaga yang positif dan komunikasi terbuka di dalam Lembaga serta dengan pihak pengurusan. |
| <i>Memenuhi peranan dan tanggungjawab asas Lembaga</i> | <ul style="list-style-type: none"> Menyumbang kepada pembangunan strategi korporat dan penetapan sasaran. Mendukung pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh. Menyelia pembangunan pemimpin masa hadapan dan modal insan organisasi. Memahami dan menguruskan risiko organisasi. Menerima-pakai perspektif pihak berkepentingan apabila membuat keputusan. Mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang sah. |

Mesyuarat Lembaga

Sepanjang tahun kewangan 2017, sebanyak sembilan (9) mesyuarat Lembaga telah diadakan.

Ringkasan bilangan mesyuarat yang dihadiri Ahli Lembaga adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama | Kehadiran | Bil. | Nama | Kehadiran |
|------|--|-------------|------|--|-------------|
| 1. | Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah <i>Pengerusi</i> | 9/9 | 7. | Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid <i>(*bercuti belajar sejak 30 September 2017)</i> | 7/9* |
| 2. | Dato' Che Pee Samsudin <i>(*Bersara pada 15 Oktober 2017)</i> | 6/7 | 8. | Dato' Siow Kim Lun | 9/9 |
| 3. | Encik Saat Esa <i>(*Dilantik pada 16 Oktober 2017)</i> | 0/2* | 9. | Dato' Azmi Abdullah | 8/9 |
| 4. | Datuk Siti Zauyah Md Desa | 7/9 | 10. | Dato' Dr Gan Wee Beng | 9/9 |
| 5. | Datuk Siti Zainab Omar | 9/9 | 11. | Datuk Aziz Muda | 8/9 |
| 6. | Encik Teo Khian How <i>(*Dilantik pada 28 Februari 2017)</i> | 6/7* | 12. | Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad | 9/9 |

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Dalam keadaan di mana keputusan segera dan mustahak diperlukan, dan Setiausaha tidak dapat mengadakan mesyuarat, kelulusan boleh diminta melalui surat pekeliling kepada semua ahli Lembaga. Keputusan melalui surat pekeliling memerlukan kelulusan majoriti dan akan dilaporkan di dalam mesyuarat Lembaga seterusnya untuk pengesahan.

Di antara aktiviti utama Lembaga bagi tahun 2017 selaras dengan kuasanya mengikut Seksyen 12(1) Akta 662 adalah seperti berikut:

| Bil. | Skop Tanggungjawab dan Akauntabiliti Lembaga Mengikut Peruntukan Akta | Tugas/Aktiviti Lembaga Bagi Tahun 2017 |
|------|---|---|
| 1. | Untuk mewujudkan prosedur berkenaan dengan hal-hal berkaitan kewangan dan perakaunan, termasuk penyimpanan, penutupan, dan pengauditan akaun KWAP dan mewujudkan prosedur kewangan dan perakaunannya sendiri. | <ul style="list-style-type: none"> Meluluskan Penyata Kewangan Beraudit KWAP bagi Tahun Kewangan 2016. Meluluskan Bajet Perbelanjaan KWAP bagi Tahun Kewangan 2018. Meluluskan Bajet Tambahan bagi Perbelanjaan Berkaitan Hartanah Menara CapSquare yang terletak di 10 Jalan Munshi Abdullah Kuala Lumpur. |
| 2. | Untuk menetapkan tanggungjawab warga kerja KWAP termasuk perkara-perkara berkenaan saraan, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan, dan cuti warga kerjanya. | <ul style="list-style-type: none"> Meluluskan Pembaharuan Kontrak Ketua Pegawai Eksekutif dan beberapa Ketua Jabatan KWAP. Meluluskan Cadangan Pelarasan Gaji bagi warga kerja KWAP. |
| 3. | Menubuhkan pihak berkuasa tata tertib yang sesuai bagi pemantauan perilaku dan disiplin warga kerja KWAP. | <ul style="list-style-type: none"> Tiada. |
| 4. | Menubuhkan jawatankuasa dan prosedur jawatankuasa tersebut. | <ul style="list-style-type: none"> Tiada Jawatankuasa baharu ditubuhkan pada tahun 2017. |
| 5. | Mengawal selia prosedur dalaman termasuk prosedur berkaitan operasi. | <ul style="list-style-type: none"> Meluluskan Piagam Lembaga yang telah Disemak Semula Meluluskan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan KWAP yang telah Disemak Semula. Meluluskan Penggantian Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan Sedia Ada dengan Dasar-dasar Baharu. Meluluskan Dasar Pengurusan Risiko Pasaran. Meluluskan Dasar Risiko Nilai Risiko Pasaran. Meluluskan Dasar Pengurusan Risiko Kredit. Meluluskan Dasar Pengujian Tekanan Risiko Pasaran. |
| 6. | Untuk menetapkan bagaimana cara sebarang dokumen, cek dan instrumen hendaklah ditandatangani atau dilaksanakan bagi pihak KWAP. | <ul style="list-style-type: none"> Tiada. |
| 7. | Untuk menyediakan peruntukan bagi semua perkara yang perlu ditetapkan atau yang perlu atau wajar diberi kuasa dan bagi tujuan melaksanakan peruntukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). | <ul style="list-style-type: none"> Meluluskan Pelantikan Panel Peguamcara, Pengurus Dana Luaran dan Vendor. |

PANEL PELABURAN

Akta ini juga memperuntukan penubuhan Panel Pelaburan – sebuah badan yang bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berkaitan dengan pelaburan KWAP yang ditetapkan di bawah Seksyen 7 (1) Akta. Oleh itu, ianya berfungsi menentukan hala tuju strategik bagi kesemua perkara-perkara berkaitan pelaburan serta menentukan dan meluluskan dasar dan garis panduan pelaburan, dasar pengurusan risiko, peruntukan aset, dan hala tuju strategik pelaburan.

Komposisi Panel Pelaburan

Seperti yang ditetapkan menurut Seksyen 7(2) Akta, Panel Pelaburan perlulah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut, dan hendaklah dilantik oleh Menteri Kewangan:-

- (i) seorang Pengurus yang hendaklah dilantik sebagai Pengurus Lembaga atau mana-mana individu lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan (Seksyen 7(2)(a) Akta);
- (ii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan (Seksyen 7(2)(c) Akta);
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP hendaklah menjadi setiausaha (Seksyen 7(2)(d) Akta); dan
- (iv) Empat (4) individu lain daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman dan kapakaran perniagaan, pelaburan, perbankan atau kewangan (Seksyen 7(2)(e) Akta).

Satu (1) perubahan kepada komposisi Panel Pelaburan pada tahun 2017 adalah pelantikan Tan Sri Dr Ong Hong Peng. Beliau dilantik pada 15 Mac 2017 sebagai satu daripada empat (4) wakil dari sektor awam atau swasta dan mempunyai pengalaman dan kapakaran perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan menurut keperluan Seksyen 7(2)(e) Akta.

Profil ringkas setiap ahli Panel Pelaburan dibentangkan di muka surat 52 hingga 55 dalam Laporan Tahunan ini.

Tugas dan Tanggungjawab Utama Panel Pelaburan

Panel Pelaburan diberi kuasa oleh Seksyen 7(1) Akta. Di antara tanggungjawab utamanya adalah untuk meluluskan hala tuju strategik KWAP berhubung dengan kesemua perkara pelaburan termasuk, dasar dan garis panduan pelaburan, strategi peruntukan aset serta hala tuju bagi kesemua cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan hendaklah melaporkan aktivitinya kepada Lembaga dan hendaklah bertindak mengikut dasar am yang boleh dikeluarkan oleh Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Mesyuarat Panel Pelaburan

Sepanjang tahun kewangan 2017, sejumlah dua belas (12) Mesyuarat Panel Pelaburan dan tiga (3) Mesyuarat Khas telah diadakan. Ringkasan bilangan kehadiran Ahli Panel Pelaburan dinyatakan di bawah:

Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan:

| Bil. | Nama | Kehadiran |
|------|---|--------------|
| 1. | Dato' Mohammed Azlan Hashim <i>Pengurus</i> | 15/15 |
| 2. | Dato' Dr Yusof Ismail | 12/15 |
| 3. | Datuk Abdul Farid Alias | 8/15 |
| 4. | Encik Johari Abdul Muid | 12/15 |
| 5. | Encik Mohammed Nazri Omar | 12/15 |
| 6. | Tan Sri Dr Ong Hong Peng <i>(*Dilantik pada 15 Mac 2017)</i> | 11/11 |

Dalam keadaan di mana keputusan segera dan mustahak diperlukan, dan Setiausaha tidak dapat mengadakan mesyuarat, kelulusan boleh diminta melalui surat pekeliling kepada semua ahli Panel Pelaburan. Keputusan melalui surat pekeliling memerlukan kelulusan majoriti dan akan dilaporkan di dalam mesyuarat Panel Pelaburan seterusnya untuk pengesahan.

Sepanjang tahun 2017, Panel Pelaburan telah mempertimbangkan dan membincangkan 77 cadangan di mana 69 daripada cadangan tersebut telah diluluskan termasuk kelulusan melalui surat pekeliling.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA LEMBAGA

Dalam usaha membantu Lembaga dalam melaksanakan tugasnya, Lembaga telah menubuhkan pelbagai jawatankuasa untuk memantau perkara-perkara khusus berkaitan dengan operasi KWAP, di antaranya Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Risiko, Jawatankuasa Lembaga Imbuhan dan Pencalonan, dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Pada tahun 2017, terma rujukan Jawatankuasa Lembaga yang membentuk sebahagian daripada Piagam Lembaga telah dikaji semula dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Butiran aktiviti Jawatankuasa Lembaga sepanjang tahun kewangan 2017 adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

(dahulu dikenali sebagai Jawatankuasa Audit (AC))

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) ditubuhkan untuk memastikan penubuhan dan penguatkuasaan kawalan dalaman dan sistem di KWAP.

Keahlian

BAC terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga, di antaranya seorang Pengerusi dan tiga (3) ahli yang telah dilantik oleh Lembaga:

- | | |
|---|-------------|
| (i) Dato' Azmi Abdullah | - Pengerusi |
| (ii) Dato' Siow Kim Lun | - Ahli |
| (iii) Dato' Dr Gan Wee Beng | - Ahli |
| (iv) Dato' Che Pee Samsuddin <i>(bersara pada 15 Oktober 2017)</i> | - Ahli |

Dato' Azmi Abdullah adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Empat (4) mesyuarat BAC telah diadakan sepanjang tahun 2017.

Tugas dan tanggungjawab BAC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BAC:

- (i) Penyata Kewangan
- (a) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula peraturan kewangan, peraturan perakaunan, dasar dan amalan;

- (b) Untuk mengkaji semula penyata kewangan KWAP dengan pihak pengurusan dan juruaudit sebelum ianya diluluskan oleh Lembaga; dan
- (c) Untuk mengkaji semula perubahan yang dilakukan kepada Prosedur Kewangan.

(ii) Audit Dalam

- (a) Untuk mengkaji semula dan membincangkan sifat dan skop pelan audit dalaman dan luaran dan memastikan penyelarasan pendekatan di antara juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau penyedia perkhidmatan jaminan dan perundingan luaran yang lain;
- (b) Untuk mengkaji semula permerhatian audit dan tindakan susulan pihak pengurusan kepada juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau penyedia perkhidmatan jaminan dan perundingan luaran yang lain;
- (c) Untuk memantau sebarang pelantikan, pembaharuan, prestasi dan penggantian Ketua Jabatan Audit Dalam;
- (d) Untuk mengkaji semula piagam audit dalaman, aktiviti, perjawatan, struktur organisasi kepada fungsi audit dalaman termasuk pelan audit tahunan, dan membuat cadangan yang sesuai kepada Lembaga; dan
- (e) Untuk mengkaji semula keberkesanan fungsi audit dalaman, termasuk pematuhan kepada Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa, Institut Audit Dalam (IPPF) bagi Pengauditan Dalam.

(iii) Kawalan Dalam

- (a) Untuk memberi penilaian bebas mengenai kecukupan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan pematuhan terhadap dasar risiko, undang-undang, garis panduan dalaman, dan keperluan kawal selia.

(iv) Tanggungjawab-tanggungjawab Lain

- (a) Untuk berbincang secara berkala dengan juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau penyedia perkhidmatan jaminan dan perundingan luaran yang lain berkaitan sebarang perkara yang mereka ingin bincangkan (sekiranya ketidaan pihak pengurusan dan sekiranya perlu);

- (b) Untuk mempertimbangkan penemuan utama penyiasatan dalaman dan tindakan susulan pihak pengurusan;
- (c) Untuk mengarahkan dan memberi pemantauan ke atas sebarang penyiasatan khas yang akan dilaksanakan oleh juruaudit dalaman atau mana-mana pihak bebas, dan mengkaji semula hasil siasatan;
- (d) Untuk mempertimbangkan sebarang transaksi pihak berkaitan yang mungkin timbul di dalam KWAP; dan
- (e) Untuk mempertimbangkan sebarang isu-isu lain menurut pentakrifan Lembaga.

Juruaudit luaran KWAP adalah Ketua Audit Negara Malaysia sebagaimana ditentukan oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

Kehadiran Mesyuarat BAC:

| Bil. | Nama | Kehadiran |
|------|---|-----------|
| 1. | Dato' Azmi Abdullah | 4/4 |
| 2. | Dato' Siow Kim Lun | 4/4 |
| 3. | Dato' Dr Gan Wee Beng | 3/4 |
| 4. | Dato' Che Pee Samsuddin <i>(*bersara pada 15 Oktober 2017)</i> | *2/3 |

Ringkasan Aktiviti-aktiviti BAC:

Di antara isu-isu utama yang dibincangkan oleh BAC sepanjang tahun 2017 adalah:

- Penyata Kewangan Disatukan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016;
- Pindaan kepada Terma Rujukan BAC;
- Laporan Audit Dalaman ke atas: Pelaburan Hartanah Australia KWAP; Sumber Manusia - Perekutan, Perancangan Penggantian dan Latihan dan Pengauditan Pengurusan Alat Mudah Alih;
- Isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS); dan
- Tinjauan Audit Dalaman dan Isu-isu Audit beberapa jabatan di KWAP.

JAWATANKUASA LEMBAGA RISIKO

(dahulu dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC))

Jawatankuasa Lembaga Risiko (“BRC”) telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya berkaitan dengan pengurusan risiko.

Keahlian

BRC terdiri daripada tiga (3) ahli Lembaga dan satu (1) ahli Panel Pelaburan iaitu seorang Pengerusi dan tiga (3) ahli yang telah dilantik oleh Lembaga:

- | | |
|--------------------------------------|-------------|
| (i) Dato' Dr Gan Wee Beng | - Pengerusi |
| (ii) Dato' Siow Kim Lun | - Ahli |
| (iii) Dato' Mohammed Azlan Hashim | - Ahli |
| (iv) Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad | - Ahli |

Empat (4) mesyuarat BRC dan satu (1) mesyuarat Khas BRC telah diadakan sepanjang tahun 2017.

Tugas dan tanggungjawab BRC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BRC:

- (i) Menentukan selera risiko dan mengesyorkannya kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (ii) Mengkaji semula rangka kerja dasar dan rangka kerja pengurusan dan pematuhan risiko dan mengesyorkannya kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (iii) Mengkaji garis panduan pengurusan risiko dan pematuhan;
- (iv) Meluluskan had risiko, dan merujuknya ke Lembaga, sekiranya perlu;
- (v) Memastikan proses pematuhan yang berkesan (untuk kawalan luaran dan dalaman) dengan mencadangkan kawalan bagi risiko yang wujud dalam produk, aktiviti, proses dan sistem;
- (vi) Meluluskan Dasar Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM);
- (vii) Memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem yang mencukupi telah disediakan bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko bagi pengurusan risiko yang berkesan di dalam KWAP;
- (viii) Mengkaji semula skop pendedahan dan kawalan risiko KWAP; dan
- (ix) Pertimbangkan isu-isu lain yang ditakrifkan oleh Lembaga.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Kehadiran Mesyuarat BRC:

| Bil. | Nama | Kehadiran |
|------|---------------------------------|------------|
| 1. | Dato' Dr Gan Wee Beng | 5/5 |
| 2. | Dato' Siow Kim Lun | 5/5 |
| 3. | Dato' Mohammed Azlan Hashim | 4/5 |
| 4. | Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad | 5/5 |

Ringkasan Aktiviti-aktiviti BRC:

Di antara isu-isu utama yang dibincangkan oleh BRC sepanjang tahun 2017 adalah:

- Laporan Profil Risiko Korporat, Tinjauan Risiko, Peristiwa Risiko Operasi, Risiko Pelaburan, Pendedahan Pertukaran Asing dan Kegiatan Lindung Nilai;
- Kelulusan penyusunan semula dokumen tadbir urus Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan;
- Kelulusan Dasar termasuk: Dasar Pengurusan Risiko Pasaran; Dasar Risiko Nilai Risiko Pasaran; Dasar Pengurusan Risiko Kredit, Dasar Pengujian Tekanan Risiko Pasaran, Dasar Pengurusan Risiko Penipuan; Dasar Penarafan Kredit; Dasar Pengurusan Pertukaran Asing dan Dasar Penyata Selera Risiko KWAP; dan
- Kemas kini Amalan Pematuhan.

JAWATANKUASA LEMBAGA IMBUHAN DAN PENCALONAN (Dahulu dikenali sebagai Jawatankuasa Imbuhan (REMCO))

Jawatankuasa Lembaga Imbuhan dan Pencalonan (BRNC) telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk mewujudkan rangka kerja dasar yang relevan dalam menentukan pelantikan dan imbuhan pihak pengurusan dan kakitangan KWAP serta mencadangkan kepada Lembaga Pengarah berkaitan imbuhan berbanduan prestasi tenaga kerja berkenaan.

Keahlian

BRNC terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga dan satu (1) ahli Panel Pelaburan iaitu seorang Pengerusi dan empat (4) ahli yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Siow Kim Lun – Pengerusi
- (ii) Dato' Mohammed Azlan Hashim – Ahli
- (iii) Dato' Azmi Abdullah – Ahli
- (iv) Datuk Aziz Muda – Ahli
- (v) Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad – Ahli

Lima (5) mesyuarat BRNC telah diadakan sepanjang tahun 2017.

Tugas dan tanggungjawab BRNC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BRNC:

- (i) Berkaitan hal-hal sumber manusia:
 - (a) Untuk mengesyorkan keperluan minimum berkaitan kemahiran, pengalaman, kelayakan dan lain-lain kecekapan teras warga kerja KWAP;
 - (b) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula terma dan syarat pekerjaan dan perkhidmatan warga kerja KWAP;
 - (c) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula kod tatalaku dan tatatertib warga kerja KWAP;
 - (d) Untuk mengesyorkan mekanisme penilaian formal berkaitan keberkesanannya warga kerja KWAP;
 - (e) Untuk mengesyorkan kenaikan pangkat warga kerja KWAP;
 - (f) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan kepada Lembaga berkaitan pelantikan, penataran dan kenaikan pangkat pihak Pengurusan Kanan Kumpulan KWAP;
 - (g) Untuk menyemak dan meluluskan cadangan daripada pengarah eksekutif bagi pelantikan eksekutif kanan;
 - (h) Untuk mempertimbangkan dan mengesyorkan tempoh perkhidmatan Pengarah Eksekutif;

- (i) Untuk mempertimbangkan pelan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan;
- (j) Untuk mengesyorkan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan sekiranya mereka didapati tidak berkesan, menyeleweng dan cuai dalam menjalankan tugas mereka;
- (k) Untuk menentukan imbuhan dan syarat-syarat perjawatan Ketua Pegawai Eksekutif;
- (l) Untuk menentukan kontrak prestasi dan sasaran, serta struktur imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif, dan untuk menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berbandingkan sasaran-sasaran ini;
- (m) Untuk mengesyorkan rangka kerja imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan kepada Lembaga. BRNC boleh mendapatkan nasihat profesional bebas dan sebarang maklumat lain yang diperlukan dalam menentukan rangka kerja;
- (n) Untuk mendapatkan kelulusan Lembaga berkaitan sebarang cadangan bagi bayaran imbuhan dan manfaat Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan, termasuk kontrak perkhidmatan dan bayaran pampasan;
- (o) Untuk mewujudkan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar berkaitan imbuhan (sekiranya ada) Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan dan untuk menetapkan pakej imbuhan masing-masing;
- (p) Untuk mengkaji semula kesemua manfaat dan kelayakan (hak) Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan (sekiranya ada) Kumpulan KWAP;
- (q) Untuk mempertimbangkan komitmen pampasan/bayaran pemberhentian bagi Ketua Pegawai Eksekutif sekiranya berlaku penamatkan awal kontrak pekerjaan/perkhidmatan; dan
- (r) Pertimbangkan isu-isu lain yang ditakrifkan oleh Lembaga.
- (ii) Fungsi-fungsi lainnya termasuk:
- (a) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga satu rangka kerja atau dasar luas untuk imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat/Kumpulan dan bagi pihak pengurusan kanan Syarikat/Kumpulan mengikut pertimbangan BRNC yang telah ditetapkan. Penentuan pakej imbuhan pengarah bukan eksekutif adalah sebahagian daripada tugas BRNC, dan individu-individu yang terlibat perlulah mengasingkan diri daripada perbincangan yang melibatkan imbuhan mereka sendiri;
- (b) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga sebarang skim pampasan yang berpandukan prestasi bagi KWAP;
- (c) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga dasar dan skop perjanjian perkhidmatan, pembayaran pemberhentian dan pampasan eksekutif;
- (d) Untuk mengawasi sebarang perubahan besar berkaitan warga kerja KWAP; dan
- (e) Untuk mempertimbangkan dan mengkaji perkara relevan yang dianggap sesuai oleh BRNC.

Kehadiran Mesyuarat BRNC:

| Bil. | Nama | Kehadiran |
|------|---------------------------------|-----------|
| 1. | Dato' Siow Kim Lun | 5/5 |
| 2. | Dato' Mohammed Azlan Hashim | 5/5 |
| 3. | Dato' Azmi Abdullah | 5/5 |
| 4. | Datuk Azih Muda | 3/5 |
| 5. | Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad | 5/5 |

Ringkasan Aktiviti-aktiviti BRNC:

Di antara cadangan yang dipertimbangkan dan disahkan oleh BRNC sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

- Pembayaran Bonus Tahun 2016 dan Peningkatan Gaji Tahunan bagi 2017;
- Semak Semula Struktur Gaji dan Kajian Semula Manfaat warga Kerja KWAP; dan
- Pembaharuan Kontrak Perjawatan beberapa Ketua Jabatan KWAP.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHAN

(Dahulu dikenali sebagai Lembaga Tender)

Jawatankuasa Lembaga Perolehan (BPC) telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya berkaitan dengan penilaian cadangan perolehan.

Keahlian

BPC terdiri daripada tiga (3) ahli Lembaga iaitu seorang Pengerusi dan dua (2) ahli yang telah dilantik oleh Lembaga:

- | | |
|---|-------------|
| (i) Datuk Siti Zauyah Md. Desa | - Pengerusi |
| (ii) Dato' Che Pee Samsudin <i>(*Bersara pada 15 Oktober 2017)</i> | - Ahli |
| (iii) Datuk Azih Muda | - Ahli |
| (iv) Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad | - Ahli |

Sepanjang tahun 2017, empat (4) Mesyuarat BPC dan dua (2) Mesyuarat Khas BPC telah diadakan untuk membincangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga cadangan pemerolehan di dalam had bidang kuasanya.

Tugas dan tanggungjawab BPC:

- Untuk mengkaji semula pendaftaran petender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor, iklan pelawaan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (sekiranya perlu), penyediaan jadual tender oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan kewangan, dan lain-lain;
- Untuk memastikan bahawa proses perolehan mematuhi kesemua etika, dasar dan prosedur perolehan;
- Untuk mengkaji keupayaan teknikal dan kewangan petender. Semasa penilaian dilakukan, cadangan teknikal akan dibuka dan dinilai terlebih dahulu, diikuti dengan cadangan kewangan;
- Untuk mempertimbangkan dan mengesyorkan pemberian tender yang bermanfaat kepada KWAP, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk/barangan dan/atau perkhidmatan, tempoh penyerahan atau tempoh siap, kos penyelenggaraan serta faktor-faktor lain yang berkaitan;

- Untuk membuat keputusan mengenai proses tender semula atau mencadangkan mana-mana kaedah perolehan lain, sekiranya BPC mendapati bahawa prosedur perolehan tidak mengikut peraturan-peraturan atau mengesyaki bahawa terdapat penyelewengan dalam proses tender;
- Untuk mempertimbangkan dan menerima tender yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa dengan sekurang-kurangnya majoriti mudah dan berada dalam had yang diluluskan;
- Untuk mempertimbangkan dan menerima sebarang sebutharga yang diperakui oleh Jawatankuasa Sebutharga yang melebihi had sebutharga; dan
- Untuk mempertimbangkan isu-isu perolehan lain sebagaimana yang ditakrifkan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat BPC:

| Bil. | Nama | Kehadiran |
|------|--|-------------|
| 1. | Datuk Siti Zauyah Md Desa <i>Pengerusi</i> | 6/6 |
| 2. | Dato' Che Pee Samsudin <i>(*Bersara pada 15 Oktober 2017)</i> | 3/4* |
| 3. | Datuk Azih Muda | 6/6 |
| 4. | Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad | 6/6 |

PELANTIKAN DAN IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun, dan setelah tamat tempoh tersebut, ahli-ahli layak untuk dilantik semula. Imbuhan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari masa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2017, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan telah masing-masing menerima imbuhan sebanyak RM638,500 dan RM547,980

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Transformasi audit dalaman sepanjang tempoh 10 tahun yang lalu telah membawakan beberapa kejayaan. Di peringkat awal penubuhan KWAP, fungsi audit dalaman dilaksanakan menerusi juruaudit luaran. Jabatan Audit Dalaman tersendiri telah ditubuhkan pada tahun 2012 dengan sumber yang terhad, dan semenjak penubuhannya telah menampakkan peningkatan yang mantap.

Sepanjang tahun 2017, pelbagai tugas audit telah dilaksanakan ke atas aktiviti-aktiviti berkaitan operasi dan pelaburan selaras dengan pelan audit yang telah diluluskan. Jawatankuasa Lembaga Audit secara berkala mempertimbangkan laporan audit yang merangkum peluang peningkatan, isu-isu audit dan pelan tindakan pengurusan bagi menangani sebarang kekurangan proses kawalan dalaman. Susulan berterusan dan rujukan berkala sentiasa dibuat kepada Jawatankuasa Lembaga Audit dan Jawatankuasa Eksekutif berkaitan kesemua isu audit yang belum jelas sehingga penyelesaian dicapai.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Ahli Lembaga (Lembaga) secara keseluruhan bertanggungjawab mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang dapat memastikan bahawa tadbir urus korporat yang baik diamalkan di dalam operasi perniagaan dan prestasi kewangan KWAP. Lembaga memastikan bahawa infrastruktur operasi, sistem kawalan, sistem pengenalpastian dan pengurusan risiko, kawalan kewangan dan operasi telah ditetapkan dan dilaksanakan dengan sebaiknya. Ini melibatkan pengenalpastian risiko utama dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman yang sesuai dan langkah-langkah pengurangan risiko organisasi berada dalam lingkungan profil risiko yang boleh diterima.

Lembaga telah mewakilkan peranan dan tanggungjawab tertentu kawalan dalaman kepada jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga iaitu; Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Imbuhan dan Pencalonan, Jawatankuasa Lembaga Risiko; dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Jawatankuasa-jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif untuk memberi perspektif baharu dan bebas kepada proses pengambilan keputusan.

Lembaga mengutamakan keberkesanan piawaian tadbir urus korporat dan menjagaan kepentingan pelabur yang dipandu oleh Prinsip Tadbir Urus Global ICGN dan Prinsip Kepimpinan Global.

Lembaga telah menerima-pakai dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*) yang bertujuan untuk menggalakkan tenaga kerja menyuarakan sebarang kemusykilan berkaitan pengendalian organisasi atau tatalaku pihak yang terlibat. KWAP bertekad menyiasat sebarang penyeleweng atau aktiviti yang menyalahi undang-undang yang mungkin wujud di dalam organisasi supaya ianya boleh diurus dan dianteras dengan sewajarnya agar ianya tidak mencemarkan reputasi KWAP.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

TIGA BARISAN PERTAHANAN

Keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko KWAP dicapai melalui Tiga (3) Barisan Pertahanan.

BARISAN PERTAHANAN PERTAMA

Sebagai barisan pertahanan pertama, pihak pengurusan mempunyai hak, tanggungjawab dan akauntabiliti terhadap pelaksanaan, penilaian dan komunikasi berkesan mengenai keputusan operasi dan pengurusan utama.

Pihak pengurusan juga bertanggungjawab mengekalkan kawalan dalaman yang berkesan menerusi pelaksanaan berikut:

Rangka kerja, dasar dan prosedur

Dokumen-dokumen dikaji secara berkala untuk memberikan konsistensi ke dalam operasi perniagaan KWAP dan mentransformasikan visi dan misi kami kepada keputusan berhasil. Setiap jabatan bertanggungjawab memastikan operasi harian dilaksanakan mengikut rangka kerja, dasar dan prosedur yang telah ditetapkan.

Penambahbaikan Proses Perniagaan

Pasukan Pembentukan Perniagaan memberi tumpuan terhadap penyepadan proses perniagaan utama di seluruh organisasi dan secara berterusan memantau pembangunan dan penyelenggaraan Dasar dan Prosedur.

Sumber Manusia

Menetapkan garis panduan yang sewajarnya berkaitan perekrutan, pemberhentian, pampasan dan latihan kakitangan. Organisasi ini komited terhadap peningkatan kemahiran, kecekapan dan keupayaan tenaga kerjanya bagi memastikan pelaksanaan tugas secara tepat dan profesional.

Tatalaku Kakitangan

KWAP telah menerbitkan Buku Panduan Etika dan Kelakuan Pekerja (Kod) untuk memberi bimbingan kepada kakitangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka selaras dengan nilai-nilai KWAP. Kod menetapkan tingkah laku etika selaras dengan dasar dan garis panduan dalaman yang berkaitan.

BARISAN PERTAHANAN KEDUA

Barisan pertahanan kedua disediakan melalui penubuhan Jawatankuasa Risiko (RC) yang membantu Jawatankuasa Lembaga Risiko dalam mengulas strategi, dasar dan garis panduan pengurusan risiko sebelum ianya diluluskan. Peranan dan tanggungjawab RC termasuklah kajian semula dan penilaian pendedahan risiko KWAP, keputusan berkaitan dasar, dan kawalan mitigasi yang sesuai. Oleh itu, fungsi RC adalah untuk memastikan wujudnya infrastruktur, sumber dan sistem untuk pengurusan risiko yang berkesan.

Penilaian Prestasi

KWAP menggunakan Skor Kad Korporat untuk mengendalikan objektif perniagaan selaras dengan visi KWAP ke arah organisasi inovatif dan mapan.

Keselamatan Maklumat

Dasar Keselamatan Maklumat mengandungi domain utama dalam mengurus dan mentadbir keselamatan maklumat. Ini adalah untuk melindungi dan memelihara kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan kesemua maklumat di dalam KWAP dengan memanfaatkan teknologi menerusi kawalan berpusat sistem Infrastruktur Komputer Maya (VDI) dan Pencegahan Kehilangan Data.

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

KWAP menggalakkan tenaga kerjanya menyuarakan sebarang kemusyikilan berkaitan pengendalian organisasi atau tatalaku pihak yang terlibat. KWAP bertekad menyiasat sebarang penyelewengan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang yang mungkin wujud di dalam organisasi supaya ianya boleh diurus dan dibanteras dengan sewajarnya agar ianya tidak mencemarkan reputasi KWAP.

BARISAN PERTAHANAN KETIGA

Audit dalaman membentuk barisan pertahanan ketiga organisasi. Audit Dalaman dikawal oleh Piagam Audit Dalaman yang diluluskan oleh Jawatankuasa Lembaga Audit. Jabatan Audit Dalaman (IAD) dengan menggunakan pendekatan berdasarkan risiko akan memberikan jaminan objektif ke atas kecukupan tadbir urus, pengurusan risiko dan keberkesanan sistem kawalan dalaman secara keseluruhan. Menerusi pelbagai tugas audit, IAD telah mendedahkan risiko yang dikenal pasti, lain-lain isu audit serta pelan tindakan pihak Pengurusan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit untuk pemeriksaan dan arahan.

DASAR, GARIS PANDUAN DAN PENSIJILAN BAHARU

PENGHAYATAN ESG DI KALANGAN TENAGA KERJA KWAP

Sebagai sebahagian daripada usaha KWAP untuk menghayati ESG di kalangan tenaga kerjanya, kami telah mengundang institusi-institusi seperti Sime Darby Berhad, Aberdeen Asset Management dan Robeco Asset Management untuk berkongsi pandangan mengenai topik-topik berkaitan ESG. Topik-topik termasuk Kemampunan di Sime Darby, Pelaburan Mampan, dan Integrasi ESG/Kemampunan ke dalam proses pelaburan.

Pada bulan Ogos 2017, Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Strategi dan Prestasi Korporat dan Jabatan Hal Ehwal Korporat telah berusaha sama melaksanakan Kempen KWAP Green Office ("KWAP GO"). Kempen yang diadakan selama sebulan ini merangkum pelbagai aktiviti pendidikan berkaitan konsep ESG dan telah disertai oleh kakitangan KWAP dari pejabat utama serta Cyberjaya. Di samping itu, sebagai salah satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporatnya, KWAP telah menganjurkan satu program berkaitan ESG yang dikenali sebagai "KWAP Liter of Light". Program ini bertujuan untuk menyediakan cahaya tenaga solar yang berpatutan dan mampan kepada penempatan masyarakat peribumi yang tiada akses atau akses terhad kepada tenaga elektrik. Inisiatif ini telah memanfaatkan seramai 250 masyarakat peribumi pada tahun 2017.

GARIS PANDUAN ESG PERINGKAT KORPORAT KWAP

Pada tahun 2017, KWAP telah menerapkan amalan terbaik ESG merentasi aktiviti perniagaan dan operasinya. Inisiatif ini melibatkan kesemua bidang utama, seperti pelaburan, operasi, pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan pencegahan dengan menggunakan garis panduan ESG Peringkat Korporat KWAP.

Objektif Garis Panduan ESG Peringkat Korporat KWAP adalah:

- Tanggungjawab Terhadap Pihak Berkepentingan –

Untuk membolehkan KWAP memenuhi komitmen kepada pihak berkepentingan (semasa dan masa depan) secara bertanggungjawab dan mampan menerusi amalan terbaik ESG.

- Prestasi Mampan –

Untuk meningkatkan prestasi dan kemampunan jangka panjang KWAP dan syarikat-syarikat pelaburannya. KWAP percaya bahawa faktor kemampunan akan mempengaruhi profil pelaburan pulangan-risiko dengan ketara.

- Menggalakkan amalan terbaik ESG di pasaran modal berserta rakan niaga KWAP –

Untuk menggunakan kedudukan KWAP sebagai pelabur institusi bagi meningkatkan amalan ESG di:

- Pasaran modal berkaitan:

- Hubungan dengan syarikat-syarikat pelaburan kami.
- Usahasama dengan badan pengawal selia (contohnya: Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti)
- Usahasama dengan badan tadbir urus korporat (CG) (contohnya: ICGN, ACGA, UNPRI dan MSWG)
- Peranan aktif dalam majlis yang berkaitan CG (contohnya: Majlis Pelabur Institusi dan Kumpulan Pemegang Saham Utama CG Suruhanjaya Sekuriti)

- Syarikat-syarikat di seluruh rantai nilai KWAP termasuk pembekal, pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan rakan niaga berkaitan yang lain.

Garis Panduan ESG Peringkat Korporat terdiri daripada tujuh tunggak iaitu:



Garis Panduan ESG Peringkat Korporat akan dikemas kini secara berkala sejajar amalan terbaik industri semasa dan untuk menggambarkan inisiatif ESG KWAP terbaru.

Tambahan kepada Garis Panduan ESG Peringkat Korporat KWAP, komitmen KWAP terhadap ESG dalam pelaburan dan amalan pelaburannya dicerminkan di dalam dokumen-dokumen berikut yang membentuk sebahagian daripada keseluruhan Garis Panduan ESG:

- Garis Panduan ESG untuk Pelaburan
- Dasar dan Garis Panduan Pelaburan
- Metodologi Penyelidikan Berdasarkan ESG

PELAKSANAAN MFRS

Pada tahun 2014, KWAP telah mencapai satu penanda aras baharu apabila Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dijadikan mandatori. Piawaian ini telah memperkenalkan satu tahap yang baharu dalam prinsip perakaunan dan pelaporan terutamanya dengan Piawaian MFRS 139 – “Pengiktirafan dan Pengukuran Instrumen Kewangan”. Ekoran keperluan mandatori ini, KWAP telah mewujudkan satu rangka kerja untuk memastikan peralihan lancar PERS ke MFRS. Kesemua dasar, proses, dan penyataan semula kewangan tahun kewangan 2016 telah dilengkapkan mengikut penanda aras menjelang tahun 2017.

SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN ELEKTRONIK (EDMS)

Seiring dengan matlamat mentransformasikan PeSD ke arah organisasi tanpa kertas, sistem EDMS telah dibangunkan untuk menguruskan penciptaan, penyimpanan, dan kawalan dokumen secara elektronik. Sistem ini, di antara lain akan memanfaatkan KWAP menerusi pengurangan kos penyimpanan tahunan, pengoptimuman sumber dan peningkatan pengurusan risiko.

PENUBUHAN UNIT PENIAGA PUSAT (CDU)

Unit Peniaga Pusat (CDU) telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada inisiatif meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi menerusi penyelarasaran sumber. Pembahagian tugas yang jelas di antara para pengurus portfolio dan peniaga akan meningkatkan kecekapan, di samping meningkatkan pelaksanaan dan ketelusan perdagangan menerusi pemantauan rapi ke atas pasaran harian dan pergerakan saham.

INISIATIF TADBIR URUS BAHRU

LAWATAN PIHAK PENGURUSAN

Sepanjang tahun 2017, KWAP telah mendalamkan lagi penglibatan dengan syarikat-syarikat pelaburan dengan menganjurkan 27 lawatan merangkumi 14 syarikat tempatan dan 13 syarikat serantau. Lawatan itu diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad dan disertai oleh ahli-ahli pengurusan kanan KWAP.

Lawatan Domestik Pihak Pengurusan pada tahun 2017

| Bil. | Syarikat |
|------|---------------------------------------|
| 1 | 123RF Technology Sdn Bhd |
| 2 | Eco World Development Group Berhad |
| 3 | Capitaland Malaysia Mall Trust |
| 4 | UEM Group Berhad |
| 5 | DRB-HICOM Berhad |
| 6 | TIME dotcom Berhad |
| 7 | Yinson Holdings Berhad |
| 8 | Lotte Chemical Titan Holdings Berhad |
| 9 | Eastern & Oriental Berhad |
| 10 | Globetronics Technology Berhad |
| 11 | Inari Amertron Berhad |
| 12 | SP Setia Berhad |
| 13 | Felda Global Ventures Holdings Berhad |
| 14 | Telekom Malaysia Berhad |

Sebagai sebahagian daripada usaha membina hubungan dengan rakan serantaunya, KWAP menganjurkan lawatan ke Indonesia pada bulan Ogos 2017. Di samping memperolehi maklumat penting berkaitan pelaburan semasa dan berpotensi menerusi hubungan langsung dengan syarikat-syarikat, badan-badan kerajaan dan pengawal selia, lawatan ini juga memberi peluang memerolehi maklumat berkaitan amalan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir (ESG) di Indonesia.

Lawatan Antarabangsa Pihak Pengurusan pada tahun 2017

| Bil. | Syarikat |
|------|--|
| 1 | Coordinating Ministry for Maritime Affairs |
| 2 | PT Jasa Marga (Persero) Tbk |
| 3 | Ancora Capital Management |
| 4 | Indofood Sukses Makmur Tbk |
| 5 | Saratoga Asia |
| 6 | Mitra Adiperkasa |
| 7 | Bank Indonesia |
| 8 | Ministry of Finance (Indonesia) |
| 9 | Bank Mandiri |
| 10 | Ciputra Development Tbk |
| 11 | XL Axiata Tbk |
| 12 | BPJS Ketenagakerjaan |
| 13 | PT Wijaya Karya (Persero) Tbk |

Di samping itu, KWAP juga meningkatkan penglibatan dengan syarikat-syarikat pelaburannya menerusi perbincangan isu-isu ESG semasa lawatan pengurusan/AGM bagi meningkatkan amalan tadbir urus korporat syarikat-syarikat pelaburannya.



KWAP bukan sahaja memberi tumpuan kepada prestasi tinggi dan pencapaian sasaran. Ianya merupakan sebuah organisasi yang mahukan hanya yang terbaik bagi tenaga kerja dan kebajikan mereka. Sebagai contohnya, KWAP telah menyediakan gim di pejabat serta para pelatih bagi memastikan kami sentiasa sihat dan cergas. Dalam 10 tahun saya bekerja di sini, kenangan paling manis saya adalah apabila saya berjaya memenangi Cabaran Fit & Fab, di mana jurulatih kecergasan telah membantu saya mengurangkan 19kg dalam masa 3 bulan! Saya tidak tahu akan syarikat lain yang menyediakan program sebegini. Ini menunjukkan bahawa KWAP komited terhadap pencapaian matlamatnya, namun ia juga turut memastikan bahawa kakitangannya sihat dan cergas bagi mencapai matlamat tersebut.



KAKITANGAN PERINTIS

KHAIRUL YUSRI – Pendapatan Tetap

LAWATAN PERINGKAT KERJA ESG

Usaha-usaha KWAP dalam menggalakkan tadbir urus korporat yang baik juga merangkumi Lawatan Peringkat Kerja ESG yang diketuai oleh Pihak Pengurusan dan para pegawai KWAP bagi meningkatkan penglibatan dengan syarikat-syarikat pelaburan seperti Boustead Holdings Berhad, Amway (M) Holdings Berhad, Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad, dan Malaysia Airlines Berhad.

HAK MENGUNDI

Pada tahun 2017, KWAP telah melaksanakan hak mengundinya di Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (AGM/EGM). Kami telah memberikan pandangan kami dan telah mengundi pada 149 AGM/EGM domestik. Pada tahun 2017 pihak Pengurusan KWAP juga telah menghadiri 9 AGM/EGM domestik bagi meningkatkan penglibatan KWAP serta menggalakkan tadbir urus korporat yang baik di dalam syarikat-syarikat pelaburannya. Di samping itu, KWAP telah terlibat secara langsung, pra dan pasca AGM dengan syarikat-syarikat pelaburan bagi membincangkan perkara-perkara yang melibatkan isu-isu seperti latihan korporat, kepelbagaian jantina, kemampanan dan isu-isu alam sekitar. Selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang disemak semula oleh Suruhanjaya Sekuriti, KWAP telah menerbitkan Garis Panduan ESG untuk Pendapatan Tetap yang telah diluluskan oleh Panel Pelaburan KWAP pada 15 Disember 2017. Garis Panduan ESG akan didedahkan secara terbuka dan akan dijadikan sebagai dokumen rujukan bagi para peminjam/penerbit bon KWAP.

Pada masa ini, KWAP juga sedang mengkaji semula Garis Panduan ESG untuk Pelaburan Ekuiti 2018 bagi mengambil kira Panduan Tadbir Urus Korporat terbitan Bursa Malaysia yang akan dilancarkan dalam masa terdekat untuk memastikan ianya selaras dengan peraturan dan amalan terbaik industri.

INISIATIF TADBIR URUS BAHARU

PENGLIBATAN DENGAN PENGAWAL SELIA/GLIC

Sebagai sebahagian daripada inisiatif KWAP dalam menyokong amalan tadbir urus korporat terbaik, KWAP telah mengadakan penglibatan dengan badan pengawal selia seperti Kumpulan Bank Dunia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti untuk membincangkan Dasar Kewangan Hijau dan Alam Sekitar.

PENGLIBATAN DENGAN BADAN TADBIR URUS KORPORAT

Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN)

KWAP telah menjadi ahli korporat Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN). ICGN diwakili oleh 638 ahli dari lebih 47 negara dan ditubuhkan untuk memajukan piawaian tadbir urus korporat yang berkesan kepada institusi-institusi di seluruh dunia pada tahun 2017. Pegawai KWAP telah dilantik menjadi koresponden negara bagi Malaysia.

Pada tahun 2017, KWAP telah menganjurkan Persidangan Tahunan Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN) 2017 di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur pada 11 hingga 13 Julai 2017 bersama Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) sebagai Rakan Kongsi Perdana. Lebih daripada 350 para profesional pasaran modal dari serantau dunia telah menghadiri persidangan ini dengan tujuan meninjau keutamaan tadbir urus di pasaran-pasaran utama Asia dan mencapai penciptaan nilai menerusi amalan-amalan jangka panjang yang mampan. Persidangan Tahunan ICGN 2017 merupakan persidangan utama dunia bagi pelabur, syarikat, dan penasihat profesional global yang tekad memajukan piawaian tadbir urus korporat dan pengawasan pelabur yang berkesan bagi mewujudkan pasaran yang efisien dan ekonomi yang mampan di seluruh dunia.

Persatuan Tadbir Urusan Korporat Asia (ACGA)

KWAP telah menjadi ahli Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA) pada bulan November 2015. ACGA adalah persatuan keahlian bebas dan bukan untung yang berdedikasi terhadap menggalakkan dan memudahkan penambahbaikan tadbir urus korporat di Asia. Setakat ini, ianya mempunyai 112 ahli dan diwakili oleh 8 sektor yang merangkumi dana persaraan dankekayaan negara, syarikat awam dan swasta, dan firma perakaunan. KWAP telah mengadakan sesi perjumpaan berasingan dengan wakil-wakil dari ACGA untuk membincangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai perkara-perkara berkaitan ESG.

Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Bangsa-bangsa Bersatu (UNPRI)

KWAP berurus rapat dengan wakil-wakil dari UNPRI bagi meningkatkan lagi tadbir urus korporat di rantau ini. PRI adalah peneraju dunia dalam bidang pelaburan bertanggungjawab. Ianya mengutamakan kepentingan jangka panjang penandatangannya, dari pasaran kewangan dan ekonomi-ekonomi secara keseluruhannya. Di samping itu, PRI memberikan pemahaman implikasi pelaburan faktor-faktor ESG dan menyokong rangkaian penandatangan pelabur antarabangsa dengan menggabungkan faktor-faktor ini ke dalam keputusan pelaburan dan pemilikan mereka. KWAP telah menghantarkan wakil-wakilnya ke Persidangan Tahunan bertajuk "PRI in Person 2017" yang telah diadakan di Jerman pada September 2017. Selepas tamatnya persidangan, KWAP telah mengadakan sesi perjumpaan tersendiri dengan wakil-wakil dari PRI untuk membincangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai perkara-perkara berkaitan ESG.

Jawatankuasa Penasihat FTSE

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat FTSE ESG pada bulan September 2015. Pelantikan Jawatankuasa adalah melalui jemputan dari FTSE. Penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk menyediakan forum bagi FTSE untuk berinteraksi dengan pengguna indeks dan pihak berkepentingan yang lain dengan tujuan meningkatkan metodologi yang mendasari penarafan FTSE ESG dan produk indeks yang berkaitan, termasuk FTSE4Good Index Series.

PENGLIBATAN DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI LAIN

Selain daripada penglibatan dengan pengawal selia, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan badan-badan tadbir urus korporat, KWAP mengambil langkah ke hadapan menerusi sesi penglibatan dengan institusi lain berkaitan perkara-perkara ESG. Sebagai contoh, KWAP mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil dari Manulife Asset Management, BNP Paribas, BlackRock, dan Style Research Limited untuk mengikuti perkembangan isu-isu ESG terkini.

KOD INSTITUSI PELABUR MALAYSIA (KOD)/MAJLIS INSTITUSI PELABUR (IIC)

KWAP telah mengesahkan komitmennya untuk menegakkan piawaian tadbir urus korporat yang baik dengan menandatangani Kod Institusi Pelabur Malaysia (Kod). Kod ini terdiri daripada satu set prinsip yang membantu pelabur-pelabur institusi memenuhi tanggungjawab pengawasan mereka dengan mempengaruhi dan menggalakkan budaya tadbir urus korporat yang baik di syarikat-syarikat pelaburan mereka. Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, telah dipilih sebagai Pengurus yang pertama.

Di samping pembentukan IIC, satu jawatankuasa kerja khas telah ditubuhkan untuk memberi tumpuan kepada isu dan topik kepentingan strategik yang merupakan kepentingan umum kepada pelabur institusi dan seajar dengan objektif IIC, termasuk Pasaran dan Industri; serta Tadbir Urus dan Dasar. Setakat ini, terdapat tujuh belas (17) penandatangan di bawah Kod yang merangkumi Pelabur-pelabur Institusi, pengurus aset dan pemilik aset.

Selanjutnya, KWAP secara aktif mengambil bahagian dalam acara-acara IIC dengan mengadakan sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat dalam setahun bagi kedua-dua mesyuarat majlis dan mesyuarat kumpulan kerja. KWAP juga telah dianugerahkan sebagai Pelabur Institusi Terbaik di acara Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2017. Anugerah ini diberikan buat kali pertamanya bagi mengiktiraf pelabur institusi yang menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyokong amalan terbaik tadbir urus korporat di pasaran modal Malaysia.





ULASAN EKONOMI & STRATEGI

SEKSYEN
05

- 83 Ulasan Ekonomi
- 85 Ulasan dan Tinjauan Pasaran
- 90 Hala Tuju Tahun 2020 Kami
- 92 Petunjuk Prestasi Utama

ULASAN EKONOMI

**Dalam sektor pelaburan,
langkah-langkah
pengukuhan ekonomi
telah membawakan kesan
positif ke atas aset.
Pasaran ekuiti meningkat,
dengan prestasi yang
ketara dicatatkan dalam
tempoh setengah tahun
kedua 2017.**



Pertumbuhan KDNK sebenar yang kukuh pada 2017 sebanyak

5.9%

membuktikan kemantapan prinsip-prinsip asasi ekonomi negara

Sepanjang tahun 2017, ekonomi global telah berkembang secara mantap bersandarkan pemulihan serentak di dalam ekonomi negara-negara maju utama. Aktiviti-aktiviti pelaburan dan perusahaan yang kukuh di Amerika Syarikat, perantauan Eropah dan Jepun, yang juga dikenali sebagai G3, telah merangsang perdagangan global, dan telah membawakan kesan yang meluas dan perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi.

Ekonomi Amerika Syarikat secara berterusan mengalami pertumbuhan yang menggalakkan disokong oleh permintaan buruh yang meningkat meskipun terdapat keraguan bahawa ekonomi berada dalam fasa pertumbuhan kitaran lewatnya. Di seberang Atlantik, pertumbuhan di perantauan Eropah kekal kukuh disebabkan pasaran kewangan yang mantap. Di Jepun, pertumbuhan ekonomi kekal positif sepanjang lapan suku berturut-turut, disebabkan terutamanya oleh perkembangan pesat di dalam bidang perusahaan dan bidang-bidang ekonomi yang lain. Tekanan inflasi di seluruh G3 juga terkawal, menandakan bahawa langkah-langkah pengetatan monetari sedang dilaksanakan secara beransur di ekonomi-ekonomi maju.

Manakala ekonomi negara China kekal mengikuti trajektori pertumbuhannya pada tahun 2017, didorong terutamanya oleh sektor eksport dan penggunaan domestik yang mantap. Pertumbuhan ini telah buat sementara waktu mengetepikan isu-isu tertentu berkaitan ketidakseimbangan struktur disebabkan oleh peminjaman korporatnya yang tinggi. Lebihan dagang yang kukuh, didorong oleh aliran masuk kewangan yang mantap telah menyokong peningkatan Yuan sebanyak 7% berbanding Dolar pada tahun 2017, sekaligus membalikkan penyusutan Yuan selama tiga tahun berturut-turut. Peningkatan ini juga telah membantu menambatkan mata wang serantau yang lain. Peningkatan secara kitaran China telah membantu ekonomi dan pengeksport komoditi serantau, terutamanya ekonomi-ekonomi yang mempunyai hubungan dagangan yang mendalam dengan China. Bersandarkan pembangunan ini, perbelanjaan pelaburan di negara-negara ini juga telah meningkat di samping mengukuhkan pendapatan korporat dan isi rumah.

Prospek pertumbuhan global dan domestik tampak utuh. Namun pemulihan perdagangan global masih terdedah kepada sebarang pengetatan monetari atau krisis likuiditi yang mendadak. Secara keseluruhan, cabaran-cabaran masih wujud, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan yang lembab di dalam sektor penggajian negara-negara maju yang boleh menyebabkan kemerosotan dalam produktiviti dan penggunaan domestik.

ULASAN EKONOMI

Dalam sektor pelaburan, langkah-langkah pengukuhan ekonomi telah membawakan kesan positif ke atas aset. Harga ekuiti meningkat, dengan prestasi yang ketara dicatatkan dalam tempoh setengah tahun kedua 2017. Walaupun wujudnya keraguan terhadap kemampuan tren peningkatan ini, asas makroekonomi tetap utuh menyokong peningkatan dalam harga saham. Di samping itu, keadaan pasaran kewangan global juga stabil ekoran peranan bank-bank pusat membalikkan ketidakseimbangan makroekonomi dan memudahkan kesinambungan di antara angkubah kewangan, keputusan makroekonomi dan yang penting sekali, mekanisme penghantaran monetari. Berikut ini, bank-bank pusat global dijangka mengurangkan beberapa program krisis mereka, sambil mengawal tekanan inflasi dengan berkesan.

Momentum ekonomi Malaysia tetap teguh, disokong oleh pertumbuhan eksport dan permintaan domestik yang mantap. Pertumbuhan KDNK sebenar yang kukuh pada 2017 sebanyak 5.9% membuktikan kemantapan prinsip-prinsip asasi ekonomi negara. Peningkatan harga minyak dunia dan kestabilan harga di dalam sektor pertanian telah memberikan sumbangan positif kepada tabung simpanan kerajaan dan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan negara.

Sementara persekitaran pasaran buruh yang bertambah baik dan kenaikan gaji sektor swasta telah menggalakkan penggunaan domestik, tekanan inflasi dijangka terkawal ekoran langkah-langkah


kerajaan mengurangkan kesan harga minyak mentah global ke atas indeks harga pengguna menerusi penstabilan harga petrol tempatan. Seiring ini, Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan kadar faedah penanda arasnya pada 3.25% untuk tahun 2018 bagi memastikan kemampuan pertumbuhan ekonomi tempatan. Berlatarkan dasar dagangan terbuka Malaysia dan pendedahan permintaan daripada AS dan China, mata wang Ringgit dijangka mengalami kemeruapan dalam jangka masa pendek tetapi tetap stabil berikutan langkah-langkah penstabilan pasaran pertukaran asing BNM.

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka mengekalkan momentum yang mantap pada tahun 2018, walaupun peningkatan dalam langkah-langkah perlindungan perdagangan mungkin membawa risiko-risiko negatif. Aktiviti perdagangan Asia dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana berbanding dengan tahun 2017. Bagaimanapun, prospek ekonomi Malaysia dijangka akan disokong oleh permintaan tempatan yang mantap serta ditampung oleh dasar-dasar Kerajaan, baik dari segi monetari atau fiskal. Sebagai pengeksport komoditi, peningkatan harga terutamanya harga minyak dijangka akan terus menampung momentum perdagangan yang positif. Sehubungan ini, kami mengunjurkan pertumbuhan ekonomi masa depan yang lebih mampan.

ULASAN DAN TINJAUAN PASARAN

Seiring dengan pertumbuhan dana kami sepanjang 10 tahun ini, KWAP telah mempergiatkan aktiviti analisis pelaburannya. Bagi menampung kemasukan kami ke dalam pasaran ekuiti antarabangsa dan pelaburan pendapatan tetap, Jabatan Penyelidikan kami telah ditubuhkan pada tahun 2011. Saiz jabatan ini telah meningkat sebanyak empat kali ganda, yang pada asalnya hanya dianggotai oleh lima penganalisis. Perkembangan ini telah membolehkan kami meningkatkan liputan stok kami dari 46 buah kaunter domestik kepada lebih daripada 500 kaunter merentasi Asia Pasifik dan AS menjelang tahun 2017.

Prestasi Indeks Ekuiti Global Pada 2017 (Jumlah Pulangan)



ULASAN PASARAN EKUITI

Malaysia

Pasaran ekuiti Malaysia pada tahun 2017 telah mencatatkan prestasi yang positif selepas kemunduran tiga tahun berturut-turut. Indeks FBMKLCI membuka kaunternya dengan sebanyak 1,641.7 mata, dan seterusnya meningkat sebanyak 9.4% untuk ditutup pada 1,796.8 mata pada 29 Disember 2017. Prestasi ini didorong oleh sektor kewangan berserta peningkatan kos kredit dan penstabilan margin faedah bersih. CIMB Group Holdings Berhad menerajui sektor kewangan dengan pulangan sebanyak 47.3%, diikuti oleh Malayan Banking Berhad dengan 26.2%. Sebaliknya, sektor kesihatan mencatatkan prestasi paling rendah dengan jumlah pulangan negatif sebanyak 6.1% berikutan peningkatan kos disebabkan oleh prestasi Dolar AS yang lebih baik dan pemampatan margin.

Prestasi FBMKLCI amat menggalakkan pada awal tahun 2017 disebabkan oleh kenaikan dalam harga minyak mentah berikutan potongan pengeluaran minyak oleh Pertubuhan Negara Pengekspor Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC pada bulan Januari. Momentum positif ini disokong oleh peningkatan dalam kemasukan dana asing dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih kukuh iaitu sebanyak 5.6% pada suku pertama tahun 2017.

Pada separuh kedua tahun ini, prestasi KLSE mula menyusut disebabkan terutamanya oleh penjualan sekuriti akibat penjualan asing dan pendapatan korporat yang kurang memuaskan. Prestasi indeks distabilkan oleh pertumbuhan KDNK di luar dugaan iaitu

ULASAN DAN TINJAUAN PASARAN

sebanyak 5.8% pada suku kedua, namun ketegangan geopolitik yang semakin meningkat serta ketidakpastian dasar monetari AS dan ketidaktentuan politik berikut pelancaran peluru berpandu Korea Utara telah menjelaskan prestasi ini. Walau bagaimanapun, kelembapan prestasi ini ditambat oleh sentimen positif berikut pengumuman Belanjawan 2018 pada bulan Oktober. FBMKLCI telah mencatatkan pencapaian paling tingginya, disokong oleh pembelian dana tempatan dan asing, serta prestasi peningkatan Ringgit yang mencatatkan kedudukan terbaiknya bagi tahun 2017, iaitu 4.045 berbanding Dolar AS.

Meskipun secara keseluruhan prestasi pasaran adalah positif namun sekiranya dibandingkan dengan kadar jumlah pulangan ekonomi serantau, prestasi pasaran tempatan kurang memuaskan. Ini mungkin disebabkan oleh premium risiko pasaran yang lebih tinggi disebabkan oleh spekulasi Pilihan Raya Umum ke-14 yang lebih awal.

Dari segi penilaian, nisbah harga/perolehan (PE) FBMKLCI telah menurun sedikit daripada 16.5 kali pada Disember 2016 ke 16.4 kali pada Disember 2017. Memandangkan nisbah PE serantau kekal pada kedudukan 18.0 kali, indeks FBMKLCI telah lebih menarik minat pelabur berbanding indeks bursa serantau.

Pemulihan yang mantap berikutan krisis kewangan global 2008, membuktikan kedayatahanan FBMKLCI sepanjang 10 tahun yang lalu. Bursa KL mencatatkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 45.2% pada tahun 2009 berbanding kejatuhan tahun-ke-tahun sebanyak 39% pada tahun 2008. Pada akhir tahun 2017, indeks FBMKLCI telah meningkat ke 104.9% berbanding pencatatan paling rendah sepuluh tahunnya, iaitu 876.8 mata pada tahun 2008.

Asia Pasifik

Indeks MSCI Asia Pacific naik 28.6% dan ditutup pada 173.8 mata pada 29 Disember 2017. Pertumbuhan ini didorong oleh sektor teknologi dan diterajui oleh TENCENT, di mana harga sahamnya mencatatkan kenaikan tahun-ke-tahun sebanyak 114.0%. Manakala, Subaru Corporation mencatatkan prestasi paling buruk dengan kejatuhan harga saham tahun-ke-tahun sebanyak 24.9%.

Meskipun diselimuti ketegangan geopolitik, prestasi pasaran ekuiti Korea terus meningkat didorong oleh pertumbuhan pendapatan yang cemerlang di dalam sektor teknologi dan kewangan. Sehingga bulan Ogos, sektor teknologi kekal optimis disokong oleh syarikat-syarikat rantaian bekalan Apple, didorong oleh jangkaan kenaiktarafan ketara di dalam teknologi diod pemancar cahaya organik (OLED) di dalam iPhone baharu. Berikutan pelancaran iPhone, syarikat-syarikat rantaian bekalan Apple telah menarik nafas lega buat seketika. Walau bagaimanapun, pasaran memori kekal yakin dengan jangkaan kenaiktarafan kandungan telefon pintar dan peningkatan permintaan bagi server memori akses rawak dinamik (DRAM) yang dipacu oleh kecerdasan buatan (AI).

Dari segi penilaian, nisbah harga/perolehan (PE) Indeks MSCI Asia Pacific kekal pada 16.0 kali pada Disember 2017 berbanding 15.3 kali pada Disember 2016.

Indeks MSCI Asia Pacific naik

28.6%



dan ditutup pada

173.8 mata

pada 29 Disember 2017

Indeks AS MSCI naik

18.5%



dan ditutup pada

2,544.6 mata

pada 29 Disember 2017

11

Pada pendapat saya, KWAP sudahpun mempunyai pelan pampasan/manfaat yang mantap bagi kakitangannya. KWAP juga menyediakan banyak peluang dan bantuan bagi kami meningkatkan dan memperkasakan diri sendiri dalam membangunkan kerjaya kami. Oleh itu, kami perlu fikirkan bagaimana kami boleh menyumbang terhadap pengembangan dan pengutuhan KWAP, yang seterusnya akan memberi manfaat kepada para pesara dan negara.

11



KAKITANGAN PERINTIS

NUR NAJMAH – Perkhidmatan Perakaunan & Pengurusan

Amerika Syarikat (AS)

Indeks AS MSCI naik 18.5% dan ditutup pada 2,544.6 mata pada 29 Disember 2017.

Agenda pro-perniagaan Presiden Trump menyebabkan pasaran AS ghairah pada permulaan tahun 2017 disokong oleh persekitaran pasaran yang positif yang menjangkakan peningkatan dalam pendapatan korporat akibat pemotongan cukai. Rizab Persekutuan AS telah menaikkan kadar asasnya sebanyak tiga kali pada tahun 2017 dan meramalkan kenaikan sebanyak tiga kali lagi pada tahun 2018, menandakan keyakinan di dalam kemantapan ekonomi AS pada tahun 2018.

Prestasi positif ini dipacu oleh sektor teknologi dan diterajui oleh Apple Incorporation, di mana harga sahamnya meningkat sebanyak 46.1% tahun-ke-tahun. Sebaliknya prestasi saham General Electric jatuh nilainya sebanyak 44.8% tahun-ke-tahun.

Dari segi penilaian, nisbah harga/perolehan (PE) MSCI AS kekal pada 37.8 kali pada Disember 2017 berbanding 29.2 kali pada Disember 2016.

Pasaran Ekuiti 2018

Pertumbuhan serentak merentasi pasaran maju dan sedang muncul, peningkatan pendapatan korporat berikutnya harga komoditi yang lebih tinggi, dan kesan positif daripada rang undang-undang cukai pendapatan AS dijangka membawakan sentimen positif kepada pasaran pada tahun 2018. Perbelanjaan fiskal ke atas infrastruktur, terutamanya di negara-negara sedang membangun, serta perbelanjaan modal di dalam bidang telekomunikasi dan perindustrian di dalam sistem tanpa wayar generasi ke-5 (5G) dan automasi adalah di antara pemacu

pertumbuhan utama sepanjang tahun ini. Selain pertumbuhan ekonomi, perbelanjaan modal yang berterusan akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menstabilkan tahap guna tenaga.

Amalan pelonggaran kuantitatif secara berterusan oleh Bank of Japan (BoJ), European Central Bank (ECB) dan Sveriges Riksbank dijangka akan mengembangkan likuiditi global. Berserta dengan pertumbuhan ekonomi global yang menggalakkan, perkembangan likuiditi ini mungkin mengakibatkan tekanan inflasi menyebabkan lebih banyak lagi keserentakan kenaikan harga di seluruh dunia.

Walaupun pertumbuhan ekonomi global dijangka meningkat, namun kami masih mengekalkan pendirian yang berwaspada ekoran ketegangan geopolitik di antara AS dan China, di Timur Tengah dan sedikit sebanyak di antara UK dan Kesatuan Eropah (EU) yang boleh menyebabkan kemeruapan pasaran. Di samping itu, timbulnya ketidakpastian menjelang pilihan raya, di antara lain, di Malaysia, Indonesia, Thailand dan Amerika Syarikat boleh menjelaskan sentimen pasaran di negara-negara tersebut. Kemungkinan timbul juga risiko pasaran global daripada keputusan-keputusan dasar utama yang boleh menjelaskan ekonomi dan aliran dana. Namun begitu, sebaliknya kelemahan pasaran boleh dijadikan peluang untuk mengembangkan lagi portfolio stok.

Kami mengutamakan pelaburan stok yang mempunyai tren pertumbuhan berstruktur, kedudukan kewangan yang kukuh dan mapan, amalan tadbir urus korporat yang baik, dan pihak pengurusan yang tangkas. Stok yang menghasilkan dividen yang mapan diutamakan bagi mengimbangi ketidakpastian pasaran.

ULASAN DAN TINJAUAN PASARAN

ULASAN PASARAN BON

Prestasi aset bon tidak menentu sepanjang tahun 2017. Ketidaktentuan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, di antaranya, peningkatan pertumbuhan ekonomi dan peralihan bank-bank pusat terhadap normalisasi dasar diikuti oleh keraguan terhadap dasar-dasar Presiden Trump, pengunduran UK dari Kesatuan Eropah akibat keputusan pilihan raya tempatan yang mengejutkan, keputusan pilihan raya Perancis, dan ketegangan geopolitik disebabkan oleh Korea Utara.

Keluk hasil Perbendaharaan AS mendatar pada tahun 2017 berikutnya peningkatan mendadak pada awal tahun disebabkan oleh peningkatan kadar tiga kali berturut-turut oleh Rizab Persekutuan. Di antara bon kerajaan 10-tahun, IndoGB, ThaiGB, SGS dan MGS telah mencatatkan keputusan akhir tahun yang positif manakala CGB dan Golsec telah dilupuskan. Bon-bon kerajaan Eropah mencatatkan keputusan akhir tahun yang negatif disebabkan isu-isu politik berikutnya pilihan raya di Belanda, Perancis dan Jerman manakala ECB mengumumkan bahawa pelonggaran kuantitatif akan diberhentikan secara beransur.

Di Malaysia, Indeks Bon Thomson Reuters BPAM telah mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding tahun 2016, didorong oleh bon-bon korporat. Para pelabur asing telah mengakhiri tahun 2017 dengan menjual bon kerajaan tempatan dan sebaliknya membeli bon korporat tempatan pada kadar bersih. Minat pelabur asing di dalam bon kerajaan tempatan tercusus semula di antara suku tahun kedua dan keempat, namun tidak cukup bagi membalikkan aliran keluar suku tahun pertama yang keterlaluan.

Terbitan bon korporat Malaysia telah melebihi tahap RM100 bilion dengan mudah buat kali pertama sejak 2012. Ini disebabkan oleh pemanfaatan kadar semasa sebelum kenaikan kadar Fed, pembiayaan projek berkaitan infrastruktur dan penjanaan modal oleh sektor perbankan. Pemberhentian keperluan penarafan kredit mandatori yang bermula tahun 2017 telah meningkatkan penerbitan bon korporat yang tidak tertaraf.


Penerbit bon utama dalam segmen bertaraf adalah CIMB Bank Berhad (RM4.5 bilion), Southern Power Generation (RM3.7 bilion) dan Maybank Islamic Berhad (RM3.5 bilion) manakala Danainfra Nasional Berhad adalah penerbit utama di dalam segmen bon jaminan kerajaan tidak bertaraf.

Kualiti Kredit Domestik

Pertumbuhan ekonomi dan persekitaran pembiayaan yang menggalakkan telah mengekalkan kedayatahanan kualiti kredit. Ini terbukti daripada pengurangan dalam kadar turun taraf yang dicatatkan berbanding tahun 2016. Walaupun kadar naik taraf meningkat tiga kali ganda, ianya masih terkebelakang berbanding kadar turun taraf bagi tahun 2017.

Peningkatan taraf bagi tahun 2017 muncul dari sektor pembiayaan projek, kewangan berstruktur dan perbankan, manakala kebanyakannya penurunan taraf muncul daripada industri media. Satu-satunya keingkaran sepanjang tahun 2017 muncul dari industri minyak dan gas apabila penerbit tersebut diturun-taraf sejumlah dua kali. Tebaran kredit bertaraf AAA dan AA bertambah luas bagi keluk kredit 10-tahun pada 2017.

Kenaikan dan Penurunan Taraf bagi Malaysia oleh RAM dan MARC



Penarafan Berdaulat

Penarafan Moody's (A3/Stabil), S&P (A-/Stabil) dan Fitch (A-/Stabil) telah mengesahkan penarafan berdaulat Malaysia dengan kedudukan Stabil bagi tahun 2017. Moody's mempamerkan Malaysia sebagai ekonomi yang luas dan pelbagai dengan prospek pertumbuhan jangka sederhana yang teguh dan sumber alam yang mencukupi, namun berpendapat bahawa ekonomi Malaysia menghadapi cabaran leveraj secara keseluruhan, pelaksanaan penyataan fiskal dan kelemahan luaran. S&P menyatakan fleksibiliti dasar monetari sebagai kekuatan kredit manakala Fitch mengulas bahawa pertumbuhan mantap Malaysia boleh dibandingkan dengan ekonomi-ekonomi kategori median 'A' dan ini adalah salah satu faktor yang menyokong penarafan tersebut.

S&P telah meningkatkan penarafan kedaulatan Indonesia kepada BBB-/Stabil berikutan pengukuhan metrik fiskalnya. Peningkatan ini memberikan gred pelaburan yang sejajar dengan penarafan Moody's dan S&P. Indonesia telah meraih satu lagi peningkatan taraf kedaulatan ke BBB/Stabil. Penarafan ini telah diberikan oleh Fitch pada bulan Disember sebagai pengiktirafan kedayatahanannya terhadap faktor-faktor luaran.

Pada bulan Mei, Moody's telah menurunkan penarafan kedaulatan China kepada A1/Stabil berikutan peningkatan dalam leveraj ekonomi keseluruhan dan kadar pertumbuhan yang semakin menyusut. Empat bulan kemudiannya, S&P telah menurunkan penarafan China kepada A+/Stabil menekankan faktor yang sama iaitu peningkatan hutang yang mengurangkan kestabilan kewangan.

Pasaran Kredit Domestik 2018

Rizab Persekutuan AS telah mula mengurangkan perbelanjaannya pada Oktober 2017 dan European Central Bank dijangka mengurangkan pembelian bon pada tahun 2018, manakala segolongan bank-bank pusat dijangka menyertai Rizab Persekutuan AS dalam menormalisasikan dasar monetari. Kami mengharapkan pengetatan kewangan secara beransur dapat terus menyokong pendanaan dan pembiayaan semula, dan persekitaran kredit global akan bertambah baik sejajar dengan perkembangan global serentak.

Pertumbuhan domestik yang kukuh dan harga komoditi yang stabil mengasasi keadaan kredit yang stabil di Malaysia serta memastikan kadar keingkaran yang rendah. Bagi tahun 2018, kami akan tetap berwaspada terhadap sektor automotif, perkhidmatan sokongan minyak dan gas, dan harta tanah. Persekitaran perbankan dijangka stabil disokong oleh likuiditi yang mantap, penampanan modal yang teguh dan pembendungan risiko kualiti aset.

Sektor perbankan dan infrastruktur dijangka kekal sebagai pemasu utama terbitan bon pasaran utama, yang dijangka akan kembali ke tahap di antara RM90 bilion dan RM100 bilion berbanding penerbitan yang melampau pada tahun 2017. Pengurangan ini, di antara lain, disebabkan oleh kos pinjaman yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, kami tetap mengamalkan pendekatan yang berwaspada meskipun persekitaran yang menggalakkan kerana pada dasarnya kadar turun taraf masih mengatasi kadar naik taraf bagi tiga tahun berturut.

Pada akhir tahun 2017, indeks FBMKLCI telah meningkat ke

104.9%



berbanding pencatatan paling rendah sepuluh tahunnya, iaitu

876.8 mata

pada tahun 2008

Prestasi 10-Tahun FBMKLCI



HALA TUJU TAHUN 2020 KAMI

Pelan tindakan ini akan dikaji semula pada 2018 bagi pencartaan tahun 2019 dan seterusnya.

2007-2015

Tumpuan ke atas keupayaan pembangunan dan pertumbuhan pangkalan aset

- ◎ Mewujudkan Alokasi Aset Strategik baharu (SAA) dan rekod prestasi pelaburan
- ◎ Memulakan pelaburan antarabangsa
- ◎ Melaksanakan model operasi baharu
- ◎ Menarik bakat
- ◎ Melengkapkan pengambilalihan operasi JPA BP
- ◎ Meminda Akta Dana Persaraan

Peringkat Korporat

◎ Penjenamaan dan Budaya

- Mengkaji semula Visi, Misi dan Nilai-nilai bagi mencerminkan perkembangan peranan KWAP
- Penjenamaan semula – persekitaran kerja, budaya, amalan ESG
- Memulakan kerja-kerja persediaan bagi menguruskan skim pencegah baharu

Pelaburan

◎ Kewangan Islam

- Peruntukan yang lebih tinggi bagi pelaburan Syariah
- Penggunaan pembiayaan Islam untuk harta dan penerbitan pinjaman korporat masa depan berdasarkan kewangan Islam

◎ Pelaburan bertanggungjawab

- Meningkatkan penekanan terhadap ESG, kemampunan dan kegiatan pemegang saham yang lebih aktif

◎ Merentasi sempadan

- Melaksanakan kajian SAA pada tahun 2016 dengan tumpuan ke atas pertumbuhan dana
- Kemasukan ke dalam pelaburan/pasaran antarabangsa baharu

◎ Pelaburan alternatif

- Penglibatan lebih meluas ke dalam pelaburan bersama dan tumpuan lebih besar terhadap sektor teknologi bagi nisbah Pelaburan Alternatif
- Memperolehi bank tanah/membentuk usahasama bagi memudahkan inisiatif pembangunan harta tanah dan memulakan kerja pra-pembangunan
- Berusaha ke arah pembangunan berorientasikan persaraan

2016-2018

Operasi

Operasi Pencen

- Integrasi JPA BP dengan KWAP diikuti dengan agenda transformasi
- Memperkenalkan produk/perkhidmatan tambah nilai
- Mewujudkan keupayaan penyelidikan pencen

Penajaran dengan piawaian antarabangsa

- Penghijrahan dan pelaksanaan MFRS

Pembangunan Bakat

- Pembangunan bakat tenaga pekerja – nisbah sandar 15%
- Menjadi organisasi berfokuskan pengetahuan

Bakat

- Memupuk pakar industri pelaburan dan pencen

Kecemerlangan Operasi

- Melaksanakan IFIMS baharu dan sistem-sistem lain untuk meningkatkan keupayaan dan produktiviti

2019-2020

Mengkaji kebolehlaksanaan menanggung liabiliti pencen skim pencen sektor awam

Strategi pelaburan

- Kajian semula berterusan SAA pada tahun 2019 dan melaksanakan strategi pelaburan yang sejajar
- Merangka Model Pengurusan Liabiliti Aset (ALM)

Pelaburan alternatif

- Dana PE menjanakan pulangan dan di luar keluk 'J'
- Permulaan fasa pembangunan hartanah

Syariah dan ESG

- Menilai kemajuan dan pencapaian inisiatif Syariah dan ESG yang dilaksanakan dari tahun 2016-2018

Perkhidmatan pencen

- Menguruskan skim pencen yang pelbagai

Bakat

- Sumbangan aktif di peringkat industri merangkumi perkara-perkara pelaburan, pencen, tadbir urus korporat dan ESG

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

VISI | MISI | NILAI-NILAI

MATLAMAT 2017



PIHAK BERKEPENTINGAN



Mengembangkan saiz dana (nilai pasaran)



Penghayatan visi, misi dan nilai-nilai baharu serta mengukuhkan budaya korporat



Mengintegrasikan pelaburan bertanggungjawab dan kemampunan



Peranan aktif di dalam persekitaran tadbir urus dan pencen Malaysia



KEWANGAN




Mencapai sasaran pulangan



Kesediaan untuk menerima/pakai MFRS 9



Pengurusan dan pemantauan kewangan yang berkesan



Bagi memenuhi visi, misi dan nilai-nilai kami, KWAP telah mewujudkan objektif-objektif utama bagi memacu hala tuju organisasi. Objektif-objektif ini telah dikategorikan kepada empat tunggak yang berbeza iaitu; pengurusan pihak berkepentingan, kewangan, operasi, dan pembangunan bakat berterusan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Matlamat Perniagaan KWAP 2017





PRESTASI TAHUN 2017

PELABURAN

- 96 Ulasan Pelaburan oleh Ketua Pegawai Pelaburan
- 99 Strategi Pelaburan
- 100 Prestasi mengikut Kelas Aset
- 132 Subsidiari Kami
- 138 Pendedahan Pelaburan Global

OPERASI

- 140 Ulasan Operasi oleh Ketua Pegawai Operasi
- 141 Para Pesara Keutamaan Kami
- 145 Perkhidmatan Pelanggan
- 147 Caruman
- 151 Pematuhan dan Penguatkuasaan
- 152 Menambahbaikan Produktiviti menerusi Teknologi Maklumat
- 153 Perkhidmatan Sokongan Pelaburan

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

- 154 Penglibatan dengan Kerajaan & Institusi
- 156 Penglibatan dengan Majikan
- 157 Penglibatan dengan Pengurus Dana Luaran (EFM)
- 158 Penglibatan dengan Para Pesara
- 159 Memupuk Modal Insan Kami
- 166 Memenuhi Tanggungjawab kepada Komuniti

ULASAN PELABURAN OLEH KETUA PEGAWAI PELABURAN



Nik Amlizan Mohamed
Ketua Pegawai Pelaburan

“ KWAP mampu menyerap kemeruapan jangka pendek pasaran sambil memanfaatkan peluang yang mungkin timbul semasa pasaran mundur. ”

Saya dengan suacitanya membentangkan keputusan pelaburan kami bagi tahun 2017, sempena meraikan ulang tahun kami yang ke-10 dengan pencapaian prestasi kewangan terbaik KWAP sepanjang 10 tahun ini.

Walaupun persekitaran kewangan yang mantap sedikit sebanyak menyumbang terhadap keputusan ini, namun prestasi kami disebabkan terutamanya oleh dasar-dasar pelaburan yang kukuh disepadukan dengan pemikiran berwawasan strategik pasukan pelaburan kami.



PULANGAN BERKALA 5-TAHUN

6.44%

mengatasi penanda aras sejumlah

224 mata asas

Dasar monetari yang akomodatif, pengukuhan harga komoditi, terutamanya di sektor minyak, dan pertumbuhan serentak bagi kebanyakan ekonomi utama telah membolehkan peningkatan mendadak di dalam hampir kesemua kelas pelaburan. Ini selanjutnya diiringi oleh peningkatan di dalam aktiviti ekonomi AS. Walaupun wujud keraguan terhadap kadar pengetatan monetari, keputusan Rizab Persekutuan AS (Fed) untuk menaikkan kadar faedah sebanyak tiga kali pada tahun 2017 telah diterima dengan baik, dan hanya menyebabkan gangguan yang sedikit atau tidak sama sekali menyebabkan gangguan kepada pasaran kewangan.

KWAP mencatatkan peningkatan sebanyak 12.64% dalam saiz dana, iaitu peningkatan kepada RM140.80 bilion berbanding RM125.00 bilion pada penghujung tahun 2016.

Sekiranya ditinjau balik, penyemakan semula Alokasi Aset Strategik (SAA) pada penghujung tahun 2016 telah dilaksanakan tepat pada masanya. Tindakan ini telah meningkatkan alokasi ekuiti domestik dengan peruntukan sehingga 1% daripada jumlah aset di bawah pengurusan (AUM) kami bagi pelaburan modal kecil dan sederhana domestik yang telah menghasilkan pulangan cemerlang sebanyak 17.36% berbanding dengan penanda aras 15.87%. Strategi ini juga telah digunakan bagi portfolio bon kami, membolehkan KWAP menghadapi dasar-dasar pengetatan monetari global dan mengatasi ancaman aliran keluar asing.

Dari perspektif pasaran antarabangsa, kami telah meluaskan portfolio pelaburan kami dengan memperkenalkan satu mandat baharu bagi pelaburan di dalam ekuiti AS. Kami juga telah menyumberluarkan mandat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Global (ESG) kami kepada para pengurus dana luaran (EFM) dengan pelaburan awal sebanyak USD200 juta. Pada masa yang sama, kami juga berminat di dalam Saham-A China yang menjanjikan potensi pertumbuhan pasaran masa depan.

PRESTASI PELABURAN KAMI

Setakat 31 Disember 2017, pendapatan tetap mewakili sebanyak 51.5% daripada jumlah dana kami, ekuiti 42.8%, hartanah (dengan leveraj) 4.9% dan ekuiti persendirian & infrastruktur 2.4%. Setiap kelas aset mencapai pulangan positif, dengan ekuiti mencatatkan pulangan tertinggi pada 15.0%, diikuti oleh hartanah pada 11.6%, ekuiti persendirian dan infrastruktur pada 4.9%, dan pendapatan tetap pada 4.6%.

Secara keseluruhan, ROI kasar dan bersih masing-masing telah mencatatkan 5.77% dan 8.74%, mewakili sumbangan sebanyak 12.64% kepada peningkatan dana kami kepada RM140.80 bilion. Sebanyak 87.88% atau RM123.67 bilion daripada jumlah AUM kami adalah di Malaysia, menjadikan KWAP salah satu daripada pelabur institusi terbesar di negara ini.

Sepanjang lima tahun yang lalu, iaitu dari tahun 2013-2017, dana kami telah meningkat daripada RM99.92 bilion kepada RM140.80 bilion, mewakili pertumbuhan purata tahunan sebanyak 10.01%. Dalam tempoh yang sama, dana telah mencatatkan purata ROI kasar sebanyak 5.95%, melebihi pertumbuhan purata KDNK lima tahun negara sebanyak 5.12%. Pencapaian ini adalah hasil keupayaan pasukan pelaburan kami dalam mengenal pasti peluang yang timbul dan memanfaatkan pulangan menarik merentasi kelas aset dan kawasan geografi yang pelbagai.

Apa yang lebih membanggakan adalah, dalam tempoh lima tahun yang lalu, kami telah mencapai jumlah pulangan, mengikut ukuran kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) sebanyak 6.44%, mengatasi penanda aras kami dengan keketaraan 224 mata asas.

ULASAN PELABURAN OLEH KETUA PEGAWAI PELABURAN



Sepanjang lima tahun ini, para pengurus dalaman domestik kami secara berterusan telah mencapai prestasi yang melebihi penanda aras. Bagi ekuiti domestik dalaman, kami mencapai purata lima tahun TWRR sebanyak 6.84% berbanding dengan penanda aras FBM100 sebanyak 2.22%. Bagi bon korporat domestik, purata lima tahun TWRR kami adalah 5.30% berbanding dengan penanda aras Indeks Sederhana Quantshop Corp sebanyak 4.50%; manakala bagi MGS, kami mencatatkan 4.26% berbanding dengan penanda aras All Indeks Quantshop MGS sebanyak 3.67%. Dana-dana yang diuruskan oleh para pengurus luaran kami juga telah secara keseluruhan mencapai prestasi yang baik dalam ekuiti domestik dan pelaburan pendapatan tetap sepanjang tempoh lima tahun yang lalu.

Secara keseluruhan, pelaburan KWAP di dalam pendapatan tetap antarabangsa di bawah pengurusan para pengurus dalaman dan luaran juga telah mencapai prestasi yang harus dipuji, dengan pencapaian lima tahun TWRR sebanyak 9.46%, mengatasi penanda aras Indeks Bon Agregat JPM Global sebanyak 6.98%. Sementara itu, pelaburan ekuiti antarabangsa keseluruhan telah mencapai purata lima tahunan sebanyak 11.99% berbanding penanda aras Indeks MSCI All Country World sebanyak 14.97%. Sebahagian besar penyusutan ini disebabkan oleh pendedahan kami kepada pasaran baharu muncul termasuk ekuiti-ekuiti Asia, di mana yang mundur prestasinya berbanding kebanyakan indeks global utama pada 2017, sementara pasaran maju mengalami peningkatan yang mantap bersandarkan ekuiti AS.

FALSAFAH PELABURAN

Sebagai sebuah pelabur institusi, kami berhasrat untuk mewujudkan nilai mampan berjangka panjang bagi pihak berkepentingan kami. Hasrat ini menuntun kami ke arah pelaburan berdasarkan ESG, yang kami percaya adalah penting dalam menghadapi cabaran-cabaran ketara industri kewangan. Dalam mengutarakan komitmen ESG, kami kini mengkehendaki EFM kami mengutamakan pelaburan bertanggungjawab dengan memasukkan klausa ESG ke dalam Perjanjian Pengurusan Pelaburan (IMA) kami.

Dari segi geografi, walaupun KWAP telah memasuki arena pelaburan antarabangsa semenjak tahun 2009, namun sebahagian besar pelaburan kami tertumpu di pasaran domestik kerana kami mementingkan prospek ekonomi jangka panjang Malaysia, dan berusaha menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi serta kedayaasaingan negara. Namun, kami sentiasa berusaha secara giat memperluaskan pelaburan asing kami bagi mengoptimumkan pulangan dan mengukuhkan kedudukan antarabangsa kami. Kami juga secara berterusan berusaha untuk mempelbagaikan pelaburan kami dari segmen pasaran yang lebih tradisional ke kelas aset baru sementara sentiasa mengekalkan profil risiko-pulangan kami.

Melangkah ke hadapan, pasaran ekuiti global yang berkembang pesat kemungkinan besar akan meningkatkan aktiviti spekulatif yang seterusnya akan mewujudkan kemeruapan pasaran. Bagi mengawal risiko-risiko ini, kami berhasrat mengekalkan portfolio yang pelbagai. Seperti biasa, matlamat kami adalah untuk mencapai pulangan tertinggi bagi pemegang kepentingan kami dengan cara yang berhemah dan bertanggungjawab tanpa mengendahkan selera risiko kami.

STRATEGI PELABURAN

KWAP berusaha untuk memaksimumkan jumlah pulangan atas dana kami secara mapan menerusi strategi pelaburan dinamik. Sebagai sebuah dana persaraan, kami tidak tertumpu ke atas keuntungan jangka pendek, sebaliknya berusaha mencapai pulangan konsisten berkala 5-tahun, berpandukan selera risiko kami.

Jumlah pulangan tahun 2017
melebihi penanda aras* sebanyak
117 mata asas
(9.10% v 7.93%)

Purata pulangan 5-tahun
berkala
6.44%
v KDNK 5-tahun berkala **5.18%**

ROI 2017 sebanyak
5.77%
(RM9.03 bilion)
v sasaran diubah sebanyak **5.5%**
(RM7.44 bilion)

Memandangkan bahawa kepelbagaian portfolio adalah kaedah utama bagi meminimumkan risiko pelaburan, kami menyumberluar sebahagian daripada dana kami kepada pengurus dana luaran (EFM). Lebih-lebih lagi, menerusi EFM, kami boleh membandingkan prestasi pasukan pelaburan dalaman kami dengan para pengurus luaran yang menguruskan pelaburan yang seumpama.

Parameter aktiviti pelaburan kami ditetapkan oleh Alokasi Aset Strategik (SAA) kami bagi menentukan kelas aset pelaburan, dan menyediakan peruntukan bagi setiap kelas aset untuk memastikan keserataan risiko-pulangan yang optimum. SAA sentiasa dinilai oleh sekumpulan penganalisis yang mempertimbangkan pergerakan semasa dan jangkaan pasaran kewangan dan modal. Sekiranya perlu, SAA diperkemaskan lagi dengan kelulusan Lembaga dan Panel Pelaburan bagi meningkatkan mobiliti dana bagi menjanakan pulangan tanpa mengambil risiko yang melebihi kemampuan dan keupayaan kami. Pematuhan SAA telah berjaya mengembangkan saiz dana kami sepanjang tahun-tahun ini.

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET


EKUITI

Pelaburan ekuiti KWAP meningkat sebanyak 26.89% kepada RM60.2 bilion pada 31 Disember 2017 berbanding RM47.5 bilion pada awal tahun ini, mewakili 42.79% daripada jumlah aset kami. Ekuiti domestik mewakili 86% daripada jumlah pendedahan ekuiti kami, selebihnya di pasaran asing. Daripada jumlah RM60.2 bilion, 80% telah diurus secara dalaman; selebihnya disalurkan kepada pengurus dana luaran (EFM) yang dilantik oleh KWAP.

Pada tahun 2017, ekuiti merekodkan pulangan sebanyak 15.03%, yang mengatasi penanda aras campuran sebanyak 263 bps. Penanda aras campuran mencatatkan pulangan sebanyak 12.40% bagi tempoh masa yang sama.

Pada tahun 2017, kami memperolehi jumlah pendapatan sebanyak RM4.19 bilion daripada pelaburan ekuiti kami, bersamaan pulangan pelaburan (ROI) sebanyak 7.25%, yang sebahagian besarnya (82%) diperoleh daripada ekuiti domestik. Pada masa yang sama, ekuiti yang diurus secara dalaman menyumbang sebanyak 79% daripada jumlah pendapatan ekuiti kami, selebihnya diperolehi daripada pelaburan ekuiti yang diuruskan oleh EFM kami.

Wajaran Sektor Ekuiti Domestik v FBM100



EKUITI DOMESTIK YANG DIURUSKAN SECARA DALAMAN

Kami mengamalkan pelaburan berhemat dengan menyaring dan menilai syarikat-syarikat penerima pelaburan yang berpotensi bagi memastikan prinsip-prinsip asasi mereka adalah kukuh dengan rekod prestasi pengurusan yang berkesan, risiko pendapatan yang rendah, hasil dividen yang baik dan memiliki likuiditi yang tinggi.

Falsafah pelaburan berhemat kami terbukti berkesan dengan pencapaian pulangan sebanyak 15.80% mengikut Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) daripada portfolio domestik kami yang diuruskan secara dalaman. Dalam erti kata lain, kami telah mengatasi Indeks FBM100, yang mencatatkan TWRR sebanyak 12.74% bagi tahun 2017.

Dari segi pulangan nyata, para pelabur dalaman kami telah mencatatkan jumlah pendapatan nyata sebanyak RM2.9 bilion daripada ekuiti domestik, bersamaan ROI sebanyak 6.73%.

EKUITI ANTARABANGSA YANG DIURUSKAN SECARA DALAMAN

Penglibatan pertama KWAP ke dalam ekuiti asing bermula pada tahun 2012 dengan penubuhan mandat ekuiti antarabangsa bagi pasaran Asia Pasifik kecuali Jepun, yang diurus secara dalaman. Pada tahun 2017, kami telah memperluaskan pasaran ini merangkumi ekuiti AS.

Tahun 2017 merupakan tahun yang luar biasa prestasinya bagi pasaran ekuiti global, dengan Indeks MSCI World mencatatkan pulangan sebanyak 23.1% bersandarkan peningkatan semula ekonomi dan keuntungan korporat yang cemerlang. Indeks ekuiti AS mencatatkan pulangan terbaiknya sejak tahun 2013, disokong terutamanya oleh dasar pembaharuan cukai dan data ekonomi positif. Secara relatif, ekuiti Asia Pasifik telah mengatasi prestasi pasaran-pasaran lain dan memberikan pulangan positif bagi tahun 2017. Peningkatan pertumbuhan global dan pemulihan harga komoditi berjaya memperolehi keuntungan korporat dan membantu pertumbuhan ekuiti. Ekonomi China yang melangkuai jangkaan telah membantu meredakan kecemasan para pelabur dan meningkatkan permintaan pasaran ekuiti serantau pada tahun 2017. Berlatarkan persekitaran ini, unit pelaburan ekuiti


antarabangsa dalaman KWAP telah memperuntukkan dana bagi maksud pelaburan ini, dan telah melabur dalam syarikat-syarikat penerima pelaburan yang berpotensi bagi memanfaatkan momentum pemulihian.

Pengembangan ke dalam ekuiti AS bersama pertumbuhan umum nilai pasaran telah mencatatkan peningkatan 25.0% dalam saiz dana ekuiti antarabangsa yang diurus secara dalaman, kepada RM4.5 bilion berbanding RM3.6 bilion pada tahun 2016. Walaupun kemeruapan melampau merentasi perantauan Asia Pasifik diiringi oleh peningkatan ketidakpastian ekonomi global, namun dana APAC kami membawakan pulangan sebanyak 14.66%, mengikut ukuran TWRR, walaupun ianya berada di bawah prestasi penanda aras Indeks MSCI All Countries Asia Pacific sebanyak 1.84%.


Dari segi pulangan nyata, dana tersebut telah mencatatkan pendapatan nyata sebanyak RM395.08 juta, bersamaan ROI sebanyak 9.47%.

Prestasi ini patut dipuji dan tercapai menerusi pendekatan pelaburan yang aktif, didorong oleh penyelidikan asas negara dan sektor, serta sentiasa mengekalkan pelaburan kami dalam parameter toleransi risiko yang ditetapkan.


Pecahan Ekuiti Antarabangsa Mengikut Negara pada 2017



Saiz Dana Ekuiti Mengikut Rantau



Saiz Dana Ekuiti Mengikut Pengurus



PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

EKUITI DOMESTIK YANG DIURUSKAN SECARA LUARAN

Pada akhir tahun 2017, jumlah nilai pasaran ekuiti domestik yang diuruskan oleh EFM berjumlah RM7.9 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 27.4% daripada RM6.2 bilion pada tahun 2016. Portfolio ekuiti yang diuruskan oleh EFM domestik mewakili 5.6% daripada RM140.8 bilion yang merupakan jumlah keseluruhan dana kami. Bilangan domestik EFM adalah 20, dengan 5 masing-masing menguruskan ekuiti Konvensional dan Syariah, 6 menguruskan Modal Kecil dan 4 menguruskan mandat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

TWRR Domestik

Jumlah pulangan bagi pelaburan ekuiti domestik luaran KWAP adalah 11.58% berbanding dengan pendapatan Indeks FBM100 sebanyak 12.74%, pada 31 Disember 2017, mewakili kekurangan prestasi sebanyak 116 bps. Mandat konvensional dan ESG, masing-masing mencatatkan purata TWRR berjumlah 12.09% dan 11.46%. Mandat Syariah pula mencatatkan purata wajarnya TWRR sebanyak 8.80% berbanding pulangan Indeks FBM Hijrah Syariah sebanyak 8.20% dan mandat Modal Kecil yang diuruskan oleh EFM sebanyak 16.74% berbanding pulangan Indeks FBM Small Cap sebanyak 15.87%.

Pada penghujung tahun 2017, EFM ekuiti domestik KWAP mencatatkan pendapatan nyata agregat sebanyak RM529.7 juta, mewakili ROI sebanyak 7.2%. Secara agregat, mandat yang disumberluarkan kurang menguntungkan berbanding penanda arasnya. Bagi mengukuhkan pelaburan jenis ESG dan Modal Kecil, kami secara berterusan menyumberluarkan dana kepada EFM, dengan memberikan suntikan modal tambahan kepada EFM yang mencatatkan pulangan tinggi sambil menambah bilangan EFM baharu kepada mandat yang sedia ada.

Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik pada 31 Disember 2017

| | Penubuhan Dana | | Penubuhan Dana |
|---|----------------|---|----------------|
| Konvensional | | Modal Kecil | |
| CIMB-Principal Asset Management Sdn Bhd | 2005 | Affin Hwang Asset Management Bhd | 2014 |
| Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd | 2007 | Kenanga Investors Bhd | 2014 |
| Aberdeen Asset Management Sdn Bhd | 2008 | Maybank Asset Management Sdn Bhd | 2015 |
| Kenanga Investors Bhd | 2011 | Eastspring Investments Bhd | 2015 |
| Affin Hwang Asset Management Bhd | 2016 | UOB Asset Management Sdn Bhd | 2017 |
| | | Amundi Malaysia Sdn Bhd | 2017 |
| Syariah | | Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) | |
| i-VCAP Management Sdn Bhd | 2011 | VCAP Asset Managers Sdn Bhd | 2014 |
| CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd | 2012 | Aberdeen Asset Management Bhd | 2015 |
| AmlIslamic Asset Management Bhd | 2012 | BNP Paribas Investment Partners Malaysia Sdn Bhd | 2015 |
| AIIMAN Asset Management Bhd | 2015 | Corston-Smith Asset Management Sdn Bhd | 2015 |
| MIDF Amanah Asset Management Bhd | 2016 | | |

EKUITI ANTARABANGSA YANG DIURUSKAN SECARA LUARAN

Pada tahun 2017, pelaburan antarabangsa KWAP yang diurus secara luaran dibahagikan kepada empat mandat, iaitu United Kingdom (UK), Eropah (Euro), Asia Pasifik ex-Jepun (APEXJ), dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Global (ESG). Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti) sebuah syarikat subsidiari milik penuh KWAP, bertanggungjawab bagi mandat UK dan Eropah, sementara mandat APEXJ diuruskan oleh State Street Global Advisors Asia Limited (SSGA) dan Invesco Asset Management Singapore Limited (Invesco), dan mandat ESG Global diuruskan oleh Nikko Asset Management Asia Limited (Nikko) dan LGT Capital Partners (LGT).

Senarai Pengurus Dana Luaran Antarabangsa pada 31 Disember 2017

| | Penubuhan Dana |
|--|----------------|
| UK | |
| Prima Ekuiti (UK) Ltd | 2012 |
| Eropah | |
| Prima Ekuiti (UK) Ltd | 2014 |
| Asia Pasifik kecuali Jepun | |
| State Street Global Advisors Ltd | 2011 |
| Invesco Asset Management Singapore Ltd | 2015 |
| ESG Global | |
| Nikko Asset Management Asia Limited | 2017 |
| LGT Capital Partners | 2017 |

Setakat hujung tahun 2017, EFM ekuiti antarabangsa KWAP mencatatkan ROI di antara 8.3% hingga 9.8%, berjumlah RM351.2 juta. Kesemua portfolio telah mengatasi prestasi penanda aras masing-masing kecuali Nikko. Kedua-dua Invesco dan SSGA telah mengatasi Indeks MSCI Asia Pasifik kecuali Jepun, masing-masing dengan 566 bps dan 6 bps. Begitu juga dengan mandat UK dan Eropah yang mencatatkan keputusan yang agak baik, masing-masing mengatasi Indeks FTSE100 dan Indeks MSCI Eropah sebanyak 112 bps dan 58 bps. Nikko, yang baru-baru ini dimulakan, mencatatkan prestasi sedikit di bawah penanda arasnya sebanyak 67 bps manakala LGT mengatasi penanda aras MSCI ACWI ESG sebanyak 147 bps.

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

PENDAPATAN TETAP

Sebelum pemerbadanan KWAP pada tahun 2007, wang tunai telah dilaburkan terutamanya di dalam instrumen deposit jangka pendek dan panjang. Sejak menguruskan dana, kami juga telah melabur di dalam instrumen pasaran wang lain seperti penerimaan jurubank, Nota Monetari Bank Negara (BNMN), Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB), kertas komersial (CP), instrumen deposit boleh niaga (NID) dan sijil hutang Islam boleh niaga (NIDC) bagi pulangan yang lebih tinggi.

Bagi meminimumkan risiko harga dan mengekalkan nilai pelaburan kami, instrumen lindung nilai telah diperkenalkan bagi menangani turun naik tukaran asing dan kadar faedah.



Jumlah portfolio pendapatan tetap kami telah berkembang

2017 **RM71.91 billion**

2007 **RM34.9 billion**



pada kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak **9.44%**





Evolusi Pelaburan Pendapatan Tetap Kami

Pada tahun 2008, bagi mempertingkatkan pengagihan tugas dan kawalan dalaman, unit pejabat pentadbiran yang sebelumnya bertempat di Jabatan Pendapatan Tetap (FID) telah digabungkan dengan unit penjelasan pelaburan di bawah Jabatan Akaun dan Perkhidmatan Pengurusan (AMSD) untuk membentuk Jabatan Penjelasan Pelaburan. Seterusnya pada tahun 2015, jabatan ini digabungkan dengan Jabatan Kustodian untuk membentuk Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan.

Pada tahun 2009, sebuah unit kredit baharu telah ditubuhkan bagi memudahkan proses penilaian/penaksiran kredit dan proses pemantauan. Pada tahun yang sama, Jabatan Pendapatan Tetap telah mula menyertai Program Kustodian Sekuriti Institusi, yang telah meningkatkan perdagangan bon sekunder kami dan telah meningkatkan pendapatan berdasarkan yuran kami.

Pada tahun 2010, Jabatan Pendapatan Tetap telah menerima kelulusan bagi pelaksanaan kaedah-kaedah lindung nilai seperti pertukaran kadar faedah (IRS) dan pertukaran mata wang bersilang (CCS) untuk mengukuhkan lindung nilai kami terhadap pelaburan tempatan dan asing.

Pada tahun 2011, KWAP telah melanggan bon mata wang asing Islamik pertama dan melindunginya melalui CCS Islamik. Seterusnya, KWAP melabur dalam terbitan Sukuk Kekal Islam pertama dunia dan memperoleh pensijilan ISO 9001: 2008 bagi pendapatan tetap domestik pada tahun 2012.

Pada tahun 2013, Jabatan Pendapatan Tetap telah melabur dalam Bon Dolar Berdaulat Malaysia. KWAP juga telah mendapat kelulusan untuk berurus niaga dalam Perjanjian Belian Balik. Unit kredit disatukan dengan Jabatan Penyelidikan bagi mengagihkan fungsi pejabat-pejabat depan dan pertengahan.

Pada tahun 2014, KWAP telah menerima pakai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Likuiditi Jabatan Pengurusan dan Pematuhan Risiko untuk meningkatkan pengurusan aliran tunai kami. Pada dasarnya, rangka kerja ini meningkatkan kecekapan pengukuran dan pengurusan kecairan kami, sambil meningkatkan keupayaan kami untuk membayai keperluan kecairan jangka pendek dan sederhana. Berpanduan rangka kerja ini, kami telah melaksanakan sistem unjur an aliran tunai untuk meramalkan aliran masuk dan keluar dana masa depan bagi tujuan pengurusan tunai. Objektif utama inisiatif ini adalah meningkatkan kecekapan pengurusan tunai sambil memaksimumkan pulangan ke atas lebihan tunai.

Pada tahun 2017, kami telah menubuhkan Dasar dan Garis Panduan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi Pendapatan Tetap, mengintegrasikan faktor ESG ke dalam proses penilaian kredit dan pelaburan. Di bawah garis panduan ini, kami memastikan bahawa para penerbit bon dan peminjam meningkatkan amalan ESG mereka.

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

PENDAPATAN TETAP YANG DIURUSKAN SECARA DALAMAN

Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Bon Kuasi Kerajaan

Tahun 2017 merupakan tahun yang penuh berperistiwa dari segi perkembangan global yang membentuk pasaran domestik. Keputusan pilihan raya AS telah menyebabkan penjualan secara mendadak di pasaran bon pada akhir tahun 2016, ini sebaliknya telah meningkatkan hasil bon Kerajaan pada permulaan tahun 2017. Hasil 10-tahun MGS membuka tirainya melebihi 4.20% pada awal tahun, manakala Ringgit jatuh kepada RM4.48 berbanding Dolar AS dalam tempoh yang sama.

Sepahru kedua tahun 2017 menyaksikan peningkatan dalam persekitaran makro-ekonomi global dan domestik, disokong oleh permintaan global yang lebih kukuh, harga komoditi yang lebih tinggi dan pertumbuhan domestik yang kukuh.


Ini telah membawakan pemulihan meluas di dalam pasaran kewangan Malaysia dan peningkatan di dalam pelaburan asing yang menyaksikan hasil 10-tahun MGS tutup pada 3.91% dan kedudukan Ringgit meningkat sebanyak 9.8%, iaitu 4.0465 berbanding Dolar AS pada akhir tahun 2017. Dalam tempoh yang sama, rizab asing Bank Negara Malaysia mencatatkan peningkatan kukuh daripada USD95 bilion kepada USD102 bilion.

Meskipun separuh pertama 2017 kurang memberangsangkan bagi pasaran bon Malaysia, KWAP masih aktif di dalam pasaran utama dan sekunder bagi bon kerajaan tempatan dan terbitan jaminan kerajaan. Jumlah dagangan kumulatif tahunan pada tahun 2017 dicatatkan pada RM15.73 bilion termasuk jumlah pembelian dan jualan masing-masing sebanyak RM7.91 bilion dan RM7.82 bilion.

Jumlah pelaburan KWAP dalam sekuriti kerajaan - MGS, terbitan pelaburan kerajaan (GII) dan bon kuasi kerajaan - pada akhir tahun 2017 adalah 22.6% daripada jumlah saiz dana berbanding 25.8% pada akhir tahun 2016. Meskipun terdapat pengurangan dalam peruntukan aset portfolio, kami telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.268 bilion pada tahun 2017 berbanding RM1.329 bilion pada tahun 2016 dengan purata jangka masa portfolio 8.02 tahun.


Dalam menjangkakan peningkatan kadar faedah global dan domestik pada tahun 2018, pasaran bon domestik dijangka mengalami sedikit tekanan, namun permintaan yang stabil berikutkan prospek ekonomi Malaysia yang positif, pengukuhkan Ringgit dan kedudukan fiskal kerajaan yang lebih baik akan meningkatkan sentimen pelabur.

Pendapatan Pelaburan dari tahun 2007-2017




Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

Pegangan Bon Berdaulat Domestik dari tahun 2007-2017



Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

Pengagihan portfolio mengikut jenis instrumen pada 31 Disember 2017



Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

Bon Korporat

Penerbitan bon korporat domestik meningkat dengan ketara pada tahun 2017, kepada RM126.3 bilion berbanding RM85.2 bilion pada tahun 2016. Jumlah terbitan jauh melampaui unjuran RAM Ratings yang diramalkan di antara RM95.0 bilion - RM105.0 bilion serta terbitan purata empat tahun sebelumnya sekitar RM85 bilion. Kertas jaminan kerajaan (GG) juga telah diterbitkan dengan banyak sepanjang tahun 2017, berjumlah RM41.3 bilion berbanding RM28.5 bilion pada tahun 2016. Secara keseluruhan, jumlah terbitan meningkat sebanyak 48% tahun-ke-tahun (y-o-y) atau sebanyak RM41 bilion. Daripada RM41 bilion ini, hampir 40% diwakili oleh segmen tidak ditaraf, dengan RM10 bilion di dalam kertas GG. Bulan Disember sahaja menyaksikan penerbitan tinggi sebanyak RM13.7 bilion dicatatkan, ekoran para penerbit yang ingin memanfaatkan kadar semasa sebelum kenaikan kadar yang dijangkakan pada tahun 2018.

Bagi tahun 2017, pegangan portfolio KWAP di dalam bon korporat (pada nilai pasaran) meningkat kepada RM15.78 bilion daripada RM14.47 bilion pada tahun 2016 berikutan belian secara besaran di pasaran utama. Sebanyak RM1.191 bilion telah dijual dan ditebus berbanding dengan pembelian baharu sebanyak RM2.425 bilion.

Pendapatan pada tahun 2017 menyusut kepada RM750.2 juta daripada RM827.2 juta, disebabkan terutamanya oleh tempoh kematangan yang besar dan pelaburan semula ke dalam bon hasil rendah. Di samping ini, persekitaran kadar faedah yang rendah turut menyumbang kepada penyusutan ROI bon korporat daripada 5.23% pada 2016 kepada 5.00% pada tahun 2017.

Pada tahun 2017, KWAP telah buat kali pertamanya memasuki bidang pelaburan bertanggungjawab sosial (SRI), yang juga dikenali sebagai Green Sukuk, terbitan PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd. Kami merancang untuk melabur lebih banyak ke dalam SRI pada masa depan, selaras dengan komitmen kami untuk mengutamakan pelaburan yang bertanggungjawab sosial dan alam sekitar.

Penerbitan bon korporat bagi tahun 2018 dijangkakan lebih rendah daripada 2017, iaitu kira-kira RM95 bilion hingga RM100 bilion yang secara kasar mewakili terbitan bersih sebanyak RM53 bilion hingga RM58 bilion berdasarkan tempoh kematangan berjadual sebanyak RM42 bilion untuk tahun ini. Kami menjangkakan penerbitan yang lebih tinggi pada awal tahun 2018 bagi memanfaatkan kos pendanaan yang lebih rendah sebelum kenaikan kadar dasar semalam (OPR) yang dijangkakan pada suku pertama tahun 2018. Selain kenaikan OPR, secara

umumnya hasil dijangka akan meningkat disebabkan tindakan bank-bank pusat menghentikan pendirian akomodatif mereka.

Kemungkinan besar, terbitan bon korporat pada tahun 2018 akan terus dipacu oleh segmen GG bersandarkan keperluan pembiayaan projek-projek mega yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia ke-11 serta pembiayaan semula institusi kewangan dan pembiayaan berkaitan projek infrastruktur.


Jumlah terbitan meningkat sebanyak

48% tahun-ke-tahun ke

RM41 bilion




Pendedahan bon korporat KWAP mengikut penarafan



Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

Pendedahan KWAP di dalam bon korporat mengikut prinsip



Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)


PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

Pendedahan Bon Korporat KWAP mengikut Sektor




Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

Nilai pasaran pegangan KWAP di dalam bon korporat dari tahun 2007-2017



Sumber: Laporan Pendapatan Pelaburan (IIR), AMSD

Pendapatan dari pegangan KWAP di dalam bon korporat dari tahun 2007-2017



Sumber: Laporan Pendapatan Pelaburan (IIR), AMSD

Pinjaman

Setakat 31 Disember 2017, jumlah portfolio pinjaman KWAP berjumlah RM10.91 bilion, yang merupakan 7.8% daripada jumlah keseluruhan dana sebanyak RM140.80 bilion. Perubahan dalam portfolio pinjaman kami pada tahun 2017 adalah disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman, kematangan dan penjelasan awal.

Jumlah Portfolio Pinjaman

| Jumlah Portfolio Pinjaman | Jumlah (RM juta) |
|--|------------------|
| Portfolio Pinjaman pada 1 Januari 2017 | 11,224.72 |
| Pembayaran awal | (100.00) |
| Pembayaran Semula/Kematangan | (210.00) |
| Portfolio Pinjaman pada 31 Disember 2017 | 10,914.72 |

Prestasi Portfolio Pinjaman 2017



Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

Pasaran Wang

Pelaburan dan pendapatan pasaran wang KWAP dari 2007-2017




Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

| Tahun | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|----------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------|----------|----------|----------|----------|-----------------|
| Pelaburan Pasaran Wang (RM juta) | 12,480.00 | 14,140.00 | 11,690.00 | 18,310.00 | 16,970.00 | 7,800.00 | 7,160.00 | 4,000.00 | 4,680.00 | 5,640.00 | 5,728.91 |
| Pendapatan (RM juta) | 272.20 | 556.05 | 360.87 | 387.87 | 455.66 | 333.31 | 230.16 | 192.40 | 229.09 | 223.43 | 167.86 |

Pada penghujung tahun 2017, jumlah pelaburan pasaran wang kami termasuk Ringgit dan mata wang asing berjumlah RM5.73 bilion, meningkat sebanyak 1.6% daripada RM5.64 bilion berbanding pada awal tahun 2017. Carta di bawah menggambarkan pecahan pelaburan pasaran wang pada 31 Disember 2017.

Pelaburan Pasaran Wang pada 31 Disember 2017



Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

Pelaburan pasaran wang telah menjanakan pendapatan kasar sebanyak RM167.91 juta pada tahun 2017, iaitu 24.8% lebih rendah daripada RM223.43 juta yang dicapai pada tahun 2016.


Strategi kami bagi tahun 2018 adalah untuk meneruskan pelaburan jangka pendek dan kewajipan operasi di samping melabur di dalam instrumen berhasil tinggi bagi memaksimumkan pulangan.

Pendapatan Tetap Antarabangsa

Sebagai sebahagian daripada strategi mempelbagaikan portfolio pelaburan kami, KWAP telah meningkatkan nilai pasaran portfolio pendapatan tetap antarabangsa dari RM294 juta pada akhir tahun 2011 kepada RM2,713 juta pada akhir tahun 2017. Walau bagaimanapun, pada tahun 2017, persekitaran kewangan yang kurang memuaskan telah mendorong kami mengurangkan pendedahan kepada pendapatan tetap. Sehubungan itu, portfolio pendapatan tetap antarabangsa kami menyusut daripada RM3,363 juta pada akhir tahun 2016 kepada RM2,713 juta pada akhir tahun 2017.


Walaupun Rizab Persekutuan AS (Fed) telah menaikkan kadar sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2017, namun prestasi portfolio pendapatan tetap KWAP terus mantap, menghasilkan jumlah pendapatan nyata sebanyak ASD137.7 juta pada tahun 2017 (2016: ASD100.15 juta). Sesungguhnya portfolio Berdaulat Antarabangsa kami melebihi jangkaan dan mencatatkan ROI melebihi 8%. Sementara itu, Pendapatan Tetap Asia (AFI) kami telah mencatatkan ROI sebanyak 5.06% dan TWRR sebanyak 7.74%.

Pegangan Pendapatan Tetap Antarabangsa dan Pulangan Nyata, 2011-2017




Pegangan Pendapatan Tetap Antarabangsa pada 31 Disember 2017

Pegangan Pendapatan Tetap Antarabangsa mengikut Portfolio



■ AFI ■ Berdaulat Antarabangsa ■ Pengurus Dana Luaran

Pendapatan Tetap Antarabangsa Diurus secara Dalaman mengikut Negara



■ Malaysia ■ Indonesia ■ Korea ■ China/Hong Kong

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

PENDAPATAN TETAP DIURUS SECARA LUARAN

Apabila KWAP diperbadankan pada tahun 2007, kami hanya mempunyai dua EFM bagi menguruskan mandat bon konvensional domestik, yang seterusnya menembusi pasaran bon antarabangsa di samping mempelbagaikan bon Syariah, atau sukuk. Dalam tempoh 10 tahun, portfolio EFM telah meningkat sebanyak 850.38%, daripada RM500 juta kepada RM4.75 bilion. Dari segi kepelbagaian mandat, pelaburan kami ke dalam sukuk global pada tahun 2011 adalah kali pertama memasuki pasaran antarabangsa berikutan inisiatif kerajaan untuk menggalakkan pasaran kewangan Islam menerusi Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC). Setakat tahun 2017, pelaburan sukuk mewakili 40.46% manakala bon konvensional mewakili 59.54% daripada jumlah dana pendapatan tetap yang disumberluarkan. Di dalam portfolio ini, pelaburan pendapatan tetap antarabangsa telah meningkat mewakili 22.56% daripada jumlah keseluruhan.

Pada akhir tahun 2017, jumlah dana pendapatan tetap yang disalurkan kepada EFM berjumlah RM5.39 bilion, mewakili 3.83% daripada saiz dana KWAP, mencatatkan kenaikan 21.39%


daripada RM4.44 bilion pada tahun 2016. Dari segi geografi, sebanyak 75.35% daripada aset diuruskan secara luaran telah dilaburkan di dalam pasaran bon domestik dan 24.65% di pasaran global.

Setakat hujung tahun 2017, EFM kami menguruskan aset tetap domestik bernilai RM4.06 bilion, mewakili 5.60% daripada jumlah pelaburan pendapatan tetap KWAP. Mereka mencatatkan pendapatan nyata agregat sebanyak RM201.96 juta mewakili ROI purata sebanyak 5.56%.

Pelaburan pendapatan tetap antarabangsa EFM meningkat kepada USD328.42 juta (RM1.32 bilion) pada tahun 2017 daripada USD316.85 juta (RM1.07 bilion) pada tahun 2016. Digabungkan dengan portfolio bon diurus secara dalaman, pelaburan pendapatan tetap EFM antarabangsa mewakili 0.95% daripada saiz dana KWAP. Pada penghujung tahun 2017, EFM telah mencatatkan pendapatan nyata agregat sebanyak USD13.37 juta daripada pendapatan tetap antarabangsa mewakili ROI purata sebanyak 4.18%.


Peristiwa Penting Pendapatan Tetap EFM, 2007-2017



Nilai Pasaran Portfolio Pendapatan Tetap EFM Dari Tahun 2007 ke 2017**Pendapatan daripada Portfolio Pendapatan Tetap EFM Dari Tahun 2007 ke 2017**

Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

Portfolio EFM mengikut Pendedahan Geografi

Senarai Pengurus Dana Luaran pada 31 Disember 2017

| Domestik | Penubuhan Dana |
|---|----------------|
| CIMB-Principal Asset Management Bhd | 2006 |
| AmFunds Management Bhd | 2007 |
| Affin Hwang Asset Management Bhd | 2011 |
| Amundi Malaysia Sdn Bhd | 2012 |
| Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd | 2014 |
| Nomura Islamic Asset Management Sdn Bhd | 2015 |
| RHB Islamic International Asset Management Bhd | 2015 |
| Maybank Asset Management Sdn Bhd | 2015 |
| VCAP Asset Managers Sdn Bhd | 2015 |
| Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd | 2015 |
| AIIMAN Asset Management Sdn Bhd | 2015 |
| i-VCAP Management Sdn Bhd | 2015 |

Sumber: Jabatan Pendapatan Tetap (FID)

Senarai Pengurus Dana Luaran Antarabangsa pada 31 Disember 2017

| Antarabangsa | Penubuhan Dana |
|---|----------------|
| CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd | 2011 |
| Amlslamic Funds Management Sdn Bhd | 2011 |
| BNP Paribas Investment Partners Najmah Malaysia Sdn Bhd | 2014 |
| Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd | 2014 |
| JF Asset Management Limited | 2015 |

PELABURAN ALTERNATIF

Prestasi Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur

Bersandarkan momentum mandat ekuiti/infrastruktur persendirian, KWAP telah membuat 11 pelaburan baharu sepanjang tahun 2017, terdiri daripada lapan dana baharu dan tiga pelaburan langsung baharu. Walaupun kami meningkatkan pelaburan kami di perantauan Amerika Utara dan Eropah menerusi dana-dana, namun sebahagian besar pelaburan langsung masih tertumpu di pasaran domestik dengan hanya satu di Eropah.

Pelaburan langsung telah membolehkan kami meneroka peluang-peluang baharu. Menerusi pelaburan di edotco Group Sdn Bhd (pembina menara komunikasi terbesar di ASEAN dengan 28,000 buah menara), kami kini telah menceburi bidang infrastruktur serantau. Manakala, pelaburan di dalam Swift Haulage Sdn Bhd (syarikat terutama negara dari segi keupayaan isipadu), merupakan kemunculan sulung kami di dalam bidang logistik tempatan. Kami juga telah membuat pelaburan pertama kami ke dalam sektor tenaga boleh diperbaharui melalui pemerolehan 45% kepentingan dalam Vortex Solar Investments Sarl (Vortex). Teknologi photovoltaic solar (PV) Vortex akan mengurangkan 126,560 tan pelepasan CO₂ setahun, menyokong komitmen kami terhadap kelestarian alam sekitar.

Menjelang akhir tahun 2017, KWAP telah melabur dalam 32 dana ekuiti persendirian dan 5 pelaburan ekuiti persendirian langsung. Jumlah pelaburan ekuiti persendirian kami berjumlah RM2.75 bilion atau 1.94% daripada jumlah keseluruhan dana kami, yang berada dalam peruntukan 4% yang diluluskan bagi mandat di bawah Alokasi Aset Strategik kami.


Pelaburan ekuiti persendirian kami telah menjanakan pendapatan sebanyak RM103.8 juta dengan ROI sebanyak 4.96%, mencatatkan peningkatan 200% dalam pendapatan berbanding tahun 2016. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan kematangan portfolio kami.

Walau bagaimanapun, memandangkan pelaburan ekuiti persendirian adalah bersifat jangka panjang, ia biasanya menumpuk aliran tunai bersih negatif pada permulaan pelaburan (jangka masa pelaburan). Profil aliran tunai ini dikenali sebagai kesan keluk-J, di mana pulangan akan diagihkan pada tempoh akhir hayat pelaburan apabila portfolio syarikat-syarikat matang dan pulangan boleh diperolehi.

Pada masa ini, majoriti aset ekuiti persendirian kami masih dalam proses pengeraman. KWAP semakin menaik keluar daripada keluk-J dan pulangan pendapatan dijangkakan dalam masa yang terdekat.

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

Carta 1: Komitmen Pelaburan Dana PE mengikut Geografi



Carta 2: Komitmen Pelaburan Dana PE mengikut Strategi



Sumber: KWAP

Pelaburan Teknologi Ekuiti Persendirian

Syarikat-syarikat teknologi bukan sahaja membentuk lanskap ekonomi dunia, mereka juga menguasai dunia pelaburan. Syarikat-syarikat ini menguasai lima tangga teratas indeks S & P 500, mewakili jumlah permodalan pasaran sebanyak USD3.3 trilion. Memanfaatkan revolusi teknologi ini, bermula pertengahan tahun 2016, KWAP telah melabur secara langsung ke dalam syarikat-syarikat teknologi, dan juga secara tidak langsung menerusi dana-dana firma modal usaha (VC).


Pelaburan teknologi langsung pertama kami adalah dengan Uber Technologies pada bulan September 2016. Walaupun syarikat ini telah melalui beberapa cabaran, Uber masih mengekalkan kedudukannya sebagai pemimpin pasaran global di dalam sektor *ridesharing*, dengan operasi di lebih 616 destinasi merentasi 77 negara. Uber juga memiliki bahagian pasaran sebanyak 100% di Kanada, 89% di Amerika Syarikat dan 100% di Amerika Latin. Lebih-lebih lagi, Uber kini diwakili oleh pihak pengurusan kanan baharu yang tertumpu ke atas pemberian budaya kerja dalaman syarikat, untuk menjanjikan pertumbuhan yang lebih lanjut.

Pada bulan November 2016, kami telah membuat pelaburan pertama kami ke dalam dana VC dengan DAG Ventures VI LP (DAG). DAG adalah firma VC kuartil utama AS yang menumpukan pelaburannya ke dalam syarikat berkaitan teknologi AS. Setakat ini, DAG telahpun mengagihkan 41% daripada perolehannya terhadap sumbangan modal. Menerusi pelaburan kami di DAG, kami mempunyai pendedahan tidak langsung kepada pengurusan modal firma-firma terkemuka di dalam bidang modal usaha, termasuk Benchmark Capital dan Kleiner Perkins Caufield & Byers.

Pada tahun 2017, KWAP secara berterusan mencari peluang dalam sektor teknologi, berpegang kepada pandangan bahawa VC terkekang bukan kerana modal tetapi peluang. Apa yang penting adalah bahawa 2% daripada dana VC utama mewakili 95% daripada pulangan, seperti yang digambarkan di bawah. Ini menyerlahkan kepentingan penglibatan dengan firma VC yang mempunyai penarafan “kesepuluh” yang tertinggi.


Carta 4: 10 Syarikat S&P 500 Utama

10 Syarikat Utama mengikut Modal Pasaran, 2007



Sumber: Bloomberg

10 Syarikat Utama mengikut Modal Pasaran, 2017




PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

Jadual 2: Syarikat Teknologi Disokong oleh Firma VC

| Syarikat Teknologi | Firma VC |
|-----------------------------|---|
| Apple | Sequoia Capital |
| Alphabet (dahulunya Google) | Sequoia Capital, Kleiner Perkins Caufield & Byers |
| Microsoft | Technology Venture Investors |
| Amazon.com | Kleiner Perkins Caufield & Byers |
| Facebook | Accel Partners, Greylock Partners |

Sumber: Crunchbase

Kadar Pulangan VC

Sumber: Wealthfront Inc.

- **Vickers Venture Fund V LP**

Pada Ogos 2017, KWAP telah melabur di dalam Vickers Venture Fund V LP (Vickers V), sebuah dana VC berpusat di Asia Tenggara, dengan mandat pelaburan global, terutamanya di dalam sektor pengguna Telekomunikasi, Media dan Teknologi (TMT), perkhidmatan kewangan dan sektor sains hayat.

Vickers adalah salah satu daripada GP yang paling konsisten dengan catatan prestasi tiga kuartil pertama dan satu kuartil kedua, daripada jumlah empat dana sebelumnya. Pencapaian ini membolehkan Vickers ditaraf sebagai dana VC Asia Tenggara yang terbaik dan keenam terbaik di antara firma-firma VC global.

Apa yang membezakan Vickers daripada firma lain adalah ‘Pelantar Pelaburan’ mereka yang tertumpu terhadap model perniagaan B-2-B-2-C yang jelas di dalam setiap dana mereka. Pelaburan Vickers di dalam bidang TMT merangkumi pelbagai subsektor. Prestasi terbaik subsektor TMT Vickers sebelum ini termasuk, Teknologi Media (platform perkhidmatan TV yang menawarkan perkhidmatan dataraya, periklanan, dan internet), Clean-Tech (produk atau perkhidmatan yang mengurangkan impak negatif alam sekitar), Fin-Tech (perkhidmatan kewangan dalam talian), dan Software- As-A-Service (SaaS) (perkhidmatan perisian berlesen berpusat). Tumpuan Sains Hayat mereka pada masa ini adalah di dalam subsektor penghantaran ubat-ubatan regeneratif dan nano-tech. Pembentukan dana yang unik ini membolehkan struktur pulangan mereka bersifat dana VC manakala profil risikonya bersifat dana pertumbuhan.

Jadual 3: Prestasi Dana VC Terbaik Global

| Firma | Lokasi | Jumlah Dana Diperolehi – 10 Tahun Terakhir (USD juta) | Bil. Dana | Dana Q1 | Dana Q2 | Taraf Purata |
|-----------------------------------|------------------|---|--------------|------------|------------|-----------------|
| Pittsford Ventures Management | AS | 200 | 6 | 6 | 0 | 1 |
| Trustbridge Partners | China | 2,410 | 5 | 5 | 0 | 1 |
| Benchmark Capital | AS | 1,497 | 3 | 3 | 0 | 1 |
| Matrix Partners | AS | 3,122 | 5 | 4 | 1 | 1.2 |
| OrbiMed Advisors | AS | 5,349 | 5 | 4 | 1 | 1.2 |
| Vickers Venture Partners | Singapura | 367 | 4 | 3 | 1 | 1.25 |
| New Enterprise Associates | AS | 11,530 | 6 | 4 | 2 | 1.33 |
| AJU IB Investment | Korea Selatan | 312 | 3 | 2 | 1 | 1.33 |
| Forbion Capital Partners | Belanda | 585 | 3 | 2 | 1 | 1.33 |
| Future Venture Capital | Jepun | 19 | 3 | 2 | 1 | 1.33 |
| General Catalyst Partners | AS | 2,010 | 3 | 2 | 1 | 1.33 |
| Goodwell Investments | Belanda | 83 | 3 | 2 | 1 | 1.33 |
| Helmet Venture Managers | Finland | 12 | 3 | 2 | 1 | 1.33 |
| Battery Ventures | AS | 2,825 | 10 | 7 | 2 | 1.4 |
| Kleiner Perkins Caulfield & Byers | AS | 7,035 | 6 | 3 | 3 | 1.5 |
| Lightspeed Venture Partners | AS | 4,676 | 4 | 3 | 0 | 1.5 |

Sumber: Preqin

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

• Trustbridge Partners VI LP

Pada Disember 2017, KWAP telah menerokai pasaran swasta China dengan pelaburan pertama kami di dalam dana VC yang tertumpu di China iaitu Trustbridge Partners VI LP (TBP VI). Bersama-sama dengan Pittsford Ventures Management dan Benchmark Capital, TBP telah memperoleh kedudukan tertinggi di kalangan dana VC global, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3. Berbandingkan tiga dana VC yang terbaik, TBP telah memperoleh kedudukan kedua, berdasarkan penarafan kuartil pertama yang konsisten merentasi lima dana dan jumlah dana yang dijana bagi tempoh 10 tahun terakhir iaitu sebanyak USD2.4 bilion.


Keupayaan TBP dalam memahami tren pertumbuhan China telah membolehkannya memanfaatkan peluang dalam pelbagai sektor dengan pantas, menghasilkan pulangan kuartil pertama merentasi kesemua lima dana penglibatannya.

Dalam portfolio semasanya, syarikat-syarikat berdasarkan e-kandungan (teks, imej dan video yang dihasilkan untuk paparan di internet) dan sektor pengguna beroperasi teknologi (dagangan dengan transaksi internet) berprestasi terbaik. Di dalam kedua-dua sektor ini, TBP mempunyai gabungan pengguna aktif bulanan (MAU) berjumlah 750 juta, mewakili peluang jualan silang dan jualan tambahan yang menarik di antara syarikat-syarikat portfolio. TBP VI juga tertumpu kepada sektor penjagaan kesihatan.

PELABURAN HARTANAH

Pada penghujung tahun 2017, KWAP mempunyai 12 harta tanah dalam portfolionya bernilai RM6.17 bilion. Seiring dengan komitmen kami terhadap pelaburan bertanggungjawab, tujuh daripada harta tanah ini diiktiraf dengan pensijilan mesra alam sekitar seperti Sistem Penarafan Bangunan Mesra Alam Nasional Australia (NABERS), Kepimpinan dalam Reka Bentuk Tenaga dan Alam Sekitar AS (LEED), Kaedah Penilaian Alam Sekitar Penyelidikan Penubuhan Bangunan UK (BREEAM) dan Sijil Prestasi Tenaga (EPC), serta Indeks Bangunan Hijau Malaysia (GBI). Bangunan pejabat KWAP di 747 Collins Street, Melbourne, mempunyai penarafan NABERS tertinggi iaitu 6 bintang manakala Menara Integra di Kuala Lumpur mempunyai penarafan LEED Platinum (tertinggi).

Purata penghunian bagi harta tanah KWAP pada akhir tahun 2017 adalah 92.9%. Nilai portfolio meningkat sebanyak 4.68% y-o-y kepada RM6.17 bilion, dengan kadar penggunaan sebanyak 4.39% daripada dana. Pada tahun 2017, Pelaburan Hartanah menghasilkan pendapatan sebanyak RM627.8 juta mewakili jumlah pulangan sebanyak 13.41%. Sorotan tahun 2017 adalah penjualan bangunan pejabat di Sydney, Australia, pemerolehan harta tanah logistik di Jerman, dan pelaksanaan perjanjian jual beli untuk memperolehi 40% kepentingan di sebuah bangunan pejabat di Melbourne, Australia.





20 Bridge Street, Sydney, Australia



Penjualan Bridge Street, Sydney, Australia (Bursa ASX)

Pada tahun 2017, pasaran ruang pejabat pusat perniagaan wilayah (CBD) Sydney mengalami pemampatan hasil, sehingga mencecah di bawah tahap 5.0% berbanding 5.6% pada tahun 2016. Keadaan ini timbul akibat kekurangan peluang pelaburan dan keterhadan bekalan ruang pejabat yang membendung pengembangan. KWAP memanfaatkan kedudukan pasaran ini, dan menjual 20 Bridge Street, Sydney (Bursa ASX) pada harga AUD335.0 juta. Penjualan ini membawakan peningkatan hasil sebanyak 4.4% dibandingkan dengan harga pembelian berjumlah AUD185.0 juta pada tahun 2011. Penjualan tersebut juga membantu menetapkan semula nilai pasaran ruang pejabat di Australia.

*Artikel dari The Australian Financial Review
bertarikh 27 April 2017, Bahagian Hartanah Perdagangan - ms 33.a*

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET



Zalando Distribution Warehouse, Erfurt, Jerman

- **Pembelian Zalando Distribution Warehouse, Erfurt, Jerman**

Sebelum tahun 2017, pelaburan KWAP di dalam sektor harta tanah tertumpu di Malaysia, Australia dan UK. Selaras dengan strategi kepelbagaian geografi kami, KWAP memperoleh sebuah kemudahan logistik yang terletak di Erfurt, Jerman yang berkedudukan hampir 250km timur laut dari Frankfurt, pada harga €92.2 juta. Hartanah ini disewakan sepenuhnya kepada Zalando, yang merupakan sebuah peruncit fesyen dalam talian.



Sepuluh tahun kebelakangan ini, KWAP telah mencapai beberapa kejayaan dalam pelaburan ekuiti termasuk memulakan operasi pelaburan ekuiti di UK menerusi penubuhan Prima Ekuiti (UK) Ltd, portfolio Asia Pasifik kecuali Jepun (APEX), pengembangan mandat APEX yang merangkumi pasaran Jepun dan baru-baru ini penubuhan portfolio ekuiti AS. Pada tahun ini, kami akan terus mengembangkan pelaburan ekuiti global kami ke China, khususnya saham China-A. Persekitaran kerja di Jabatan Ekuiti sentiasa berubah dengan keluk pembelajaran yang curam. Anda sentiasa dijangkakan berprestasi terbaik, tanpa mengira situasi.



747 Collins Street, Melbourne, Australia

- **Pemilikan penuh 747 Collins Street, Melbourne, Australia**

Pada Disember 2017, KWAP telah memeterai perjanjian muktamad bagi memperoleh baki 40% kepentingan di 747 Collins Street, Melbourne dengan harga pembelian sebanyak AUD151.3 juta. Sebelumnya, kami sudahpun memiliki 60% kepentingan bangunan pejabat tersebut. 96% daripada ruang pejabat disewakan kepada Pejabat Cukai Australia.



KAKITANGAN PERINTIS

MUSHIDA MUHAMMAD
– Jabatan Ekuiti

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

PELABURAN HARTANAH DOMESTIK



MENARA INTEGRA TOWER, KUALA LUMPUR (PEJABAT 40-TINGKAT)


Harga belian **RM1,065 JUTA**

Tarikh pembelian **31 Mac 2015**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **765,249 kps**

Kadar penginapan
(setakat 31 Disember 2017)



MENARA CAPSQUARE, KUALA LUMPUR (PEJABAT 41-TINGKAT)


Harga belian **RM474.3 JUTA**

Tarikh pembelian **15 Disember 2016**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **601,796 kps**

Kadar penginapan
(setakat 31 Disember 2017)




PELABURAN HARTANAH ANTARABANGSA

**737 BOURKE STREET, MELBOURNE, AUSTRALIA
(PEJABAT 12-TINGKAT)**

| | |
|-------------------------|------------------------|
| Harga belian | AUD113.0 JUTA |
| Tarikh pembelian | 9 Disember 2010 |
| Tempoh | Pegangan Bebas |
| Ruang boleh sewa bersih | 204,952 kps |


Kadar penginapan
(setakat 31 Disember 2017)



**747 COLLINS STREET, MELBOURNE, AUSTRALIA
(PEJABAT 16-TINGKAT)**

| | |
|-------------------------|--------------------------|
| Harga belian | AUD167.5 JUTA |
| Tarikh pembelian | 30 September 2013 |
| Tempoh | Pegangan Bebas |
| Ruang boleh sewa bersih | 430,914 kps |

Kadar penginapan
(setakat 31 Disember 2017)



PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

PELABURAN HARTANAH ANTARABANGSA



**179 TURBOT STREET, BRISBANE, AUSTRALIA
(PEJABAT 25-TINGKAT)**

Harga belian

AUD172.3 JUTA

Tarikh pembelian

31 Oktober 2013


Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang boleh sewa bersih

268,831 kps

Kadar penginapan
(setakat 31 Disember 2017)



**133 LENORE DRIVE, ERSKINE PARK, SYDNEY,
AUSTRALIA (LOGISTIK)**

Harga belian

AUD75.13 JUTA

Tarikh pembelian

30 November 2014

Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang boleh sewa bersih

480,430 kps

Kadar penginapan
(setakat 31 Disember 2017)




PELABURAN HARTANAH ANTARABANGSA

1 GRIFFIN CRESCENT, BRENDALE, QUEENSLAND, AUSTRALIA (LOGISTIK)

| | |
|-------------------------|-------------------------|
| Harga belian | AUD73.70 JUTA |
| Tarikh pembelian | 30 November 2014 |
| Tempoh | Pegangan Bebas |
| Ruang boleh sewa bersih | 542,570 kps |

Kadar penginapan
(setakat 31 Disember 2017)



38-46 BERNERA ROAD, PRESTONS, SYDNEY AUSTRALIA (LOGISTIK)

| | |
|-------------------------|-----------------------|
| Harga belian | AUD70.05 JUTA |
| Tarikh pembelian | 30 Julai 2015 |
| Tempoh | Pegangan Bebas |
| Ruang boleh sewa bersih | 237,884 kps |

Kadar penginapan
(setakat 31 Disember 2017)



PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

PELABURAN HARTANAH ANTARABANGSA



145 LENORE DRIVE, SYDNEY AUSTRALIA (LOGISTIK)

Kos pembangunan termasuk kos tanah

AUD13.3 JUTA

Tarikh pembelian

23 Disember 2015

Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang boleh pajak kasar dicadangkan

7,577 meter persegi

100%

Kadar penginapan (setakat 31 Disember 2017)



10 GRESHAM STREET, LONDON, UK (PEJABAT)

Harga belian

GBP200.0 JUTA

Tarikh pembelian

24 Oktober 2012

Tempoh

Pegangan Pajakan (tamat pada 24 Jun 2164)

Ruang boleh sewa bersih

259,759 kps

100%

Kadar penginapan (setakat 31 Disember 2017)

PERISTIWA PENTING

2010

KWAP memperoleh aset antarabangsa pertama di Australia.

2011

Pelaburan hartanah melebihi nilai RM1 bilion. Memperoleh Bangunan ASX di Sydney.

2012

Pelaburan hartanah melebihi nilai RM2 bilion. Memperoleh aset pertama di UK.

2013

Pelaburan hartanah berganda nilai ke RM4 bilion.

PELABURAN HARTANAH ANTARABANGSA

INTU UXBRIDGE, LONDON, UK (RUNCIT)

Harga belian

GBP174.8 JUTA

(80% kepentingan, 20%
kepentingan dimiliki oleh
Intu Properties PLC)

Tarikh pembelian

20 Jun 2014

Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang boleh sewa bersih

452,257 kps

Kadar penginapan

(setakat 31 Disember 2017)

92.7%



ZALANDO DISTRIBUTION WAREHOUSE, ERFURT, JERMAN (LOGISTIK)

Harga belian

EUR92.23 JUTA

Tarikh pembelian

5 Mei 2017

Tempoh

Pegangan Bebas

Ruang boleh sewa bersih

980,641 kps

Kadar penginapan

(setakat 31 Disember 2017)

100%



2014

Pelaburan pertama KWAP
dalam aset logistik.
Pelaburan hartaanah melebihi
nilai RM5 bilion.

2015

KWAP memperoleh aset
domestik pertamanya.
Portfolio hartaanah
bernilai RM6.7 bilion.

2016

KWAP memeterai penjualan
pertama dalam pelaburan
hartaanah dengan jualan bangunan
pejabat bernilai £270 juta.

2017


Pelaburan dikembangkan ke
Jerman, sementara penjualan
Bangunan ASX di Sydney
mencatatkan rekod hasil.

PRESTASI MENGIKUT KELAS ASET

PEMBANGUNAN HARTANAH

Pada tahun 2017, KWAP telah mempelbagaikan lagi portfolio harta tanah kami dengan menerokai sektor pembangunan harta tanah yang membuka peluang merentasi kelas aset dengan profil risiko dan pulangan yang berlainan. Kejayaan dicapai menerusi pembentukan KWEST Sdn Bhd (KWEST), sebuah syarikat milik penuh, bagi tujuan pelaburan pembangunan harta tanah. KWAP Real Estate, atau nama singkatnya KWEST telah diperbadankan pada 4 Ogos 2017 dan akan menerokai projek-projek dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM20.3 bilion. Pelaburan-pelaburan ini dijangka menjanakan pulangan hasil menjelang tahun 2020. Idea cabaran pelaburan telah mula dipertimbangkan mulai tahun 2016.

Sebelum KWEST ditubuhkan, KWAP buat pertama kalinya telah membentuk usahasama dengan pemaju harta tanah pada Mac 2017 bagi projek pembangunan campuran – Fasa 2A Seri Tanjung Pinang 2 (STP2A) di Pulau Pinang, yang memiliki anggaran GDV sebanyak RM19.1 bilion. KWAP memiliki 20% daripada Persada Mentari Sdn Bhd, sebuah syarikat pembangunan harta tanah yang ditubuhkan untuk membangunkan STP2A. Tanah untuk pembangunan tersebut kini di bawah proses penambakan, di mana 33.2 ekar (13.4 ha) akan didaftarkan di bawah KWAP.



Ilustrasi artis pembangunan Seri Tanjung Pinang 2A





Ilustrasi artis pembangunan di Jalan Stonor

Pembangunan tersebut akan merangkumi daerah kediaman termasuk perumahan mampu dimiliki. Ianya juga diilhamkan sebagai destinasi komersil utama dengan populasi hampir 10,000. Keputusan KWAP untuk melabur di STP2A juga didorong oleh peruntukan ruang awam seluas 70 ekar (28.3 ha) dan keupayaan projek ini memacu pertumbuhan infrastruktur di Pulau Pinang.

Sejajar dengan komitmen ESG, kami memastikan pelaburan kami peka terhadap kemesraan alam sekitar dan kepentingan pemegang kepentingan. Dalam konteks STP2A, pemegang konsesi penambakan telah memulakan program penanaman semula bakau. Jawatankuasa Alam Sekitar projek ini juga bermesyuarat secara berkala bagi memantau isu-isu alam sekitar yang berkaitan dengan penambakan termasuk tahap bunyi dan kualiti air.

CBRE WTW dan Savills Malaysia, dua firma perunding harta tanah yang terkenal telah menarafkan projek ini sebagai di antara 10 terbaik di dalam sektor pembangunan di Malaysia pada tahun 2017.

Selain daripada STP2A, KWEST juga terlibat dengan pemaju berpotensi untuk merancang pembangunan dua bidang tanah milik KWAP di Jalan Stonor dan Jalan Changkat Kia Peng, Kuala Lumpur. Kajian Penggunaan Tertinggi dan Terbaik (Kajian HBU) telah dilaksanakan untuk menentukan jenis produk yang akan menghasilkan pulangan yang terbaik berdasarkan keadaan pasaran jangka sederhana. Berdasarkan kajian awal, GDV yang dijangka dari kedua-dua tapak dianggarkan sebanyak RM1.2 bilion.

Sebagai dana pencerian yang bertanggungjawab, KWAP prihatin terhadap golongan yang usianya semakin melanjut. Seiring dengan ini, KWAP telah menggabungkan Pembangunan Berorientasikan Persaraan (ROD) sebagai salah satu strategi harta tanah jangka panjang kami. Sepanjang tahun ini, kami telah bersemuka dengan beberapa rakan kongsi pembangunan dan penyedia perkhidmatan yang berpotensi, baik tempatan dan antarabangsa, yang berkepakaran di dalam bidang ini. Hasilnya, kami telah mengenal pasti peluang pelaburan berpotensi dengan pemaju tempatan dan antarabangsa, ROD kini berada di fasa kajian pasaran dan peringkat konseptualisasi produk.

SUBSIDIARI KAMI

Kami telah menubuhkan Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti), sebuah syarikat milik penuh pada tahun 2012 selaku rakan pelaburan KWAP di perantauan Eropah dengan objektif-objektif yang jelas, iaitu:



- untuk melabur secara langsung di dalam pasaran modal asing dan menghasilkan pulangan yang optimum
- untuk menyokong strategi kepelbagaian KWAP dengan memperluaskan pelaburan dan perwakilan geografi di luar pasaran Malaysia
- untuk membangun dan menarik minat bakat dengan menyediakan pendedahan dan pengalaman antarabangsa kepada kakitangan

Prima Ekuiti telah berkembang secara progresif dari permulaan yang sederhana, aset di bawah pengurusan Prima Ekuiti telah berkembang lima kali ganda daripada GBP100 juta kepada lebih daripada GBP545 juta pada tahun 2017, membolehkannya menjadi mandiri dan beroperasi secara bebas, di bawah bimbingan Lembaga Pengarah.

Sejak penubuhannya pada 2 Mei 2012, portfolio ekuiti UK meningkat sebanyak 51.4% berbanding pulangan Indeks FTSE 100 sebanyak 32.3% dalam tempoh yang sama. Tidak termasuk tunai, pulangan portfolio ekuiti adalah sebanyak 70.9%, mengatasi penanda aras sebanyak 38.6%. Pada akhir tahun 2017, Nilai Aset Bersih portfolio ekuiti UK adalah 1.02x, dan mencatatkan ROI kasar sebanyak 8.2%, mengatasi penanda aras hasil dividen kira-kira 4.0% dan sasaran pendapatan KWAP sebanyak 8.0%.

Sementara itu, portfolio ekuiti Eropah, telah meningkat sebanyak 46.9% sejak penubuhannya pada 2 September 2014, mengatasi penanda arasnya sebanyak 29.6%. Tidak termasuk tunai, portfolio ekuiti mencatatkan pulangan 43.6%, berbanding dengan penanda arasnya iaitu 26.3%. Pada akhir tahun 2017, Nilai Aset Bersih portfolio ekuiti Eropah adalah 1.06x, manakala ROI kasar melebihi 10.4%, mengatasi penanda aras hasil dividen sebanyak 3.0% dan sasaran pendapatan KWAP sebanyak 9.3%.

Prima Ekuiti berjaya meningkatkan aset di bawah pengurusannya dengan anggaran

16.2% pada tahun 2017



PRESTASI TAHUN 2017

Prima Ekuiti telah meningkatkan aset di bawah pengurusan (AUM) sebanyak kira-kira 16.2% pada tahun 2017. Nilai pasaran portfolio ekuiti UK meningkat 8.7% kepada GBP296.55 juta, mengatasi kenaikan 7.6% dalam Indeks FTSE 100. Pada masa yang sama, portfolio ekuiti Eropah berkembang 9.8% kepada EUR279.86 juta, mengatasi Indeks MSCI Eropah sebanyak 1.1%, disokong oleh ketumpuan tinggi di dalam stok yang mempunyai potensi pertumbuhan pendapatan yang tinggi.

Sejak penubuhan kedua-dua portfolio, sejumlah lebih daripada GBP51.9 juta telah dipulangkan kembali kepada KWAP dari kedua-dua dana.

Pendapatan subsidiari kami meningkat kepada GBP2.09 juta daripada GBP2.02 juta pada tahun 2017. Manakala perbelanjaan operasi meningkat sebanyak 1.9%, terutamanya disebabkan oleh kos operasi yang lebih tinggi akibat bilangan pekerja yang meningkat dan pindahan ke pejabat baharu. Hasilnya, keuntungan selepas cukai berjumlah GBP656,269, berbanding GBP618,283 pada tahun sebelumnya.

Lembaran imbangannya juga lebih kukuh seiring dengan peningkatan dana pemegang saham dari GBP2.11 juta pada tahun 2016 kepada GBP2.56 juta pada akhir tahun 2017. Apa yang penting ialah, Prima Ekuiti mengelakkan kedudukan likuiditi yang kukuh dengan wang tunai dan setara tunai berjumlah GBP2.1 juta.

Sasaran masa depan adalah mencapai pertumbuhan organik digit-tunggal di dalam aset di bawah pengurusannya dan pengurusan kos-tunai yang berhemat bagi memastikan pertumbuhan mapan.


Rangka Tindakan Korporat 2018-2020

Sebagai sebahagian daripada Rangka Tindakan Korporat Prima Ekuiti 2018-2020, ia bertujuan menerima pakai piawaian ESG di dalam operasi pelaburan dan juga di dalam aktiviti perniagaan hariannya, selaras dengan komitmen KWAP terhadap pelaburan bertanggungjawab. Prima Ekuiti juga terlibat dengan rakan-rakan seniaga dan penyelidik pasaran yang berpengalaman di dalam bidang ESG, dan berkongsi pengetahuan dengan KWAP.

Komitmen Terhadap Dividen

Pada tahun 2015, Prima Ekuiti telah memperkenalkan dasar dividen yang membayar sekurang-kurangnya dua kali modal sahamnya dalam bentuk dividen tahunan. Pada tahun 2017, ia mengatasi pelan dividenya dan berjaya mengagihkan dividen sejumlah GBP200,000 (bersih) kepada para pemegang sahamnya. Sejak tahun 2015, Prima Ekuiti telah mengagihkan 12 kali modal sahamnya, bersamaan GBP600,000, dalam bentuk dividen kepada para pemegang sahamnya.

Portfolio Ekuiti UK mengikut Graf:







Sumbangan Bukan Kewangan kepada KWAP

Prima Ekuiti secara aktif membina rangkaian yang kukuh di Eropah bagi menarik minat bakat terbaik ke KWAP. Di bawah Program Attachment Prima Ekuiti – KWAP, seorang kakitangan daripada jabatan ekuiti KWAP telah ditempatkan selama dua minggu di Prima Ekuiti pada tahun 2017, di mana beliau didedahkan kepada amalan kerja pasaran UK dan Eropah.

Pada tahun 2017, Prima Ekuiti juga telah melantik empat pelajar Malaysia dari pelbagai universiti di UK bagi latihan praktikal. Di samping itu, Prima Ekuiti telah menganjurkan *Prima Ekuiti Investment Challenge* yang ke-2, bertujuan untuk membolehkan para pelajar membina penghargaan yang lebih baik terhadap industri dan memberikan peluang kepada mereka untuk meningkatkan pelbagai kemahiran. Pertandingan ini telah disertai oleh seramai 25 pelajar dari pelbagai universiti di UK.


SUBSIDIARI KAMI









SUBSIDIARI KAMI

EROPAH: PERUNTUKAN ASET



EROPAH: TWRR YTD



**EROPAH: NISBAH MAKLUMAT****EROPAH: NILAI ASET BERSIH**

PENDEDAHAN PELABURAN GLOBAL





ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI



Nik Ahmad Fauzan Nik Mohamed
Ketua Pegawai Operasi

“ Matlamat muktamad kami adalah agar KWAP beroperasi pada tahap produktiviti dan kecekapan yang tertinggi. Walaupun ini merupakan satu proses yang berlanjutan, namun pengasasan yang sedang diusahakan pada masa ini memberikan kami keyakinan bahawa kami berada di atas landasan yang betul bagi mencapai ke semua matlamat dan sasaran kami dalam jangkamasa sederhana dan panjang. ”



**Sepanjang 10 tahun ini,
KWAP telah berkembang
dengan pesat di dalam
kesemua parameter
operasinya. Caruman
daripada badan-badan
berkanun, pihak berkuasa
tempatan dan Kerajaan
Persekutuan kini berjumlah
RM40.8 bilion berbanding
dengan kutipan awal bersih
sebanyak **RM2.6 bilion**
pada tahun **2007**.

Secara keseluruhan,
dana kami telah
mencatatkan peningkatan
nilai melebihi tiga kali
ganda iaitu daripada
RM41.94 bilion kepada
RM140.80 billion.**



Bagi melancarkan proses pertumbuhan ini, kami secara berterusan melabur ke dalam tenaga kerja dan pemprosesan bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti operasi kami sambil mengekalkan tahap penyampaian perkhidmatan yang tinggi.

Pada tahun 2016, kami telah memindahkan operasi perkhidmatan pusat dan persaraan kami ke premis baharu. Premis ini menawarkan kemudahan yang lebih baik, ruang ergonomik dan secara umumnya, persekitaran kerja yang lebih kondusif untuk meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti tenaga kerja kami. Manakala, tumpuan kami bagi tahun 2017 lebih kepada pengoptimuman infrastruktur teknologi kami, seperti melaksanakan sistem digital untuk pengurusan data yang lebih baik, dan menggantikan proses manual dengan amalan-amalan terbaik industri. Pada masa yang sama, kami meneruskan usaha dalam meningkatkan keupayaan kami melalui program-program seperti Lean Six Sigma dan amalan persekitaran kerja berkualiti 5S.

Kesemua inisiatif-insiatif berjalan secara lancar, dan saya amat bersukacita berkongsi beberapa sorotan penting tahun ini, seperti berikut.

PARA PESARA KEUTAMAAN KAMI

Pada tahun 2015, KWAP telah mengambil alih peranan sebuah agensi Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pemprosesan dan pembayaran penceن, gratisi dan faedah lain yang berkaitan. Di Jabatan Perkhidmatan Persaraan (PeSD) kami di Cyberjaya kami menghitung dan membayar faedah dan pelarasan penceن, perbelanjaan pengebumian dan bayaran ex-gratia. Kami juga menguruskan tuntutan pesara untuk rawatan perubatan yang diterima di klinik/hospital swasta dan sebarang perbelanjaan pengangkutan yang berkaitan dengannya. Di samping itu, kami juga membantu Kerajaan dalam penyediaan belanjawannya dengan membuat ramalan dan unjuran penceن tahunan dan ramalan perubatan.

Perkhidmatan persaraan kami dipantau oleh Kerajaan melalui Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) berdasarkan ketepatan masa pembayaran penceن serta manfaat persaraan yang lain. Di bawah perjanjian ini, kami perlu mencapai skor SLA sekurang-kurangnya 90%. Kami sentiasa menepati sasaran ini, dan pada tahun 2017 kami telah meningkatkan skor SLA ke 95.6% berbanding 93.8% pada tahun 2016.

ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI

Inisiatif-inisiatif 2017

Sejak mengambil alih operasi perkhidmatan persaraan tersebut, kami telah menjadikannya misi kami untuk terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan kami. Ini telah mendorong kami melaksanakan pelbagai inisiatif, dan melabur dalam sistem dan peranti baharu, bukan hanya untuk memenuhi permintaan semasa, tetapi juga untuk menghadapi cabaran masa depan.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan, kami memulakan beberapa program pada tahun 2017, seperti yang dinyatakan di bawah.

Program Kecemerlangan Produktiviti KWAP (KPEx)

KPEx telah dilancarkan pada bulan Mac dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), untuk meningkatkan KWAP ke tahap organisasi berprestasi tinggi. MPC adalah agensi kerajaan yang ditugaskan untuk memacu produktiviti kebangsaan dan pengurusan kualiti.

Program usahasama tiga tahun ini diterajui oleh PeSD dengan kerjasama Jabatan Sumber Manusia kami, dan bertujuan untuk memacu produktiviti dan kecekapan proses perniagaan melalui inisiatif berikut:

- Ketersediaan insan menerusi Kesedaran Lean dan Pensijilan Lean
- Pembangunan Rangka Kerja Produktiviti PeSD
- Pengenalpastian KPI individu berhubung produktiviti
- Pemantauan proses inisiatif penambahbaikan

Hasil daripada inisiatif ini, PeSD telah meningkatkan produktiviti keseluruhannya sebanyak 24% berbanding tahun sebelumnya.





Pelancaran Program 5S PeSD

Program 5S PeSD

Program 5S PeSD

Program 5S telah dilancarkan pada 14 April dengan objektif mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang selamat, bersih, tersusun dan persekitaran kerja berkualiti dalam PeSD.

Aktiviti-aktiviti berikut telah dijalankan sepanjang tahun di bawah program ini:

Aktiviti

Latihan Amalan 5S bagi Jawatankuasa 5S

Ceramah Kesedaran Kepentingan 5S oleh perundung 5S,
Encik Alex Yap

Hari Penyelenggaraan 5S

Kempen Promosi Berterusan 5S

Lawatan Persediaan Audit 5S

Audit 5S (1&2) dan Audit Mengejut

Majlis Penyampaian Hadiah 5S

Peningkatan Data

KWAP kini menguruskan perkhidmatan persaraan dengan menggunakan sistem teras yang dikenali sebagai Power Generation 2 (PG2). Kami mempunyai tidak kurang daripada 861,000 kemasukan data ke dalam sistem (termasuk data dari Sabah dan Sarawak), di mana data itu disahkan sama ada secara *ad hoc* atau apabila tercetusnya peristiwa.

Pada tahun 2017, PeSD telah memulakan projek Peningkatan Data dua-tahun bagi memastikan pangkalan data semasa adalah lengkap sementara persiapan penghijrahan ke sistem teras penceburan yang akan menyokong Papan Pemuka Kecerdasan Perniagaan. Fasa 1 projek telahpun disempurnakan, di mana PeSD meningkatkan ketepatan data untuk tujuan pembayaran penceburan bulanan. Fasa 2 akan memberi tumpuan kepada pengesahan pangkalan data mengikut kategori usia yang berbeza.

ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI

Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik (EDMS)

Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik (EDMS) telah dicipta bagi membantu perkhidmatan persaraan kami bagi mengurus penciptaan, penyimpanan dan kawalan dokumen. Sistem elektronik adalah satu keperluan, memandangkan jumlah maklumat yang semakin meningkat - dengan lebih daripada 800,000 fail fizikal pesara di bawah jagaan kami. EDMS mewakili amalan terbaik bertaraf dunia. Selain daripada menyokong inisiatif mesra alam kami, ianya juga seiring dengan matlamat persekitaran tanpa kertas kami. EDMS telah dilaksanakan pada Oktober 2017 dan akan membawa manfaat seperti berikut:

- Penjimatan kos dari segi percetakan dokumen
- Penjimatan kos masa hadapan dari penyimpanan fail fizikal
- Meningkatkan pengurusan risiko melalui kawalan maklumat berpusat dan meningkatkan keselamatan dokumen
- Proses kerja yang lebih cekap melalui pencarian yang lebih cepat serta kepelbagaiaan akses kepada dokumen pada bila-bila masa

Peranti Kecerdasan Perniagaan

KWAP telah memperolehi peranti Kecerdasan Perniagaan (BI) bagi meningkatkan lagi prestasi kawalan dan pemantauan perkhidmatan persaraan kami, dan pada masa yang sama membolehkan kami menghasilkan laporan demografik pesara.

Melalui sistem ini, KWAP akan memperoleh manfaat berikut:

- Maklumat prestasi masa nyata dan tepat melalui papan pemuka digital interaktif
- Tadbir urus data terpusat – supaya konsisten dan jelas
- Keupayaan serata kakitangan, dari pembuat keputusan ke kumpulan berfungsi, untuk mengakses dan menganalisis maklumat terkini pada bila-bila masa dan di mana-mana, menerusi tablet dan telefon bimbit
- Laporan dan analisis bermakna bagi membuat keputusan yang lebih baik dan cepat

Alat Mengekstrak, Mengubah dan Memuat (ETL)

PeSD dan Jabatan Teknologi Maklumat (ITD) telah bekerjasama untuk mencipta Talend, satu alat yang mengintegrasikan data dari sistem dalaman dan luaran, terutamanya agensi luaran, seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bank-bank dan Sistem Pengurusan & Sistem Maklumat Sumber Manusia untuk kakitangan awam. Menjelang Jun 2018, KWAP akan boleh mengekstrak data dari mana-mana sumber yang diiktirafkan, mengubah data untuk menampung keperluan pengguna maklumat dan mengagihkan kedua-dua data mentah dan maklumat agregat kepada pengguna masing-masing.

Program KWAP Experiential Learning (KELP)



Pemindahan pengetahuan dari pakar bidang (SME) pencer yang telah dipinjamkan kepada KWAP dari Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA (JPA.BPP) sedang direalisasikan menerusi Program KWAP Experiential Learning (KELP).

Menerusi program KELP, seramai 21 bakat telah dipilih untuk membayangi kerja dengan SME terpilih, dan untuk melengkapkan Bidang Pembelajaran Utama (KLA) sambil berusaha meningkatkan proses kerja dan bekerja di bawah bimbingan dan pementoran SME. Mereka juga digalakkan untuk menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Garis Panduan Jabatan yang mencerminkan proses kerja perkhidmatan persaraan terkini.


PERKHIDMATAN PELANGGAN

Selain perkhidmatan kaunter di Cyberjaya, kami menjawab pertanyaan pelanggan (terutamanya pesara) menerusi pusat panggilan, emel dan borang maklum balas dalam talian.

Pada tahun 2017, kami telah meningkatkan tahap pengalaman perkhidmatan pelanggan menerusi aplikasi mudah alih MyPesara pada 1 Julai. Aplikasi ini membolehkan para pesara mengakses maklumat peribadi atau mendapatkan maklumat terkini mengenai status tuntutan mereka tanpa ke kaunter ataupun membuat panggilan telefon. Sejak pelancarannya, aplikasi ini telah dimuat turun oleh hampir 25,000 pesara. Pada tahun 2018, kami berhasrat untuk meningkatkan fungsi MyPesara, dan menggunakan sebagai platform untuk mendidik pesara mengenai cara-cara penuaan sihat.



ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI



Nama:
Mohd Tahir Mamood

Tajuk:
penghargaan

Deskripsi:
Sungguh baik dan berfaedah untuk pesara-pesara bagi mendapatkan maklumat dan pengetahuan terkini. Terima kasih

MAKLUM BALAS PARA PESARA MENGENAI MyPESARA

50%: pertanyaan & permohonan mengemaskini info persendirian
20%: cadangan penambahbaikan
20%: ucapan penghargaan

Nama:
Abdul Aziz Husin

Tajuk:
MYPESARA

Deskripsi:
Terbaik sangat benda ni... dan membantu sangat...

Nama:
Mohd Tahir Mood Nor

Tajuk:
mudah

Deskripsi:
Amat baik bagi peserta

Nama:
Aminuddin Abu Bakar

Tajuk:
Apps MyPesara

Deskripsi:
Langkah bijak seiring teknologi maklumat

Nama:
Mohd Ramli Yahya

Tajuk:
bagus

Deskripsi:
Sangat bagus kemudahan ini

CARUMAN

Caruman dari badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Persekutuan membentuk kira-kira separuh daripada pertumbuhan tahunan dana KWAP, selebihnya diperoleh daripada pulangan pelaburan. Pada tahun 2017, kami menerima RM3.51 bilion daripada caruman dan RM7.78 bilion daripada pendapatan pelaburan kasar.


Sepanjang dekad yang lalu, sejumlah RM40.9 bilion telah dikutip dari pencarum kami, dengan purata RM4.09 bilion setahun. Pelbagai faktor telah memainkan peranan dalam peningkatan sumbangan, di antaranya peningkatan gaji, peningkatan umur persaraan, penubuhan badan-badan berkanun baharu dan pihak berkuasa tempatan, dan juga peningkatan dalam jumlah penjawat awam.

Sumber caruman

- **Caruman Kerajaan**

Kementerian Kewangan (MoF) membuat caruman tahunan kepada KWAP berdasarkan 5% daripada jumlah emolumen pegawai berpencen. Sejumlah RM500 juta telah diterima daripada Kementerian Kewangan pada tahun 2017.

Caruman Kerajaan Dari 2015-2017




Hasil pengumpulan dari MoF dalam tempoh 10 tahun terakhir adalah RM1.2 bilion setahun. Angka ini menyusut kepada purata tahunan sebanyak RM0.5 bilion dalam tempoh tiga tahun yang lalu.

- **Syer Kerajaan**

Ini merujuk kepada peremitan syer kerajaan bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan agensi-agensi kerajaan pusat lain kepada KWAP selepas atas penarikan balik bahagian pekerja atau selepas persaraan pegawai berpencen.

Pada 2017, kami menerima RM1.83 bilion dalam bentuk syer kerajaan, menandakan pengurangan minimum 0.1% tahun ke tahun (y-o-y). Purata pengumpulan dalam tempoh 10 tahun yang lepas adalah RM1.94 bilion, mencerminkan jumlah remitan mantap dari KWSP, LTAT, JPA dan agensi kerajaan pusat yang lain selepas persaraan pegawai berpencen.

Syer Kerajaan Dari 2016-2017



ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI

• Caruman Majikan

Badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan membuat bayaran kepada KWAP setiap bulan, di bawah peruntukan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239), manakala agensi peminjaman membuat bayaran mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12/2008 berpanduan Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap.

Sebanyak RM1.18 bilion telah dikumpulkan daripada caruman majikan pada tahun 2017, iaitu peningkatan sebanyak 6.1% y-o-y, terutamanya disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan untuk kesemua kakitangan awam di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM).

20 Pencarum Tertinggi

20 Pencarum Tertinggi mewakili 59.1% daripada jumlah sumbangan majikan pada tahun 2017.

| Bil. | Majikan Yang Mencarum | Caruman (RM'juta) |
|------|--|-------------------|
| 1 | UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | 145.95 |
| 2 | MAJLIS AMANAH RAKYAT | 80.36 |
| 3 | UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA | 63.17 |
| 4 | UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA | 41.81 |
| 5 | UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA | 40.97 |
| 6 | DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR | 38.76 |
| 7 | UNIVERSITI MALAYA | 34.71 |
| 8 | HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA | 32.60 |
| 9 | UNIVERSITI SAINS MALAYSIA | 30.65 |
| 10 | PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA | 25.08 |
| 11 | UNIVERSITI UTARA MALAYSIA | 24.97 |
| 12 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA | 18.02 |
| 13 | PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH | 16.59 |
| 14 | UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA | 16.48 |
| 15 | UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA | 16.26 |
| 16 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG KUALA LUMPUR | 15.70 |
| 17 | UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK | 15.17 |
| 18 | LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA) | 15.14 |
| 19 | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | 14.03 |
| 20 | UNIVERSITI MALAYSIA SABAH | 13.79 |


Bermula dengan caruman sebanyak RM450 juta pada tahun 2007, caruman majikan meningkat dengan purata RM900 juta setiap tahun, mencatatkan sumbangan kumulatif sebanyak RM8.97 bilion dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Sejumlah 193,684 ahli (pekerja) telah dicatatkan pada tahun 2017, mewakili peningkatan 81% berbanding 106,944 ahli sedekad lalu.

Sebahagian besar pertumbuhan dalam caruman ini disebabkan oleh peningkatan dalam bilangan badan berkanun yang telah diperbadankan di bawah skim SSM, seperti Syarikat Air Perlis, Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia, Institut Sukan Negara dan Suruhanjaya Pengangkutan Darat (SPAD). Di samping itu, lebih banyak pihak berkuasa tempatan telah diwujudkan sama ada melalui penyempadan pihak berkuasa sedia ada atau melalui penubuhan pihak berkuasa baharu seperti Majlis Daerah Putatan dan Semporna, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Majlis Bandaraya Hang Tuah Jaya.

Ini telah menyebabkan peningkatan hampir dua kali ganda jumlah pekerja di badan-badan berkanun kepada 139,411 berbanding 74,420 pada tahun 2007. Sementara itu, pihak berkuasa tempatan mengalami peningkatan pekerja melebihi 65%, iaitu daripada 31,991 kepada 52,745 pekerja dalam tempoh 10 tahun yang sama.

Pada 31 Disember 2017, sejumlah 502 majikan telah didaftarkan dengan KWAP dengan seramai 193,684 pekerja.

Caruman Majikan Dari 2016-2017



Caruman Majikan, mengikut Kategori



Bilangan Pekerja, mengikut Kategori



ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI

Sejumlah 14 majikan baharu dari pelbagai kategori telah didaftarkan pada 2017.

| Bil. | Majikan yang Mencarum | Tarikh Pendaftaran |
|------|--|--------------------|
| 1 | JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK | 17 Januari 2017 |
| 2 | UNIVERSITI TEKNIKAL MARA SDN BHD | 2 Februari 2017 |
| 3 | LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA | 4 April 2017 |
| 4 | PBT PENGERANG | 20 April 2017 |
| 5 | MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD | 4 Mei 2017 |
| 6 | TECHNOLOGY PARK MALAYSIA | 19 Mei 2017 |
| 7 | YAYASAN HIJAU MALAYSIA | 26 Mei 2017 |

| Bil. | Majikan yang Mencarum | Tarikh Pendaftaran |
|------|---|--------------------|
| 8 | HOSPITAL PUSRAWI SDN BHD | 15 Jun 2017 |
| 9 | BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BHD | 7 Julai 2017 |
| 10 | UNIT TRANSFORMASI EKONOMI NEGERI TERENGGANU | 20 Julai 2017 |
| 11 | URBANICE MALAYSIA | 22 Ogos 2017 |
| 12 | YAYASAN WARISAN JOHOR | 19 September 2017 |
| 13 | AIROD SDN BHD | 25 Oktober 2017 |
| 14 | CIDB MyIBS | 6 Disember 2017 |

Ringkasan Kutipan Dari 2007-2017 (RM'Juta)

| Tahun | Kutipan (RM) | | | |
|---------------|---------------------|-------------------|-----------------|------------------|
| | Caruman Persekutuan | Bahagian Kerajaan | Caruman Majikan | Jumlah |
| 2007 | 1,180.00 | 970.16 | 447.23 | 2,597.39 |
| 2008 | 1,645.00 | 1,260.30 | 515.47 | 3,420.77 |
| 2009 | 1,100.00 | 2,104.85 | 563.32 | 3,768.17 |
| 2010 | 1,000.00 | 2,560.31 | 630.14 | 4,190.45 |
| 2011 | 1,500.00 | 1,855.69 | 675.84 | 4,031.53 |
| 2012 | 1,500.00 | 1,855.04 | 826.41 | 4,181.45 |
| 2013 | 1,500.00 | 1,772.90 | 929.54 | 4,202.44 |
| 2014 | 1,500.00 | 1,862.96 | 1,022.04 | 4,384.99 |
| 2015 | 500.00 | 1,719.99 | 1,064.51 | 3,284.49 |
| 2016 | 400.00 | 1,830.75 | 1,117.03 | 3,347.79 |
| 2017 | 500.00 | 1,829.04 | 1,184.87 | 3,513.91 |
| Jumlah | 12,325.00 | 19,621.99 | 8,976.39 | 40,923.38 |

Ringkasan Majikan dan Ahli-ahli Dari 2008-2017

| Tahun | Badan Berkanun | | Pihak Berkuasa Tempatan | | Agenzi | | Jumlah | |
|-------|----------------|---------|-------------------------|--------|---------|-------|---------|---------|
| | Majikan | Ahli | Majikan | Ahli | Majikan | Ahli | Majikan | Ahli |
| 2008 | 173 | 74,420 | 144 | 31,991 | 176 | 533 | 493 | 106,944 |
| 2009 | 175 | 86,518 | 146 | 34,251 | 221 | 669 | 542 | 121,438 |
| 2010 | 177 | 91,468 | 148 | 35,423 | 243 | 672 | 568 | 127,563 |
| 2011 | 181 | 96,881 | 149 | 36,349 | 271 | 825 | 601 | 134,055 |
| 2012 | 184 | 105,002 | 149 | 38,670 | 280 | 788 | 613 | 144,460 |
| 2013 | 194 | 116,641 | 149 | 43,325 | 162 | 594 | 505 | 160,560 |
| 2014 | 195 | 124,163 | 150 | 46,637 | 158 | 728 | 503 | 171,528 |
| 2015 | 195 | 128,267 | 150 | 48,713 | 153 | 777 | 498 | 177,757 |
| 2016 | 198 | 133,808 | 150 | 51,202 | 165 | 1,501 | 513 | 186,511 |
| 2017 | 197 | 139,411 | 155 | 52,745 | 150 | 1,528 | 502 | 193,684 |

PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

Dalam memastikan majikan kerajaan menyumbangkan jumlah yang tepat dan menepati masa, pasukan Pematuhan & Penguatkuasaan (C&E) kami menjalankan pemeriksaan rawak di premis-premis. Pada tahun 2017, pasukan C&E telah melawat 20 pihak berkuasa tempatan, 26 badan berkanun dan satu agensi di Kedah, Perlis, Pahang, Johor, Sabah, Sarawak, Negeri Sembilan, Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Ringkasan Lawatan Pematuhan dan Penguatkuasaan pada tahun 2017:

| Bil. | Bulan Lawatan | Negeri | Majikan | | | Jumlah |
|---------------|---------------------|--------------------------|-------------------------|----------------|----------|-----------|
| | | | Pihak Berkuasa Tempatan | Badan Berkanun | Agenzi | |
| 1 | Mac | Kedah | 3 | 6 | - | 9 |
| 2 | Mac | Perlis | 1 | 2 | - | 3 |
| 3 | Mei | Pahang | 2 | 3 | 1 | 6 |
| 4 | Julai | Johor | 4 | 6 | - | 10 |
| 5 | Oktober | Sabah | 4 | - | - | 4 |
| 6 | Oktober | Sarawak | - | 4 | - | 4 |
| 7 | November & Disember | Negeri Sembilan | 3 | 5 | - | 8 |
| 8 | Disember | Selangor | 2 | 1 | - | 3 |
| 9 | Disember | Putrajaya & Kuala Lumpur | 1 | 1 | - | 2 |
| Jumlah | | | 20 | 28 | 1 | 49 |



Sepanjang 10 tahun saya bekerja dengan KWAP, apa yang jelas adalah KWAP telah belajar daripada yang terbaik, dari segi metodologi dan teknologi pengurusan organisasi dan dana penceن yang berjaya dari negara-negara maju yang lain dan telah menyesuaikannya ke dalam budaya Malaysia kita sendiri yang unik. Dengan menggunakan teknologi semasa, kami berupaya memanfaatkan idea-idea yang inovatif dan membuat perubahan demi masa depan yang lebih baik bagi KWAP dan pihak berkepentingan kami.



KAKITANGAN PERINTIS

KAMARIAH – Perkhidmatan Persaraan

MENAMBAHBAIKAN PRODUKTIVITI MENERUSI TEKNOLOGI MAKLUMAT

KWAP melabur secara berterusan dalam IT bagi meningkatkan kecekapan operasi kami. Bermula dari pelaksanaan sistem IT bagi menyokong proses perniagaan, kami kini memanfaatkan teknologi digital terbaru untuk menambahbaikan keselamatan dan automasi, sambil meningkatkan repositori pengetahuan kami.

Pelbagai inisiatif berkaitan IT telah dilaksanakan pada tahun ini.

Sistem Sokongan Perniagaan IT

Satu pembangunan IT yang penting adalah pemasangan Sistem Pengurusan Pelaburan Dana Bersepadu (IFIMS) yang dapat mengawal aktiviti pelaburan dalam KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari kami. Sistem ini meliputi proses dan fungsi pejabat hadapan, tengah dan belakang. Dengan sistem baharu ini, kami dapat mengintegrasikan sistem kustodian pelaburan domestik dan antarabangsa, penyedia data pasaran dan kesemua sistem pihak ketiga yang berkaitan. IFIMS menyelaraskan proses semasa kami dan mengautomasikan keseluruhan rangka kerja pengurusan pelaburan dan pelaporan sehingga tercapai objektif *Straight-Through-Processing* (STP) yang ditetapkan. Projek ini dimulakan pada 5 Disember 2016 dan dijangka siap pada penghujung tahun 2018.

Bagi meningkatkan lagi integrasi data di antara KWAP dengan pihak luaran, kami telah melaksanakan sistem Ekstrak, Ubah dan Muat (ETL) yang baharu. Penyelesaian baharu ini adalah lebih mesra pengguna dan menawarkan sokongan yang lebih cekap.

Dari segi kualiti perkhidmatan, kami telah melancarkan sistem bantuan dan perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bantuan kesemua jabatan.

Secara dalaman, kami telah melancarkan Fasa II Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) baharu kami, merangkumi modul untuk Pengurusan Prestasi, Pembelajaran & Pembangunan, Pengurusan Bakat, Perancangan Tenaga Kerja, Pengurusan Perekutan dan Perancangan Pengantian.

Kami juga telah melaksanakan penyelesaian tanpa kertas dan mesra alam bagi mesyuarat Lembaga bagi membantu mengurangkan kos sambil membolehkan ahli Lembaga mengakses dokumen dengan cara yang lebih selamat dan cekap.

Keselamatan & Tadbir Urus

Kami telah menyelaraskan peranan pengurusan dan operasi, tanggungjawab dan akauntabiliti berkaitan infrastruktur teras IT yang dikongsi oleh pejabat utama kami dan Jabatan Perkhidmatan Persaraan (PeSD) di Cyberjaya. Pada tahun ini, kami juga telah menubuhkan Pusat Operasi Keselamatan (SOC) bagi pejabat utama kami dan juga PeSD.

Infrastruktur dan Operasi

Bagi menjaga kesinambungan perniagaan KWAP, kami telah merangka, menguji dan melaksanakan strategi pemulihan bencana bagi pejabat utama kami dan PeSD di Cyberjaya.

PERKHIDMATAN SOKONGAN PELABURAN

Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan (ISSD) menyokong pasukan pelaburan dengan memastikan kesemua keperluan dokumentasi dan pematuhan dipenuhi.

ISSD dibentuk pada tahun 2015 daripada hasil gabungan Jabatan Penjelasan Pelaburan (ISD) di dalam lingkungan Akaun dan Perkhidmatan Pengurusan (dahulunya dikenali sebagai Kewangan dan Pentadbiran) dan Unit Kustodian, yang merupakan unit di dalam Jabatan Ekuiti.

ISD ditugaskan untuk melaksanakan penjelasan aktiviti pelaburan KWAP, sambil melaksanakan fungsi pasca pematuhan dan menyediakan laporan pelaburan yang menepati masa. Pemegang kepentingan utamanya ialah Jabatan Ekuiti, Jabatan Pendapatan Tetap, Unit Pengurusan Dana Luaran dan unit Jabatan Hartanah. ISD juga melaksanakan sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Elektronik (RENTAS) Bank Negara Malaysia untuk tujuan penjelasan pada tahun 2011.

Manakala Jabatan Kustodian menjalankan fungsi perkhidmatan aset seperti pengurusan Sistem Depositori Pusat (CDS) Bursa Malaysia dan juga kustodian global dan dalaman (Bank of New York Mellon dan Citibank) sambil melaksanakan tindakan korporat, menganjurkan AGM/EGM syarikat dan pelaporan kawal selia. Pemegang kepentingan utamanya adalah Jabatan Ekuiti.

Pada tahun 2017, tumpuan utama ISSD adalah untuk membawa perubahan dalam strategi pelaburan KWAP sambil melanjutkan program yang berterusan bagi memastikan kesemua aktiviti pelaburan dijalankan dengan lancar.

Menerusi kerjasama dengan pasukan pelaburan, ianya menyediakan sokongan pentadbiran bagi aktiviti operasi ke atas penyatuan dana dalaman seperti Apex Dividend dan Apex Growth bagi meningkatkan prestasi dan mengoptimumkan pulangan menerusi penjimatan yuran.

Bagi melanjutkan peningkatan dalam proses perniagaan, ISSD telah melaksanakan lapan inisiatif bagi meningkatkan kecekapan operasi. Di antaranya, kerjasama dengan Bursa Malaysia dan Bank Negara Malaysia untuk mengintegrasikan IFIMS dengan Kemudahan Pemadanan Berpusat Bursa Malaysia bagi keupayaan pemprosesan elektronik. ISSD juga bersama Jabatan Hal Ehwal Korporat, Jabatan IT, Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan dan Jabatan Caruman, membentuk papan pemuka bagi menyediakan laporan pengurusan harian/bulanan bagi pihak pengurusan kanan supaya mereka arif dengan perkembangan terbaru pelaburan dan meningkatkan proses membuat keputusan. Di samping itu, ISSD bertanggungjawab untuk menguji dan, seterusnya, melanggar kepada pembekal perkhidmatan data sekunder untuk menyediakan data pasaran bagi mengukuhkan rangka kerja pengawalan risiko KWAP.

Melangkah ke hadapan, unit Operasi akan memastikan bahawa kami terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan kami sambil menambahbaik sistem dan proses kami untuk mengurus caruman majikan dengan berkesan dan membuat pembayaran dengan cekap.

Di antara lain, ISSD akan bekerjasama dengan Jabatan IT untuk meningkatkan lagi papan pemuka jabatan, dan menubuhkan pangkalan data berkaitan peraturan-peraturan pasaran domestik dan antarabangsa. ISSD juga akan menyediakan kesemua jenis sokongan yang diperlukan bagi perlaksanaan IFIMS yang baharu, sambil membangunkan pelan hala tuju bagi Pengurusan Dokumen dan Pengurusan Proses Perniagaan yang lebih cekap pasca IFIMS.

Dari segi pelaporan kewangan, saya berbangga menyatakan bahawa KWAP telah berkembang daripada penggunaan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS) kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). Setelah berjaya melengkapkan peralihan perakaunan ini, kami akan terus mengikuti perkembangan dan piawaian perakaunan dan pelaporan terkini bagi menghasilkan penyata kewangan yang mematuhi amalan terbaik domestik dan antarabangsa.

Kami akan terus melanjutkan pelaburan ke dalam sistem dan proses kami dan penekanan juga akan diberikan kepada perkembangan berterusan tenaga kerja kami bagi menyokong kesemua kemajuan teknologi kami.

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

“Sebagai pemegang dana pesara negara, kami mempunyai sekumpulan pihak berkepentingan yang besar, di antaranya adalah, Kerajaan dan para pengawal selia, majikan, pengurus dana, pesara dan warga kerja kami. Kami mengutamakan peranan dan tanggungjawab yang dipegang di dalam pembangunan negara dan berbangga dapat menyumbang terhadap peningkatan kehidupan segmen masyarakat yang terpinggir sambil mempromosikan perpaduan negara. Oleh itu, kami menganggap keseluruhan masyarakat sebagai satu lagi kumpulan pemegang berkepentingan utama.

PENGLIBATAN DENGAN KERAJAAN & INSTITUSI

Kami bukan sahaja menaruh kepercayaan dalam memenuhi tanggungjawab sosial kami dengan setiap kumpulan pemegang berkepentingan, tetapi kami ingin melaksanakannya dengan mengintegrasikan KWAP ke dalam struktur negara dan membangunkan jenama kami sebagai sebuah dana persaraan yang dipercayai serta memberikan faedah yang mampan bagi semua rakyat Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini, kami mengutamakan pembinaan jalinan yang menyerlahkan komitmen kami terhadap adanya nilai di dalam hidup masyarakat yang kami hampiri.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif kami untuk meninggikan amalan tadbir urus korporat yang terbaik, KWAP terlibat secara tetap dengan institusi-institusi domestik dan antarabangsa seperti Kumpulan Bank Dunia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti untuk membincangkan isu-isu tadbir urus dan kemapanan utama. Kami juga terlibat dengan pelbagai organisasi yang memberikan keutamaan tertinggi terhadap peningkatan amalan tadbir urus.

Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN)

Pada tahun 2017, KWAP telah menjadi ahli korporat Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN). ICGN diwakili oleh 638 ahli dari lebih 47 negara dan ditubuhkan untuk memajukan piawaian tadbir urus korporat yang berkesan kepada institusi-institusi di seluruh dunia. Seorang wakil KWAP telah dilantik menjadi koresponden negara bagi Malaysia.

Pada tahun 2017, KWAP telah menganjurkan Persidangan Tahunan ICGN di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur pada 11 hingga 13 Julai 2016 dengan Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) sebagai Rakan Kongsi Utama. Lebih daripada 350 para profesional pasaran modal dari serantau dunia telah menghadiri persidangan ini dengan tujuan meninjau keutamaan tadbir urus di pasaran-pasaran utama Asia dan mencapai penciptaan nilai menerusi amalan-amalan jangka panjang yang mampan.

Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA)

KWAP telah menjadi ahli Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA) pada bulan November 2015. ACGA adalah persatuan keahlian bebas dan bukan untung yang berdedikasi terhadap menggalakkan dan memudahkan penambahbaikan tadbir urus korporat di Asia. Setakat ini, ianya mempunyai 112 ahli dan diwakili oleh 8 sektor yang merangkumi dana persaraan dan kekayaan negara, syarikat awam dan swasta, dan firma perakaunan. KWAP telah mengadakan sesi perjumpaan berasingan dengan wakil-wakil dari ACGA untuk membincangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai perkara-perkara berkaitan ESG.

Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI)

KWAP terlibat dengan wakil-wakil dari PRI bagi meningkatkan lagi tadbir urus korporat di rantau ini. PRI adalah peneraju dunia dalam bidang pelaburan bertanggungjawab. Ianya mengutamakan kepentingan jangka panjang penandatangannya, dari pasaran kewangan dan ekonomi-ekonomi secara keseluruhannya. Di samping itu, PRI memberikan pemahaman implikasi pelaburan faktor-faktor ESG dan menyokong rangkaian penandatangan pelabur antarabangsa dengan menggabungkan faktor-faktor ini ke dalam keputusan pelaburan dan pemilikan mereka. KWAP telah menghadiri Persidangan Tahunan PRI, *PRI in Person* 2017, yang diadakan di Jerman pada September 2017. Selepas tamatnya persidangan, KWAP telah mengadakan sesi penglibatan dengan wakil-wakil dari PRI untuk membincangkan isu-isu ESG.

Jawatankuasa Penasihat FTSE

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat ESG FTSE pada September 2015. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menyediakan forum untuk FTSE berinteraksi dengan pengguna indeks dan pihak berkepentingan lain dengan tujuan untuk meningkatkan metodologi asas penilaian FTSE ESG dan produk indeks yang berkaitan, termasuk FTSE4Good Index Series.

Penglibatan dengan Institusi-institusi Lain

Bagi mengikuti isu-isu ESG terkini, KWAP mempunyai wacana berterusan mengenai hal-hal berkaitan ESG dengan badan-badan tadbir urus korporat. Pada tahun ini, ia telah mengadakan perbincangan dengan Manulife Asset Management, BNP Paribas, BlackRock dan Research Style Limited.

Majlis Institusi Pelabur (IIC)

KWAP adalah penandatangan Kod Malaysia untuk Institusi Pelabur (Kod), yang memaklumkan kepada Majlis Institusi Pelaburan (IIC), yang ditubuhkan pada bulan Julai 2015 bagi membantu mereka memenuhi tanggungjawab pengawasan mereka dengan mempengaruhi dan menggalakkan budaya tadbir urus korporat yang baik di syarikat penerima pelaburan mereka. Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, telah dipilih sebagai Pengerusi IIC pertama.

KWAP telah secara aktif mengambil bahagian dalam keempat-empat mesyuarat IIC sepanjang tahun ini. KWAP juga telah dianugerahkan sebagai Pelabur Institusi Terbaik di acara Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2017. Ini merupakan anugerah sulung bagi mengiktiraf institusi pelabur yang telah menunjukkan kepatuhan kepada amalan tadbir urus korporat yang baik di pasaran modal Malaysia.

Dalam satu dekad, KWAP telah berjaya mengembangkan saiz dananya daripada RM48 bilion pada 2007 kepada RM140.8 bilion setakat ini. Itu adalah pertumbuhan hampir 200%. Oleh itu, saya yakin dalam 10 tahun yang akan datang, KWAP boleh mengembangkan saiz dananya kepada RM250 bilion.



KAKITANGAN PERINTIS

NASRUL – Teknologi Maklumat

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN



Penglibatan dengan Pengurus Sumber Manusia (HR) di Kelantan



Penglibatan dengan Pengurus Sumber Manusia (HR) di Perak & Pulau Pinang

PENGLIBATAN DENGAN MAJIKAN

Kami terlibat dengan majikan sektor awam untuk memastikan mereka memahami kepentingan sumbangan mereka dalam melindungi pencen pekerja dan membantu mereka menguruskan dokumentasi pencen dan remitan dengan lebih baik. Penyerahan dokumen yang lengkap dan tepat pada masanya kepada KWAP adalah penting untuk membolehkan kami menjalankan perkhidmatan pencen kami dengan cekap.

Sepanjang tahun ini, pasukan Perkhidmatan Pelanggan kami telah menganjurkan beberapa sesi berkaitan Pengurusan Dokumen Pencen dengan pengurus-pengurus sumber manusia di pelbagai kementerian, agensi persekutuan dan negeri, badan berkanan dan pihak berkuasa tempatan, seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah.

| Tarikh | Rantau/Negeri |
|-------------|---|
| 27 April | Perantauan Utara 1 – Perak & Pulau Pinang |
| 28 April | Lembah Kelang |
| 23 Mei | Perantauan Timur – Terengganu & Pahang |
| 29 Ogos | Kelantan |
| 28 Oktober | Sarawak |
| 08 November | Perantauan Selatan |
| 22 November | Sabah |
| 29 November | Perantauan Utara 2 – Kedah & Perlis |
| 15 Disember | Seremban |

Kami juga telah menjalankan program interaksi luaran seperti berikut.

| Tarikh | Rantau/Negeri | Lokasi |
|---------------|---------------|--|
| 24 Mei | Melaka | Jabatan Kesihatan Negeri Melaka |
| 12 Julai | Selangor | Jabatan Pendidikan Bahasa Melayu |
| 18 & 19 Julai | Selangor | Jabatan Lembaga Pengurusan Hartanah Melayu |
| 10 Ogos | Putrajaya | Jabatan Perikanan Malaysia |
| 28 & 29 Ogos | Kedah | Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah |
| 13 September | Kuala Lumpur | INTAN Kampus Tengah |
| 20 Oktober | Selangor | Perbadanan Labuan |
| 16 November | Selangor | PERKESO |



Dari kiri: Lawatan oleh Perbadanan Labuan, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia dan PERKESO ke pejabat Cyberjaya kami



Fiesta NBOS di Pahang

Di samping itu, lawatan diadakan ke premis pengurus dana untuk memastikan pematuhan kepada terma perjanjian KWAP dan penggunaan amalan perniagaan terbaik.

| Jenis EFM | Bil. Mesyuarat Suku Tahun | Bil. Mesyuarat Bulanan |
|-------------------------------|---------------------------|------------------------|
| Ekuiti Domestik | 60 | 8 |
| Ekuiti Antarabangsa | 64 | - |
| Pendapatan Tetap | 16 | - |
| Pendapatan Tetap Domestik | 48 | 6 |
| Pendapatan Tetap Antarabangsa | 20 | - |



En. Md Saffi Nadzir, Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Persaraan, menyampaikan ucapan pembukaannya semasa program berkenaan pengurusan dokumen pencegah yang diadakan di Perak

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

PENGLIBATAN DENGAN PARA PESARA

Sejak mengambil alih perkhidmatan persaraan daripada JPA pada tahun 2015, KWAP telah mengambil keputusan untuk mendidik kakitangan awam mengenai perancangan kewangan menjelang persaraan mereka. Sehubungan itu, kami telah menganjurkan program perancangan kewangan di seluruh negara.

Pada tahun 2017, sebanyak enam seminar perancangan kewangan telah dianjurkan di Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kelantan, Alor Setar dan Selangor, dengan kerjasama kerajaan negeri masing-masing. Kebanyakan hadirin adalah pesara atau mereka yang akan bersara daripada perkhidmatan awam. Satu tinjauan yang dijalankan di kalangan peserta menunjukkan bahawa 97% daripada mereka percaya program itu membantu mereka memperbaiki perancangan kewangan mereka.

Melalui Bahagian Perkhidmatan Pelanggan kami, KWAP juga terlibat dengan pesara dan bakal pesara di pelbagai acara yang dianjurkan oleh Kerajaan dan persatuan pesara. Ini membolehkan kami membentuk hubungan yang lebih kukuh dengan para pesara dan memastikan mereka dimaklumkan mengenai perkhidmatan kami.



Penglibatan dengan Para Pesara dan Bakal Pesara pada 2017

| Tarikh | Acara | Negeri |
|--------------|--|-----------|
| 30 Mac | Hari Terbuka Kementerian Kewangan | Putrajaya |
| 15 & 16 Ogos | Hari 1Pesara 2017 | Selangor |
| 23 September | Fiesta NBOS | Pahang |
| 19 November | <i>NBOS JPA Outreach Programme</i> | Perak |
| 04 Disember | Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, Melaka | Selangor |

Kami juga menyediakan ruang mesra pelanggan di premis kami di Cyberjaya di mana para pesara dapat mengutarakan pertanyaan mereka dalam persekitaran yang selesa.

Pejabat Jabatan Perkhidmatan Persaraan



Dalam Kawasan MSC



Ketersediaan Pengangkutan Awam



Berhampiran Presint Kerajaan



Pelan Terbuka 18,000 kaki persegi

MEMUPUK MODAL INSAN KAMI

Sememangnya, tenaga kerja kami adalah aset kami yang paling berharga. Kad skor prestasi KWAP selama ini adalah hasil langsung keupayaan tenaga kerja dan komitmen mereka terhadap matlamat bersama kami. Sejak permulaannya, kami telah memupuk nilai-nilai dan semangat untuk menjaga kesejahteraan kewangan pesara negara. Kami juga menyediakan latihan bagi meningkatkan keupayaan dalaman kami dengan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif untuk produktiviti yang optimum.

Tugas penjagaan tenaga kerja kami adalah di bawah jagaan Jabatan Sumber Manusia (HRD) kami, yang telah diubahsuai untuk menerima dan mengurus pertumbuhan bilangan pekerja – dari 93 pada tahun 2007 ke 577 pada tahun 2017 – dengan memainkan peranan yang semakin strategik dalam organisasi.

Evolusi Peranan Sumber Manusia (HR)

Bilangan kakitangan kami telah meningkat daripada 93 pada tahun 2007 ke 577 pada tahun 2017. Seiring dengan peningkatan ini, Jabatan Sumber Manusia (HRD) kami telah menerima dan mengintegrasikan teknologi terbaru dan melabur dalam meningkatkan jumlah sistem yang membolehkan fungsi layan diri. Ini telah memungkinkan HRD memberi tumpuan lebih kepada operasi khusus, dan secara langsung, telah berubah daripada pembekal perkhidmatan balasan semata-mata kepada sekumpulan pakar yang boleh dirujuk oleh pengurusan atasan, mahupun pekerja barisan hadapan.

Ahli kumpulan HRD kami telah berkembang menjadi penasihat organisasi yang dipercayai bagi mencipta nilai dengan menyelaraskan pendekatan mereka dengan objektif perniagaan KWAP – daripada menawarkan pakej bon dan pakej imbuhan yang menarik kepada membina sumber bakat yang mampan. Kumpulan ini memastikan kerja di KWAP sentiasa bermakna dan menarik, dan setiap kedudukan dalam organisasi menyumbang kepada matlamat dan objektif kami. Dalam berbuat demikian, HRD menempatkan nilai-nilai teras bagi organisasi yang berprestasi tinggi.

Penumpuan Tahun 2017

Cabaran HR utama masa ini adalah untuk memahami dan memenuhi jangkaan para milenium. Setelah menjalankan penyelidikan, HRD pada tahun 2017 telah membangunkan program yang memberi tumpuan kepada pengalaman pekerja, mengintegrasikan dimensi teras digitalisasi, penglibatan, budaya, pembelajaran yang boleh dipindah milik dan pengurusan prestasi.

- **Digitalisasi**

Pendigitalisasi membawa tahap penguasaan pekerja yang lebih tinggi, iaitu keupayaan pekerja untuk menjalankan pelbagai fungsi secara kendiri. Pada masa yang sama, ia membekalkan HRD dengan peranti bagi menganalisiskan data dalam memahami pekerja dan juga kaedah pengurusan. Pada bulan Mei 2016, kami telah melabur dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) baharu bagi menggantikan Sistem Maklumat Pengurusan Manusia eP2P yang telah digunakan sejak tahun 2008. HRMIS baharu dilengkapi dengan keupayaan yang dipertingkatkan dan kebolehan mengautomasikan pengurusan fungsi HR. Pada tahun 2017, kami telah melengkapkan operasinya dalam organisasi.

Sistem HR elektronik terdiri daripada dua suit utama iaitu Modul Organisasi dan Modul Strategik.

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Modul Organisasi

Modul Organisasi merangkumi perisian produktiviti yang memperluaskan sistem pengurusan sumber manusia tradisional dengan memasukkan ciri-ciri layan diri kakitangan. Ia terdiri daripada yang berikut:

Modul Organisasi

| |
|----------------------------|
| Peranti Induk Tenaga Kerja |
| Penggajian |
| Cuti |
| Faedah & Tuntutan |
| Pinjaman |
| Pengurusan Masa |
| Carta Organisasi |

Modul Strategik

Sementara Modul Organisasi mengendalikan hal-hal operasi HR, Modul Strategik pula memberi tumpuan kepada pembangunan dan pengurusan modal insan. Ia meliputi perkara-perkara berikut:

Modul Strategik

| |
|------------------------------|
| Perancangan Modal Insan |
| Pengambilan Kakitangan |
| Pembelajaran dan Pembangunan |
| Pengurusan Prestasi |
| Pengurusan Bakat |
| Hubungan Tenaga Kerja |
| Analisis HR |

Kesemua modul mempunyai fungsi lengkap dan berdasarkan proses, dan mengautomasikan banyak tugas HR untuk meningkatkan produktiviti. Ia adalah sistem fungsi penuh berdasarkan web untuk memudahkan kakitangan mengaksesnya di mana-mana dan pada bila-bila masa.

Aplikasi PMCare

Aplikasi baharu PMCare+ kami membolehkan kakitangan mengakses maklumat tentang kelayakan perubatan mereka dan menguruskan manfaat perubatan mereka bila-bila masa dan di mana sahaja dari peranti mudah alih IOS/Android atau komputer peribadi dengan akses internet. Fungsi-fungsinya termasuk:

- Maklumat profil kakitangan dan tanggungan mereka
- Maklumat mengenai penggunaan kakitangan
- Mencari pembekal perubatan terdekat
- Memohon Surat Jaminan
- Tuntutan perubatan dalam talian (untuk kecemasan, klinik panel bukan di sekitar kawasan, dll)

Pembelajaran dan Pembangunan

Tambahan kepada digitalisasi, kami mengakui bahawa untuk membina tenaga kerja yang lebih berdaya tahan, kami perlu meningkatkan kelajuan pembelajaran dan perubahan prestasi. Melalui program pembelajaran dan pembangunan kami, kami berusaha untuk membolehkan kakitangan mencapai kecekapan dalam masa sesingkat mungkin dan menaikkan semangat mereka.

Berdasarkan falsafah ini, kami memperkenalkan program berikut pada tahun 2017:

- Putaran kerja untuk pengurusan pertengahan dan ke atas: Program ini memperkayakan pengalaman para kakitangan melalui pembangunan pelbagai kemahiran, membolehkan mereka menyesuaikan diri kepada perubahan pekerjaan dan kerjaya dengan lebih mudah. Para kakitangan yang menjalani program ini secara umumnya lebih berpengalaman dan berpuas hati dengan pekerjaan mereka berbanding mereka yang pakar dalam satu set kemahiran atau domain. Di samping itu, putaran kerja membawa potensi peningkatan kualiti produk.
- Program Kepimpinan Profesional Muda (JPBL) untuk Rakan Sekutu dan Rakan Sekutu Kanan: Program ini bertujuan merapatkan jurang kemahiran terpilih, mendorong rakan sekutu kami berusaha terhadap jawatan kepimpinan di KWAP.
- Program Pembangunan Bukan Eksekutif (NED) untuk golongan bukan eksekutif: NED melengkapkan golongan bukan eksekutif kami dengan kemahiran fungsi bagi membolehkan mereka menjalankan operasi tugasannya mereka dengan cekap bagi menyokong perniagaan kami.

• Pengurusan Bakat

Satu elemen penting bagi kejayaan di dalam pengurusan bakat penghasilan tenaga kerja yang berbakat, terutamanya suatu sumber dalaman yang boleh dipercayai dan konsisten untuk menyokong perancangan penggantian.

Pembangunan tenaga kerja mahir yang berbakat memudahkan pembangunan kemahiran yang diingini daripada kumpulan pekerja yang luas, yang akan menghasilkan prestasi yang lebih tinggi di semua peringkat dan fungsi. Dengan memupuk bakat dalaman, kami memastikan KWAP akan mempunyai tenaga kerja yang berpengalaman dan terlatih serta bersedia memegang peranan kepimpinan apabila perlu.

Pelaburan di dalam tenaga kerja dalaman yang peka dan setia kepada KWAP sudahpun memperlihatkan merit. Baru-baru ini, kami menaikkan pangkat lima bakat dalaman sebagai Ketua Jabatan di Malaysia dan di pejabat Prima Ekuiti (UK) Limited di London.

• Imbuhan

Pada bulan Jun 2017, kami telah melengkapkan Latihan Kajian Ganjaran dan Imbuhan kami. Kajian ini telah dijalankan untuk memastikan pakej imbuhan KWAP adalah kompetitif dan mapan di pasaran, dengan pakej keseluruhan yang mencerminkan kepentingan jawatan, cabaran dan kemahiran spesifik yang diperlukan untuk melaksanakannya dengan berkesan.

• Penglibatan dengan Kakitangan

Kami memberi keutamaan kepada penglibatan kakitangan dalam kepercayaan bahawa ganjaran dan pengiktirafan bukan monetari adalah sepadan atau mungkin lebih berkesan bagi meningkatkan kepuasan kerja dan produktiviti. Ini telah memperlihatkan KWAP melabur dalam budaya korporat dengan pengiktirafan dan pembangunan kakitangan dengan penekanan terhadap kesihatan dan kesejahteraan. Pendekatan ini telah menjadikan KWAP sebagai majikan yang lebih empatatik, yang turut meletakkan kepentingan pada perkara-perkara yang kecil dan penting.

Inisiatif yang diambil untuk meningkatkan penglibatan yang lebih berkesan dengan kakitangan kami pada tahun 2017, ini termasuk:

- Minggu Grouberide: Selain membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pelepasan karbon, inisiatif berkongsi kereta atau lebih popular, “carpooling” menerusi Uber atau Grab mendorong komunikasi yang lebih baik

di dalam dan di antara jabatan, sambil memperluaskan pengalaman bersama di luar pejabat.

- Program Pejabat Hijau KWAP (KWAP GO): Program bermotivasiikan persekitaran ini termasuk *hashtag* ‘GOmeals’ dan ‘GOpack’ kempen di Instagram, menggalakkan tingkah laku berdasarkan kehijauan seperti membawa beg membelih belah ke tempat pekerjaan dan mengatakan tidak kepada penggunaan beg plastik. Kami juga menganjurkan hari ‘KWAP GO!’ di mana semua kakitangan berpakaian hijau, sebagai usaha menyeronokkan untuk menggalakkan kesedaran kolektif mengenai isu alam sekitar.
- HR Marketplace “Wellness Beyond the Office”: Melalui program sehari ini, kami berusaha untuk meningkatkan penghargaan tenaga kerja terhadap kesihatan yang baik, dengan menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma. Mesej kepada pekerja terang dan jelas bahawa kesihatan dan kesejahteraan diri sendiri adalah penting bagi kami. *Marketplace HR* juga turut menawarkan nasihat kewangan.
- Siri Aspirasi dan Kepimpinan: Kami juga menganjurkan program ini di mana kami menjemput pemimpin inspirasi dari pelbagai sektor di Malaysia untuk memotivasiakan kakitangan kami dan membantu mereka memahami dengan lebih baik mengenai ciri-ciri yang telah menyumbang kepada kejayaan personaliti dalam kerjaya dan kehidupan mereka.

Program KWAP Young Talent

Pada tahun 2014, kami telah melancarkan program *KWAP Young Talent (KYT)* untuk merekrut minda muda yang terbaik dan mempersiapkan mereka untuk menjadi pemimpin masa depan. Direka untuk memenuhi kepentingan dan tuntutan generasi milenium, program ini mendedahkan mereka kepada fungsi yang berbeza di dalam KWAP sambil menjalani latihan dan pembangunan dan menerima bimbingan/pementoran daripada pegawai-pegawai pengalaman yang ingin melihat mereka berjaya dalam kerjaya mereka. Setakat ini, kami telah membawa 45 KYT dalam empat kumpulan menerusi program perekutan termasuk penyertaan di Pameran Kerjaya Tahunan di London.

Pada tahun ini, kami juga turut mengambil bahagian dalam Hari Kerjaya CFA yang dianjurkan oleh Institut Analis Kewangan Berkanun pada bulan Ogos. Keterlihatan program berstruktur dan komprehensif kami telah mengiktirafkannya sebagai salah satu program pelatih pengurusan yang paling diminati.

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Suara KWAP Young Talent



Tan Hwai Jon

MEng dalam Kejuruteraan Mekanikal,
University of Bristol, UK



Chia Mei Fung (Jamie)

LLB, City University, London,
LLM, Queen Mary University, UK

Bagaimakah Program KYT berbeza daripada program latihan pengurusan industri yang lain?

Program KWAP dibentuk untuk mengenal pasti bakat, dengan adanya pasukan yang berdedikasi untuk memupuk dan memastikan pembangunan setiap KYT. Modul latihan disediakan bagi membantu memilih kelas kewangan yang tepat, kemahiran komunikasi, dan juga kelas rias bagi memastikan kami beralih dengan yakin ke dunia pekerjaan. Saya tidak rasa ada tempat lain yang lebih baik daripada KWAP, di mana program-program disokong penuh oleh pihak pengurusan, dengan latihan yang komprehensif bagi membentuk jalinan kuat di antara kami sebagai pelatih, dan dengan program putaran intensif serta peluang untuk berkembang dengan syarikat bagi beberapa tahun yang akan datang. Saya amat mengesyorkannya!

Bagaimana anda menonjolkan diri di kalangan berbilangan calon?

Saya percaya bahawa sebagai seorang yang berkelulusan undang-undang dengan matlamat membina kerjaya di dalam dunia pelaburan kewangan membolehkan saya menonjol di kalangan rekrut lain. Keupayaan menunjukkan pelan kerjaya yang jelas dan beralatkan nilai-nilai teras serta hobi yang berkait sukan dan muzik mungkin merupakan faktor utama yang mencerminkan kesesuaian saya bekerja di KWAP.



Nurul Ilham Al-Ameen Shahool Hameed

BSc dalam Ekonomi,
University of Nottingham, UK



Bolehkah anda menjelaskan keseimbangan kehidupan-kerja di KWAP?

Sehingga kini, saya menikmati keseimbangan setiap hari. Walaupun saya selalunya mempunyai kerja dan tanggungjawab yang banyak, saya sentiasa mempunyai masa untuk berehat dan berfikiran tenang selepas habis waktu bekerja. Sesetengah organisasi di luar sana menenggelamkan anda dengan kerja walaupun selepas tamat waktu bekerja. Di KWAP, saya dapat memberikan yang terbaik dan menumpukan perhatian sepenuhnya semasa waktu bekerja, dan kemudiannya menikmati tidur malam yang lena sepulangnya saya ke rumah. Reka bentuk pejabat juga membolehkan tenaga kerjanya bebas berehat semasa bekerja. Saya tidak perlu berada di meja saya sepanjang masa untuk menyelesaikan tugas saya. Jika saya ingin minum kopi, dapatkan snek dan bersantai atas beanbag waktu bekerja, saya boleh. Kebebasan ada selagi ia memaksimakan produktiviti anda.



Ahmad Syakir Aiman Mohd Rahim

BSc dalam Sains Matematik dan Statistik,
City University London, UK



Bagaimakah pengalaman ini menjadi titik permulaan dalam karier anda dan di mana anda melihat diri anda dalam tempoh lima tahun?

Walaupun saya baharu bekerja di KWAP selama beberapa bulan, saya mendapat banyak pendedahan secara keseluruhannya. Apabila saya selesai dengan putaran kerja saya, saya yakin saya akan memperoleh lebih banyak pengalaman dan pengetahuan yang tidak hanya akan membantu saya dalam bidang yang saya minati, malah akan membantu saya menjadi seorang yang serba boleh. Saya berharap saya dapat menggunakan kemahiran ini untuk memberi sumbangan lebih kepada KWAP dan menjadi salah seorang kakitangan utama dalam membuat keputusan pelaburan.

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN



Chen Yee Liang (William)

BSc dalam Ekonomi,
University College London, UK



Rabin Patmanathan

MPhil dalam Sosiologi dan Demografi,
Universiti Oxford, UK

Bagaimakah Program KYT berbeza daripada program latihan pengurusan industri yang lain?

Apabila saya mula-mula diberikan taklimat tentang Program KYT, saya terkejut kerana program itu seumpama mimpi! Tidak seperti program pengurusan pelatih lain, di mana pelatih hanya membenarkan putaran kerja dalam jabatan atau bahagian tertentu sahaja, tetapi di KWAP, KYT bebas menerokai mana-mana jabatan dalam organisasi. Selain itu, Program KYT adalah pilihan yang hebat bagi mempercepatkan kerjaya kerana organisasi ini menyokong KYT dari segi pembelajaran dan pembangunan. Apa yang saya suka mengenai program ini adalah ianya dibentuk untuk membantu kami beralih dari seorang pelajar ke warga kerja. Ini amat berkesan memandangkan perbezaan gaya hidup dan harapan orang lain terhadap kami. Dengan kemahiran teknikal dan insani yang saya perolehi, saya berasa lebih yakin dalam menjalankan tugas saya.

Bagaimana anda menonjolkan diri di kalangan berbilangan calon?

Saya melawat pameran kerjaya Malaysia di London, di mana saya berjumpa beberapa rakan KWAP yang mengendalikan kaunter di pameran tersebut. Selepas berbual-bual seketika, saya menyerahkan CV saya. Pada keesokkan harinya, saya dihubungi untuk menghadiri temuduga. Saya terkejut apabila mendapat tahu yang saya ditemubual oleh CIO, Puan Nik Amlizan Mohamed sendiri dan sangat gembira diberi peluang sedemikian. Pada pandangan saya, pasukan KWAP sememangnya mengambil berat tentang proses perekrutan ini. Beberapa minggu kemudian, saya dihubungi oleh HR dan diberi tawaran. Kisah penemuan saya dengan KWAP adalah secara kebetulan dan bukannya dirancang, namun ianya sangat berbaloi.



Keselesaan Tempat Kerja

Sebagai sebahagian daripada proporsi nilai tenaga kerja kami, kami amat menekankan akan persekitaran kerja yang kondusif dan pada masa yang sama, mewujudkan persekitaran yang menggalakkan interaksi sambil memberikan ruang peribadi yang secukupnya supaya tumpuan yang lebih boleh diberikan, bagi meningkatkan produktiviti.

Pemindahan dua pejabat kami ke premis baharu pada tahun 2016, mencerminkan proporsi ini - Menara Integra yang menempatkan pejabat utama kami di tengah Kuala Lumpur dan pemindahan Jabatan Perkhidmatan Persaraan, ke pejabat Cyberjaya. Kedua-dua premis ini mempunyai susunan pelan terbuka dan menggabungkan teknologi terkini bagi memupuk tenaga kerja kami melaksanakan tugas mereka secara berkesan.

Menara Integra menawarkan kafe, pusat kesihatan & kecergasan, ruang permainan, ruang kolaboratif, auditorium yang mampu memuatkan 90 orang, bilik mesyuarat dan banyak lagi bagi memenuhi kehendak tenaga kerja kami. Setiap satu daripada empat tingkat yang kami duduki dalam bangunan ini menampilkan karya-karya kebanyakannya dari hasil seni artis-artis Malaysia, yang meningkatkan kepekaan estetik ruang kerja di samping memberi inspirasi kepada tenaga kerja kami.

Sementara di Cyberjaya pula, kami menawarkan kemudahan yang sama untuk memastikan hab pemprosesan yang cekap.

Tambahan lagi, kedua-dua premis tersebut adalah berkonsep mesra alam, ini menyokong komitmen kami terhadap amalan ESG. Dengan mengoptimumkan pendedahan cahaya semulajadi, kami telah dapat mengurangkan penggunaan elektrik. Bilik-bilik tertutup dilengkapi sensor kecerahan. Kehijauan tumbuhan dalam dan luaran menyamankan persekitaran, meningkatkan kualiti udara dan meningkatkan rasa kesejahteraan. Bagi pengurangan pembaziran, kami telah menyediakan tong kitar semula di zon-zon yang bersesuaian, pili aliran rendah di bilik-bilik rehat, dan kegunaan perabot yang diperbuat daripada bahan kitar semula, di mana sesuai.

Menara Integra telah ditarafkan Platinum bagi Kepimpinan dalam Reka Bentuk Tenaga dan Alam Sekitar (LEED), manakala pejabat kami bertaraf LEED Gold bagi Reka Bentuk Dalaman dan Pembinaan. Objektif utama kami adalah untuk mewujudkan ekosistem sekitar-sifar bagi menggantikan sumber pada kadar yang sama dengan penggunaan, sebagai langkah komitmen kami terhadap kemampunan.

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

MEMENUHI TANGGUNGJAWAB KEPADA KOMUNITI

Komuniti merupakan lanjutan pihak berkepentingan kami. Sebagai sebuah syarikat yang beroperasi di dalam masyarakat Malaysia, ini secara semulajadi mewujudkan rasa tanggungjawab terhadap kesejahteraan negara.

Program CANVAS

Pada bulan Mei, sebagai sebahagian daripada program CSR wajib yang dilaksanakan oleh *KWAP Young Talent*, rekrut dari program latihan tahun 2016 ini berkolaborasi dengan Galeri Artcube untuk menganjurkan *CANVAS*, sebuah pameran seni oleh artis baharu muncul di negara ini. Lelongan hasil karya yang dipamerkan itu telah menghasilkan kutipan sebanyak RM20,000 dan telah disalurkan kepada Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD), yang mana misinya adalah untuk memperkasakan komuniti kurang pendengaran secara inklusi ke dalam masyarakat.

Walaupun matlamat utama program ini adalah untuk mempromosikan artis baharu muncul di Malaysia, para tenaga kerja KWAP juga mendapat manfaat dengan berpeluang menghadiri ceramah dan bengkel seni yang diadakan oleh pendidik seni luaran. Kami juga menggunakan platform ini untuk memperkenalkan koleksi seni KWAP sendiri.

Lawatan Amal ke Rumah Ehsan, Kuala Kubu Bahru & RUKESA, Petaling Jaya

Pada 23 Jun 2017, sempena sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri, beberapa wakil KWAP telah berkunjung ke Rumah Ehsan Kuala Kubu Bahru, iaitu rumah bagi orang-orang tua berserta Pusat Jagaan Rumah Kesayangan (RUKESA), Petaling Jaya yang didiami oleh kanak-kanak yang kurang berasib baik bagi meluangkan masa dan menghiburkan serta mengeratkan silaturrahim di antara warga emas dan generasi muda. Sumbangan dalam bentuk hamper dan wang tunai turut dihadiahkan oleh tenaga kerja KWAP yang dikumpul sepanjang bulan Ramadhan. Aktiviti ini mewujudkan hubungan yang erat di antara warga tua, dan menggalakkan interaksi yang lebih besar di antara generasi.



#AnakAnakMalaysiaWalk

50 kakitangan KWAP bersama lebih kurang 6,000 rakyat Malaysia telah menyertai *#AnakAnakMalaysiaWalk* pada 27 Ogos 2017 di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam. Program anjuran Star Media Group dengan kerjasama Eco World Development Group Bhd, bertujuan untuk meraikan kekayaan kepelbagaian Malaysia dan mempromosikan semangat perpaduan dengan penyertaan masyarakat pelbagai lapisan.

Larian Amal Danajamin

65 kakitangan KWAP, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif kami, Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, telah mengambil bahagian dalam *Danajamin Mighty Run* kedua, yang dianjurkan oleh Danajamin Nasional Berhad pada 26 Ogos 2017 di Centrus, Cyberjaya. Objektif larian ini bertujuan memberikan galakkan dan menyokong usaha Persatuan Autisme Kebangsaan Malaysia (NASOM) meningkatkan kualiti hidup di kalangan masyarakat autisme dan juga keluarga mereka.

Bursa Bull Charge Run


KWAP mengambil bahagian dalam Bursa Bull Charge 2017, sebuah acara larian amal yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia pada 14 September. Ini adalah tahun keempat penyertaan KWAP dalam acara ini, dengan 16 pekerja mewakili organisasi dalam larian 1.5 km Ketua Pegawai Eksekutif, larian berganti-ganti 2.5km Korporat dan larian *Corporate Challenge* 5.0km. Acara ini dimeriahkan lagi dengan persembahan pasukan sorak KWAP yang penuh bersemangat.





Larian Kewangan Jom Aktif 2017

Hari Sukan Kebangsaan telah dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk membantu menjadikan Malaysia sebuah negara sukan. Pada tahun 2017, KWAP telah dilantik oleh Majlis Kebajikan dan Sukan Ahli-Ahli Kementerian Kewangan sebagai pengurusan rasmi dan tuan rumah Larian Kewangan Jom Aktif 2017 bersempena dengan Hari Sukan Negara 2017. Acara itu telah diadakan pada 14 Oktober di Universiti Multimedia, Cyberjaya, yang menarik penyertaan lebih daripada 1,600 pelari dari pelbagai agensi kerajaan di bawah Kementerian Kewangan.



PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Liter of Light

Selaras dengan usaha KWAP untuk membina masa depan yang mapan, kami telah berusaha sama dengan Incitement Malaysia (komuniti pengangur acara bebas yang mewujudkan impak positif di dunia) untuk membina dan memasang lampu solar untuk komuniti peribumi di Perak dan Pahang.

Sejumlah 120 lampu tenaga solar telah dipasang oleh 100 *KWAP Sustainability Heroes*, yang memberi manfaat kepada lebih daripada 300 orang penduduk asli Kampung Tibang, Slim River, Perak dan Kampung Simoi Lama, Cameron Highlands pada bulan Oktober 2017. Dengan penyelenggaraan yang sewajarnya oleh penduduk kampung, lampu-lampu berkuasa solar ini boleh digunakan sepanjang hayat.



KWAP bekerjasama dengan Incitement Malaysia untuk menerangi kehidupan masyarakat peribumi di Perak dan Pahang menerusi Projek *Liter of Light*.





Projek Mencantikkan Semula Balai Polis

Projek Mencantikkan Semula Stesen Polis telah dimulakan sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kehidupan masyarakat di sekitar pejabat utama KWAP. Seramai 50 sukarelawan KWAP bergabung dengan anggota polis untuk mengecat dinding sekitar balai polis. *Mini Farm* seluas 100 kaki persegi juga diwujudkan, dengan penanaman 16 kartrij yang dapat menghasilkan 128 pokok hijau dalam masa enam minggu. Ladang ini akan mempromosikan gaya hidup yang sihat dengan menghasilkan buah-buahan dan sayuran organik.



Sumbangan kepada Mangsa Banjir Pulau Pinang

KWAP telah menderma RM50,000 kepada mangsa banjir Pulau Pinang pada November 2017 melalui Tabung Media Prima-NSTP. KWAP berharap sumbangan itu dapat memulih keadaan mangsa banjir yang menempuh kesusahan supaya dapat membina semula kehidupan mereka selepas tragedi tersebut.

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

SUKU PERTAMA

- 1 Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat
Bersempena Perpindahan KWAP ke Pejabat Baharu 2 Mac 2017



SUKU KEDUA

- 2 Program MYPESARA CSR: Ceramah Kewangan di Pulau Pinang 1 Mei 2017
- 3 Projek CSR KYT: Pameran Lukisan di Galeri Artcube, Intermark 8 - 26 Mei 2017
- 4 Projek CSR KYT: CANVAS Art Talk 9 Mei 2017
- 5 Projek CSR KYT: Bengkel Lukisan 11 & 12 Mei 2017
- 6 Pengagihan buah kurma Ramadhan kepada Para Pesara 14 - 23 Jun 2017
- 7 Pengagihan buah kurma kepada tenaga kerja KWAP 14 Jun 2017
- 8 Ihya Ramadhan bersama Ustaz Elyas Ismail 19 Jun 2017
- 9 Program Amal Kasih KWAP 19 - 23 Jun 2017
- 10 Lawatan Amal ke Rumah Ehsan Kuala Kubu Bahru & RUKESA Petaling Jaya 23 Jun 2017



Tempat Kerja



Pasaran



Komuniti



Alam Sekitar

SUKU KETIGA

| | | | |
|----|---|------------------------|--|
| 11 | Danajamin Mighty Run 2017 di Centrus, Cyberjaya | 26 Ogos 2017 | |
| 12 | #AnakAnakMalaysiaWalk 2017 di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam | 27 Ogos 2017 | |
| 13 | Projek CSR Liter of Light: Perak | 6 & 7 September 2017 | |
| 14 | Bursa Bull Charge 2017 | 14 September 2017 | |
| 15 | Sumbangan Wang Tunai untuk Tabung Bantuan Pusat Tahfiz Darul Iftiqariyah oleh kakitangan KWAP | 15 September 2017 | |
| 16 | Projek CSR Liter of Light: Cameron Highlands | 20 & 21 September 2017 | |
| 17 | Larian Kewangan Jom Aktif 2017 | 14 Oktober 2017 | |

SUKU KEEMPAT

| | | | |
|----|--|------------------|--|
| 18 | Sumbangan RM50,000.00 kepada Mangsa Banjir Pulau Pinang melalui Tabung Media Prima-NSTP | 24 November 2017 | |
| 19 | Projek Perubahan Keseluruhan Balai Polis & Mini Farm | 29 November 2017 | |
| 20 | Program Pembangunan Dan Keberdayaan Warga Emas Anjuran Majlis Perbandaran Sepang 2017 Siri 2 | 7 Disember 2017 | |



SEKSYEN
07

PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH

173 Tinjauan Pengurusan Risiko

182 Risiko Kredit

176 Pengurusan Risiko Bersepadu

185 Pematuhan

177 Pengurusan Risiko Pasaran

TINJAUAN PENGURUSAN RISIKO

- Perkembangan dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan sepanjang dekad yang lalu telah merpertingkatkan profil risiko KWAP. Seiring dengan peningkatan ini, fungsi dan keupayaan pengurusan kami juga turut berkembang. Pada tahun 2008, Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan (RMCD) diwakili oleh hanya 1 pekerja, kini jabatan ini mempunyai 13 kakitangan.
- KWAP mengamalkan model tiga barisan pertahanan, di mana:

1 Tanggungjawab utama atau barisan pertahanan pertama bermula dengan unit perniagaan individu

2 Barisan kedua adalah pengurusan risiko dan pematuhan

3 Barisan ketiga adalah fungsi audit dalam

- KWAP mengamalkan pendekatan yang berhemat di dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburannya, dengan menilai dan mengurus tahap pendedahan risiko KWAP berpaduan nasihat dan bimbingan pihak pengurusan kanan dan lembaga selaras dengan keperluan Penyata Selera Risiko.

Bil. Penyata Selera Risiko

- Lembaga Pengarah mengiktiraf bahawa matlamat jangka panjang dana adalah untuk memenuhi liabiliti pencen Kerajaan dan menyokong penyelidikan dan dialog tambahan dengan majikan pencarum bagi mencapai matlamat ini.
- Secara umumnya, Lembaga bertanggungjawab terhadap kemampunan dana dan risiko-risiko yang dihadapi. Walaupun keputusan pelaburan dilakukan oleh Panel Pelaburan, tanggungjawab ke atas risiko yang diambil oleh KWAP secara keseluruhan berada di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah. Panel Pelaburan dan pihak pengurusan KWAP menitikberatkan tanggungjawab ini dalam segala aktiviti pelaburan mereka.
- Penyata Selera Risiko ini digunakan oleh Lembaga Pengarah bagi mempertimbangkan dan memperincikan risiko pada peringkat sebegini. Penyata ini dibentuk berdasarkan prinsip-prinsip yang luas dan mendalam bagi menyokong ciri-ciri risiko KWAP yang berbentuk kompleks, pelbagai, dinamik dan bertindan.
- Lembaga mengiktiraf bahawa pelaburan KWAP perlu diurus secara aktif dengan matlamat untuk mengembangkan saiz dana dan mencapai pulangan diselaraskan risiko yang mampan sementara memastikan perlindungan dan kecukupan likuiditi di dalam portfolio pelaburan. Matlamat ini perlu dicapai menerusi strategi pelaburan yang dinamik diimbangi oleh amalan pengurusan risiko yang mantap.

Bil. Penyata Selera Risiko

- Lembaga mengiktiraf bahawa wujudnya toleransi dan keupayaan risiko. Tahap risiko ini perlu diselaraskan dengan objektif strategik, jangkaan pemegang berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan KWAP. Ini dinilai dan dipertimbangkan dalam Alokasi Aset Strategik, Strategi Pelaburan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko KWAP.
- Lembaga Pengarah mengiktiraf bahawa jangkaan pulangan dan selera risiko perlu diimbangi. Semakin tinggi kuantum jangkaan pulangan atas pelaburan, semakin tinggi risiko jangkaan tidak diperolehi. Risiko-risiko ini haruslah dilaporkan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan secara berkala.
- Lembaga menyatakan bahawa KWAP hanya boleh mengambil risiko yang dapat dinilai dan diuruskan secara munasabah, ini supaya risiko sedemikian, secara keseluruhan dan dalam perjalanan perniagaan biasa, tidak akan menyebabkan kerugian kewangan ketara atau penjejasan bukan kewangan ketara dan mengakibatkan dana gagal memenuhi objektif strategiknya.

TINJAUAN PENGURUSAN RISIKO

Bil. Penyata Selera Risiko

- 8 Pilihan kelas aset, strategi pelaburan dan instrumen pelaburan KWAP berpandukan prinsip-prinsip utama berikut:
- Tahap keyakinan keselamatan aset yang munasabah tinggi
 - Tahap likuiditi dalam aset atau portfolio aset yang munasabah tinggi
 - Pulangan pelaburan diselaraskan risiko yang munasabah
- 9 Jenis risiko dan tahap risiko utama adalah seperti yang dinyatakan di dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko KWAP. Kelas risiko utama yang dikenal pasti dan ditangani secara spesifik adalah:
- Risiko Strategik
 - Risiko Pasaran
 - Risiko Kredit
 - Risiko Operasi
 - Risiko Pematuhan
 - Risiko Likuiditi
- Risiko-risiko lain masih diiktiraf dan diuruskan menerusi program-program tertentu.
- 10 Kemampuan KWAP untuk mengambil risiko dan tahap risiko perlulah disesuaikan dengan keupayaan dalam KWAP bagi menguruskan risiko-risiko tersebut. Bagi tujuan ini, KWAP secara berterusan berusaha meningkatkan keupayaannya dalam meningkatkan kemahiran, pengetahuan, teknologi dan sumber-sumber lain.

- Pelaksanaan Penyata Selera Risiko (RAS) mentakrifkan pendekatan menyeluruh KWAP terhadap pelaburannya dan membimbing proses pembuatan keputusan kami.
- RAS juga menetapkan keupayaan dan kemampuan KWAP untuk mengambil risiko di dalam konteks objektif pelaburan dan toleransi risiko dengan menangani perkara-perkara berikut:
 - ▶ Matlamat jangka panjang dana, terutamanya bagi memenuhi liabiliti pencegahan Kerajaan.
 - ▶ Pemantauan dan tanggungjawab Lembaga terhadap risiko yang diambil oleh dana.
 - ▶ Keperluan untuk mencapai keseimbangan di antara jangkaan pulangan dan selera risiko.
 - ▶ Pertimbangan penting dalam kesediaan dan keupayaan untuk mengambil risiko seperti objektif strategik, jangkaan pemegang kepentingan, matlamat kewangan, dan strategi pampasan.
 - ▶ Keperluan pelaporan risiko berkala kepada Lembaga dan Panel Pelaburan.
 - ▶ Kriteria utama untuk aktiviti pelaburan seperti perlindungan, likuiditi, dan pulangan pelaburan (ROI) munasabah diselaraskan risiko.
 - ▶ Keperluan KWAP untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalaman bagi menguruskan risiko secara berterusan.
- i. Disokong oleh struktur tadbir urus yang mantap dengan keupayaan berfungsi secara bebas daripada unit “pengambil” risiko dan unit “kawalan” risiko.
- ii. Dipertingkatkan dengan beberapa peraturan yang didokumenkan seperti:
 - a) Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bersepadu
 - b) Dasar Pengurusan Risiko
 - c) Garis Panduan KWAP
 - d) Prosedur operasi standard jabatan

- Kami membangunkan kerjaya tenaga insan kami, memiliki dasar-dasar yang jelas dan menetapkan proses operasi risiko yang mantap disokong oleh pelaburan yang besar ke dalam sistem kawalan dan automasi.
- ▶ Kawalan tadbir urus yang mantap merujuk kepada pembahagian fungsi dan pelaporan di antara jabatan-jabatan di dalam KWAP. Pembahagian tersebut adalah seperti berikut:
 - ◆ Jabatan-jabatan berkaitan pelaburan seperti Ekuiti, Pendapatan Tetap, Pelaburan Alternatif, Penyelidikan dan Strategi Portfolio akan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Pelaburan (CIO).
 - ◆ Jabatan-jabatan bebas seperti Undang-undang & Kesetiausahaan, Strategi & Prestasi Korporat, Sumber Manusia, dan Pengurusan & Pematuhan Risiko akan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).
 - ◆ Jabatan-jabatan fungsi kawalan seperti Teknologi Maklumat, Caruman, Hal Ehwal Korporat, Akaun & Perkhidmatan Pengurusan, Perkhidmatan Sokongan Pelaburan dan Perkhidmatan Persaraan akan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Operasi (COO).
- ▶ Pembahagian pelaporan memastikan tidak terdapat pertindanan kuasa/kelulusan di antara jabatan serta menerapkan amalan ketelusan di dalam KWAP.
- iii. Pengurusan Risiko Pasaran
- iv. Pengurusan Risiko Kredit
- v. Pengurusan Risiko Operasi
- vi. Pematuhan
- ▶ Sepanjang sesi tersebut, RMCD telah berkongsi pengalaman dalam melaksanakan fungsi dan sistem pengurusan risiko sepenuhnya di dalam KWAP.
- Minggu Pengurusan Risiko bertema Anti Keganasan dan Penipuan telah dilaksanakan dari 11 hingga 13 September 2017 bagi tujuan:
 - ▶ Meningkatkan budaya pengurusan risiko KWAP.
 - ▶ Menggalakkan kesedaran dan amalan risiko di kalangan kesemua kakitangan KWAP.
- Pembentangan kepada Bank Negara Malaysia pada 11 Disember 2017:
 - ▶ Untuk memahami secara mendalam operasi, risiko, dan amalan pengurusan pelaburan semasa KWAP dan rancangan masa depan.
 - ▶ Aktiviti ini juga merupakan sebahagian daripada penglibatan BNM yang berterusan dengan institusi kewangan untuk menggalakkan pemantauan kestabilan kewangan.

SENARAI AKTIVITI BAGI TAHUN 2017


- Lawatan kerja berkaitan dengan pelaksanaan pengurusan kewangan dan risiko kewangan telah dijalankan pada 22 Ogos 2017.
- ▶ Seramai tigabelas (13) perwakilan dari enam (6) kementerian telah menghadiri program perkongsian pengetahuan. RMCD telah memberikan taklimat kepada delegasi mengenai:
 - i. Pengenalan Pengurusan Risiko
 - ii. Pengurusan Risiko Bersepadu

TEKNOLOGI DAN INOVASI DI DALAM RMCD

- RMCD memanfaatkan teknologi untuk mengendalikan analisis portfolio dan analisis senario pelbagai bagi portfolio KWAP. Analisis itu diperolehi daripada sistem-sistem analistik seperti BarraOne, Credit Manager dan Bloomberg, di antara lain, telah diurai kepada langkah-langkah risiko utama.
- Penggunaan teknologi akan menghapuskan kesilapan manusia dan memastikan ketepatan data serta menjimatkan masa.

PENGURUSAN RISIKO BERSEPADU

- Profil Risiko Korporat (CRP) KWAP menggariskan bilangan risiko, jenis risiko, dan potensi kesan-kesan risiko yang sanggup diterima oleh KWAP serta pendedahan risiko yang dihadapi dan bagaimana risiko tersebut boleh menjelaskan strategi keseluruhan organisasi. CRP dibentangkan secara seimbang dengan perincian yang secukupnya bagi memberikan konteks dan penerangan risiko yang jelas.
- CRP mempertimbangkan pembendungan potensi risiko dan ancaman di peringkat korporat dan juga operasi serta membantu pihak yang terlibat memahami risiko yang dihadapi dan potensi ancamannya.



- CRP memainkan penting dalam mengenal pasti dan menilai kapasiti dan keupayaan pengurusan risiko sedia ada KWAP. Setelah risiko utama dikenal pasti dan didokumenkan, maklumat risiko disepadukan ke dalam struktur dan perancangan tadbir urus jabatan yang sedia ada, serta di dalam kitaran pelaporan jabatan masing-masing dengan cara yang mudah supaya risiko-risiko utama dapat dijelaskan dengan berkesan.
- Laporan CRP dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bulanan dan mesyuarat Jawatankuasa Risiko setiap suku tahun. CRP merujuk kepada Matriks Risiko, yang merupakan satu kaedah menggariskan tahap risiko berdasarkan penilaian kebarangkalian ancaman dan kesannya.
- Laporan CRP setakat November 2017:


| | Kategori Risiko | Item | Bidang Risiko & Tinjauan 3 Bulan |
|--------------------------------------|-----------------|------|--|
| RISIKO PELABURAN | INV-MKT | 1 | Risiko Pasaran |
| | INV-MKT-FUNDING | 2 | Had bagi Pertukaran Mata Wang Asing |
| | INV-MKT-FOREX | 3 | Risiko Pertukaran Asing |
| | INV-CR-CONC | 4 | Risiko Kredit dan Risiko Tertumpu |
| | COMP-ACTS | 5 | Pematuhan kepada Akta Dana Persaraan (Pindaan) Akta 2015 dan Akta-akta Berkaitan Risiko Lain |
| | COMP-POL | 6 | Pematuhan kepada Dasar Antarabangsa/Garis Panduan/SOP/Mandat Pelaburan |
| | OPE-IT SEC | 7 | Risiko Sekuriti Teknologi Maklumat (IT) |
| | OPE-PRO-HQ | 8 | Risiko Projek-IFIMS |
| | OPE-BCM | 9 | Risiko Pengurusan Kesinambungan Perniagaan |
| | OPE-FRAUD | 10 | Risiko Penipuan |
| RISIKO OPERASI - Pejabat Utama | OPE-CONT | 11 | Risiko Caruman |
| | OPE-SLA | 12 | Risiko Pencapaian Perjanjian Tahap Perkhidmatan |
| | OPE-IT-PRO-PeSD | 13 | Risiko Projek Teknologi Maklumat (IT) |
| | STRAT-INC | 14 | Pencapaian Sasaran Pendapatan |
| RISIKO STRATEGIK | STRAT-TAX | 15 | Risiko Isu Percukaian |
| | STRAT-REP | 16 | Risiko Reputasi |

PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang tidak dijangka akibat daripada perubahan negatif dalam nilai aset disebabkan pergerakan kadar atau harga pasaran. Punca utama risiko pasaran di dalam aktiviti pelaburan KWAP adalah risiko kadar faedah, risiko ekuiti dan risiko mata wang asing.

Tiga kelas aset utama membentuk pelaburan KWAP, iaitu Ekuiti, Pendapatan Tetap dan Pelaburan Alternatif (Hartanah dan Ekuiti Persendirian). Setakat 31 Disember 2017, ekuiti menyumbang risiko tertinggi kepada risiko KWAP dengan jumlah 82.21%, diikuti oleh Pendapatan Tetap pada 13.47% dan Pelaburan Alternatif pada 4.32%, seperti yang dipaparkan di dalam carta di bawah.


Jumlah Sumbangan Risiko Mengikut Kelas Aset pada 31 Disember 2017



NILAI PADA RISIKO (VaR)

Kaedah pengukuran utama risiko pasaran yang digunakan di KWAP adalah Nilai-pada-Risiko (VaR). KWAP mengukur VaR sebagai kerugian terburuk yang mungkin terjadi pada kebarangkalian 5% sepanjang tempoh perdagangan 10 hari. Pada 31 Disember 2017, VaR KWAP berada pada kedudukan 1.41% daripada jumlah nilai pasaran dana. Dalam erti kata lain, untuk tempoh dua minggu, terdapat kebarangkalian 95% bahawa KWAP tidak akan kehilangan lebih daripada 1.41% nilai pasaran dana disebabkan oleh faktor risiko pasaran. Berikut adalah carta rujukan.


Nilai pada Risiko ke atas Jumlah Portfolio bagi 2017



PENDEDAHAN RISIKO EKUITI

Portfolio Ekuiti mewakili 42.83% daripada jumlah dana KWAP pada nilai pasaran bagi tahun 2017. Pada 31 Disember 2017, VaR ekuiti KWAP mewakili 2.77% daripada portfolio ekuiti, di mana terdapat kemungkinan kerugian sebanyak 2.77% daripada nilai portfolio selama tempoh dua minggu dengan andaian 95% interval keyakinan seperti yang dipaparkan di bawah.

VaR Portfolio Ekuiti bagi 2017




PENGURUSAN RISIKO PASARAN

TRACKING ERROR

Tracking Error (TE), juga dikenali sebagai risiko aktif, adalah kaedah mengukur sisisian portfolio daripada penanda arasnya. Sebagai contoh, dana indeks yang pasif akan mempunyai TE yang menghampiri sifar manakala dana yang diuruskan secara giat biasanya mempunyai TE yang lebih tinggi.


TE Ekuiti Domestik yang diurus secara dalaman bagi 2017 berada pada 1.69% berbanding TE yang lebih tinggi bagi Ekuiti Domestik yang diurus secara luaran sebanyak 2.63% seperti yang dipaparkan di carta berikut.

TE Portfolio Ekuiti Domestik Dalaman dan Luaran bagi 2017



TE Portfolio Ekuiti Antarabangsa KWAP adalah lebih tinggi berbanding dengan Ekuiti Domestik. Ini boleh dikaitkan dengan saiz mandat dan pendedahan yang lebih kecil berbanding dengan penanda aras masing-masing seperti yang dipaparkan di carta berikut.

TE Portfolio Ekuiti Antarabangsa Dalaman dan Luaran bagi 2017



UJIAN TEKANAN KE ATAS JUMLAH PORTFOLIO EKUITI

KWAP secara berkala menjalankan Ujian Tekanan portfolio berdasarkan pelbagai senario. Keputusan dikaji, dianalisa dan dinilai untuk memberi gambaran terhadap kelemahan portfolio.

Keputusan ujian tekanan berdasarkan lima senario bersejarah umum yang boleh memberi kesan kepada keuntungan dan kerugian portfolio ekuiti KWAP adalah seperti berikut.

Ujian Tekanan ke atas 5 Senario

| Senario | P&L |
|---------------------------------------|---------|
| 1987 Kejatuhan Pasaran (Ogos ke Nov.) | -38.33% |
| 1990 Penyatuan Jerman | -20.37% |
| 2001 Sept 11 | -13.56% |
| 1994 Kenaikan Kadar AS | -13.19% |
| 2004 Masalah Pasaran Baharu Muncul | -11.34% |


Nota: Urutan ini berdasarkan senario terburuk

PENDEDAHAN RISIKO PENDAPATAN TETAP

Portfolio Pendapatan Tetap yang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Instrumen Pelaburan Kerajaan (GII), Bon Quasi Kerajaan (QB), Bon Korporat (CB), dan Pasaran Wang (MM) mewakili 50.88% daripada jumlah dana KWAP pada 31 Disember 2017.

Pada 31 Disember 2017, VaR Pendapatan Tetap KWAP mewakili 0.97% daripada portfolio pendapatan tetap, di mana terdapat kemungkinan kerugian sebanyak 0.97% daripada nilai portfolio selama tempoh dua minggu dengan andaian 95% interval keyakinan.

VaR Portfolio Pendapatan Tetap Bagi 2017



Tempoh Diubahsuai bagi MGS, GII & GVT pada 31 Disember 2017 (Dalaman Berbanding Penanda Aras)



Tempoh Diubahsuai


Tempoh diubahsuai mengukur kepekaan atau perubahan nilai sekuriti atau portfolio sebagai disebabkan oleh perubahan kadar faedah, seiring dengan konsep bahawa kadar faedah dan harga bon bergerak dalam arah yang bertentangan. Ia merupakan analisis kepekaan yang digunakan untuk menentukan kesan perubahan kadar faedah 1% ke atas harga bon.

Portfolio diubahsuai MGS, GII dan Dagangan Kerajaan (GVT) pada Disember 2017 adalah pada 8.02 berbanding 6.12 penanda arasnya manakala tempoh diubahsuai bagi Bon Korporat (CB) adalah pada 5.12 berbanding penanda arasnya 4.31.

Rata-rata, tempoh diubahsuai KWAP di dalam kedua-dua portfolio MGS/GII/GVT dan CB melebihi penanda aras tempoh diubahsuai masing-masing. Ini bermaksud bahawa sekiranya kadar faedah berubah sebanyak 1%, nilai pasaran portfolio akan berubah kira-kira 8.02% bagi MGS/GII/GVT dan 5.12% bagi CB.

Kebanyakan portfolio bon KWAP merupakan jenis bertempoh panjang menjadikannya lebih peka terhadap pergerakan kadar faedah berbanding penanda arasnya. Tempoh yang lebih tinggi juga selaras dengan strategi pelaburan KWAP dan selera risiko sebagai pelabur dana persaraan jangka panjang. Ini digambarkan dalam carta berikut.

Tempoh Diubahsuai bagi Bon Korporat pada 31 Disember 2017 (Dalaman Berbanding Penanda Aras)




PENGURUSAN RISIKO PASARAN

TRACKING ERROR (TE)


TE Portfolio Pendapatan Tetap Domestik Dalaman dan Luaran KWAP bagi 2017 masing-masing berada pada kadar 0.27% dan 0.52%. Ini digambarkan dalam carta berikut.

TE Portfolio Pendapatan Tetap Domestik Dalaman dan Luaran Bagi Tahun 2017



TE bagi Portfolio Pendapatan Tetap Antarabangsa Dalaman dan Luaran bagi tahun 2017 masing-masing adalah 3.56% dan 1.86%.

TE Portfolio Pendapatan Tetap Antarabangsa Dalaman dan Luaran Bagi Tahun 2017



UJIAN TEKANAN KE ATAS PORTFOLIO PENDAPATAN TETAP

KWAP secara berkala menjalankan ujian tekanan ke atas portfolio Pendapatan Tetapnya. Berdasarkan lima senario bersejarah umum, anggaran keputusan P&L Portfolio Pendapatan Tetap adalah minimum seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut.

Ujian Tekanan ke atas 5 Senario

| Senario | P&L |
|--------------------------------------|--------|
| 2006 Kejatuhan Pasaran Baharu Muncul | -0.42% |
| 2000 Penurunan Pasaran Baharu Muncul | -0.20% |
| 2004 Masalah Pasaran Baharu Muncul | -0.19% |
| 1994 Kenaikan Kadar AS | -0.18% |
| 1998 Krisis Kewangan Rusia | -0.12% |

Nota: Urutan ini berdasarkan senario terburuk

Anggaran kerugian dari ujian tekanan bagi Pendapatan Tetap adalah minimum berbanding dengan pelaburan dalam ekuiti. Ini mungkin disebabkan oleh saiz besar Pelaburan Pendapatan Tetap Domestik KWAP yang mempunyai kesan yang terhad terhadap kejutan dan kemeruapan pasaran luaran.

Produk Lindung Nilai dan Derivatif

Pelbagai jenis kontrak derivatif digunakan untuk membendung pendedahan risiko pasaran bagi pelaburan KWAP, terutamanya pergerakan mata wang dan kadar faedah. Instrumen derivatif yang digunakan untuk membendung pendedahan adalah Pertukaran Silang Mata Wang (CCS), Pertukaran Kadar Faedah (IRS) dan Kontrak Hadapan Mata Wang Asing (*FX Forward*). KWAP kebanyakannya menggunakan *FX Forward* untuk melindung nilai pendedahan mata wang di pasaran antarabangsa bersandarkan kepada Ringgit Malaysia. Lindung nilai ini akan mengurangkan dan mengimbangi kemeruapan mata wang ke atas pendedahan asing KWAP.

PELABURAN ALTERNATIF

Pada 31 Disember 2017, jumlah pendedahan KWAP dalam Pelaburan Alternatif adalah pada 5.42% daripada jumlah dana KWAP. Pelaburan Alternatif KWAP terdiri daripada Hartanah dan Pelaburan Ekuiti Persendirian.

Hartanah

Hartanah KWAP di dalam dan luar negara adalah pelbagai, ini secara sendirinya membendung risiko. Pelaburan hartanah bersifat jangka panjang, oleh itu risikonya berstruktur dan bukannya transaksional. Selain pendedahan kepada pergerakan dalam harga hartanah, pengurusan pajakan sewa adalah penting dalam mengekalkan aliran pendapatan yang stabil.

Dana Ekuiti Persendirian (PE), Infrastruktur dan Pelaburan Langsung

Pengurusan risiko dana PE secara umumnya tertumpu pada penilaian pra-pelantikan para pengurus dana dan strategi pelaburannya. Aktiviti pasca pelantikan tertumpu kepada pengurusan risiko operasi dan pemantauan dana yang berkemungkinan mengalami penghapusan atau kerugian.


KWAP juga sentiasa mengembangkan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan pengurusan risiko di dalam pasaran-pasaran di atas yang kian berkembang dan menarik minat para pelabur berbanding dengan aset-aset tradisional seperti ekuiti dan bon.

Pendedahan Antarabangsa

Risiko Mata Wang


Pada 31 Disember 2017, pendedahan KWAP kepada pelaburan antarabangsa adalah pada 11.88% daripada jumlah dana KWAP.

Peratusan Jumlah Pendedahan Pelaburan Domestik dan Antarabangsa KWAP




Pendedahan mata wang asing KWAP menerusi pelaburannya terbahagi kepada empat mata wang utama USD, GBP, AUD dan EUR. Pendedahan mata wang pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut.

Peratusan Pelaburan KWAP mengikut Mata Wang



Carta berikut menunjukkan perkadaruan pelbagai kelas aset dalam pelaburan antarabangsa KWAP.


Peratusan Pelaburan Antarabangsa KWAP mengikut Jenis Aset



RISIKO KREDIT

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kebarangkalian peminjam atau rakan niaga gagal memenuhi obligasi kewangannya mengikut perjanjian. Sebagai sebuah organisasi yang aktif di dalam sektor pendapatan tetap domestik dan pasaran wang dengan kepentingan di dalam pasaran utama dan sekunder, KWAP memerlukan dasar risiko kredit yang kukuh. Oleh itu, amalan terbaik industri diterapkan secara berterusan menerusi dasar dan proses risiko kredit yang terkini. Tujuan pengurusan risiko kredit adalah untuk mengekalkan tahap boleh terima pendedahan risiko kredit dan memastikan pulangan adalah bersetujuan dengan risiko yang diambil. Seiring dengan keperluan ini, Rangka Kerja Risiko Kredit dan Garis Panduan Risiko Kredit telah diwujudkan bagi merasmikan fungsi risiko kredit bagi meliputi pengurusan risiko kredit, penilaian risiko dan pemantauan.



Penyelidikan Kredit menyediakan analisis kredit, penarafan dalaman dan ulasan kredit untuk portfolio pendapatan tetap.

Jawatankuasa Kredit bertanggungjawab mempertimbangkan kesemua cadangan kredit yang sedia ada dan baharu, serta isu-isu berkaitan kredit sebelum dibentangkan kepada kepada Jawatankuasa Pelaburan dan Panel Pelaburan. Di samping itu, Jawatankuasa Kredit mengkaji semula dan meluluskan pemarkahan penarafan kredit dalaman bagi kesemua cadangan kredit.

Bagi menguruskan pendedahan risiko kredit KWAP, satu siri had risiko kredit dan Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT) telah disediakan, seperti berikut.



Nota: Had risiko kredit ditandakan dengan asterisk (*)

RISIKO KREDIT

Had risiko kredit diluluskan oleh Lembaga, dan ianya dibentuk bagi sama ada mengehadkan pendedahan risiko bagi kelas aset atau kelas sub-aset tertentu atau mengehadkan pendedahan risiko bagi entiti tunggal atau penerbit. Sebarang ketidakpatuhan had ini akan dilaporkan kepada pengurusan kanan.

Sebaliknya, Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT) adalah pencetus yang memerlukan pihak pengurusan mengkaji semula dan menilai semula pendedahan risiko tersebut.

KWAP, di antara lain, menggunakan Kredit Nilai-pada-Risiko (VaR Kredit) sebagai kaedah untuk mengukur risiko kredit. Ia adalah ukuran potensi perubahan maksimum nilai portfolio instrumen kewangan dengan kebarangkalian yang ditetapkan pada sesuatu tempoh yang ditetapkan. Sistem kuantifikasi risiko kredit digunakan untuk memantau komposisi keseluruhan dan kualiti portfolio kredit dengan menyediakan maklumat dan teknik analisis yang mencukupi. Sumbangan VaR Kredit mewakili sebanyak 1.75% daripada pendedahan dalam tempoh masa satu tahun dan pada tahap keyakinan 99%.

Di samping itu, ujian tekanan digunakan sebagai pelengkap analisis VaR, iaitu sebagai kaedah pengurusan risiko yang digunakan untuk lebih memahami profil risiko dan menilai risiko perniagaan, dan seterusnya membolehkan langkah-langkah yang sewajarnya dilaksanakan. Ujian tekanan melibatkan pengenalpastian peristiwa yang mungkin berlaku atau perubahan masa depan dalam keadaan kewangan dan ekonomi yang boleh membawa kesan buruk kepada pendedahan KWAP dan penilaian keupayaan KWAP untuk menghadapi perubahan tersebut. Berikutnya, langkah-langkah yang sewajar dikenal pasti bagi menguruskan risiko dan memelihara modal.

Dalam usaha untuk meningkatkan keterlihatan dan menggalakkan pengurusan risiko portfolio bon yang lebih baik, pemerhatian penarafan negatif dipantau dengan teliti sebagai salah satu daripada langkah awal dalam menangani potensi turun taraf dan/atau keingkaran bon.

Portfolio Pendapatan Tetap KWAP (pada 29 Disember 2017)




Diagram di atas memaparkan pendedahan pendapatan tetap KWAP, di mana 44.56% dilaburkan di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Bon Kuasi Kerajaan, 27.75% dalam Hutang Domestik, 15.27% dalam Pinjaman, dan 8.61% dalam Pasaran Wang. Baki 3.81% dilaburkan di dalam Hutang Antarabangsa.

PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi memainkan peranan yang lebih penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh sifat dan saiz kerugian kewangan dan kehilangan reputasi yang timbul daripada keingkaran pematuhan. Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan isu-isu risiko pematuhan, iaitu, risiko tindakan undang-undang atau peraturan, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi akibat kegagalan mematuhi kesemua undang-undang, peraturan, tatalaku dan piawaian amalan terbaik.

Objektif utama pematuhan adalah untuk memelihara reputasi KWAP agar kedayaan, reputasi dan nilai saham KWAP bukan sahaja dikenalkan, malah dipertingkatkan. Bagi mencapai objektif ini, misi asas KWAP adalah untuk menilai dan menguruskan risiko pematuhan organisasi secara berkesan bagi memenuhi kehendak kesemua pemegang kepentingan. Risiko pematuhan dalam KWAP ditakrifkan sebagai risiko rosot nilai kepada model perniagaan organisasi, reputasi dan kedudukan kewangan akibat kegagalan memenuhi keperluan undang-undang dan peraturan-peraturan, dasar dalaman dan kehendak pemegang kepentingan. Pendasar aspirasi ini adalah Rangka Kerja Pematuhan KWAP yang telah dilaksanakan pada tahun 2010; yang membentuk asasi fungsi pematuhan. Dalam melaksanakan pelancaran Rangka Kerja Pematuhan, model tiga barisan pertahanan telah diterimakai bagi menguruskan risiko pematuhan di KWAP.

SKOP PEMATUHAN

(a) Pematuhan Kawalselia

Pematuhan kawal selia meliputi peraturan-peraturan dan garis panduan luaran yang wajib dipatuhi oleh KWAP, termasuk Akta Parlimen yang berkaitan, dekri Menteri Kewangan dan garis panduan berkaitan terbitan badan-badan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Tanggungjawab pematuhan kawal selia terperinci kepada unit operasi yang berkaitan pada peringkat transaksi atau operasi, di mana sekiranya wujud potensi kemungkiran pematuhan, ianya hendaklah dikenalpasti sebelum ianya menjadi.

(b) Pematuhan Dalaman

Pematuhan dalaman meliputi pematuhan kepada dasar dan garis panduan dalaman, merangkumi Dasar dan Garis Panduan Pelaburan, Had Kuasa Budi Bicara dan Prosedur Operasi Standard. Pendekatan RMCD dalam memastikan pematuhan dalaman dikekalkan menerusi kawalan had risiko di dalam sistem pelaburan sementara kawalan proses operasi diterapkan di dalam Prosedur Operasi Standard.

Proses Pematuhan

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berhubung rapat dengan perkembangan pematuhan di peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta dasar dan prosedur KWAP. Rajah berikut menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.



PEMATUHAN

Nilai Pematuhan

Seiring dengan perubahan model perniagaan, munculnya teknologi baharu dan peningkatan kelas aset pelaburan baharu di samping tumpuan yang tinggi ke atas kecekapan operasi. Perubahan masa ini telah membawakan kepelbagaiannya pendedahan risiko kepada KWAP. Sejajar dengan perkembangan ini, Lembaga dan pengurusan kanan KWAP telah melanjutkan sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi menjadikan pematuhan sebagai satu keutamaan. Arahan berkaitan isu-isu pematuhan datangnya secara langsung dari Lembaga, di mana kesemua tenaga kerja KWAP dimestikan mematuhi segala peraturan-peraturan dan mempraktikkan amalan beretika. Kesemua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan pengurusan kanan harus mengambil pendirian tanpa kompromi sekiranya amanah tersebut diingkari. Unit Pematuhan semakin menjadi titik rujukan dan penasihat strategi utama bagi inisiatif yang diusahakan oleh KWAP.

Budaya pematuhan juga diperluaskan bagi merangkum pengurus dana luaran kami (EFM). EFM kami dikehendaki mengisyiharkan secara tahunan bahawa kesemua garis panduan pelaburan KWAP diterima pakai di dalam sistem pelaburan mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa EFM sentiasa mematuhi garis panduan yang dikuatkuasakan ke atas mereka.

Dasar Tembok Cina

KWAP telah melaksanakan Dasar Tembok Cina pada tahun 2014. Dasar Tembok Cina telah diperkenalkan untuk mewujudkan prosedur mengawal aliran maklumat bukan umum dan maklumat harga sensitif di dalam KWAP untuk mengurangkan risiko dagangan dalaman dan potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan-peraturan. Ia juga membantu bagi memastikan bahawa pemilikan maklumat bukan umum dan maklumat harga sensitif tidak menimbulkan risiko atau risiko percanggahan tanggapan di antara kepentingan awam, kepentingan KWAP dan kepentingan peribadi warga kerja.

Senarai Semak Sendiri Pematuhan Automatis

KWAP juga telah melaksanakan pematuhan kendiri automatis di mana kesemua proses pengesahan telah diautomasi. Latihan pengesahan ini adalah proses tanpa kertas, ini meningkatkan kecekapan. Senarai semak pematuhan kendiri akan dilengkapkan oleh pegawai perhubungan pematuhan jabatan masing-masing dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan mereka menerusi sistem. Latihan pengesahan dilaksanakan dua kali setahun bagi semua jabatan berkaitan pelaburan dan setahun sekali bagi jabatan-jabatan lain.

Lawatan Mengejut Unit Risiko dan Pematuhan kepada Pengurus Dana Luaran

Pada tahun 2017, KWAP telah memulakan latihan ketekunan yang digelar lawatan mengejut unit risiko dan pematuhan kepada Pengurus Dana Luaran (EFM) kami. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa aktiviti dan amalan EFM mematuhi mandat pelaburan KWAP. Selain itu, KWAP juga menilai operasi EFM dalam bidang risiko dan kawalan dan membuat cadangan penambahbaikan di bidang-bidang tertentu. KWAP telah membuat lawatan mengejut kepada empat EFM domestik dan dua EFM antarabangsa pada tahun 2017.

“

Di KWAP, sepanjang beberapa tahun ini, kami telah menerima banyak tetamu dari pelbagai latar belakang, merangkumi diplomat ke menteri dan juga ramai tetamu penting yang memerlukan saya memberikan layanan terbaik KWAP. Peluang untuk bertemu dengan orang kenamaan dan memahami latar belakang mereka adalah pengalaman saya yang paling manis di KWAP. Saya bangga kerana saya dapat berkhidmat bukan hanya bagi KWAP tetapi juga kepada negara.

”

PENGURUSAN RISIKO OPERASI


- Bagi menampung operasi perniagaan masa kini yang kompleks, KWAP menggunakan pelaporan Kejadian Risiko Operasi (ORE) untuk mengesan dan merakam kejadian kehilangan atau kejadian yang nyaris berlaku di dalam operasi KWAP
- Pada tahun 2017, tiada ORE dilaporkan menyebabkan kerugian ketara berkaitan operasi KWAP dilaporkan, disebabkan majoriti ORE telah diperbetulkan tepat pada masanya. Laporan ORE dikategorikan mengikut kejadian risiko seperti berikut:
 1. Pelanggan, produk dan amalan perniagaan
 2. Perlaksanaan, penyampaian dan pengurusan proses
 3. Gangguan perniagaan dan kegagalan sistem

Dalam menangani ORE yang dilaporkan, langkah-langkah proaktif berikut telah dilaksanakan:

- Membentangkan acara risiko operasi di mesyuarat EXCO untuk memastikan kesemua isu ditangani dengan tepat.
- RMCD memudahkan perbincangan dengan pihak lain untuk mengurangkan risiko dan mengelakkan berulangnya kejadian yang sama.
- Melaksanakan susulan terhadap isu ORE yang belum diselesaikan dengan pihak berkaitan untuk memastikan strategi pembendungan jangka pendek dan jangka panjang disediakan bagi meminimumkan berulangnya kejadian yang sama.

Carta berikut menunjukkan bilangan ORE sepanjang 2017:

Bil. ORE Dilaporkan (mengikut Tahap Impak)



KAKITANGAN PERINTIS

INTAN MARIA MUSTAPHA – Pejabat CEO

PEMATUHAN

Bil. ORE Dilaporkan (mengikut Jenis)

Sumber: Rekod RMCD tahun 2017

Di samping itu, unit Pengurusan Risiko Operasi (ORM) telah mengambil inisiatif untuk menyediakan dokumen berikut:

- i. Dasar Pengurusan Risiko Penipuan
- ii. Pelan kesediaan dan tindakan anti pengganas

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) adalah sebahagian utama struktur KWAP. Pada tahun 2017, sejajar dengan perkembangan perniagaannya, KWAP berjaya menjalankan beberapa latihan BCM:

- i. Latihan BCM bukan langsung bagi Pejabat Utama KWAP pada 6 April 2017
- ii. Latihan BCM langsung bagi Pejabat Utama KWAP pada 14 April 2017
- iii. Latihan BCM bukan langsung bagi Pejabat PeSD KWAP pada 24 April 2017
- iv. Latihan BCM langsung bagi Pejabat PeSD KWAP pada 28 Oktober 2017
- v. Latihan *Call tree* bagi Pejabat PeSD KWAP pada 23 November 2017
- vi. Latihan *Call tree* bagi Pejabat Utama KWAP pada 14 Disember 2017

- Latihan BCM langsung memerlukan fungsi kritikal yang dikenal pasti untuk dilaksanakan (secara langsung) di Tapak Alternatif KWAP dan setelah selesai, pindah semula ke pejabat utama.
- Latihan BCM bukan langsung memerlukan fungsi kritikal yang dikenal pasti untuk dilakukan di persekitaran bukan langsung. Data yang digunakan dalam latihan adalah data *dummy*.
- Bagi kedua-dua jenis latihan (langsung & bukan langsung), kakitangan KWAP digunakan dan ditugaskan untuk melaksanakan pemulihian fungsi kritikal dalam tempoh masa yang ditetapkan di tapak alternatif.

Objektif latihan termasuk:

- i. Untuk mengukur ketersediaan semua sistem di tapak alternatif (Pejabat Utama KWAP ke pejabat PeSD dan sebaliknya)
- ii. Memastikan pemindahan semula sistem dari persekitaran pengeluaran ke persekitaran DR boleh beroperasi dan berfungsi dengan baik
- iii. Untuk mengesahkan keupayaan sistem berdasarkan akses dan fungsi
- iv. Untuk memastikan keperluan fungsi kritikal seperti yang dinyatakan di dalam Analisis Impak Perniagaan (BIA)
- v. Untuk memastikan nombor telefon pekerja adalah betul dan dikemas kini
- vi. Untuk mengukur keupayaan untuk meneruskan operasi perniagaan dalam tempoh masa yang ditetapkan sekiranya berlaku gangguan operasi yang ketara
- Melangkah ke hadapan, Latihan BCM akan melibatkan pihak pengurusan kanan (Pasukan Pengurusan Krisis) untuk memberikan mereka pendedahan dan pengalaman sebenar sekiranya berlaku gangguan kepada perniagaan/ operasi.
- Pelbagai senario Latihan BCM akan dimasukkan seperti atas meja dan Latihan mengejut BCM di masa hadapan.



**SEKSYEN
08**

PENYATA KEWANGAN KAMI

| | | | |
|-----|---|-----|-----------------------------------|
| 190 | Sijil Ketua Audit Negara | 199 | Penyata Perubahan dalam Ekuiti |
| 194 | Penyata Pengurus | 201 | Penyata-penyata Aliran Tunai |
| 195 | Perakuan Berkanun | 203 | Nota-nota kepada Penyata Kewangan |
| 196 | Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif | | |
| 197 | Penyata-penyata Kedudukan Kewangan | | |

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Ketua Audit Negara mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu Laporan Ketua Audit Negara yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan Penyata Kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Ketua Audit Negara.
- e. Menilai sama ada keseluruhan perseimbahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga, antaranya skop dan tempoh pengauditan serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditian.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan untuk disimpan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 10 kepada Penyata Kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit terhadap akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjelaskan Penyata Kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 JULAI 2018




PENYATA PENGERUSI

DAN SEORANG AHLI LEMBAGA KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)


Kami, **Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah** dan **Dato' Azmi bin Abdullah** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadakan), Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS), untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Nama : Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah
Jawatan : Pengerusi Lembaga
Tarikh : 06 Mac 2018
Tempat : Putrajaya

Bagi pihak Lembaga,



Nama : Dato' Azmi bin Abdullah
Jawatan : Ahli Lembaga
Tarikh : 06 Mac 2018
Tempat : Kuala Lumpur

PERAKUAN BERKANUN

OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN 2017
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Saya, **Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan sucihati mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan)
pada 06 Mac 2018)



Di hadapan saya,



G1-1-2 Ground Floor, Menara 1 Dutamas,
Solaris Dutamas, No. 1 Jalan Dutamas 1,
50480 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Nota | Kumpulan | | KWAP | |
|--|------|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
| | | 31 Disember 2017 | 31 Disember 2016 | 31 Disember 2017 | 31 Disember 2016 |
| | | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Pendapatan Pelaburan Kasar | 4 | 9,348,860 | 6,610,547 | 9,033,505 | 6,361,482 |
| Pendapatan Bukan Pelaburan Lain | 4 | 1,433,066 | 1,300,466 | 1,215,419 | 1,279,609 |
| Perbelanjaan Operasi | 5 | (630,210) | (468,464) | (368,823) | (271,625) |
| Keuntungan/Kerugian Tidak Nyata Bersih | | | | | |
| Daripada Aset Kewangan Pada Nilai | | | | | |
| Saksama Melalui Untung Atau Rugi | | 34,589 | (62,943) | 34,589 | (62,943) |
| Kerugian Rosot Nilai Atas Aset Kewangan | | | | | |
| Sedia Dijual | | (1,123,253) | (2,476,601) | (1,123,253) | (2,476,601) |
| Keuntungan Sebelum Cukai | | 9,063,052 | 4,903,005 | 8,791,437 | 4,829,922 |
| Kos Pembentahan | | (59,909) | (116,213) | - | - |
| Keuntungan Daripada Syarikat Bersekutu | | 86,423 | 49,046 | - | - |
| Keuntungan Daripada Kepentingan Usaha Sama | | 35,101 | 2,983 | - | - |
| Cukai | 6 | (1,015) | (852) | - | - |
| Keuntungan Selepas Cukai | | 9,123,652 | 4,837,969 | 8,791,437 | 4,829,922 |
| Agihan Kepada: | | | | | |
| Pencarum KWAP | | 9,123,652 | 4,837,969 | 8,791,437 | 4,829,922 |
| | | 9,123,652 | 4,837,969 | 8,791,437 | 4,829,922 |
| Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain | | | | | |
| Item Akan Atau Mungkin Diklasifikasikan | | | | | |
| Semula Kepada Untung Atau Rugi: | | | | | |
| Rizab Pertukaran Mata Wang Asing | | (233,669) | (229,969) | - | - |
| Bahagian Keuntungan/(Kerugian) | | | | | |
| Komprehensif Lain Daripada Syarikat | | | | | |
| Bersekutu Dan Usaha Sama | | 24,541 | (67,485) | - | - |
| Keuntungan/(Kerugian) Atas Aset Kewangan | | | | | |
| Sedia Dijual | | 3,514,721 | 127,221 | 3,514,721 | 127,221 |
| Jumlah Keuntungan/(Kerugian) Pendapatan | | | | | |
| Komprehensif Lain Bagi Tahun Semasa | | 3,305,593 | (170,233) | 3,514,721 | 127,221 |
| Jumlah Pendapatan Komprehensif | | 12,429,245 | 4,667,736 | 12,306,158 | 4,957,143 |
| Agihan Kepada: | | | | | |
| Pencarum KWAP | | 12,429,245 | 4,667,736 | 12,306,158 | 4,957,143 |
| Jumlah Pendapatan Komprehensif | | 12,429,245 | 4,667,736 | 12,306,158 | 4,957,143 |

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2017

| | Nota | Kumpulan | | KWAP | |
|---|------|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
| | | 31 Disember 2017 | 31 Disember 2016 | 31 Disember 2017 | 31 Disember 2016 |
| | | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Aset Bukan Semasa | | | | | |
| Hartanah Dan Peralatan | 7 | 60,380 | 50,299 | 58,548 | 48,457 |
| Perisian Komputer | 8 | 4,463 | 4,031 | 4,463 | 4,031 |
| Pelaburan Hartanah | 9 | 5,309,382 | 5,552,499 | 710,575 | 1,759,224 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari | 10 | — | — | 2,606,888 | 2,342,294 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu | 11 | 1,175,390 | 615,224 | 1,008,428 | 614,314 |
| Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama | 12 | 366,879 | 393,418 | 10,000 | 10,000 |
| Pinjaman Dan Belum Terima | 13 | 13,813,346 | 14,742,802 | 14,647,358 | 15,134,697 |
| Aset Kewangan Sedia Dijual | 14 | 110,006,562 | 95,204,535 | 110,006,562 | 95,204,535 |
| | | 130,736,402 | 116,562,808 | 129,052,822 | 115,117,552 |
| Aset Semasa | | | | | |
| Pinjaman Dan Belum Terima | 13 | 1,546,641 | 395,000 | 1,546,641 | 395,000 |
| Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi | 15 | 823,786 | 1,746,400 | 823,786 | 1,746,400 |
| Aset Kewangan Derivatif | 16 | 539,181 | 7,412 | 539,181 | 7,412 |
| Penghutang Runcit Dan Deposit | 17 | 235,616 | 124,659 | 172,419 | 114,913 |
| Penghutang Perniagaan | 18 | 2,445,007 | 1,587,887 | 2,467,577 | 1,585,073 |
| Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan | 19 | 6,684,323 | 6,491,770 | 6,678,292 | 6,491,770 |
| Baki Tunai Dan Bank | 19 | 1,249,259 | 1,046,824 | 1,046,361 | 829,056 |
| | | 13,523,813 | 11,399,952 | 13,274,257 | 11,169,624 |
| Liabiliti Semasa | | | | | |
| Liabiliti Kewangan Derivatif | 16 | 158,807 | 787,848 | 143,067 | 748,990 |
| Pemiutang Perniagaan | 20 | 1,280,490 | 479,956 | 1,257,332 | 461,993 |
| Pemiutang Dan Akruan Lain | 21 | 192,852 | 156,309 | 124,133 | 74,280 |
| Pinjaman | 22 | 256,067 | — | — | — |
| | | 1,888,216 | 1,424,113 | 1,524,532 | 1,285,263 |
| Aset Semasa Bersih | | 11,635,597 | 9,975,839 | 11,749,725 | 9,884,361 |
| | | 142,371,999 | 126,538,647 | 140,802,547 | 125,001,913 |

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2017

| | Nota | Kumpulan | | KWAP | |
|-----------------------------------|------|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
| | | 31 Disember 2017 | 31 Disember 2016 | 31 Disember 2017 | 31 Disember 2016 |
| | | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Dibiayai Oleh: | | | | | |
| Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun | 23 | 25,501,944 | 25,001,944 | 25,501,944 | 25,001,944 |
| Caruman Pencen | 24 | 49,376,700 | 46,387,634 | 49,376,700 | 46,387,634 |
| Perolehan Tertahan | 25 | 61,766,191 | 52,642,539 | 61,679,585 | 52,888,148 |
| Rizab Lain | 26 | (42,944) | (67,485) | - | - |
| Rizab Pertukaran Mata Wang Asing | 26 | (43,664) | 190,005 | - | - |
| Rizab Sedia Dijual | 26 | 4,238,908 | 724,187 | 4,238,908 | 724,187 |
| | | 140,797,135 | 124,878,824 | 140,797,137 | 125,001,913 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | | | |
| Cukai Tertunda | 27 | 154 | 101 | - | - |
| Manfaat Pekerja | 28 | 5,410 | - | 5,410 | - |
| Pajakan Kewangan | | 56,364 | 56,818 | - | - |
| Pinjaman | 22 | 1,512,936 | 1,602,904 | - | - |
| | | 142,371,999 | 126,538,647 | 140,802,547 | 125,001,913 |

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| Kumpulan | Tidak Boleh Diagih | | | | | | Boleh Diagih | |
|------------------------------------|--------------------|-------------------|-----------------|----------------------|--------------------|---------------------|--------------------|--------|
| | Peruntukan | | | Rizab | | | Perolehan | |
| | Kumpulan Wang | Caruman | Rizab-rizab | Pertukaran Mata Wang | Rizab Sedia Dijual | Tertahan Boleh Agih | Jumlah | |
| Terkanun (Nota 23) | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Pada 1 Januari 2016 | 24,601,944 | 43,447,835 | - | 419,974 | 596,966 | 47,804,570 | 116,871,289 | |
| Keuntungan Tahun Semasa | - | - | - | - | - | 4,837,969 | 4,837,969 | |
| Pendapatan Komprehensif Lain | - | - | (67,485) | (229,969) | 127,221 | - | (170,233) | |
| Penerimaan Peruntukan Kumpulan | | | | | | | | |
| Wang Terkanun | 400,000 | - | - | - | - | - | 400,000 | |
| Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan | - | 2,939,799 | - | - | - | - | 2,939,799 | |
| Pada 31 Disember 2016 | 25,001,944 | 46,387,634 | (67,485) | 190,005 | 724,187 | 52,642,539 | 124,878,824 | |
| Pada 1 Januari 2017 | 25,001,944 | 46,387,634 | (67,485) | 190,005 | 724,187 | 52,642,539 | 124,878,824 | |
| Keuntungan Tahun Semasa | - | - | - | - | - | 9,123,652 | 9,123,652 | |
| Pendapatan Komprehensif Lain | - | - | 24,541 | (233,669) | 3,514,721 | - | 3,305,593 | |
| Penerimaan Peruntukan Kumpulan | | | | | | | | |
| Wang Terkanun | 500,000 | - | - | - | - | - | 500,000 | |
| Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan | - | 2,989,066 | - | - | - | - | 2,989,066 | |
| Pada 31 Disember 2017 | 25,501,944 | 49,376,700 | (42,944) | (43,664) | 4,238,908 | 61,766,191 | 140,797,135 | |

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| KWAP | Tidak Boleh Diagih | | | | | | Boleh Diagih | |
|---|--|--|--|--|---|-------------------|--------------------|---|
| | Kumpulan Wang Terkarun (Nota 23) RM'000 | Rizab | | | Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 26) RM'000 | | | Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 25) RM'000 |
| | | Caruman Pencen (Nota 24) RM'000 | Rizab-rizab Lain (Nota 26) RM'000 | Sedia Dijual Rizab (Nota 26) RM'000 | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 24,601,944 | 43,447,835 | - | - | 596,966 | 48,058,226 | 116,704,971 | |
| Keuntungan Tahun Semasa | - | - | - | - | - | 4,829,922 | 4,829,922 | |
| Pendapatan Komprehensif Lain | - | - | - | - | 127,221 | - | 127,221 | |
| Penerimaan Perutukan Kumpulan Wang Terkanun | 400,000 | - | - | - | - | - | 400,000 | |
| Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan | - | 2,939,799 | - | - | - | - | 2,939,799 | |
| Pada 31 Disember 2016 | 25,001,944 | 46,387,634 | - | - | 724,187 | 52,888,148 | 125,001,913 | |
| Pada 1 Januari 2017 | 25,001,944 | 46,387,634 | - | - | 724,187 | 52,888,148 | 125,001,913 | |
| Keuntungan Tahun Semasa | - | - | - | - | - | 8,791,437 | 8,791,437 | |
| Pendapatan Komprehensif Lain | - | - | - | - | 3,514,721 | - | 3,514,721 | |
| Penerimaan Perutukan Kumpulan Wang Terkanun | 500,000 | - | - | - | - | - | 500,000 | |
| Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan | - | 2,989,066 | - | - | - | - | 2,989,066 | |
| Pada 31 Disember 2017 | 25,501,944 | 49,376,700 | - | - | 4,238,908 | 61,679,585 | 140,797,137 | |

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan | | KWAP | |
|---|--------------------|----------------|--------------------|----------------|
| | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi | | | | |
| Keuntungan Sebelum Cukai | 9,063,052 | 4,903,005 | 8,791,437 | 4,829,922 |
| Pelarasan Untuk: | | | | |
| Susut Nilai Hartanah Dan Peralatan | | | | |
| Serta Pelaburan Hartanah | 108,516 | 128,012 | 24,221 | 30,721 |
| Pelarasan Hartanah Dan Peralatan | | | | |
| Serta Pelaburan Hartanah | – | 19 | – | 19 |
| Pelunasan Perisian Komputer | 2,189 | 1,106 | 2,189 | 1,106 |
| Kerugian Tidak Nyata Bersih Daripada Pelaburan | | | | |
| Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi | (34,589) | 62,943 | (34,589) | 62,943 |
| (Keuntungan)/Kerugian Belum Direalisasi Bersih Atas | | | | |
| Nilai Saksama Derivatif | (951,437) | (332,880) | (927,753) | (311,926) |
| Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan | (3,733,352) | (1,692,071) | (3,290,094) | (1,340,490) |
| Pendapatan Faedah | (3,328,095) | (3,038,143) | (3,333,910) | (3,054,865) |
| Pendapatan Deviden | (1,464,727) | (1,058,969) | (1,921,911) | (1,466,260) |
| Keuntungan Belum Direalisasi Atas Pertukaran Mata | | | | |
| Wang Asing | (443,681) | (929,884) | (253,274) | (929,896) |
| Rosot Nilai Pelaburan | 1,123,253 | 2,476,601 | 1,123,253 | 2,476,601 |
| Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja | 341,129 | 519,739 | 179,569 | 297,875 |
| Perubahan Dalam Modal Kerja | | | | |
| Penambahan Penghutang Perniagaan | 5,686,329 | (512,192) | 1,552,139 | (813,196) |
| Penambahan Penghutang Runcit Dan Deposit | (110,957) | (17,048) | (57,506) | (23,555) |
| Penambahan/(Pengurangan) Pembiutang Perniagaan | 800,534 | 6,642 | 795,339 | (4,813) |
| Perubahan Dalam Pinjaman | 165,645 | (526,266) | – | – |
| Penambahan Pembiutang Dan Akruan Lain | 42,006 | 30,404 | 55,263 | 17,138 |
| Wang Tunai Bersih Dihadiahkan Daripada/ (Digunakan Untuk) Aktiviti Operasi | 6,924,686 | (498,721) | 2,524,804 | (526,551) |

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan 2017 RM'000 | 2016 RM'000 | KWAP 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|----------------------------|----------------|------------------------|----------------|
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan | | | | |
| Penerimaan Jualan Pelaburan Sedia Dijual | 67,899,506 | 44,167,816 | 71,262,326 | 43,816,234 |
| Penerimaan Jualan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi | 3,062,446 | 6,099,427 | 3,062,446 | 6,099,427 |
| Penerimaan Jualan Aset Dipegang Untuk Jualan | – | 775,801 | – | – |
| Pembelian Hartanah Dan Peralatan | (24,991) | (48,413) | (24,958) | (46,672) |
| Penjualan Hartanah Dan Peralatan | 19,444 | – | 19,444 | – |
| Pembelian/(Penjualan) Bersih Pelaburan Hartanah | 264,871 | (549,737) | 1,081,930 | (601,971) |
| Pembelian Perisian Komputer | (2,621) | (3,423) | (2,621) | (3,449) |
| Pembelian Daripada Jualan Pelaburan Sedia Dijual | (83,515,912) | (49,100,993) | (83,706,319) | (49,100,980) |
| Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan | 42,334 | 337,689 | (584,772) | 337,689 |
| Pembelian Daripada Jualan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi | (2,105,242) | (7,405,855) | (2,105,242) | (7,405,855) |
| Peningkatan Derivatif | (209,373) | (21,028) | (209,938) | (14,951) |
| Penerimaan Faedah | 2,635,851 | 2,387,384 | 2,663,391 | 2,382,528 |
| Penerimaan Dividen | 1,424,400 | 1,032,309 | 1,893,511 | 1,429,245 |
| (Penambahan)/Pengurangan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama | (533,626) | (147,970) | (658,708) | 801,641 |
| Bayaran Balik Pinjaman Daripada Institusi Korporat | 673,045 | 492,990 | 673,045 | 492,990 |
| Bayaran Balik Pinjaman Daripada Syarikat Subsidiari | – | – | 441,650 | 312,399 |
| Wang Tunai Bersih Diguna Untuk Aktiviti Pelaburan | (10,369,868) | (1,984,003) | (6,194,815) | (1,501,725) |
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan | | | | |
| Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun | 500,000 | 400,000 | 500,000 | 400,000 |
| Penerimaan Caruman Pencen | 3,013,909 | 2,947,785 | 3,013,908 | 2,947,785 |
| Bayaran Balik Caruman Pencen | (24,842) | (7,986) | (24,842) | (7,986) |
| Hasil Daripada Pinjaman | – | – | – | – |
| Wang Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan | 3,489,067 | 3,339,799 | 3,489,066 | 3,339,799 |
| Penambahan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai Kesan Perubahan Dalam Pertukaran Mata Wang Asing | 43,885 | 857,075 | (180,945) | 1,311,523 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari | (233,669) | (229,969) | – | – |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember | 4,959,490 | 4,332,384 | 4,741,722 | 3,430,199 |
| | 4,769,706 | 4,959,490 | 4,560,777 | 4,741,722 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejarar dengan seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP adalah diperoleh dari peruntukan tahunan daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain Agensi, penerimaan bahagian Kerajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan agensi-agensi lain serta pendapatan pelaburan. Dana KWAP dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik serta Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang dicadangkan oleh pihak Panel Pelaburan dan diluluskan oleh pihak Lembaga. Dana KWAP akan digunakan untuk membantu pembiayaan liabiliti pencegahan Kerajaan oleh Kerajaan Persekutuan.

Berkuat kuasa dari 1 November 2015, KWAP secara rasminya telah dilantik sebagai ejen kepada Kerajaan bagi pengurusan serta operasi pembayaran pencegahan secara keseluruhan.

Aktiviti utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu diperjelaskan dalam Nota 10 dan Nota 11. Tiada perubahan signifikan dari segi sifat aktiviti utama Kumpulan dan KWAP sepanjang tahun kewangan.

KWAP adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP terletak di Aras 36, Menara Integra, The Intermark, 348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Penyata-penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah diterima dan diluluskan oleh pihak Lembaga KWAP pada 6 Mac 2018.

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan berdasarkan *Malaysian Financial Reporting Standards* (“MFRS”), *International Financial Reporting Standards* (“IFRS”), Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya menerusi rumusan polisi perakaunan penting ini.

Penyediaan Penyata Kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsional Kumpulan dan KWAP di mana semua nilai dibundarkan kepada ribuan ringgit Malaysia yang terhampir, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Penyata Pematuhan

Piawaian dan pindaan yang telah diterbit dan berkuat kuasa

Kumpulan dan KWAP telah mengaplikasi pindaan berikut buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2017:

- *Amendments to the MFRS 107 “Statement of Cash Flows – Disclosure Initiative”;*
- *Amendments to the MFRS 112 “Income Taxes – Recognition of Deferred Tax Assets for Unrealised Losses”;* dan
- *Annual Improvements to the MFRSs 2014 – 2016 Cycle – MFRS 12 “Disclosures of Interests in Other Entities”*

Penerimaan pakai pindaan kepada MFRS 107 memerlukan pendedahan tambahan bagi perubahan dalam liabiliti yang timbul daripada aktiviti kewangan. Selain daripada itu, penerimaan pakai pindaan-pindaan ini tiada memberi kesan lain kepada Kumpulan dan KWAP.

Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa

Piawaian dan interpretasi yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP adalah seperti yang dinyatakan di bawah. Kumpulan dan KWAP berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa.

| Deskripsi | Tarikh Kuat Kuasa |
|--|-------------------|
| <i>Amendments to MFRS 140 “Transfer of Investment Property”</i> | 1 Januari 2018 |
| <i>IC Interpretation 22: ‘Foreign Currency Transactions and Advance Consideration’</i> | 1 Januari 2018 |
| <i>MFRS 15: ‘Revenue from contracts with customers’</i> | 1 Januari 2018 |
| <i>MFRS 16: ‘Leases’</i> | 1 Januari 2019 |
| <i>MFRS 9: ‘Financial Instruments’</i> | 1 Januari 2018 |
| <i>IC Interpretation 23: ‘Uncertainty over Income Tax Treatments’</i> | 1 Januari 2019 |
| <i>Amendments to the MFRS 128: ‘Long-term Interests in Associates and Joint Ventures’</i> | 1 Januari 2019 |
| <i>Amendments to the MFRS 9: ‘Prepayment features with negative compensation’</i> | 1 Januari 2019 |
| <i>Amendments to the MFRS 3 “Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle”</i> | 1 Januari 2019 |
| <i>Amendments to the MFRS 11 “Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle”</i> | 1 Januari 2019 |
| <i>Amendments to the MFRS 112 “Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle”</i> | 1 Januari 2019 |
| <i>Amendments to the MFRS 123 “Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle”</i> | 1 Januari 2019 |
| <i>Amendments to MFRS 1 “Annual Improvements to MFRS Standards 2014-2016 Cycle”</i> | 1 Januari 2018 |
| <i>Amendments to MFRS 128 “Annual Improvements to MFRS Standards 2014-2016 Cycle”</i> | 1 Januari 2018 |
| <i>Amendments to MFRS 10 and MFRS 128 “Sale of Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture”</i> (ditangguhkan) | |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)

Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)

Pemakaian piawaian di atas dijangka tidak akan memberi sebarang kesan ketara kepada Penyata Kewangan, kecuali seperti yang diperjelaskan di bawah:

- ***The MFRS 9: 'Financial Instruments'***

MFRS 9 akan menggantikan MFRS 139: *'Financial Instruments: Recognition and Measurement'*.

MFRS 9 mengekalkan tetapi meringkaskan model pengukuran bercampur dalam MFRS 139 dan menetapkan tiga kategori pengukuran utama untuk aset kewangan: kos yang dilunaskan, Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi dan Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("OCI"). Asas klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai aset kewangan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti sentiasa diukur pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi dengan pilihan tidak boleh ditarik balik di saat permulaan untuk pembentangan perubahan nilai saksama dalam Pendapatan Komprehensif Lain (dengan syarat instrumen tersebut tidak Dipegang Untuk Dagangan). Instrumen hutang hanya diukur pada kos yang dilunaskan jika iaanya dipegang untuk mengumpul aliran tunai berkontrak dan aliran tunai tersebut merupakan bayaran pokok dan faedah.

Bagi liabiliti, piawaian mengekalkan kebanyakan keperluan MFRS 139. Ini termasuk perakaunan kos yang dilunaskan untuk kebanyakan liabiliti kewangan, dengan dwicabang bagi derivatif terbenam. Perubahan utama adalah:

- Bagi liabiliti kewangan yang dikelaskan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi, perubahan nilai saksama yang disebabkan oleh risiko kredit sendiri harus diiktiraf secara langsung ke Pendapatan Komprehensif Lain dengan tiada susulan kitar semula ke untung atau rugi.
- Apabila liabiliti kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan diubahsuai tanpa mengakibatkan penyahiktirafan liabiliti tersebut, keuntungan atau kerugian, yang merupakan perbezaan di antara aliran tunai berkontrak asal dan aliran tunai yang diubahsuai yang didiskaunkan pada kadar asal faedah efektif kredit, harus diiktiraf dengan segera dalam untung atau rugi.

MFRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit dijangka untuk rosot nilai yang menggantikan model rosot nilai kerugian tertanggung yang digunakan dalam MFRS 139. Model kerugian kredit dijangka adalah berpandangan hadapan dan menghapuskan keperluan bagi peristiwa pencetus sebelum mengiktiraf kerugian kredit.

- ***Amendments to the MFRS 128: 'Long-term Interests in Associates and Joint Ventures'***

Pindaan kepada MFRS 128 menjelaskan bahawa sesuatu entiti hendaklah menggunakan MFRS 9: *'Financial Instruments'* (termasuk keperluan bagi rosot nilai) ke atas faedah jangka panjang bagi syarikat bersekutu atau syarikat usaha sama, yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih entiti tersebut, sama ada bagi penyelesaian yang tidak dirancang mahupun yang tidak dijangka untuk jangka masa berdekatan.

Tambahan, faedah jangka panjang tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan rugi dan keperluan rosot nilai seperti yang dinyatakan dalam MFRS 128.

Pindaan ini haruslah diguna pakai secara retrospektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)

Piaawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)

- *Amendments to the MFRS 9: 'Prepayment features with negative compensation'*

Pindaan ini membenarkan pengukuran beberapa aset kewangan yang telah diprabayar dengan pampasan negatif pada kos yang dilunaskan. Pampasan negatif ini berlaku apabila terma kontrak membenarkan peminjam untuk membuat prabayaran terhadap aset kewangan sebelum kematangan kontrak, tetapi amaun prabayaran tersebut berkemungkinan kurang daripada amaun pokok dan faedah yang belum dibayar. Kelayakan bagi pengukuran secara kos yang dilunaskan adalah amaun pampasan negatif yang munasabah bagi penamatian awal kontrak, dan pegangan aset dalam model perniagaan ‘pegangan untuk dikutip’.

Pindaan ini haruslah diguna pakai secara retrospektif.

- *Annual Improvements to the MFRSs 2015 – 2017 Cycle:*

- Pindaan kepada MFRS 3: ‘Business Combinations’ (berkuat kuasa pada 1 Januari 2019) menjelaskan bahawa apabila satu pihak memperolehi kawalan terhadap perniagaan yang merupakan pengendalian bersama, pemeroleh hendaklah mengambil kira transaksi sebagai kombinasi perniagaan yang dicapai mengikut peringkat. Sewajarnya, pemeroleh harus mengukur semula pegangan dalam pengendalian bersama yang terdahulu (hak ke atas aset dan obligasi pada liabiliti) pada nilai saksama dari tarikh perolehan.
- Pindaan kepada MFRS 11: ‘Joint Arrangements’ (berkuat kuasa dari 1 Januari 2019) menjelaskan bahawa apabila satu pihak memperoleh kawalan bersama terhadap perniagaan yang merupakan pengendalian bersama, pegangan terdahulu dalam pengendalian bersama tersebut tidak perlu diukur semula.
- Pindaan kepada MFRS 112: ‘Income Taxes’ (berkuat kuasa dari 1 Januari 2019) menjelaskan bahawa pengiktirafan kesan kepada cukai pendapatan hasil daripada dividen instrumen kewangan yang dikelaskan di bawah ekuiti (sama ada dalam untung atau rugi, Pendapatan Komprehensif Lain atau ekuiti) bergantung kepada pengiktirafan transaksi terdahulu yang menjana untung agihan sebelum ini. Sejajarnya, kesan dari cukai ini diiktiraf dalam untung atau rugi apabila sesuatu entiti menentukan bahawa pembayaran ke atas instrumen kewangan tersebut adalah untung agihan (iaitu dividen). Cukai terhadap dividen tidak harus diiktiraf dalam ekuiti semata-mata berdasarkan kepada kaitan dengan pengagihan kepada pemilik.
- Pindaan kepada MFRS 123: ‘Borrowing Costs’ (berkuat kuasa dari 1 Januari 2019) menjelaskan bahawa pinjaman spesifik yang masih belum dijelaskan setelah aset layak yang berkaitan telah sedia untuk diguna pakai atau dijual harus diambil kira sebagai pinjaman am.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan

(a) Subsidiari

Subsidiari ialah entiti di mana Kumpulan mempunyai kriteria-kriteria berikut:

- Kuasa untuk pelaksanaan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi untuk mengurus aktiviti yang berkaitan dengan entiti;
- Pendedahan, atau hak, ke atas pulangan tidak tetap daripada pelaburan dalam entiti; dan
- Keupayaan penggunaan kuasa ke atas entiti untuk mempengaruhi pulangan daripada entiti.

Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan diasingkan dari tarikh kawalan lput. Pelaburan dalam saham tidak tersiar harga syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos di mana amaun tersebut diselaraskan kepada nilai boleh pulih termasuk kerugian rosot nilai bagi tahun berkenaan, sekiranya ada. Polisi yang berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.19.

Kos pengambilalihan dinyatakan pada nilai saksama aset yang diterima, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti sedia ada yang tertunggak atau liabiliti yang diambil alih pada tarikh penukaran, termasuk kos pengambilalihan secara langsung, sekiranya ada.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung semasa gabungan perniagaan pada asalnya dinyatakan mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira Kepentingan Tak Mengawal, sekiranya ada.

Perubahan kepentingan pemilikan dalam syarikat subsidiari tanpa perubahan kawalan

Transaksi dengan Kepentingan Tak Mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan dikira sebagai transaksi dengan pemilik ekuiti Kumpulan. Perubahan dalam kepentingan pemilikan akan mengakibatkan pelarasan antara nilai dibawa Kepentingan Mengawal dan Kepentingan Tak Mengawal untuk menunjukkan kepentingan relatif mereka dalam syarikat subsidiari tersebut. Perbezaan di antara amaun pelarasan ke atas Kepentingan Tak Mengawal dan sebarang pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf dalam ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Kumpulan, sekiranya ada.

Pelupusan subsidiari

Apabila syarikat subsidiari tidak lagi digabungkan disebabkan oleh kehilangan kawalan, kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksama di mana perubahan dalam nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini menjadi nilai awal yang dibawa bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, sebarang amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan oleh Kumpulan. Ini boleh menyebabkan pengkelasan semula amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari juga merangkumi nilai dibawa muhibah yang berkaitan dengan syarikat subsidiari.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(b) Asas penyatuan

Penyata Kewangan digabungkan merangkumi Penyata-Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari. Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan bagi penyediaan Penyata Kewangan digabungkan adalah disediakan berdasarkan tarikh laporan yang sama. Dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai bagi transaksi dan peristiwa yang sama.

Sekiranya KWAP mempunyai hak mengundi bukan majoriti dalam sesuatu entiti, perkara-perkara berikut perlu diambil kira dalam penilaian ke atas hak mengundi yang mencukupi berhubung dengan kuasa KWAP ke atas entiti:

- Saiz hak mengundi KWAP berbanding dengan saiz dan pecahan pegangan pengundi lain;
- Potensi hak mengundi KWAP, pengundi lain atau pihak lain;
- Hak daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- Fakta atau peristiwa lain yang menggambarkan keupayaan semasa KWAP untuk mengarah aktiviti yang relevan semasa keputusan dibuat termasuk corak undian dalam mesyuarat pemegang saham terdahulu.

Transaksi antara kumpulan, baki dan keuntungan tidak nyata daripada transaksi di antara KWAP dan syarikat subsidiari adalah dihapuskan. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan melainkan transaksi tersebut memberi petunjuk rosot nilai ke atas aset yang dipindahkan. Penyata Kewangan digabungkan hanya menggambarkan urus niaga luaran KWAP.

Kerugian antara syarikat subsidiari direkodkan dalam Kepentingan Tak Mengawal walaupun pelaksanaan tersebut mengakibatkan baki deficit.

(c) Gabungan perniagaan

Pengambilalihan syarikat subsidiari dinyatakan menurut kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan ialah aggregat pertimbangan yang dipindahkan, yang diambil kira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan amanun Kepentingan Tak Mengawal dalam entiti, sekiranya ada. Kumpulan memilih untuk menilai Kepentingan Tak Mengawal dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar bahagian aset bersih yang dikenal pasti berdasarkan transaksi demi transaksi. Kos transaksi dinyatakan sebagai perbelanjaan pengurusan.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang diiktiraf sebagai aset atau liabiliti, akan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, berdasarkan *MFRS 139: Financial Instruments - Recognition and Measurement* ("MFRS 139") sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Penilaian semula tidak diperlukan sekiranya pertimbangan luar jangka diklasifikasikan sebagai ekuiti. Pembayaran berikutnya adalah dinyatakan dalam ekuiti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(c) Gabungan perniagaan (sambungan)

Jika pertimbangan luar jangka berada di luar skop MFRS 139, penilaian pertimbangan luar jangka tersebut adalah berdasarkan piawaian MFRS yang bersesuaian.

Bagi pengambilalihan perniagaan oleh Kumpulan, penilaian ke atas aset dan liabiliti kewangan perlu dilaksanakan bagi penentuan pengelasan dan klasifikasi yang sesuai mengikut syarat-syarat kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan lain pada tarikh pengambilalihan. Termasuk dalam penilaian ialah pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak asal oleh pihak yang diambilalih.

Sekiranya gabungan perniagaan dilaksanakan secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti terdahulu pembeli yang dipegang dalam syarikat yang diambilalih akan dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan berikutnya melalui untung atau rugi.

Lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan, amaun yang diiktiraf bagi Kepentingan Tak Mengawal dan nilai saksama kepentingan ekuiti terdahulu pada tarikh pengambilalihan ke atas lebihan aset yang diambil alih dan liabiliti yang ditanggung pada asalnya diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya pertimbangan tersebut adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaannya dinyatakan dalam untung atau rugi.

(d) Pelaburan dalam syarikat subsidiari dalam Penyata Kewangan yang berasingan

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun terutang daripada syarikat subsidiari di mana KWAP tidak menjangkakan pembayaran balik pada masa hadapan akan dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan KWAP dalam syarikat subsidiari.

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tiada kawalan atau kawalan bersama, yang lazimnya mengiringi pegangan saham diantara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh signifikan ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama untuk mengawal dasar-dasar tersebut.

Kewujudan dan kesan terhadap hak pengundian berpotensi yang boleh dilaksanakan atau ditukarkan adalah diambilkira dalam penilaian pengaruh signifikan Kumpulan terhadap entiti lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

Bagi pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dinyatakan sebagai muhibah dan dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dan kos pelaburan dikecualikan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya diiktiraf sebagai pendapatan bagi menentukan bahagian untung atau rugi Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bagi tempoh di mana pengambilalihan pelaburan dilaksanakan.

Syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan menurut kaedah ekuiti dari tarikh entiti diiktiraf sebagai syarikat bersekutu atau usaha sama.

Pengambilalihan berkala dalam syarikat bersekutu

Apabila Kumpulan meningkatkan kepentingannya dalam pelaburan sedia ada dan pelaburan tersebut menjadi syarikat bersekutu untuk kali pertama, muhibah dikira pada setiap peringkat pengambilalihan. Tiada penilaian nilai saksama untuk bahagian aset bersih terdahulu oleh Kumpulan. Sebarang rizab Sedia Dijual akan dinyatakan semula dalam Pendapatan Komprehensif Lain, sekaligus melaraskan pelaburan tersebut kepada kos. Bagi pelaburan yang dikelaskan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi, pembalikan yang disebabkan oleh penyataan semula kepada kos dibuat terhadap perolehan tertahan. Bahagian keuntungan (selepas dividen) berserta dengan bahagian pergerakan ekuiti yang berkaitan dengan kepentingan pegangan terdahulu, sekiranya ada, diambil kira dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

Peningkatan pegangan dalam syarikat bersekutu sedia ada dan pengekalan pengaruh penting

Kos pengambilalihan kepentingan tambahan dalam syarikat bersekutu ditambah kepada nilai dibawa syarikat bersekutu dan diakaunkan mengikut kaedah ekuiti. Muhibah yang terhasil daripada pembelian pegangan tambahan ditentukan dengan menggunakan maklumat nilai saksama pada tarikh pembelian kepentingan tambahan. Tiada penilaian semula untuk kepentingan terdahulu yang dipegang dalam syarikat bersekutu tersebut.

Menurut kaedah ekuiti, pengiktirafan asal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan pada nilai kos, dan seterusnya dilaraskan untuk mengambilkira bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu atau usaha sama dalam untung atau rugi, dan bahagian Kumpulan dalam pergerakan Pendapatan Komprehensif Lain syarikat bersekutu atau usaha sama dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Dividen yang diterima atau akan diterima daripada syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf sebagai pengurangan dalam nilai dibawa pelaburan tersebut. Sekiranya bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu atau usaha sama bersamaan atau melebihi kepentingan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang secara inti pati, merupakan bahagian Kumpulan dalam kepentingan pelaburan bersih syarikat bersekutu atau usaha sama), pengiktirafan kerugian seterusnya tidak perlu dinyatakan oleh Kumpulan kecuali jika terdapat obligasi perundangan atau konstruktif atau pembayaran yang dibuat bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada.

Keuntungan atau kerugian daripada urus niaga huluan atau hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan digabungkan hanya tertakluk kepada pelabur tidak berkait dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut. Kerugian tidak nyata dihapuskan kecuali jika transaksi tersebut membuktikan bahawa terdapat rosot nilai bagi aset yang telah dipindahkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

Penyata Kewangan syarikat bersekutu dan usaha sama disediakan mengikut tarikh laporan yang sama dengan Kumpulan. Pelarasan dibuat untuk menyeragamkan dasar perakaunan syarikat bersekutu dan usaha sama dengan dasar Kumpulan, jika perlu.

Selepas perlaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan menggunakan piawaian MFRS 136: '*Impairment of Asset*' ("MFRS 136") bagi menentukan keperluan pengiktirafan kerugian rosot nilai tambahan terhadap pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada. Keseluruhan nilai dibawa pelaburan diuji sebagai satu aset untuk pengiraan rosot nilai berdasarkan piawaian MFRS 136 yang menggunakan perbandingan di antara nilai boleh pulih (yang lebih tinggi antara nilai dibawa dan nilai saksama setelah ditolak kos jualan) dan nilai dibawa, jika perlu. Kerugian rosot nilai dinyatakan dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Penyataan semula kerugian rosot nilai diiktiraf kepada tahap peningkatan nilai boleh pulih pelaburan.

Kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama

Apabila Kumpulan berhenti merekod syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama berdasarkan kaedah ekuiti disebabkan oleh kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama, sebarang kepentingan tertahan dalam entiti akan dinilai semula kepada nilai saksama di mana sebarang perubahan ke atas nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini akan menjadi nilai dibawa awal bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai aset kewangan. Di samping itu, sebarang jumlah terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung bagi aset atau liabiliti yang berkaitan dengan Kumpulan. Ini boleh menyebabkan pengkelasan semula amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi.

Sekiranya terdapat pengurangan kepada kepentingan pemilikan dalam syarikat bersekutu ataupun usaha sama di mana pengaruh signifikan atau kawalan bersama adalah dikekalkan, hanya sebahagian daripada bahagian Kumpulan dalam amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain diklasifikasi semula kepada untung atau rugi, jika perlu.

Pencairan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dalam Penyata Kewangan yang berasingan

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dibawa pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, perbezaan antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.5 Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos. Berikut pengiktirafan asal, aset tidak ketara dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Jangka hayat aset tidak ketara sama ada terhad atau tidak terhad ditentukan. Aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran jangka hayat ekonomi dan rosot nilai diambil kira apabila terdapat tanda rosot nilai, sekiranya perlu. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad disemak semula pada setiap tarikh laporan.

Perubahan dalam jangka hayat atau corak penggunaan berkaitan dengan manfaat ekonomi masa hadapan aset diiktiraf melalui perubahan ke atas tempoh atau kaedah pelunasan, di mana bersesuaian, dan diambil kira sebagai perubahan dalam andaian perakaunan. Kos pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad direkodkan dalam untung atau rugi.

Aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad atau belum bersedia untuk tujuan kegunaan disemak bagi tujuan rosot nilai setiap tahun, atau lebih kerap, apabila terdapat tanda bahawa nilai dibawa aset mungkin dirosot nilai sama ada secara individu atau pada peringkat Unit Penjana Tunai ("CGU"). Aset tidak ketara tersebut tidak tertakluk kepada pelunasan. Jangka hayat bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad disemak semula setiap tahun untuk menentukan kebolehlaksanaan penilaian jangka hayat. Sekiranya jangka hayat tersebut tidak boleh disokong, perubahan daripada jangka hayat tidak terhad kepada jangka hayat terhad dilaksanakan secara prospektif.

Keuntungan atau kerugian daripada hapuskira aset tidak ketara dinyatakan sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hapuskira dilaksanakan.

Susut nilai bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

| | |
|-----------------------------|--------|
| Perisian komputer dan lesen | 33.33% |
|-----------------------------|--------|

2.6 Hartanah Dan Peralatan

Hartanah dan peralatan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos, setelah ditolak amaun Cukai Barang dan Perkhidmatan ("GST"), kecuali jika amaun GST yang ditanggung tidak dapat diperolehi daripada kerajaan. Sekiranya amaun GST yang ditanggung tidak dapat diperolehi daripada kerajaan, GST tersebut diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos perolehan hartaanah dan peralatan. Kos bagi sesuatu item hartaanah dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan diterima oleh Kumpulan dan kosnya boleh dinilai dengan yakin.

Selepas pengiktirafan asal, hartaanah dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Kos asal sesuatu item hartaanah dan peralatan yang diiktiraf termasuk harga beli dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung yang ditanggung untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk membolehkannya berfungsi mengikut cara yang ditetapkan oleh Kumpulan dan KWAP. Kos juga termasuk kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.6 Hartanah Dan Peralatan (sambungan)

Jika terdapat keperluan untuk menggantikan sebahagian besar daripada item harta tanah dan peralatan, bahagian tersebut diiktiraf sebagai aset individu dengan jangka hayat penggunaan serta susut nilai tersendiri. Begitu juga, sekiranya terdapat pemeriksaan utama, kos penggantian bagi item harta tanah atau pelaburan diiktiraf dalam nilai dibawa item tersebut, tertakluk kepada kriteria pengiktirafan yang ditetapkan. Kos-kos penambahbaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Susut nilai bagi harta tanah dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

| | |
|-------------------------------|--------|
| Renovasi Pejabat | 16.67% |
| Komputer | 20.00% |
| Lukisan | 20.00% |
| Perabot dan Peralatan Pejabat | 20.00% |
| Peralatan Gimnasium | 20.00% |
| Kenderaan | 20.00% |
| Peralatan Elektrik | 33.33% |

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada, antara lain, kerja-kerja pengubahsuaian yang sedang dijalankan dan penambahbaikan atau penaiktarafan sistem maklumat yang sedang dijalankan. Kerja dalam kemajuan dan lukisan bukan berasaskan lukisan air dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusut nilai sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan KWAP akan menilai sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya ada, analisa dilaksanakan bagi menentukan sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih sepenuhnya. Sekiranya nilai dibawa aset melebihi amanah boleh pulih, nilai aset akan dirosot nilai ke amanah boleh pulih. Dasar berkaitan dengan rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya perlu.

Item harta tanah dan peralatan dihapuskira apabila dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian aset selepas dihapuskira diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dihapuskira, sekiranya ada.

2.7 Aset Kewangan

Kumpulan dan KWAP mengklasifikasikan aset kewangan mengikut kategori berikut: pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi, Pinjaman Dan Belum Terima, Sedia Untuk Dijual dan Dipegang Hingga Matang. Klasifikasi bergantung kepada tujuan aset kewangan tersebut diperolehi. Klasifikasi ditentukan pada pengiktirafan asal dan, bagi aset yang diklasifikasi sebagai Dipegang Hingga Matang, klasifikasi tersebut dinilai semula pada akhir setiap tempoh laporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (sambungan)

Belian dan jualan lazim aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut oleh Kumpulan dan KWAP.

Aset kewangan, kecuali Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi, pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset kewangan. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi pula diiktiraf dalam untung atau rugi.

(a) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi adalah merupakan Aset Kewangan Dipegang Untuk Dagangan, aset kewangan derivatif atau aset kewangan yang ditetapkan sedemikian semasa pengiktirafan asal. Aset Kewangan Dipegang Untuk Dagangan adalah aset kewangan yang diperolehi untuk tujuan dagangan, pembelian atau penjualan semula dalam tempoh terdekat. Instrumen pelaburan lain yang diklasifikasikan sebagai Aset Kewangan Dipegang Untuk Dagangan adalah instrumen pelaburan pendapatan tetap yang ditetapkan di bawah portfolio dagangan serta instrumen derivatif yang diperoleh secara langsung atau terdapat dalam kontrak yang telah dimeterai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Selepas pengiktirafan asal, Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Keuntungan atau kerugian bersih ke atas Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi tidak merangkumi perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen bagi Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi diiktiraf secara berasingan dalam untung atau rugi sebagai pendapatan atau kerugian lain.

Derivatif terbenam dalam kontrak asal diiktiraf sebagai derivatif berasingan dan dinyatakan pada nilai saksama, jika ciri-ciri ekonomi dan risiko derivatif tersebut tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko kontrak asal dan kontrak asal tidak diklasifikasikan sebagai Aset Kewangan Dipegang Untuk Dagangan atau ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi. Derivatif terbenam tersebut dinyatakan pada nilai saksama di mana sebarang perubahan terhadap nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi. Penilaian semula dilaksanakan sekiranya berlaku perubahan pada terma kontrak di mana terdapat pengubahsuaian ketara kepada aliran tunai.

Jika derivatif terbenam tidak boleh dinilai dengan yakin secara berasingan sama ada pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak rosot nilai.

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi dikelaskan sama ada sebagai aset semasa atau aset bukan semasa. Aset kewangan yang dipegang untuk tujuan dagangan dikelaskan sebagai aset semasa manakala aset kewangan yang dipegang bukan untuk tujuan dagangan dikelaskan sama ada sebagai aset semasa atau aset bukan semasa berdasarkan tarikh penyelesaian aset kewangan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (sambungan)

(b) Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman Dan Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai pembayaran tetap atau pembayaran yang tidak tersiar harga dalam pasaran aktif. Selepas pengiktirafan asal, Pinjaman Dan Belum Terima dinyatakan pada nilai kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi melalui proses pelunasan.

Pinjaman Dan Belum Terima dikelaskan sebagai aset semasa kecuali Pinjaman Dan Belum Terima di mana tarikh matang adalah melebihi dua belas (12) bulan selepas tarikh laporan, yang dikelaskan sebagai aset bukan semasa.

(c) Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori aset kewangan lain di bawah MFRS 139.

Selepas pengiktirafan asal, Aset Kewangan Sedia Dijual dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama aset kewangan tersebut diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain, kecuali kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing atas instrumen kewangan serta pendapatan dividen dari faedah yang dikira di bawah kaedah faedah berkesan. Kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing atas instrumen kewangan, pendapatan dividen dan faedah yang dikira di bawah kadar faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen daripada instrumen ekuiti Sedia Dijual diiktiraf dalam untung atau rugi setelah hak untuk menerima pembayaran ditentukan. Keuntungan atau kerugian terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai pelarasan klasifikasi semula selepas aset kewangan tersebut dihapus kira.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti di mana nilai saksama tidak boleh dinilai dengan yakin dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai.

Aset Kewangan Sedia Dijual dikelaskan sebagai aset bukan semasa kecuali Aset Kewangan Sedia Dijual yang dijangka akan direalisasikan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas tarikh laporan yang dikelaskan sebagai aset semasa.

Aset kewangan dihapus kira apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan. Apabila aset kewangan dihapus kira secara keseluruhan, perbezaan antara nilai dibawa dan amaun pertimbangan yang diterima termasuk keuntungan atau kerugian terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain, sekiranya ada, dinyatakan dalam untung atau rugi.

Pembelian atau jualan aset kewangan secara biasa adalah merupakan pembelian atau jualan di mana penyerahan aset kewangan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkaitan. Segala pembelian dan jualan aset kewangan secara biasa diiktiraf atau dihapus kira pada tarikh dagangan iaitu tarikh di mana Kumpulan dan KWAP memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.8 Aset-Aset Lain

Penghutang perniagaan secara lazimnya timbul dari transaksi urusan biasa perniagaan. Penghutang lain lazimnya timbul daripada transaksi di luar aktiviti operasi biasa Kumpulan dan KWAP. Penghutang perniagaan dan penghutang lain dengan kutipan hutang yang dijangka akan diperoleh dalam tempoh kurang dari satu (1) tahun (atau dalam kitaran operasi biasa jika lebih lama) dikelaskan sebagai Aset Semasa. Jika tidak, hutang tersebut dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa.

Selepas pengiktirafan asal, penghutang perniagaan dan penghutang lain dinilai pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan setelah ditolak peruntukan untuk rosot nilai. Dasar berkenaan dengan rosot nilai aset kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.19.

2.9 Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan deposit yang ditempatkan di institusi kewangan yang mempunyai kecairan yang tinggi yang tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara selepas ditolak overdraf bank. Kesetaraan tunai termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang sembilan puluh (90) hari atau kurang dari tarikh pembelian.

2.10 Sewaan

Sebagai penyewa

Sewaan operasi adalah sewaan di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran ke atas pemilikan aset dikekalkan oleh tuan sewa. KWAP menyewa sebuah bangunan pejabat di Cyberjaya bagi Jabatan Perkhidmatan Persaraan KWAP. Bayaran yang dibuat di bawah perbelanjaan ini dinyatakan dalam Penyata Untung Rugi mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh sewaan.

Sebagai tuan sewa

Apabila aset disewa di bawah sewaan operasi, aset tersebut dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan sifat aset tersebut. Pendapatan sewaan diiktiraf mengikut tempoh sewaan menggunakan kaedah garis lurus.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.11 Pelaburan Hartanah

Pelaburan Hartanah terdiri daripada tanah, hartaanah siap dan hartaanah sedang dibina (“IPUC”) yang dipegang untuk tujuan kenaikan modal atau sewa atau kedua-duanya, dan secara amnya tidak diduduki untuk kegunaan atau berada dalam operasi Kumpulan. Pelaburan hartaanah diklasifikasikan sebagai pelaburan jangka panjang dengan pengiktirafan asal pada nilai kos termasuk kos urus niaga.

Selepas pengiktirafan asal, pelaburan hartaanah dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada, kecuali hartaanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad dan IPUC yang tidak disusut nilai. IPUC tidak disusut nilai kerana aset tersebut belum bersedia untuk digunakan. Pelaburan hartaanah lain disusut nilai mengikut anggaran jangka hayat ekonomi. Kadar susut nilai tanah adalah sembilan puluh sembilan (99) tahun pada asas garis lurus. Dasar bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.18.

Perbelanjaan susulan dipermodalkan ke nilai dibawa asset hanya apabila kemungkinan manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir ke Kumpulan dan KWAP serta kos item boleh dinilai dengan yakin. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai belanja apabila ditanggung. Sekiranya sebahagian daripada pelaburan hartaanah diganti, nilai dibawa bahagian yang diganti akan dihapuskira.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai pelaburan hartaanah disemak semula pada setiap tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Pelaburan hartaanah dihapus kira apabila dilupuskan atau apabila penggunaan terhenti di mana tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada pelupusan dan penamatkan asset tersebut. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan atau penamatkan pelaburan hartaanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun pelupusan atau penamatkan, sekiranya ada.

Pindahan kepada atau daripada pelaburan hartaanah hanya dilaksanakan apabila terdapat perubahan dalam kegunaan pelaburan hartaanah. Bagi pindahan daripada pelaburan hartaanah kepada hartaanah yang diduduki pemilik, kos bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pelaburan hartaanah tersebut pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada hartaanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan hartaanah, pelaburan hartaanah tersebut diakaunkan mengikut dasar perakaunan bagi hartaanah dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.6 sehingga tarikh perubahan dalam kegunaan.

Hartaanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad tidak disusut nilai dan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai, sekiranya ada.

| | |
|----------------------|--------|
| Bangunan | 2.50% |
| Tanah Pegangan Pajak | 1.01% |
| Pelaburan Hartanah | 18.75% |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.12 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapat obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) yang disebabkan oleh peristiwa terdahulu di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa sumber ekonomi akan dialirkan keluar untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi boleh dinilai dengan yakin.

Sekiranya berlaku pembayaran balik peruntukan kepada Kumpulan dan KWAP, pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik adalah pasti. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Bagi sejumlah obligasi yang sama, kebarangkalian aliran keluar yang diperlukan bagi penyelesaian ditentukan untuk kelas obligasi secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun kebarangkalian aliran keluar berkaitan dengan mananya satu item dalam kelas obligasi yang sama mungkin kecil.

Peruntukan dinilai pada nilai semasa anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang dijangka untuk menyelesaikan obligasi menggunakan kadar pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang serta risiko khusus untuk obligasi tersebut. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Penyataan semula dilaksanakan sekiranya aliran keluar sumber ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tidak lagi berkemungkinan tinggi.

2.13 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasikan mengikut kandungan pengaturan kontrak yang dimeterai serta definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, di bawah skop MFRS 139, diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan KWAP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diluluskan sama ada sebagai Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi atau Liabiliti Kewangan Lain.

(a) Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi

Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi adalah termasuk derivatif kewangan yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Liabiliti derivatif dinyatakan pada nilai saksama, di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Perbezaan pertukaran mata wang adalah termasuk dalam keuntungan atau kerugian bersih derivatif tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.13 Liabiliti Kewangan (sambungan)

(b) Liabiliti Kewangan Lain

Liabiliti Kewangan Lain adalah termasuk pemutang perniagaan dan pemutang lain serta pinjaman.

Pemutang perniagaan dan pemutang lain pada asalnya dinyatakan pada nilai saksama setelah ditambah kos urus niaga secara langsung dan kemudiannya dinilai pada nilai kos yang dilunaskan berdasarkan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama setelah ditolak kos transaksi. Pinjaman seterusnya dinyatakan pada kos yang dilunaskan di mana sebarang perbezaan di antara amaan pengiktirafan asal dan amaan penebusan diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang tempoh pinjaman menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dikeluarkan dari Penyata Kedudukan Kewangan apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang telah dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti diambil alih, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Yuran yang dibayar atas penubuhan fasiliti pinjaman diiktiraf sebagai kos transaksi untuk pinjaman tersebut yang terhad kepada kemungkinan sebahagian atau semua fasiliti tersebut akan digunakan. Dalam kes ini, yuran ditangguhkan sehingga berlakunya pengeluaran pinjaman. Sekiranya tiada bukti bahawa terdapat kemungkinan sebahagian atau semua fasiliti itu akan digunakan, yuran tersebut akan dipermodalkan sebagai pra-pembayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh fasiliti yang berkaitan.

Saham keutamaan, yang wajib ditebus pada tarikh tertentu, dikelaskan sebagai liabiliti. Dividen pada saham keutamaan tersebut diiktiraf sebagai kos kewangan dalam untung atau rugi.

Sekiranya terdapat pengiktirafan syarat liabiliti kewangan dan penerbitan instrumen ekuiti oleh Kumpulan kepada pemutang untuk menghapuskan semua atau sebahagian daripada liabiliti (utang untuk swap ekuiti), keuntungan atau kerugian yang dinilai sebagai perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan nilai saksama instrumen ekuiti yang dikeluarkan, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pinjaman dikelaskan sebagai Liabiliti Semasa melainkan Kumpulan atau KWAP mempunyai hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan selepas berakhirnya tempoh pelaporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.14 Kos Pinjaman

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset layak sekiranya kos tersebut berkait secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut. Permodalan kos pinjaman bermula dengan pelaksanaan aktiviti penyediaan aset bagi tujuan kegunaan aset tersebut atau berlakunya perbelanjaan dan kos pinjaman semasa jualan sedang dilaksanakan. Kos pinjaman dipermodalkan sehingga sebahagian besar aset telah siap dibina untuk tujuan kegunaan atau jualan aset tersebut.

Keuntungan pelaburan yang diperoleh daripada pelaburan sementara pinjaman tersebut sebelum perbelanjaan ke atas aset layak, adalah ditolak daripada kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan.

Kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh kos ditanggung. Kos pinjaman terdiri daripada faedah dan kos lain yang ditanggung berhubung dengan pinjaman dana.

2.15 Pengiktirafan Hasil Dan Pendapatan

Hasil dan pendapatan diiktiraf pada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan dialirkkan masuk dan boleh dinilai dengan yakin. Hasil dan pendapatan dinyatakan pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

(a) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila terdapat hak untuk menerima pembayaran.

(b) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan berdasarkan kaedah faedah berkesan.

(c) Keuntungan atau kerugian pelupusan pelaburan

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan pelaburan diiktiraf apabila semua syarat-syarat perjanjian yang membawa kepada penjualan pelaburan dipenuhi.

(d) Pendapatan sewaan

Pendapatan sewaan diiktiraf atas dasar akruan sepanjang tempoh sewaan.

2.16 Cukai Pendapatan

(a) Cukai semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa dinyatakan pada amaun boleh pulih yang dijangka akan diterima daripada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan bagi pengiraan amaun boleh pulih adalah berdasarkan kadar dan undang-undang yang digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh laporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.16 Cukai Pendapatan (sambungan)

(a) Cukai semasa (sambungan)

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali cukai yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung dalam ekuiti.

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Seksyen 127[3A] Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi semua pendapatan daripada punca domestik serta cukai pegangan selaras dengan Seksyen 107A(1) dan Seksyen 109 bagi faedah dan pendapatan kelas khas. Segala pendapatan daripada punca antarabangsa adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang cukai negara terbabit.

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda adalah peruntukan yang menggunakan kaedah liabiliti berdasarkan kepada perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa aset dan liabiliti tersebut bagi tujuan laporan kewangan pada tarikh laporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda berpunca daripada pengiktirafan asal muhibah atau pengiktirafan asal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau untung atau rugi sebelum cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, di mana pelaksanaan penyataan semula perbezaan sementara boleh dikawal dan terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan dinyatakan semula pada masa hadapan.

Aset cukai tertunda dinyatakan bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kredit cukai dan kerugian cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan, kepada tahap di mana kebarangkalian keuntungan boleh cukai boleh digunakan ke atas perbezaan sementara, dan kredit cukai dan kerugian cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan boleh dimanfaatkan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara yang boleh ditolak berpunca daripada pengiktirafan asal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta, pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara akan dinyatakan semula pada masa hadapan dan keuntungan boleh cukai akan membolehkan penggunaan perbezaan sementara tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.16 Cukai Pendapatan (sambungan)

(b) Cukai tertunda (sambungan)

Nilai dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada tahap di mana tiada kebarangkalian besar bahawa terdapat keuntungan boleh cukai yang mencukupi untuk membolehkan semua atau sebahagian penggunaan aset cukai tertunda. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf kepada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan membolehkan penggunaan aset cukai tertunda tersebut.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dinyatakan pada kadar cukai yang dijangka akan diguna pakai pada tahun aset direalisasikan atau penyelesaian liabiliti berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Cukai tertunda tersebut diiktiraf berdasarkan urus niaga yang berkaitan sama ada dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung dalam ekuiti. Cukai tertunda yang berpunca daripada gabungan perniagaan diselaraskan ke atas muhibah yang berkaitan semasa pengambilalihan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diofset, sekiranya terdapat hak yang sah untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa, di mana aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda tersebut adalah berkaitan dengan entiti boleh cukai yang sama serta pihak berkuasa cukai yang sama.

2.17 Mata Wang Asing

(a) Mata wang fungsian dan persembahan

Penyata Kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan dinyatakan berdasarkan mata wang utama dalam persekitaran ekonomi di mana entiti tersebut beroperasi (“mata wang fungsian”). Penyata Kewangan digabungkan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) sebagai mata wang fungsian dan pembentangan Kumpulan dan KWAP.

(b) Transaksi dan baki dalam mata wang asing

Transaksi mata wang asing dinyatakan berdasarkan mata wang fungsian masing-masing bagi KWAP dan syarikat subsidiari di mana pengikrahan asal mata wang fungsian tersebut adalah berdasarkan kadar tukaran mata wang pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasi dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang semesta pada tarikh laporan.

Perbezaan kadar tukaran mata wang adalah terhasil daripada penyelesaian item kewangan atau pada terjemahan item kewangan pada tarikh laporan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif kecuali perbezaan kadar tukaran mata wang berikutnya daripada item kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi luar negara. Item kewangan tersebut pada asalnya diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan dikumpulkan di bawah Rizab Pertukaran Mata Wang Asing dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.17 Mata Wang Asing (sambungan)

(b) Transaksi dan baki dalam mata wang asing (sambungan)

Perubahan pada nilai saksama sekuriti kewangan yang didenominasi dalam mata wang asing yang dikelaskan sebagai Sedia Dijual dianalisa di antara terjemahan hasil daripada perubahan kos lunas sekuriti dan perubahan lain bagi nilai dibawa sekuriti. Perbezaan berkaitan dengan perubahan kos lunas sekuriti diiktiraf dalam untung atau rugi, dan kos lain berkaitan dengan nilai dibawa diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh asal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang dinilai pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun tersebut, kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan item bukan monetari di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

(c) Kendalian asing

Hasil kewangan dan kedudukan kewangan kendalian asing yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza dengan mata wang persembahan Ringgit Malaysia dalam Penyata Kewangan digabungkan adalah diterjemahkan kepada mata wang persembahan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti kendalian asing diterjemahkan pada kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan Komprehensif diterjemahkan pada kadar tukaran purata bagi tahun kewangan tersebut; dan
- Semua perbezaan kadar tukaran mata wang dinyatakan secara langsung dalam Pendapatan Komprehensif Lain melalui rizab pertukaran mata wang asing.

Sekiranya sesuatu kendalian asing dilupuskan, perbezaan kadar tukaran mata wang terkumpul terdahulu berkaitan dengan kendalian asing tersebut yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan dikumpulkan dalam komponen ekuiti yang berasingan, diklasifikasikan semula dari ekuiti ke Penyata Pendapatan Komprehensif (sebagai pelarasan klasifikasi semula) apabila keuntungan atau kerugian pelupusan dinyatakan.

Bagi pelupusan separa syarikat subsidiari yang melibatkan kendalian asing, bahagian bersekadar untuk perbezaan pertukaran mata wang terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain disalurkan kepada Kepentingan Tak Mengawal bagi kendalian asing tersebut. Bagi pelupusan separa kendalian asing yang lain, bahagian bersekadar perbezaan pertukaran mata wang terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain diklasifikasi semula kepada Penyata Pendapatan Komprehensif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.17 Mata Wang Asing (sambungan)

(c) Kendalian asing (sambungan)

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang berikutan daripada pengambilalihan kendalian asing dinyatakan sebagai aset dan liabiliti kendalian asing tersebut dan diterjemahkan mengikut kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pengiktirafan muhibah dan nilai saksama diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

2.18 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Penilaian rosot nilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan keperluan rosot nilai aset. Sekiranya terdapat tanda-tanda rosot nilai atau keperluan untuk penilaian rosot nilai, jangkaan nilai boleh pulih dianggarkan bagi aset yang berkaitan.

Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset setelah ditolak kos jualan dan nilai sedang digunakan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan i.e. Unit Penjanaan Tunai ("CGU").

Dalam penilaian nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus kepada aset tersebut. Sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulih, aset tersebut dinyatakan pada nilai boleh pulih. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU pada asalnya diperuntukkan untuk mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada unit atau kumpulan unit tersebut, sekiranya ada, diikuti oleh pengurangan amaun dibawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit pada atas pro-rata. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penilaian rosot nilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan sama ada keperluan kerugian rosot nilai terdahulu masih lagi wujud atau telah berkurangan. Penyataan semula kerugian rosot nilai terdahulu hanya dilaksanakan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang diguna pakai untuk menentukan nilai boleh pulih aset bagi pengiktirafan kerugian rosot nilai terdahulu. Bagi situasi ini, nilai dibawa aset dinaikkan kepada nilai boleh pulih. Walau bagaimanapun, kenaikan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa aset yang telah ditentukan setelah ditolak susut nilai, di mana tiada pengiktirafan kerugian rosot nilai terdahulu. Penyataan semula rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Tiada penyataan semula bagi kerugian rosot nilai ke atas muhibah dalam tempoh yang berikutnya.

2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan

Kesemua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi), dinilai pada setiap tarikh laporan bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif bagi rosot nilai lanjutan daripada sebarang aktiviti yang akan memberi kesan kepada anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan tersebut. Jangkaan kerugian ekoran daripada sebarang aktiviti masa hadapan, tanpa mengira kemungkinannya, adalah tidak diiktiraf. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti, penurunan signifikan atau penurunan berpanjangan nilai saksama di bawah kos adalah merupakan bukti objektif rosot nilai. Sekiranya terdapat sebarang bukti objektif, rosot nilai bagi aset kewangan tersebut akan dianggarkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

Polisi perakaunan berkaitan pengiktirafan rosot nilai ke atas aset kewangan bagi pelaksanaan penilaian berikutnya adalah seperti berikut:

(a) Aset Kewangan Sedia Dijual

Bukti objektif bagi rosot nilai Aset Kewangan Sedia Dijual disemak pada setiap suku tahun. Kaedah semakan yang digunakan oleh Kumpulan dan KWAP adalah bergantung kepada jenis instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual seperti berikut:

(i) Instrumen Pelaburan Ekuiti

Rosot nilai diiktiraf apabila berlaku penurunan nilai saksama yang signifikan atau penurunan berpanjangan jika dibandingkan dengan kos asal pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Jika terdapat bukti ianya berlaku amaun kerugian tidak nyata terkumpul yang telah diiktiraf dalam Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual dinyatakan semula dan rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Amaun rosot nilai yang diiktiraf dalam untung atau rugi adalah perbezaan antara kos pembelian dengan nilai saksama semasa setelah ditolak amaun rosot nilai terdahulu, sekiranya ada.

Rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi instrumen pelaburan ekuiti yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual tidak dinyatakan semula dalam untung atau rugi bagi tempoh semasa.

(ii) Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap

Kaedah semakan rosot nilai bagi instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual adalah konsisten dengan kaedah yang digunakan bagi aset kewangan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan Dipegang Sehingga Matang. Kriteria yang konsisten turut digunakan dalam penentuan bukti objektif bagi kerugian rosot nilai berdasarkan petunjuk-petunjuk berikut:

- Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan jadual pembayaran;
- Penamatkan operasi perniagaan/muflis (bagi kes yang telah difaiklan);
- Klasifikasi PN17 bagi syarikat yang dilabur;
- Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- Sijil Audit Bersyarat untuk syarikat yang dilabur.

Amaun rosot nilai bagi instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap yang diklasifikasikan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual dikira sebagai perbezaan di antara nilai dibawa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dengan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan menggunakan kadar pulangan berkesan asal aset kewangan tersebut. Nilai dibawa aset kewangan ini akan dikurangkan dan amaun rosot nilai akan diiktiraf dalam untung atau rugi. Sekiranya terdapat perlaksanaan penilaian semula dalam tempoh berikutnya yang mengakibatkan pengurangan amaun rosot nilai dan pengurangan tersebut boleh dihubungkait secara objektif kepada petunjuk selepas rosot nilai telah diiktiraf, maka rosot nilai akan dinyatakan semula dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

(b) Pinjaman Dan Belum Terima

Bukti objektif bagi rosot nilai Pinjaman Dan Belum Terima disemak pada setiap suku tahun. Aset kewangan ini dianggap terjejas apabila terdapat bukti objektif hasil daripada beberapa petunjuk yang berlaku selepas pengiktirafan asal aset kewangan tersebut yang memberi implikasi kepada jangkaan aliran tunai yang akan diterima daripada aset kewangan tersebut di masa hadapan dan terimaan tersebut boleh dianggarkan dengan munasabah.

Kriteria yang digunakan oleh Kumpulan dan KWAP dalam penentuan sama ada bukti objektif bagi rosot nilai telah berlaku termasuk petunjuk-petunjuk berikut:

- Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan jadual pembayaran;
- Penamatian operasi perniagaan/muflis (bagi kes yang telah difailkan);
- Peminjam menerima perintah penggulungan operasi perniagaan;
- Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- Sijil Audit Bersyarat untuk syarikat yang dilabur.

Amaun rosot nilai dikira sebagai perbezaan di antara nilai dibawa Pinjaman Dan Belum Terima dengan nilai semasa anggaran aliran tunai yang akan diterima di masa hadapan daripada aset kewangan tersebut yang didiskaunkan menggunakan kadar pulangan berkesan asal aset kewangan tersebut. Nilai dibawa Pinjaman Dan Belum Terima seterusnya dikurangkan melalui penggunaan akaun elauan dan amaun rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Sekiranya berlaku penilaian semula dalam tempoh berikutnya yang mengakibatkan pengurangan amaun rosot nilai dan pengurangan tersebut boleh dihubungkait secara objektif kepada petunjuk selepas rosot nilai telah diiktiraf, maka rosot nilai akan dinyatakan semula dalam untung atau rugi.

Pinjaman Dan Belum Terima yang tidak dapat dikutip akan dihapus kira melalui akaun elauan rosot nilai. Tindakan hapus kira hanya dilaksanakan apabila semua prosedur yang berkaitan telah selesai serta amaun kerugian telah dikenal pasti.

(c) Penghutang

Kerugian rosot nilai atas Penghutang diperuntukkan apabila terdapat bukti objektif bahawa amaun tertunggak tidak dapat dikutip mengikut prosedur yang diluluskan.

Sekiranya berlaku penilaian semula dalam tempoh berikutnya yang mengakibatkan pengurangan amaun rosot nilai dan pengurangan tersebut boleh dihubungkait secara objektif kepada petunjuk selepas rosot nilai telah diiktiraf, maka rosot nilai akan dinyatakan semula dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.20 Manfaat Pekerja

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan social (PERKESO), caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau caruman pencen dan bayaran gratuity kepada pekerja kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan tersebut dilaksanakan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang kemudiannya meningkatkan kelayakan pekerja untuk pampasan ketidakhadiran yang akan datang. Sementara itu, pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Manfaat jangka panjang

Bayaran manfaat jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan manfaat pekerja atas dasar terakru dalam tahun semasa Penyata Pendapatan Komprehensif. Pada masa yang sama, amaun tersebut diiktiraf sebagai liabiliti yang dikategorikan sebagai faedah pekerja dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jenis-jenis faedah jangka panjang yang diiktiraf berdasarkan asas akruan adalah seperti berikut:

- Bayaran anugerah cuti gantian; dan
- Manfaat perubatan pesara.

Pengiraan manfaat perubatan pesara dilaksanakan secara dalaman setiap tahun dengan perlaksanaan peruntukan pertama manfaat perubatan pesara dalam Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2017.

2.21 Pengiraan Nilai Saksama

Instrumen kewangan seperti derivatif dan pelaburan kewangan diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan. Nilai saksama instrumen kewangan yang diukur pada nilai kos pelunasan dinyatakan dalam Nota 30 kepada Penyata Kewangan.

Nilai saksama adalah amaun yang akan diterima daripada jualan aset atau amaun yang dibayar bagi pemindahan liabiliti dalam transaksi yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi jualan aset atau pemindahan liabiliti dilaksanakan sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Jika ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau pasaran yang paling menguntungkan hendaklah boleh diakses oleh Kumpulan dan KWAP. Nilai saksama aset atau liabiliti diukur dengan menggunakan andaian yang diambil kira oleh peserta pasaran dalam menentukan harga aset atau liabiliti, serta andaian bahawa peserta pasaran akan bertindak mengikut kepentingan ekonomi yang terbaik.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.21 Pengiraan Nilai Saksama (sambungan)

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira kebolehan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi melalui penggunaan aset secara terbaik atau jualan kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara terbaik.

Kumpulan dan KWAP menggunakan teknik penilaian yang dianggap bersesuaian dengan keadaan di mana data yang mencukupi boleh didapati untuk pengukuran nilai saksama, dengan memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan serta meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Aset dan liabiliti di mana nilai saksama diukur atau dinyatakan dalam Penyata Kewangan dikategorikan mengikut hierarki nilai saksama berikut, berdasarkan tahap input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1: Sebut harga (tidak dilaras) harga pasaran di dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama;
- Tahap 2: Teknik penilaian di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung; dan
- Tahap 3: Penilaian teknik di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap pengukuran nilai saksama yang tidak boleh diperhatikan.

Berhubung dengan aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan secara berulang, penilaian semula bagi kategori aset dan liabiliti dilaksanakan bagi menentukan sama ada berlakunya pemindahan aset di antara tahap dalam hierarki (berdasarkan input paras terendah dari segi kepentingan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tarikh laporan.

2.22 Aset Luar Jangka Dan Liabiliti Luar Jangka

Aset Luar Jangka merupakan aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang berada di luar kawalan Kumpulan dan KWAP. Tiada pengiktirafan bagi Aset Luar Jangka, hanya pendedahan mengenai kewujudan aset tersebut di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak boleh dijangka. Liabiliti Luar Jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan yang berada di luar kawalan Kumpulan dan KWAP atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

Liabiliti Luar Jangka mungkin juga timbul melalui kes yang amat jarang berlaku di mana liabiliti tidak diiktiraf disebabkan oleh ketidakupayaan untuk dinilai dengan yakin. Tiada pengiktirafan bagi Liabiliti Luar Jangka, hanya pendedahan dalam Penyata Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.23 Ofset Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diofset di mana jumlah bersih dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila terdapat hak kuatkuasa secara sah untuk mengofset jumlah yang diiktiraf serta hasrat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti pada masa yang sama. Hak kuatkuasa tersebut tidak boleh bergantung kepada peristiwa masa depan dan boleh dikuatkuasakan dalam operasi biasa perniagaan dan sekiranya berlaku kemungkinan, ketidakmampuan bayar atau muflis.

2.24 Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun

KWAP menerima peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

2.25 Caruman Pencen

Caruman pencen diiktiraf apabila caruman tersebut diterima daripada Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan dan Agensi-Agenzi Lain serta syer kerajaan, ganjaran dan potongan lain sejajar dengan Akta Pencen Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkua Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12/2008. Denda atas caruman lewat bayar diiktiraf dan diakaunkan mengikut asas tunai.

3. JANGKAAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING

Penyediaan Penyata Kewangan digabungkan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian oleh Kumpulan dan KWAP yang memberi kesan kepada amauan yang dilaporkan bagi pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti serta pendedahan yang disertakan dan pendedahan berkenaan dengan Aset dan Liabiliti Luar Jangka selaras dengan MFRS. Ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran boleh menyebabkan keputusan yang mengakibatkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa bagi aset atau liabiliti yang terlibat pada masa hadapan.

Pertimbangan yang dibuat oleh Kumpulan dan KWAP dalam mengaplikasikan polisi akaun, andaian penting berkaitan dengan masa hadapan dan sumber-sumber ketidakpastian jangkaan lain pada tarikh laporan yang mempunyai risiko besar dalam mengakibatkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti yang terlibat bagi tempoh tahun kewangan seterusnya adalah seperti yang dibincangkan di bawah:

(a) Rosot nilai atas pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu

Penilaian bukti objektif bagi rosot nilai pelaburan dilaksanakan pada setiap tarikh laporan. Faktor-faktor seperti, antara lain, penurunan berpanjangan di antara nilai saksama indikatif dan nilai dibawa, perubahan ketara dengan kesan yang menjelaskan pelaburan serta kemerosotan prestasi kewangan pelaburan adalah dipertimbangkan bagi mengenal pasti bukti objektif bagi rosot nilai, sekiranya ada.

Pertimbangan dilaksanakan oleh Kumpulan dan KWAP dalam pemilihan kaedah penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai terdiskaun, nilai boleh realis bersih aset dan purata kaedah nisbah harga perolehan sektor yang bergantung kepada sifat serta industri pelaburan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3. JANGKAAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Rosot nilai atas pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)

Dengan pemilihan kaedah penilaian yang sesuai, andaian-andaian tertentu dilaksanakan bagi menjangka amaun pelaburan boleh pulih masa hadapan. Andaian yang dibuat adalah termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, peningkatan pendapatan, kadar diskaun yang diguna pakai bagi mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan yang menerapkan risiko yang relevan serta jangkaan hasil masa hadapan bagi kejadian terdahulu yang berkait dengan pelaburan tersebut.

(b) Rosot nilai aset bukan kewangan

Rosot nilai aset bukan kewangan dilaksanakan apabila nilai dibawa aset atau Unit Penjanaan Tunai (“CGU”) melebihi nilai boleh pulih, iaitu nilai lebih tinggi antara nilai saksama setelah ditolak kos jualan dan nilai sedang digunakan. Pengiraan nilai saksama setelah ditolak kos jualan adalah berdasarkan data yang sedia ada daripada transaksi jualan mengikat, yang dikendalikan dengan transaksi urus niaga tulus bagi aset-aset yang serupa atau harga pasaran yang boleh diperhatikan setelah ditolak kos tambahan untuk pelupusan aset. Pengiraan nilai sedang digunakan adalah berdasarkan model aliran tunai terdiskaun di mana aliran-aliran tunai diperolehi daripada bajet lima (5) tahun hadapan dan tidak termasuk aktiviti penyusunan semula yang belum berkuatkuasa oleh Kumpulan dan KWAP atau pelaburan masa hadapan yang signifikan yang boleh meningkatkan prestasi aset dalam CGU yang diuji. Nilai boleh pulih adalah paling sensitif terhadap kadar diskaun yang diguna pakai bagi model aliran tunai terdiskaun dan juga jangkaan aliran masuk tunai masa hadapan serta kadar pertumbuhan yang diguna pakai bagi tujuan ekstrapolasi.

(c) Rosot nilai aset kewangan

Rosot nilai pelaburan dilaksanakan berikutan tanda-tanda tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan di antara nilai pasaran dan nilai dibawa, perubahan ketara dengan kesan yang menjelaskan pelaburan serta kemerosotan prestasi kewangan pelaburan.

Pertimbangan diperlukan bagi menentukan definisi “ketara” atau “berpanjangan”. Pertimbangan ini memerlukan penilaian faktor-faktor seperti pergerakan nilai saksama tahun terdahulu dan tempoh masa serta tahap kekurangan nilai saksama pelaburan berbanding dengan nilai kosnya. Kumpulan dan KWAP telah menetapkan bahawa penurunan nilai saksama melebihi dua puluh peratus (20%) sebagai “ketara” dan tempoh masa melebihi dua belas (12) bulan sebagai “berpanjangan”.

Pertimbangan dilaksanakan dalam pemilihan kaedah penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai terdiskaun, nilai boleh realis bersih aset serta purata kaedah nisbah harga perolehan sektor bergantung kepada sifat dan industri yang berkaitan dengan pelaburan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3. JANGKAAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima daripada jualan atau dibayar bagi pemindahan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Kiraan nilai saksama adalah berdasarkan anggapan bahawa transaksi jualan aset atau pemindahan liabiliti berlaku sama ada di dalam pasaran utama aset atau liabiliti tersebut atau jika ketiadaan pasaran utama, di dalam pasaran yang paling menggalakkan bagi aset atau liabiliti tersebut.

Nilai saksama aset atau liabiliti dikira menggunakan anggaran yang diguna pakai oleh peserta pasaran untuk menilai aset atau liabiliti tersebut, dengan tanggapan bahawa peserta pasaran bertindak mengikut kepentingan ekonomi yang terbaik.

Jika ketiadaan pasaran aktif, nilai saksama instrumen kewangan ditentukan dengan menggunakan kaedah penilaian yang dianggap sesuai dengan keadaan di mana terdapat data yang mencukupi serta sedia ada bagi pengiraan nilai saksama, dengan memaksimakan penggunaan input relevan yang boleh diperhati serta meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhati.

(e) Obligasi Manfaat Perubatan Pesara

Nilai semasa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian digunakan untuk menentukan kos bersih bagi manfaat perubatan pesara termasuk kadar diskaun dan kos perubatan sebenar yang ditanggung pada tahun kewangan dengan had tuntutan kos perubatan seorang pesara sehingga RM3,000 setahun. Perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas nilai dibawa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

Kadar diskaun yang sesuai ditentukan setiap tahun apabila penilaian aktuari dilaksanakan. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan pada tahun kewangan 2017 di mana kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

Kadar kos perubatan dikira berdasarkan kos perubatan sebenar yang dibelanjakan oleh Kumpulan dan KWAP.

(f) Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan

Pendedahan berkaitan penstrukturkan semula pinjaman Syarikat Perumahan Negara Berhad dengan memuktamadkan pembiayaan melalui program Commodity Murabahah Term Financing-I (CMTF-i Facility) dengan jumlah sehingga RM530.30 juta pada 14 Februari 2018. Bagaimanapun, penstrukturkan semula amaun faedah dan penalti masih belum dimuktamadkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

4. PENDAPATAN

Pendapatan Kumpulan dan KWAP adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | KWAP | |
|---|---------------------|-------------------------------|---------------------|-------------------------------|
| | 31 Disember 2017 | 31 Disember 2016 RM'000 | 31 Disember 2017 | 31 Disember 2016 RM'000 |
| | | RM'000 | | RM'000 |
| Pendapatan Pelaburan Kasar | | | | |
| Pendapatan Dividen | 1,464,727 | 1,058,969 | 1,921,911 | 1,466,260 |
| Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan | 3,733,352 | 1,692,071 | 3,290,094 | 1,340,490 |
| Pendapatan Faedah | 3,328,095 | 3,038,143 | 3,333,910 | 3,054,865 |
| Pendapatan Sewaan | 348,053 | 376,834 | 38,102 | 56,125 |
| Pendapatan Pelaburan Lain | 474,633 | 444,530 | 449,488 | 443,742 |
| | 9,348,860 | 6,610,547 | 9,033,505 | 6,361,482 |
| Pendapatan Bukan Pelaburan Lain | | | | |
| Pendapatan Operasi Lain | 37,948 | 37,243 | 34,392 | 37,327 |
| Keuntungan Bersih Daripada Instrumen Kewangan Derivatif | 951,437 | 332,880 | 927,753 | 311,926 |
| Keuntungan Bersih Daripada Tukaran Mata Wang Asing | 443,681 | 930,343 | 253,274 | 930,356 |
| | 1,433,066 | 1,300,466 | 1,215,419 | 1,279,609 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

5. PERBELANJAAN OPERASI

| Nota | Kumpulan | | KWAP | |
|------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 |
| | A | | | |
| Kos Pekerja | 107,124 | 92,379 | 102,832 | 88,837 |
| Perbelanjaan Hartanah | 68,958 | 58,004 | 13,645 | 14,162 |
| Servis Dan Yuran Profesional | 181,963 | 139,444 | 108,567 | 90,364 |
| Yuran Audit | 1,674 | 1,503 | 478 | 273 |
| Fi Dan Imbuhan Pengarah | 343 | 870 | 343 | 870 |
| Caj Susut Nilai | 145,025 | 128,012 | 24,221 | 30,721 |
| Caj Perlunasan | 3,218 | 1,106 | 2,189 | 1,106 |
| Cukai Pegangan | 86,874 | 30,623 | 86,874 | 30,623 |
| Bantuan Pengurusan | 1,913 | 708 | 1,913 | 699 |
| Caj Sewa | 2,278 | 6,360 | 14,524 | 5,265 |
| Perbelanjaan Operasi Lain | 30,840 | 9,455 | 13,237 | 8,705 |
| | 630,210 | 468,464 | 368,823 | 271,625 |

Nota A - Kos Pekerja

| | Kumpulan | | KWAP | |
|--------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 |
| | Gaji Dan Elaun | | | |
| Caruman KWAP, KWSP Dan PERKESO | 65,430 | 55,484 | 61,721 | 52,933 |
| Lain-Lain | 13,717 | 12,717 | 13,717 | 12,617 |
| | 27,977 | 24,178 | 27,394 | 23,287 |
| | 107,124 | 92,379 | 102,832 | 88,837 |

Pada 31 Disember 2017, bilangan pekerja Kumpulan adalah 582 (2016: 598) dan 577 (2016: 592) daripada jumlah tersebut adalah pekerja KWAP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

6. CUKAI

| | Kumpulan | | KWAP | |
|---|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 |
| Cukai Semasa | | | | |
| - Cukai Pendapatan | 1,015 | 852 | - | - |
| Perbelanjaan Cukai Bagi Tahun Semasa | 1,015 | 852 | - | - |

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan kepada keuntungan sebelum cukai pada cukai statut bagi Kumpulan dan KWAP adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | KWAP | |
|--|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 |
| Keuntungan Sebelum Cukai | 9,063,051 | 4,903,005 | 8,791,437 | 4,829,922 |
| Cukai Pada Kadar Status Malaysia 25% (2016: 25%) | 2,265,763 | 1,225,751 | 2,197,859 | 1,207,481 |
| Perbezaan Kadar Cukai Di Negara-Negara Lain* | (2,259) | (130) | - | - |
| Pendapatan Tidak Dikenakan Cukai | (2,262,489) | (1,224,769) | (2,197,859) | (1,207,481) |
| Perbelanjaan Cukai Bagi Tahun Semasa | 1,015 | 852 | - | - |

* Perbezaan kadar cukai luar negara merujuk kepada kadar cukai korporat sebanyak 15% di Jerman (2016 – United Kingdom: 21%).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

7. HARTANAH DAN PERALATAN

| | Ubahsuai Pejabat RM'000 | Komputer RM'000 | Lukisan, Perabot Dan Peralatan Pejabat RM'000 | Peralatan Gimnasium RM'000 | Kenderaan RM'000 | Kerja Dalam Kemajuan RM'000 | Peralatan Elektrik RM'000 | Jumlah RM'000 |
|--------------------------------------|-------------------------------|--------------------|--|----------------------------------|---------------------|-----------------------------------|---------------------------------|------------------|
| Kumpulan Kos | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 12,807 | 10,779 | 8,802 | 386 | 792 | 31,141 | 17 | 64,724 |
| Penambahan | 15,905 | 1,764 | 7,528 | - | - | - | 35 | 25,232 |
| Pelarasan/Pelupusan | (4,065) | (3,180) | (2,183) | - | - | (10,027) | 11 | (19,444) |
| Pada 31 Disember 2017 | 24,647 | 9,363 | 14,147 | 386 | 792 | 21,114 | 63 | 70,512 |
| Susut Nilai Terkumpul | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 5,913 | 4,538 | 3,496 | 106 | 372 | - | - | 14,425 |
| Caj Susut Nilai | | | | | | | | |
| Bagi Tahun Semasa | 2,476 | 1,639 | 1,974 | 77 | 126 | - | 9 | 6,301 |
| Pelarasan/Pelupusan | (4,641) | (3,128) | (2,843) | - | - | - | - | (10,612) |
| Perbezaan Pertukaran Mata Wang Asing | - | - | 18 | - | - | - | - | 18 |
| Pada 31 Disember 2017 | 3,748 | 3,049 | 2,645 | 183 | 498 | - | 9 | 10,132 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 20,899 | 6,314 | 11,502 | 203 | 294 | 21,114 | 54 | 60,380 |
| KWAP | | | | | | | | |
| Kos | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 10,169 | 10,779 | 8,594 | 386 | 792 | 31,141 | 17 | 61,878 |
| Penambahan | 15,905 | 1,764 | 7,254 | - | - | - | 35 | 24,958 |
| Pelarasan/Pelupusan | (4,065) | (3,180) | (2,183) | - | - | (10,027) | 11 | (19,444) |
| Pada 31 Disember 2017 | 22,009 | 9,363 | 13,665 | 386 | 792 | 21,114 | 63 | 67,392 |
| Susut Nilai Terkumpul | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 5,019 | 4,538 | 3,386 | 106 | 372 | - | - | 13,421 |
| Caj Susut Nilai | | | | | | | | |
| Bagi Tahun Semasa | 2,442 | 1,639 | 1,741 | 77 | 126 | - | 10 | 6,035 |
| Pelarasan/Pelupusan | (4,641) | (3,128) | (2,843) | - | - | - | - | (10,612) |
| Pada 31 Disember 2017 | 2,820 | 3,049 | 2,284 | 183 | 498 | - | 10 | 8,844 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 19,189 | 6,314 | 11,381 | 203 | 294 | 21,114 | 53 | 58,548 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

7. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| | Ubahsuai Pejabat RM'000 | Komputer RM'000 | Lukisan, Perabot Dan Peralatan Pejabat RM'000 | Peralatan Gimnasium RM'000 | Kenderaan RM'000 | Kerja Dalam Kemajuan RM'000 | Peralatan Elektrik RM'000 | Jumlah RM'000 |
|------------------------------|-------------------------------|--------------------|--|----------------------------------|---------------------|-----------------------------------|---------------------------------|------------------|
| Kumpulan Kos | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 5,782 | 5,064 | 3,937 | 169 | 547 | 831 | - | 16,330 |
| Penambahan | 7,025 | 5,715 | 4,884 | 217 | 245 | 30,310 | 17 | 48,413 |
| Pelarasan/Pelupusan | - | - | (19) | - | - | - | - | (19) |
| Pada 31 Disember 2016 | 12,807 | 10,779 | 8,802 | 386 | 792 | 31,141 | 17 | 64,724 |
| Susut Nilai Terkumpul | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 5,132 | 3,741 | 2,796 | 72 | 240 | - | - | 11,981 |
| Caj Susut Nilai | | | | | | | | |
| Bagi Tahun Semasa | 781 | 797 | 700 | 34 | 132 | - | - | 2,444 |
| Pelarasan/Pelupusan | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2016 | 5,913 | 4,538 | 3,496 | 106 | 372 | - | - | 14,425 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2016 | 6,894 | 6,241 | 5,306 | 280 | 420 | 31,141 | 17 | 50,299 |
| KWAP | | | | | | | | |
| Kos | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 4,885 | 5,064 | 3,729 | 169 | 547 | 831 | - | 15,225 |
| Penambahan | 5,284 | 5,715 | 4,884 | 217 | 245 | 30,310 | 17 | 46,672 |
| Pelarasan/Pelupusan | - | - | (19) | - | - | - | - | (19) |
| Pada 31 Disember 2016 | 10,169 | 10,779 | 8,594 | 386 | 792 | 31,141 | 17 | 61,878 |
| Susut Nilai Terkumpul | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 4,465 | 3,741 | 2,686 | 72 | 240 | - | - | 11,204 |
| Caj Susut Nilai | | | | | | | | |
| Bagi Tahun Semasa | 554 | 797 | 700 | 34 | 132 | - | - | 2,217 |
| Pelarasan/Pelupusan | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2016 | 5,019 | 4,538 | 3,386 | 106 | 372 | - | - | 13,421 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2016 | 5,150 | 6,241 | 5,208 | 280 | 420 | 31,141 | 17 | 48,457 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

8. PERISIAN KOMPUTER

| | Kumpulan | | KWAP | |
|----------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 |
| | | | | |
| Kos | | | | |
| Pada 1 Januari | 9,787 | 6,388 | 9,787 | 6,338 |
| Penambahan | 2,423 | 3,449 | 2,423 | 3,449 |
| Pelarasan/Pelupusan | 16 | (50) | 16 | - |
| Pada 31 Disember | 12,226 | 9,787 | 12,226 | 9,787 |
| Perlunasan Terkumpul | | | | |
| Pada 1 Januari | 5,756 | 4,674 | 5,756 | 4,650 |
| Caj Bagi Tahun Semasa | 2,189 | 1,106 | 2,189 | 1,106 |
| Pelarasan/Pelupusan | (182) | - | (182) | - |
| Rizab Pertukaran Mata Wang Asing | - | (24) | - | - |
| Pada 31 Disember | 7,763 | 5,756 | 7,763 | 5,756 |
| Amaun Dibawa Bersih | | | | |
| Pada 31 Disember | 4,463 | 4,031 | 4,463 | 4,031 |

Perisian komputer merangkumi bayaran lesen, kos secara langsung lain bagi menyediakan aset untuk kegunaan serta yuran profesional yang berkait secara langsung dengan pembawaan aset kepada keadaan sedia guna.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

9. PELABURAN HARTANAH

| | Kumpulan | | KWAP | |
|---|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 |
| | | | | |
| Tanah Dan Bangunan | | | | |
| Kos | | | | |
| Pada 1 Januari | 6,012,170 | 5,375,551 | 1,807,711 | 1,205,740 |
| Penambahan | 359,961 | 636,619 | 15,754 | 601,971 |
| Pelupusan | (624,832) | – | (1,097,705) | – |
| Pada 31 Disember | 5,747,299 | 6,012,170 | 725,760 | 1,807,711 |
| Susut Nilai Dan Kerugian Rosot Nilai Terkumpul | | | | |
| Pada 1 Januari | 459,671 | 247,221 | 48,487 | 19,983 |
| Caj Susut Nilai | 102,215 | 125,568 | 18,190 | 28,504 |
| Pelupusan | (77,046) | – | (51,492) | – |
| Rizab Pertukaran Mata Wang Asing | (46,923) | 86,882 | – | – |
| Pada 31 Disember | 437,917 | 459,671 | 15,185 | 48,487 |
| Amaun Dibawa Pada 31 Disember | 5,309,382 | 5,552,499 | 710,575 | 1,759,224 |
| Nilai Saksama | 7,966,632 | 6,453,939 | 767,241 | 1,849,540 |

Tiada sekatan ke atas pelaburan hartaanah yang direalisasi serta tiada obligasi kontrak sama ada untuk membeli, membina atau membangunkan sebarang pelaburan hartaanah atau untuk pembaikan, penyelenggaraan dan penambahbaikan hartaanah bagi Kumpulan dan KWAP.

Realisasi pelaburan hartaanah adalah dijangka melalui tambahan nilai modal daripada jualan masa hadapan. Walau bagaimanapun, tiada pengaturan peraturan formal berkenaan dengan jualan pelaburan pada 31 Disember 2017.

Nilai saksama pelaburan hartaanah Kumpulan pada 31 Disember 2017 berjumlah RM7,966.63 juta (2016: RM6,453.94 juta) dan jumlah tersebut ditentukan berdasarkan penilaian yang dibuat pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama pelaburan hartaanah KWAP pada 31 Disember 2017 berjumlah RM767.24 juta (2016: RM1,849.54 juta) dan jumlah tersebut ditentukan berdasarkan penilaian yang dibuat pada setiap tarikh laporan.

Penilaian dilaksanakan oleh pegawai penilai luar yang mempunyai akreditasi dan pengalaman terkini dalam bidang penilaian tanah dan hartaanah. Penilaian yang dilaksanakan adalah berdasarkan kaedah perbandingan yang melibatkan jualan hartaanah yang serupa, analisis dan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi nilai dan harga hartaanah tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

| | KWAP | | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 |
|--|---------------------|---------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| | 31 Disember 2017 | 31 Disember 2016 | | |
| | | | | |
| Saham Pada Kos, | | | | |
| Saham Tidak Tersiar Harga Di Malaysia | | | 1,046,237 | - |
| Saham Tidak Tersiar Harga Di Luar Malaysia | | | 1,560,651 | 2,342,294 |

Butir-butir syarikat subsidiari, termasuk negara diperbadankan adalah seperti berikut:

| Nama | Negara Diperbadankan/ Lokasi Utama Perniagaan | Kepentingan Pemilikan Efektif | | Kepentingan Tak Mengawal | | Aktiviti Utama |
|-----------------------------------|---|----------------------------------|-------|-----------------------------|---|----------------------------------|
| | | 2017 | % | 2017 | % | |
| KWAP Managed Investment Trust | Australia | 100.0 | 100.0 | - | - | Pengurusan amanah pelaburan |
| KWAP Managed Investment Trust 2 | Australia | 100.0 | 100.0 | - | - | Pengurusan amanah pelaburan |
| KWAP Managed Investment Trust 3 | Australia | 100.0 | 100.0 | - | - | Pengurusan amanah pelaburan |
| KWAP Managed Investment Trust 4 | Australia | 100.0 | 100.0 | - | - | Pengurusan amanah pelaburan |
| Prima Ekuiti (UK) Limited | United Kingdom | 100.0 | 100.0 | - | - | Servis pengurusan dana |
| Prima Harta (Jersey) Unit Trust | Jersey | 100.0 | 100.0 | - | - | Pengurusan amanah pelaburan |
| Prima Harta 2 (Jersey) Unit Trust | Jersey | 100.0 | 100.0 | - | - | Pengurusan amanah pelaburan |
| Prima Harta 3 (Lux) Sàrl | Luxemborg | 100.0 | - | - | - | Pengurusan amanah pelaburan |
| Capsquare Tower Sdn Bhd | Malaysia | 100.0 | 100.0 | - | - | Pengurusan harta tanah |
| KWEST Sdn Bhd | Malaysia | 100.0 | - | - | - | Pengurusan pelaburan harta tanah |
| Harta Integra Berkat Sdn Bhd | Malaysia | 100.0 | - | - | - | Pengurusan harta tanah |

* Semua syarikat subsidiari KWAP tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

| | Kumpulan | | KWAP | |
|--|----------------|----------------|----------------|----------------|
| | 31 Disember | 31 Disember | 31 Disember | 31 Disember |
| | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
| Saham Pada Kos, | | | | |
| Saham Tersiar Harga | 672,107 | 586,443 | 620,136 | 597,644 |
| Saham Tidak Tersiar Harga | 388,292 | 16,670 | 388,292 | 16,670 |
| | 1,060,399 | 603,113 | 1,008,428 | 614,314 |
| Bahagian Rizab Selepas Pengambilalihan | 114,991 | 12,111 | - | - |
| | 1,175,390 | 615,224 | 1,008,428 | 614,314 |
| Tolak: Elaun Kerugian Rosot Nilai | - | - | - | - |
| | 1,175,390 | 615,224 | 1,008,428 | 614,314 |
| Nilai Pasaran Saham Tersiar Harga | | | | |
| Malakoff Corporation Bhd | 371,706 | 547,823 | 371,706 | 547,823 |
| Prestariang Bhd | 95,383 | 117,257 | 95,383 | 117,257 |

Tiada rosot nilai diakaunkan untuk Saham Tersiar Harga Domestik walaupun harga pasaran lebih rendah daripada kos. Ini adalah kerana nilai boleh pulih bagi Saham Tersiar Harga Domestik adalah lebih tinggi daripada kos dan ianya dinilai menggunakan teknik penilaian berdasarkan polisi perakaunan KWAP yang diluluskan oleh Lembaga.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Butir-butir syarikat bersekutu, termasuk negara diperbadankan adalah seperti berikut:

| Nama | Negara Diperbadankan/ Lokasi Utama Perniagaan | Kepentingan Pemilikan Efektif | | Model Perakaunan Digunakan | Aktiviti Utama |
|------------------------------|--|--|-------------------|---|--|
| | | 2017 % | 2016 % | | |
| ValueCap Sdn Bhd Malaysia | Malaysia | 33.33 | 33.33 | Kaedah Ekuiti | Pelaburan dalam saham tersier harga |
| Malakoff Corporation Bhd | Malaysia | 8.22 | 8.05 | Kaedah Ekuiti | Syarikat penjana tenaga bebas |
| Prestariang Bhd | Malaysia | 13.01 | 11.66 | Kaedah Ekuiti | Pembekal perkhidmatan ICT |
| Persada Mentari Sdn Bhd | Malaysia | 20.00 | - | Kaedah Ekuiti | Syarikat pengurusan pembangunan hartanah |
| Vortex Solar Investment Sàrl | Luxembourg | 45.00 | - | Kaedah Ekuiti | Sektor tenaga boleh diperbaharui |

Malakoff Corporation Bhd dan Prestariang Bhd merupakan syarikat bersekutu Kumpulan berdasarkan pengaruh ketara dalam entiti tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan bagi setiap agregat syarikat bersekutu yang material bagi Kumpulan adalah seperti berikut. Ringkasan maklumat kewangan mewakili jumlah dalam Penyata Kewangan syarikat bersekutu dan tidak merujuk kepada bahagian Kumpulan bagi jumlah tersebut.

| | ValueCap Sdn Bhd RM'000 | Malakoff Corporation Bhd RM'000 | Prestariang Bhd RM'000 | Persada Mentari Sdn Bhd RM'000 | Vortex Solar Investment Sàrl RM'000 |
|--|-------------------------------|--|------------------------------|---|--|
| 2017 | | | | | |
| Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif Digabungkan | | | | | |
| | | | | | |
| Pendapatan | 461,727 | 7,130,440 | 219,506 | – | 251,024 |
| Keuntungan/(Kerugian) Tahun Semasa | 156,032 | 376,938 | 24,570 | (357) | 22,149 |
| Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Digabungkan | | | | | |
| | | | | | |
| Aset Bukan Semasa | 48,621 | 21,803,756 | 131,235 | – | 5,240,170 |
| Aset Semasa | 6,761,440 | 8,114,241 | 124,980 | 4,776 | 131,532 |
| Jumlah Aset | 6,810,061 | 29,917,997 | 256,215 | 4,776 | 5,371,702 |
| | | | | | |
| Liabiliti Bukan Semasa | 6,015,301 | 19,620,791 | 24,286 | – | 2,479,645 |
| Liabiliti Semasa | 411,497 | 3,380,545 | 60,627 | 132 | 37,167 |
| Jumlah Liabiliti | 6,426,798 | 23,001,336 | 84,913 | 132 | 2,516,812 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan bagi setiap agregat syarikat bersekutu yang material bagi Kumpulan adalah seperti berikut. Ringkasan maklumat kewangan mewakili jumlah dalam Penyata Kewangan syarikat bersekutu dan tidak merujuk kepada bahagian Kumpulan bagi jumlah tersebut. (sambungan)

| | ValueCap Sdn Bhd RM'000 | Malakoff Corporation Bhd RM'000 | Prestariang Bhd RM'000 |
|--|-------------------------------|--|------------------------------|
| 2016 | | | |
| Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif Digabungkan | | | |
| Pendapatan | 242,647 | 6,098,420 | 132,072 |
| Keuntungan Tahun Semasa | 46,433 | 406,042 | 9,048 |
| Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Digabungkan | | | |
| Aset Bukan Semasa | 49,471 | 22,967,511 | 21,355 |
| Aset Semasa | 5,436,495 | 7,296,025 | 176,120 |
| Jumlah Aset | 5,485,966 | 30,263,536 | 197,475 |
| Liabiliti Bukan Semasa | 5,003,751 | 20,967,243 | 1,482 |
| Liabiliti Semasa | 409,181 | 3,164,598 | 34,493 |
| Jumlah Liabiliti | 5,412,932 | 24,131,841 | 35,975 |

Persada Mentari Sdn Bhd dan Vortex Solar Investment Sàrl diiktiraf sebagai syarikat bersekutu Kumpulan pada tahun kewangan 2017.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

12. PELABURAN DALAM KEPENTINGAN USAHA SAMA

| | Kumpulan | | KWAP | |
|--|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 | 31 Disember 2017 RM'000 | 31 Disember 2016 RM'000 |
| | | | | |
